

Bil. 30

**Selasa
30 Oktober 2018**



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGAL PERTAMA
MESYUARAT KEDUA**

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN MENTERI BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 5)
USUL:	
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 25)
PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA:	
Isu Berkenaan Pertanyaan-pertanyaan Kepada Menteri-menteri Di Bawah Peraturan Mesyuarat 21(1)(a)	(Halaman 25)
USUL-USUL:	
Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas	(Halaman 26)
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 144)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Dato' Mohamad Ariff bin Md Yusof
2. “ Timbalan Yang di-Pertua, Dato' Mohd Rashid Hasnon [Batu Pahat] – PKR
3. “ Timbalan Yang di-Pertua, Tuan Nga Kor Ming [Teluk Intan] – DAP

MENTERI

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir bin Mohamad [Langkawi] – PPBM
2. “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail, D.P.P.N. [Pandan] – PKR
3. Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd Yassin, P.S.M., S.P.M.P., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I., S.H.M.S., S.P.S.A., S.P.M.P., S.U.N.S., S.P.D.K., D.P., P.N.B.S. [Pagoh] – PPBM
4. “ Menteri Kewangan, Tuan Lim Guan Eng [Bagan] – DAP
5. “ Menteri Pertahanan, Tuan Mohamad bin Sabu [Kota Raja] – AMANAH
6. “ Menteri Pendidikan, Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam] – PPBM
7. “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Seri Rina binti Mohd Harun, D.G.S.M. [Titiwangsa] – PPBM
8. “ Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali, S.P.M.S, D.S.M.S. [Gombak] – PKR
9. “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Puan Zuraida binti Kamaruddin [Ampang] – PKR
10. “ Menteri Pengangkutan, Tuan Loke Siew Fook [Seremban] – DAP
11. “ Menteri Komunikasi dan Multimedia, Tuan Gobind Singh Deo [Puchong] – DAP
12. “ Menteri Tenaga Manusia, Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat] – DAP
13. “ Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Haji Salahuddin bin Ayub, D.S.P.N. [Pulai] – AMANAH
14. “ Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad, D.G.S.M. [Kuala Selangor] – AMANAH
15. “ Menteri Belia dan Sukan, Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar] – PPBM
16. “ Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof, D.G.S.M. [Alor Gajah] – PPBM
17. “ Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli, Dr. Xavier Jayakumar [Kuala Langat] – PKR
18. “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail, D.G.S.M. [Kulim Bandar Baharu] – PKR
19. “ Menteri Kerja Raya, Tuan Baru Bian [Selangau] – PKR
20. “ Menteri Luar Negeri, Dato' Saifuddin Abdullah [Indera Mahkota] – PKR
21. “ Menteri Industri Utama, Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] – DAP
22. “ Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Puan Yeo Bee Yin [Bakri] – DAP

23. Yang Berhormat Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa, D.G.S.M. [Parit Buntar] – AMANAH
24. “ Menteri Wilayah, Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam] – AMANAH
25. “ Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Liew Vui Keong [Batu Sapi] - WARISAN
26. “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Ignatius Dorell Leiking @ Darell Leiking [Penampang] – WARISAN
27. “ Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, Tuan Mohamaddin bin Ketapi [Silam] – WARISAN
28. “ Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy – *Senator*

TIMBALAN MENTERI

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Wilayah, Datuk Dr. Shahrudin bin Md Salleh [Sri Gading] – PPBM
2. “ Timbalan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, Dr. Md Farid bin Md Rafik [Tanjong Piai] – PPBM
3. “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah [Kubang Pasu] – PPBM
4. “ Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia, Tuan Eddin Syazlee Shith [Kuala Pilah] – PPBM
5. “ Timbalan Menteri Industri Utama, Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin [Hang Tuah Jaya] – PKR
6. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru] – PKR
7. “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Tuan Sivarasa Rasiah [Sungai Buloh] – PKR
8. “ Timbalan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, Puan Fuziah binti Salleh [Kuantan] – PKR
9. “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dr. Lee Boon Chye [Gopeng] – PKR
10. “ Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik [Balik Pulau] – PKR
11. “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Chong Chieng Jen [Stampin] – DAP
12. “ Timbalan Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli, Tengku Zulpuri Shah bin Raja Puji [Raub] – DAP
13. “ Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Puan Hannah Yeoh [Segambut] – DAP
14. “ Timbalan Menteri Pendidikan, Puan Teo Nie Ching [Kulai] – DAP
15. “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam] – DAP
16. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dr. Ong Kian Ming [Bangi] – DAP
17. “ Timbalan Menteri Tenaga Manusia, Dato' Mahfuz bin Haji Omar, D.S.D.K. [Pokok Sena] – AMANAH
18. “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Tuan Haji Mohd. Anuar Mohd. Tahir [Temerloh] – AMANAH

19. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Lumut] – AMANAH
20. “ Timbalan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang] – AMANAH
21. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Dato’ Kamarudin Jaffar, D.S.N.S., B.C.M. [Bandar Tun Razak] – PKR
22. “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Mohd Azis bin Jamman [Sepanggar] – WARISAN
23. “ Timbalan Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Puan Isnaraissah Munirah binti Majilis @ Fakharudy [Kota Belud] – WARISAN
24. “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Dato’ Haji Marzuki bin Yahya – *Senator*
25. “ Timbalan Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin – *Senator*
26. “ Timbalan Menteri Pertahanan, Tuan Liew Chin Tong – *Senator*
27. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad - *Senator*

AHLI-AHLI (PH)

1. Yang Berhormat Dato’ Abdullah Sani bin Abdul Hamid, D.S.P.N. [Kapar] – PKR
2. “ Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai] – PKR
3. “ Tuan Ahmad Faizal bin Azumu [Tambun] – PPBM
4. “ Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru] – PKR
5. “ Tuan Ali anak Biju [Saratok] – PKR
6. “ Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang] – DAP
7. “ Dato’ Seri Anwar Ibrahim [Port Dickson] – PKR
8. “ Tuan Awang Husaini bin Sahari [Putatan] – PKR
9. “ Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah] - PKR
10. “ Tuan Cha Kee Chin [Rasah] – DAP
11. “ Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu] – DAP
12. “ Tuan Chan Ming Kai [Alor Setar] - PKR
13. “ Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim] – PKR
14. “ Tuan Charles Anthony Santiago [Klang] – DAP
15. “ Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong] – DAP
16. “ Puan Christina Liew Chin Jin [Tawau] – PKR
17. “ Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] – DAP
18. “ Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin] – AMANAH
19. “ Ustaz Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat] – AMANAH
20. “ Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasar Gudang] – PKR
21. “ Dato’ Johari bin Abdul, D.S.D.K. [Sungai Petani] – PKR
22. “ Tuan Jonathan bin Yasin [Ranau] – PKR
23. “ Tuan Jugah a/k Muiyang @ Tambat [Lubok Antu] – PKR
24. “ Tuan Karupaiya Mutusami [Padang Serai] – PKR

25. Yang Berhormat Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan] – DAP
26. “ Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching] – DAP
27. “ Tuan Kesavan a/l Subramaniam [Sungai Siput] – PKR
28. “ Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka] – DAP
29. “ Puan June Leow Hsiad Hui [Hulu Selangor] – PKR
30. “ Tuan Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [Julau] – PKR
31. “ Tuan Lim Kit Siang [Iskandar Puteri] – DAP
32. “ Tuan Lim Lip Eng [Kepong] – DAP
33. “ Dato' Mansor bin Othman, D.M.P.N. [Nibong Tebal] – PKR
34. “ Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya] – PKR
35. “ Dr. Michael Teo Yu Keng [Miri] – PKR
36. “ Tuan Mordi anak Bimol [Mas Gading] – DAP
37. “ Dato' Seri Haji Mukhriz Tun Dr. Mahathir [Jerlun] – PPBM
38. “ Tuan Muslimin bin Yahaya [Sungai Besar] – PPBM
39. “ Puan Hajah Natrah Ismail [Sekijang] – PKR
40. “ Dato' Ngeh Koo Ham, D.P.M.P. [Beruas] – DAP
41. “ Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa] – PKR
42. “ Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar] – PKR
43. “ Puan Noorita binti Sual [Tenom] – DAP
44. “ Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok] – PKR
45. “ Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh] – PKR
46. “ Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu] – DAP
47. “ Tuan Pang Hok Liong [Labis] – DAP
48. “ Tuan P. Prabakaran [Batu] – PKR
49. “ Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor] – DAP
50. “ Puan Rusnah binti Aluai [Tangga Batu] – PKR
51. “ Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong] – DAP
52. “ Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat] – PKR
53. “ Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah] – DAP
54. “ Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau] – PKR
55. “ Tuan Su Keong Siong [Kampar] – DAP
56. “ Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang] – PKR
57. “ Tuan Tan Kok Wai [Cheras] – DAP
58. “ Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew [Wangsa Maju] – PKR
59. “ Tuan Teh Kok Lim [Taiping] – DAP
60. “ Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara] – DAP
61. “ Tuan William Leong Jee Keen [Selayang] – PKR
62. “ Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo] – PKR
63. “ Tuan Wong Chen [Subang] – PKR
64. “ Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera] – DAP

65. Yang Berhormat Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur] – DAP
66. “ Tuan Wong Ling Biu [Sarikei] – DAP
67. “ Puan Wong Shu Qi [Kluang] – DAP
68. “ Tuan Wong Tack [Bentong] – DAP
69. “ Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan] – DAP

AHLI-AHLI (BN)

1. Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim, P.J.N., D.I.M.P., J.P., S.P.D.K., S.J.M.K., S.S.A.P, D.H.M.S, D.C.S.M., P.J. [Baling] – UMNO
2. “ Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad, D.M.S.M, S.S.A.P, P.J.N., D.P.M.K. [Mersing] – UMNO
3. “ Datuk Abd Rahim bin Bakri, D.M.S.M., A.S.D.K. [Kudat] – UMNO
4. “ Dato’ Haji Abdul Rahman bin Mohamad, D.I.M.P., S.M.P., A.M.P. [Lipis] – UMNO
5. “ Datuk Seri Dr. Adham bin Baba [Tenggara] – UMNO
6. “ Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah, D.C.S.M., D.M.S.M., K.M.N., P.J.K., D.G.S.M., S.S.A.P. [Jasin] – UMNO
7. “ Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan, D.M.S.M., P.J.K. [Pontian] – UMNO
8. “ Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub, P.J.N., K.M.N. [Machang] – UMNO
9. “ Dato’ Haji Ahmad Nazlan bin Idris, D.I.M.P., [Jerantut] – UMNO
10. “ Dato’ Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, S.S.A.P., D.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., P.P.T., P.J.K., J.P., S.P.M.P., S.J.M.K., S.P.S.N., S.P.D.K., D.U.N.M., P.N.B.S., D.P.M.K., [Bagan Datuk] – UMNO
11. “ Dato’ Sri Anifah bin Aman, S.S.A.P., D.I.M.P., P.G.D.K., A.S.D.K., J.P., S.P.D.K. [Kimanis] – UMNO
12. “ Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa, P.S.M., S.P.D.K., D.G.S.M., S.I.M.P. [Ketereh] – UMNO
13. “ Dato’ Sri Azalina Othman Said, D.P.M.K., S.P.M.P., D.P.M.S., D.G.M.K., P.G.D.K. [Pengerang] – UMNO
14. “ Dato’ Hajah Azizah binti Mohd Dun, D.I.M.P., P.G.D.K. [Beaufort] – UMNO
15. “ Dato’ Sri Bung Moktar bin Radin, P.G.D.K., A.S.D.K., A.D.K., S.S.A.P. [Kinabatangan] – UMNO
16. “ Datuk Halimah binti Mohamed Sadique, P.J.N., P.I.S. D.C.S.M. [Kota Tinggi] – UMNO
17. “ Dato’ Seri Hamzah bin Zainudin, S.P.M.P., D.P.M.P., D.P.T.J., K.M.N., A.M.P., P.P.T., J.P. [Larut] – UMNO
18. “ Dato’ Sri Hasan bin Arifin, D.S.A.P., S.S.A.P. [Rompin] – UMNO
19. “ Dato’ Hasbullah bin Osman, D.P.M.P., A.M.P., J.P. [Gerik] – UMNO
20. “ Dato’ Seri Hishammuddin Tun Hussein, S.P.M.P, S.S.A.P, S.I.M.P., D.P.M.J., D.S.A.P., P.N.B.S., D.G.S.M., S.P.D.K. [Sembrong] – UMNO
21. “ Dato’ Seri Haji Idris bin Jusoh, S.S.M.Z., D.P.M.T., P.J.K. [Besut] - UMNO
22. “ Dato’ Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz, D.I.M.P, S.S.A.P. [Tanah Merah] – UMNO
23. “ Dato’ Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd Muttalib, S.A.P., A.A.P., A.M.P., P.K.C., D.I.M.P., D.S.A.P., S.S.A.P. [Maran] – UMNO

24. Yang Berhormat Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said, D.I.M.P., S.M.P., K.M.N., S.S.A.P. [Kuala Krau] – UMNO
25. “ Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob, S.S.A.P., D.I.M.P., D.M.S.M., A.D.K. [Bera] – UMNO
26. “ Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu] – UMNO
27. “ Brig. Jen. Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau] - UMNO
28. “ Datuk Seri M. Saravanan, D.M.S.M., P.M.W., A.M.N. [Tapah] – MIC
29. “ Dato' Seri Mahdzir bin Khalid, S.H.M.S., S.S.D.K., D.P.M.P., J.P., B.K.M. [Padang Terap] – UMNO
30. “ Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar] – UMNO
31. “ Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, S.S.A.P, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T., D.J.M.K., [Padang Rengas] – UMNO
32. “ Dato' Haji Mohd Fasih bin Mohd Fakeh, P.J.K., K.M.N. [Sabak Bernam] - UMNO
33. “ Dato' Mohd Nizar bin Haji Zakaria [Parit] – UMNO
34. “ Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] – UMNO
35. “ Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abd Razak, S.P.D.K., S.S.A.P., S.S.S.J., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S., D.K., S.P.M.K., S.P.M.S., D.M.K., S.P.S.A., S.P.N.S., D.U.P.N., D.U.N.M, D.P. [Pekan] – UMNO
36. “ Dato' Sri Mustapa bin Mohamed, S.J.M.K., S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S. [Jeli] – UMNO
37. “ Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar, P.S.M, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. [Tanjong Karang] – UMNO
38. “ Dato' Dr. Noraini Ahmad, D.S.A.P., D.M.S.M. [Parit Sulong] – UMNO
39. “ Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican, D.I.M.P., S.S.A.P. [Kepala Batas] – UMNO
40. “ Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee, S.M.W., P.G.D.K., A.S.D.K. [Beluran] – UMNO
41. “ Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu] – UMNO
42. “ Datuk Rozman bin Isli, K.M.W, P.P.N [Labuan] – UMNO
43. “ Dato' Haji Salim Sharif [Jempol] – UMNO
44. “ Tuan Yamani Hafez bin Musa [Sipitang] - UMNO
45. “ Datuk Haji Shabudin Yahaya, P.J.K. [Tasek Gelugor] – UMNO
46. “ Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim, S.P.M.P., S.S.A.P., A.M.P [Arau] - UMNO
47. “ Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah, D.P.M.P., S.M.S., P.P.N., P.P.T. [Lenggong] - UMNO
48. “ Dato' Sivarraajh Chandran [Cameron Highlands] - MIC
49. “ Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman, D.P.M.P., D.M.S.M., K.M.N., A.M.P., J.P. [Pasir Salak] – UMNO
50. “ Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor, S.S.A.P., D.G.S.M., S.I.M.P., S.J.M.K., D.M.S.M., P.J.N., D.S.D.K., D.S.A.P., K.M.N., D.I.M.P. [Putrajaya] – UMNO
51. “ Tengku Razaleigh Hamzah, D.K., S.P.M.K., P.S.M., S.S.A.P., S.P.M.S. [Gua Musang] – UMNO
52. “ Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong, D.M.S.M., D.G.S.M. [Ayer Hitam] – MCA

53. Yang Berhormat Datuk Zakaria bin Mohd. Edris @ Tubau [Libaran] – UMNO
54. “ Datuk Zahidi bin Zainul Abidin, D.M.S.M., S.M.P. [Padang Besar] – UMNO

AHLI-AHLI (PAS)

1. Yang Berhormat Dato' Seri Haji Abdul Hadi Awang, S.S.M.T. [Marang]
2. “ Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]
3. “ Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]
4. “ Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]
5. “ Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]
6. “ Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]
7. “ Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]
8. “ Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]
9. “ Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman]
10. “ Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali, D.M.P., D.I.M.P. [Kuala Nerus]
11. “ Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Bachok]
12. “ Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]
13. “ Tuan Sabri bin Azit [Jerai]
14. “ Tuan Shahrizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]
15. “ Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]
16. “ Dato' Takiyuddin bin Hassan, D.J.M.K., J.P. [Kota Bharu]
17. “ Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]
18. “ Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli [Dungun]

AHLI-AHLI (PBB)

1. Yang Berhormat Tuan Haji Ahmad Johnie bin Zawawi [Igan]
2. “ Datuk Alexander Nanta Linggi, D.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., P.P.T., P.J.K., J.P., P.B.S., A.B.S. [Kapit]
3. “ Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof, P.G.B.K., A.B.S., S.S.A.P., D.G.S.M. [Petrajaya]
4. “ Dato Hajjah Hanifah Hajar Taib [Mukah]
5. “ Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]
6. “ Dato' Henry Sum Agong, P.B.S., P.S.B.S. [Lawas]
7. “ Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]
8. “ Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, K.M.N., P.G.B.K., S.S.A.P. [Batang Sadong]
9. “ Tuan Robert Lawson Chuat [Betong]
10. “ Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim, P.G.B.K., P.B.S., P.P.B., S.S.A.P. [Batang Lupar]
11. “ Puan Rubiah binti Wang [Kota Samarahan]
12. “ Datuk Seri Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.J.N., P.B.S., J.B.S., J.S.M., P.N.B.S. [Santubong]
13. “ Tuan Yusuf bin Abd Wahab [Tanjong Manis]

AHLI-AHLI (BEBAS)

1. Yang Berhormat Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin, D.S.M., B.C.M., A.N.S., P.J.K., P.B.B., D.M.S.M., D.C.S.M., [Masjid Tanah]
2. “ Dato’ Dr. Noor Azmi bin Ghazali, D.P.M.P. [Bagan Serai]
3. “ Dato’ Syed Abu Hussin bin Hafiz Syed Abdul Fasal [Bukit Gantang]

AHLI-AHLI (PRS)

1. Yang Berhormat Datuk Aaron Ago Dagang, P.J.N. [Kanowit]
2. “ Dato’ Masir anak Kujat, P.P.B., D.I.M.P., J.M.N. [Sri Aman]
3. “ Datuk Ugak anak Kumbong, P.J.N. [Hulu Rajang]

AHLI-AHLI (WARISAN)

1. Yang Berhormat Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]
2. “ Tuan Ma’mun bin Sulaiman [Kalabakan]
3. “ Datuk Seri Mohd Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K., D.S.A.P., D.M.S.M., J.P., S.P.M.P., S.P.D.K., P.G.D.K. [Semporna]

AHLI-AHLI (PDP)

1. Yang Berhormat Tuan Anyi Ngau [Baram]
2. “ Dato’ Seri Tiong King Sing, S.S.S.A., D.S.S.A., J.P., P.J.N. [Bintulu]

AHLI-AHLI (PBS)

1. Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili, P.G.D.K., A.S.D.K., J.P., S.P.D.K., D.G.S.M., [Kota Marudu]

AHLI-AHLI (PBR)

1. Yang Berhormat Tuan Arthur Joseph Kurup [Pensiangan]

AHLI-AHLI (UPKO)

1. Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Madius Tangau, J.S.M., P.G.D.K., J.P., A.D.K., S.P.D.K. [Tuaran]

AHLI-AHLI (SUPP)

1. Yang Berhormat Dato’ Sri Richard Riot anak Jaem, P.J.N., J.B.S., K.M.N., S.S.A.P. [Serian] – SUPP

AHLI-AHLI (STAR)

1. Yang Berhormat Datuk Dr. Jeffrey G. Kitingan [Keningau]

DEWAN RAKYAT**Ketua Pentadbir Parlimen**

Datuk Awang Alik bin Jeman

Setiausaha Dewan Rakyat

Datuk Roosme binti Hamzah

Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)

Amisyahrizan bin Amir Khan

PETUGAS-PETUGAS**CAWANGAN PENYATA RASMI (HANSARD)**

Azhari bin Hamzah

Monarita binti Mohd Hassan

Rosna binti Bujairomi

Alzian binti Baharudin

Halijah binti Mat Sin @ Mt Zain

Muhammad Qhidir bin Mat Isa

Siti Norlina binti Ahmad

Noraidah binti Manaf

Nor Hamizah binti Haji Hassan

Nor Liyana binti Ahmad

Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir

Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan

Hafilah binti Hamid

Siti Norhazarina binti Ali

Nor Faraliza binti Murad @ Nordin Alli

Sherliza Maya binti Talkah

Tengku Sofia Dora binti Tengku Mohamad

Nor Effazimmah binti Maliki

Nur Annisa binti Hamid

Sharifah Nazurah binti Wan Sahdi

Herdawati binti Mohd Amir Abbu

Hasnah Sakinah binti Mohd Hashim

Nor Sakinah binti Samat

Nurammarah binti Md Isa

Mohd Salleh bin Ak Atoh

Azmir bin Mohd Salleh

Mohd. Izwan bin Mohd. Esa

Nor Kamsiah binti Asmad

Siti Zubaidah binti Karim

Aifarina binti Azaman

Noorfazilah binti Talib

Farah Asyraf binti Khairul Anuar

Julia binti Mohd. Johari

Syahila binti Ab Mohd Khalid

Ismalinda binti Ismail

Hazliana binti Yahaya

Amir Arshad bin Ab Samad

Nik Nor Nazrin binti Nik Ab Rahman

Hizamihatim Maggisa bin Juara

Muhammad Firdaus bin Ahmad

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGGAL PERTAMA
MESYUARAT KEDUA

Selasa, 30 Oktober 2018

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohd Rashid Hasnon)
mempengerusikan Mesyuarat]*

JAWAPAN-JAWAPAN MENTERI BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan apakah justifikasi pembinaan jambatan bengkok menggantikan Tambak Johor. Berapakah pampasan yang telah dibayar kepada Gerbang Perdana Sdn. Bhd.

Menteri Kerja Raya [Tuan Baru Bian]: Terima kasih, Yang Berhormat Ayer Hitam. Tuan Yang di-Pertua, sebagai mana Ahli-ahli Yang Berhormat telah sedia maklum, Jambatan Tambak Johor yang menghubungkan Malaysia dan Singapura telah dibina pada tahun 1923. Mengikut undang-undang antarabangsa persetujuan dari negara jiran itu diperlukan terlebih dahulu untuk merobohkan jambatan sepanjang 1.06 kilometer sebelum jambatan lurus yang baharu boleh dibina.

Akibat ketiadaan kata putus dari Singapura, kerajaan telah merancang untuk membina Jambatan Indah atau lebih dikenali sebagai jambatan bengkok di bahagian negara ini sahaja bagi menggantikan Tambak Johor sedia ada.

Namun begitu, kerajaan pada bulan April 2006 di bawah pentadbiran Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Kelima telah memutuskan untuk tidak meneruskan pelaksanaan pakej projek jambatan dan juga jambatan kereta api dengan nilai kontrak sebanyak RM1.113 bilion. Keputusan tersebut dibuat oleh Jemaah Menteri pada masa itu setelah menimbangkan pelbagai faktor khususnya berkaitan dengan implikasi moral, kewangan dan undang-undang antarabangsa yang terlibat.

Berikut pembatalan tersebut, kerajaan telah membayar pampasan keseluruhan dengan nilai sebanyak RM257.4 juta kepada pihak yang terlibat iaitu sebanyak RM155 juta kepada kontraktor utama Gerbang Perdana Sdn. Bhd., RM67.4 juta kepada pihak subkontraktor dan RM35 juta lagi sebagai ganti rugi khas tambahan.

Mengenai isu cadangan pembinaan jambatan bengkok, ini adalah merupakan perkara dasar yang akan melibatkan kos yang tinggi serta implikasi sosial, ekonomi, politik dan hubungan antarabangsa luar negara. Sehubungan dengan itu, Kementerian Kerja Raya akan merujuk kepada Jemaah Menteri bagi mendapatkan pandangan dan nasihat mengenai hala tuju berkaitan dengan pelaksanaan projek tersebut. Terima kasih.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya meneliti jawapan tadi. Pertama pampasan itu kepada Gerbang Perdana, belum mengambil kira pampasan untuk tanah yang telah diambil dan termasuk kos-kos lain. Berapakah kerja yang telah dibuat yang telah dibayar? Itu pertama.

Kedua, apakah justifikasi kalau ianya tidak dapat selesaikan masalah kesesakan di tambak Johor? Apa guna kita bina jambatan bengkok seperti diuar-uarkan baru-baru ini. Apakah pandangan JKR tentang perkara ini? Adakah ia praktikal ataupun pembaziran?

Tuan Baru Bian: Mengenai soalan yang pertama, maklumat saya tidak ada dalam tangan saya sekarang ini tetapi boleh menjawab itu secara bertulis.

Keduanya, saya sudah maklumkan bahawa ini hanyalah cadangan saat ini. Oleh kerana itu, kita berpendapat mesti ada satu kajian yang harus diteruskan terlebih dahulu sebelum kita membuat keputusan.

Puan Wong Shu Qi [Kluang]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya tentang Tambak Johor ini juga kerana Tambak Johor ini memang ada masalah yang semua orang ambil perhatian khususnya untuk anak Johor. Saya mohon Menteri menerangkan adakah Kerajaan Pakatan Harapan ada rancangan untuk menaik taraf Tambak Johor mungkin jambatan bengkoklah. Nampaknya lebih ramai orang tidak setuju tetapi naik taraf Tambak Johor untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh orang yang ulang-alik setiap hari. Terima kasih.

Tuan Baru Bian: Terima kasih, Yang Berhormat. Kita akan kaji ini kerana ini telah dibangkitkan dalam Dewan yang mulia ini. Hasrat kita ialah untuk memberi kesenangan untuk rakyat dan kerana itu saya berhasrat dan saya akan kaji ini dan akan kembalikan dengan Yang Berhormat. Terima kasih.

2. Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin] minta Menteri Pendidikan menyatakan adakah kementerian akan meneruskan hasrat membuka Fakulti Pertanian dan Biotek di Gemas bagi menyelidik dan mencari formula terbaik memperkasakan sektor pertanian negara dan bila ia akan dimulakan.

Menteri Pendidikan [Dr. Maszlee bin Malik]: Tuan Yang di-Pertua, *Bismillahir Rahmanir Rahim*. Untuk makluman, Ahli Yang Berhormat Tampin saya telah pun menjawab soalan berkaitan pembangunan Agrosains Universiti Malaya pada 25 Oktober dalam jawapan bertulis. Walau bagaimanapun, kita cuba untuk memberikan perincian.

■1010

Untuk makluman, Kementerian Pendidikan Malaysia memberikan fokus terhadap pembangunan setiap bidang tujahan dengan izin, *niche* yang telah ditetapkan kepada semua universiti awam. Justeru menerusi semangat autonomi yang diberikan kepada universiti awam, KPM terus menggalakkan setiap universiti awam untuk memperkembangkan bidang tujahan masing-masing. Walau bagaimanapun, peluasan bidang *niche* yang melibatkan pengembangan fakulti tertentu di kawasan luar kampus induk UA dibuat berdasarkan keperluan strategik dan kemampuan.

Pada masa kini, KPM telah pun menawarkan bidang pertanian dan *biotech* di tiga universiti awam pada peringkat pengajian diploma dan 15 universiti awam pada peringkat ijazah sarjana muda. Justeru, KPM belum lagi bercadang untuk menubuhkan Fakulti Pertanian dan Bioteknologi di Gemas. Walau bagaimanapun, kita telah mempunyai Pusat Agrosains Universiti Malaya yang berperanan sebagai pusat penyelidikan dan kajian. Pada masa ini, Pusat Agrosains UM di Gemas masih dalam proses pembangunan infrastruktur yang melibatkan dua fasa di mana baru-baru ini, UM telah meluluskan peruntukan tambahan sebanyak RM1.7 juta bagi pembinaan Kompleks Pejabat Ladang. Setelah siap, pusat berkenaan akan menjadi pusat penyelidikan yang terkemuka dalam bidang agrosains dan menyokong aktiviti pembelajaran, pengajaran, penyelidikan dan inovasi dalam bidang sains pertanian yang dijalankan oleh Institut Sains Biologi, Fakulti Sains.

Buat masa ini, UM telah menawarkan program Sarjana Sains Perlindungan Tanaman mulai sesi 2018/2019 dan juga sedang dalam proses perbincangan berkaitan semakan kurikulum untuk menawarkan program Ijazah Sarjana Muda Sains Bijirin dan Teknologi ataupun *Bachelor of Grain Science and Technology* dengan izin, dengan kerjasama Kansas State university dan *Malaysian farming*. Sebagai memenuhi keperluan komuniti setempat, Pusat Agrosains UM akan memberikan khidmat nasihat kepakaran dan melaksanakan aktiviti berkaitan untuk nilai tambah kepada aktiviti pertanian terutamanya dalam perlindungan tanaman, sekali gus menyediakan peluang pekerjaan kepada masyarakat.

Aktiviti agropelancongan akan dilaksanakan dengan kerjasama agensi kerajaan yang bertanggungjawab mengenai promosi pelancongan dan juga MARDI bagi pelancongan

ataupun lawatan berasaskan pertanian. Saya sebenarnya akan membuat lawatan ke Pusat Agrosains Gemas untuk melihat perkembangan dan saya mempelawa Yang Berhormat Tampin untuk turut serta. Terima kasih.

Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih atas jawapan yang lengkap daripada kementerian. Cumanya saya ingin bertanya, soalan yang kedua ini, oleh sebab daerah Tampin ini telah dikategorikan sebagai agroteknologi oleh Negeri Sembilan dan sudah pasti kepentingan sebuah kajian yang berteraskan persekitaran yang melingkunginya amat diperlukan. Malahan kewujudan institusi itu adalah satu perkara yang penting. Oleh sebab sekiranya kekangan kewangan yang menyebabkan tertanggunya, terbinanya pusat kajian itu, apakah kementerian akan membangunkan infrastruktur kampus tersebut dengan kaedah BOT (*build-operate-transfer*) yang boleh mengurangkan beban kewangan kepada semua pihak?

Dr. Maszlee bin Malik: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. KPM melalui UM akan sentiasa menyokong segala agenda kerajaan negeri untuk membangunkan Pusat Agrosains ataupun kawasan Gemas sebagai pusat pertanian. Kita juga sedang dalam usaha untuk membuka peluang kepada pelbagai pihak untuk turut serta menyokong dan membantu usaha berkenaan.

Berkaitan dengan kaedah BOT, ia sedang dilakukan oleh UM dan UM telah pun melakukan beberapa libat urus ataupun *engagement* dengan beberapa syarikat swasta ke arah tersebut. Baru-baru ini saya difahamkan mereka telah pun bertemu dengan syarikat daripada China dan mereka juga akan meneroka syarikat-syarikat daripada dalam dan juga luar negara untuk membantu agenda yang dibawa oleh kerajaan negeri tersebut. Terima kasih.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd Muttalib [Maran]: Di sektor pertanian, saya kira kita masih kurang pakar-pakar sains pertanian dan juga usahawan-usahawan pertanian, termasuk di peringkat antarabangsa. Saya ingin tahu, berapa ramai-kah pakar sains pertanian negara kita yang ada? Sejauh mana kerjasama erat antara Kementerian Pendidikan, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan juga pusat-pusat pengajian tinggi yang ada fakulti pertanian dalam kita melahirkan pakar-pakar pertanian negara ini. Terima kasih.

Dr. Maszlee bin Malik: Terima kasih Yang Berhormat Maran yang bertanya. Mengenai bilangan terkini pakar pertanian, saya belum ada dan akan dijawab dalam jawapan bertulis kepada Yang Berhormat Maran.

Walau bagaimanapun, berkaitan dengan usaha sama di antara Kementerian Pertanian dengan pusat-pusat ataupun fakulti-fakulti pertanian terutamanya dengan UPM, ia sedang pun terjalin. Bagi pihak Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani sendiri telah meminta laluan dan izin daripada KPM untuk terus berhubung dengan UPM, membantu mereka di dalam bidang R&D dengan izin, penyelidikan dan juga kajian. Kita juga turut memberikan beberapa tumpuan demi menyokong Pelan Pertanian Kebangsaan yang telah dibentangkan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Terima kasih.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menanya soalan saya, saya ingin mengalu-alukan kedatangan pemimpin-pemimpin muda daripada DAPSY Sarawak di Dewan yang mulia ini. *[Tepuk]*

3. **Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]** minta Menteri Industri Utama menyatakan prospek eksport minyak kelapa sawit Malaysia pada tahun 2019 dan langkah-langkah yang akan diambil oleh kementerian untuk menaikkan prospek industri tersebut termasuk harga eksport.

Menteri Industri Utama [Puan Teresa Kok Suh Sim]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kerajaan akan sentiasa memastikan minyak sawit Malaysia terus berdaya saing dan berprospek tinggi. Ini kerana industri sawit merupakan tunjang utama ekonomi negara dan didukung oleh lebih 650 ribu pekebun kecil selain daripada lebih dua juta rakyat Malaysia yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam rantai industri sawit ini. Dalam hal ini, kerajaan telah mulakan usaha untuk menjalinkan hubungan dengan lebih erat dengan negara-negara lain termasuk kuasa besar seperti negara China. Ini adalah kerana kerajaan

berkeyakinan bahawa melalui hubungan diplomatik, usaha untuk meluaskan pasaran di peringkat antarabangsa akan terjamin sepenuhnya.

Usaha ini didahului dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke negara China pada bulan Ogos yang lalu. Melalui lawatan tersebut, beberapa perjanjian dan MoU telah ditandatangani di antara kedua-dua kerajaan yang melibatkan kerjasama dengan Universiti Tsinghua mengenai *biofuels* berasaskan sawit dalam bidang pengangkutan, bekalan haba dan bekalan tenaga untuk industri di China serta kerjasama dengan COFCO Group Co. Ltd. mengenai aplikasi hiliran minyak kepala sawit dan produk berkaitan dengannya.

Manakala beberapa misi ekonomi dan promosi sawit ke beberapa negara-negara Kesatuan Eropah (EU) dan Amerika Syarikat telah diadakan di mana misi tersebut, kerajaan telah memberi pendedahan mengenai kebaikan dan keamanan minyak sawit Malaysia di pasaran dunia. Salah satu kejayaan misi ke EU adalah pihak Suruhanjaya Eropah telah bersetuju untuk bekerjasama dengan pakar dari Malaysia dalam merangka polisi *Indirect Land Use Change* (ILUC) bagi memastikan pasaran minyak sawit Malaysia tidak terjejas.

Baru-baru ini kerajaan juga mengadakan siri lawatan ke pasaran baharu seperti Mesir dan Maghribi. Misi ini berjaya membuka peluang pasaran dan pelaburan di mana Mesir dan Maghribi merupakan pintu kepada pasaran negara Eropah, Afrika Utara dan Afrika Tengah telah menunjukkan minat dan reaksi positif untuk mengimport minyak sawit Malaysia. Manakala untuk pasaran India, dijangka eksport akan meningkat lanjutan daripada Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) Malaysia dengan India di mana tarif import akan turun kepada 40 peratus daripada 44 peratus untuk CPO dan 45 peratus dari 54 peratus untuk minyak sawit proses menjelang 1 Januari 2019. Kesan daripada FTA dengan India dan juga lawatan-lawatan ini, kerajaan berkeyakinan bahawa akan wujudnya impak yang signifikan terhadap prospek industri sawit negara pada suku pertama tahun 2019.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri untuk jawapan yang lengkap dan padat. Soalan tambahan saya, saya ingin bertanya, adakah Malaysia dan Indonesia mempunyai satu kesepakatan untuk menangani kempen anti kepala sawit di negara-negara barat? Juga, apakah langkah yang telah dilakukan untuk meredakan kebimbangan mereka tersebut? Sekian, terima kasih.

■1020

Puan Teresa Kok Suh Sim: Terima kasih Yang Berhormat. Malaysia dan Indonesia, kita berada dalam satu pakatan yang dinamakan *Council of Palm Oil Producing Countries* (CPOPC) dan pada 8 November yang akan datang, Darmin Nasution iaitu Menteri dari Indonesia dan rombongannya akan datang ke Putrajaya untuk bermesyuarat dengan kementerian saya.

Selain itu, Columbia juga menunjukkan minat dan memohon masuk CPOPC dan pihak kerajaan akan bekerjasama dengan pihak Indonesia dan juga negara-negara pengeluar minyak sawit untuk merangka dasar, macam mana kita lawan balik kempen anti-minyak sawit di Eropah dan juga negara-negara barat. Saya percaya melalui kerjasama dengan pihak Indonesia, kita boleh menjimatkan kos dari segi strategi dan juga publisiti kita di negara-negara Eropah dan kita boleh adakan strategi dan dasar yang lebih berkesan untuk melawan balik kempen anti-sawit di negara barat.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya meneliti jawapan Yang Berhormat Menteri sebentar tadi, nampaknya kementerian bersungguh-sungguh untuk mengembangkan industri kelapa sawit. Akan tetapi saya hendak tanya komen Yang Berhormat Menteri, apakah pendirian kementerian apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam *ASEAN Leaders' Gathering* (ALG) mengatakan Malaysia telah menghentikan perkembangan kelapa sawit. Adakah ia akan memberikan implikasi negatif terhadap harga komoditi dan *supply and demand* di negara kita Malaysia? Terima kasih.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga terima kasih Yang Berhormat. Saya rasa kenyataan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri adalah satu kenyataan yang bijak. Ini kerana kami selalu dituduh bahawa ladang penanaman pokok sawit kita ini telah pun merosakkan hutan rimba yang kita ada dan juga membunuh, sehingga orang utan kita tidak ada tempat kediaman. Jadi, saya rasa apa yang penting sekarang ialah bagi kita untuk mengekalkan...

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Betul jawapan Yang Berhormat Menteri itu.

Puan Teresa Kok Suh Sim: ...Untuk mengekalkan hutan yang sedia ada kerana kerajaan telah berjanji di *Rio Summit* bahawa 50 peratus dan lebih daripada tanah Malaysia ini akan ditutupi oleh kawasan hutan. Apa yang penting sekarang ialah bagi kita untuk cari jalan untuk adakan lebih R&D *research* untuk lihat macam mana kita boleh menambahkan hasil per ekar. Sekarang, secara purata hasil minyak sawit satu ekar adalah lebih kurang empat tan bagi satu ekar. Akan tetapi bagi sesetengah ladang yang diuruskan dengan baik, ia boleh sampai ke tahap 12 tan satu ekar dan ada yang boleh sampai 15 tan satu ekar.

Jadi saya rasa, kita harus adakan lebih *research*, penyelidikan untuk juga membantu pekebun kecil kita untuk lihat macam mana kita tambahkan mereka punya *yield*, hasil keluaran minyak dan bukan hanya tumpukan untuk besarkan ladang kerana sekarang harga minyak sawit kita ini rendah. Kalau buka ladang sawit lagi, kita perlu lebih dana dan ini adalah masalah yang dihadapi oleh ramai pekebun kecil kita.

Jadi saya memang sokong dan setuju apa yang dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan saya rasa kita sebagai wakil rakyat, kita juga harus menggalakkan khususnya pekebun kecil di kawasan pedalaman macam Sabah, Sarawak dan lain-lain untuk cuba lihat macam mana kita tanam, mungkin tanaman lain yang boleh bawa lebih hasil dan keuntungan kepada pekebun kecil kita. Sekian, terima kasih.

Datuk Aaron Ago Dagang [Kanowit]: Satu lagi. Satu lagi boleh? Soalan tambahan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Hanya dua sahaja soalan tambahan. Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang tamatlah sesi untuk Waktu Pertanyaan-pertanyaan Menteri pada hari ini. Terima kasih Yang Berhormat.

[Sesi Pertanyaan-pertanyaan Menteri tamat]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Tuan Tan Kok Wai [Cheras]** minta Menteri Wilayah menyatakan secara terperinci bilangan tanah-tanah di Kuala Lumpur yang telah dijual oleh DBKL yang terdapat unsur-unsur penyelewengan membabitkan jenayah pecah amanah, penyalahgunaan kuasa dan dijual lebih rendah di bawah harga pasaran semasa dan dari jumlah itu berapa keping tanah yang dibatalkan jualan dan sebab-sebab pembatalan.

Menteri Wilayah [Tuan Khalid bin Abd Samad]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Wah! Ada orang seronok pagi ini. *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di antara tahun 2011 hingga tahun 2018, terdapat 97 transaksi penjualan tanah oleh pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur yang telah dikenal pasti untuk siasatan lanjut oleh pihak Kementerian Wilayah Persekutuan. Kesemua transaksi ini telah dilakukan berdasarkan keputusan yang dibuat oleh pentadbiran yang berkuasa ketika itu.

Tuan Yang di-Pertua, keseluruhan 97 transaksi tersebut telah dilaporkan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Sebanyak 64 transaksi yang dilaporkan oleh Yang Berhormat Kepong adalah termasuk di dalam 97 transaksi yang pihak kementerian laporkan kepada SPRM. Walau bagaimanapun SPRM melalui surat bertarikh 7 Ogos 2018 telah memaklumkan kepada DBKL bahawa, "*DBKL boleh meneruskan kebenaran dalam mengeluarkan kelulusan dan tidak perlu ditangguhkan lagi kerana ia tidak mengganggu siasatan yang sedang dijalankan oleh SPRM.*" Berdasarkan jawapan SPRM tersebut, kementerian difahamkan bahawa SPRM masih lagi meneruskan siasatan terhadap penjualan tanah berkenaan di mana hasil siasatan adalah di luar bidang kuasa kementerian.

Oleh itu, perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat berkaitan dengan kemungkinan terdapat unsur-unsur penyelewengan dan jenayah pecah amanah, sebenarnya

lebih sesuai untuk dijawab oleh pihak SPRM. SPRM bukan di bawah Kementerian Wilayah dan kita tidak tahu siasatan dan hasil siasatannya hingga ke hari ini.

Namun begitu, tidak dinafikan di dalam kepimpinan kerajaan terdahulu terdapat banyak transaksi yang menimbulkan pelbagai persoalan dan sering dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam persidangan Dewan Rakyat sebelum ini. [*Dewan riu*] Susulan daripada itu, pihak kementerian di bawah pentadbiran baharu sekarang telah mengambil inisiatif untuk menubuhkan sebuah jawatankuasa khas atau *task force* di peringkat Kementerian Wilayah Persekutuan yang dipertanggungjawabkan untuk meneliti keseluruhan 97 transaksi tanah DBKL ini. Terma rujukan ataupun *terms of reference task force* ini ialah:

- (i) meneliti harga jualan tanah;
- (ii) meneliti proses penjualan tanah;
- (iii) meneliti proses pemilihan syarikat yang membeli tanah;
- (iv) tujuan penjualan tanah;
- (v) kepadatan pembangunan yang boleh dibenarkan di atas tanah; dan
- (vi) komitmen syarikat untuk menyelesaikan masalah di tapak seperti masalah setingan.

Maka walaupun SPRM kata boleh lepaskan sahaja, ia tidak mengganggu siasatan kita, kami menubuhkan satu jawatankuasa khas hendak kaji dari sudut-sudut yang lain. Sudut-sudut harga jualan dan sebagainya. Hasil beberapa siri siasatan dan perbincangan serta rundingan dengan syarikat-syarikat yang terlibat dengan transaksi tanah DBKL adalah seperti berikut;

Pertama, daripada 97 transaksi, 43 transaksi tanah diteruskan mengikut perjanjian asal kerana tiada sebarang isu berbangkit dari segi harga jualan, urusan penilaian dan perintah pembangunan. Nilai transaksi jualan juga lebih tinggi iaitu RM1.642 bilion harga jualan berbanding RM1.433 bilion harga nilai. Maka, 43 daripada 97 kira *clear*.

■1030

Kedua, 14 transaksi tanah yang melibatkan keluasan 53.94 ekar telah dibatalkan dengan persetujuan pihak syarikat. Kita dapati bahawa ada beberapa perkara yang tidak memuaskan dan kita berada dalam keadaan dan kedudukan di mana kita boleh batalkan, kita batalkan. Ada 14 transaksi.

Sebanyak 15 transaksi tanah dengan keluasan 145.79 ekar telah dirunding semula...

Dato' Sri Bung Moktar bin Raden [Kinabatangan]: Wah, panjang lebar Yang Berhormat.

Tuan Khalid bin Abd Samad: ...Dan memperoleh tambahan hasil kepada DBKL sebanyak RM149 juta. Maknanya daripada 15 transaksi, kita runding balik, kita dapat RM149 juta. [*Tepuk*]

Sebanyak 20 transaksi yang telah sempurna dipindah milik tanah dan siap projek tetapi didapati ada keraguan daripada segi proses penjualan tanah dan sebagainya, tidak boleh buat apa-apa kerana proses sudah selesai, sudah keluar geran sudah pun. Ini kita serah sahaja pada SPRM. Lima transaksi tidak dapat mencapai persetujuan di antara kami dan pemaju. Ini mungkin kita akan bertemu dalam mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua, secara keseluruhannya... [*Disampuk*] Kalau tidak berminat, boleh keluar ya. [*Dewan riu*] Seperti yang dinyatakan— kopi sedang menunggu.

Dato' Sri Bung Moktar bin Raden [Kinabatangan]: Siapa Yang Berhormat? Kenal saya siapa?

Tuan Khalid bin Abd Samad: Seperti yang dinyatakan sebelum ini, hasil rundingan... [*Ketawa*] [*Dewan riu*] Hasil rundingan...

Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]: *Loud and clear*.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Kinabatangan, jangan ada gangguan. [*Dewan riu*] Teruskan.

Tuan Khalid bin Abd Samad: Ya, nanti kena minta maaf lagi, buat malu sahaja.

Dato' Sri Bung Moktar bin Raden [Kinabatangan]: Dia Menteri tukang ganggu dulu. [Ketawa]

Tuan Khalid bin Abd Samad: Secara keseluruhannya, seperti yang dinyatakan, hasil rundingan sebanyak RM149 juta telah diperolehi daripada transaksi yang terdahulu yang mana syarikat telah membeli tanah dengan harga terlalu rendah dan merugikan kerajaan. Rundingan ini juga telah memperolehi aku janji sumbangan korporat sebanyak RM6 juta lagi daripada pihak pemaju. Dia sanggup beri RM6 million CSR. Selain itu, rundingan ini berjaya mendapat serahan balik tanah kepada kerajaan yang melibatkan keluasan 53.98 ekar dengan pembayaran balik RM18.13 juta. Apa yang dibayar balik ini ialah duit deposit syarikat, bukan duit daripada DBKL. DBKL tidak rugi apa-apa. Kita dapat tanah balik.

Justeru itu, sebagai sebuah kerajaan yang mengutamakan kepentingan rakyat dan menjamin kesejahteraan dan kesejahteraan warga Kuala Lumpur, hasil rundingan ini semua kita manfaatkan untuk warga Kuala Lumpur dengan program-program kebajikan, *insya-Allah*. [Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Sri Bung Moktar bin Raden [Kinabatangan]: Terima kasih.

Tuan Khalid bin Abd Samad: Selain kejayaan meningkatkan hasil kepada DBKL dan mendapat semula tanah-tanah milik DBKL, jawatankuasa khas juga turut mengenal pasti beberapa tindakan yang di luar prosedur dan tidak mengikut aturan di dalam transaksi jualan tanah tersebut. Semua hal ini kita serahkan kepada SPRM. So, kita bantu SPRM dalam siasatannya.

Seorang Ahli: Siasat.

Dato' Sri Bung Moktar bin Raden [Kinabatangan]: Kementerian Wilayah Persekutuan akan terus memberikan kerjasama dan kita yakin bahawa agensi-agensi yang bertanggungjawab akan mengambil tindakan yang sewajarnya sekiranya terdapat penyelewengan dan rasuah. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Wilayah. Saya jemput Yang Berhormat Cheras untuk mengemukakan soalan tambahan.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Penjualan tanah-tanah milik DBKL yang berharga tetapi dijual dengan harga yang di bawah harga pasaran dan juga melalui rundingan terus ataupun tiada rundingan langsung yang diizinkan oleh bekas Menteri yang berada dalam Dewan sekarang... [Dewan riuh] Ini merupakan satu skandal besar yang merugikan rakyat dan DBKL... [Dewan riuh] Dan mereka haruslah dihadapkan ke muka pengadilan... [Tepuk] Supaya diambil tindakan yang setanding dengan jenayah yang dilakukan oleh mereka.

Beberapa Ahli: Betul.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Saya ingin tanya Yang Berhormat Menteri, apakah tindakan-tindakan pembatalan jualan tanah, walaupun diambil oleh pihak Kementerian dan DBKL, apakah bilangan kes-kes pembatalan jualan tanah itu menemui cabaran oleh pembeli-pembeli asal tanah itu di mahkamah? Apakah sebab-sebabnya langkah itu diambil oleh mereka?

Tuan Khalid bin Abd Samad: Terima kasih Yang Berhormat Cheras. Mereka membawa kes ini ke mahkamah kerana perjanjian telah pun ditandatangani. Oleh sebab ia telah ditandatangani, maka sememangnya mereka berada di satu kedudukan yang lebih kukuh. Sebagai contoh, ada yang membeli tanah yang bernilai RM124 juta dengan harga RM40 juta sahaja tetapi perjanjian telah pun ditandatangani.

Dalam beberapa kes yang kita lakukan rundingan itu, keadaannya juga sama. Perjanjian telah ditandatangani, hanya geran sahaja belum ditukar. Akan tetapi atas sebab mereka sanggup berunding dan mereka akui harga tanah itu memang jauh terlalu rendah kerana ada ia punya laporan daripada Jabatan Penilaian Hartanah dan sebagainya dan mereka sanggup berunding. Akan tetapi ada yang kata perjanjian sudah ada, *go fly a kite, "I do not care. You sudah jual dengan saya."* So, you tidak beri, kita bawa ke mahkamah walaupun harganya satu pertiga daripada harga penilaian. So, ini kita kena harapkan bahawa

pihak mahkamah juga akan mengambil kira hujah-hujah kita atas sebab kepentingan rakyat dan keadilan dan sebagainya supaya satu penyelesaian dapat tercapai. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Menteri.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Lembah Pantai.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya benarkan yang di sebelah sini.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Jelutong, Jelutong.

Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor [Putrajaya]: Putrajaya, Putrajaya.

Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]: Ipoh Timur.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya menjemput Yang Berhormat Putrajaya. *[Dewan riuh]*

Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor [Putrajaya]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama sekali, ini sesi soal jawab. Jadi saya tidak boleh hendak bidas apa yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Cheras.

Untuk makluman Yang Berhormat Cheras, kerana *you* tuduh saya, tuduh saya di luar. *[Disampuk] I will take you to court.*

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tuan Yang di-Pertua, apa soalan? Apa soalan? *[Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ajukan soalan Yang Berhormat Putrajaya.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Jangan cabarlah di sini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Bagilah soalan.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Jangan cabar. Kalau buat lebih baik...

[Pembesar suara dimatikan]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya hanya benarkan Yang Berhormat Putrajaya untuk menanyakan soalan. *[Dewan riuh]*

Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor [Putrajaya]: Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Kinabatangan, sila duduk. Yang Berhormat Jelutong, sila duduk.

Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor [Putrajaya]: Pertama sekali saya hendak beritahu kepada Ahli-ahli Dewan ini...

Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]: Duduklah.

Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor [Putrajaya]: ...Masalah tanah di Wilayah Persekutuan sewaktu saya ambil alih sebagai Menteri pada tahun 2013, saya telah pulangkan kepada Jabatan Perdana Menteri. Saya tidak kena-mengena di atas kelulusan tanah di Wilayah Persekutuan. Itu pertama.

Kedua, soalan saya kepada Menteri, saya ucapkan terima kasih kepada Menteri kerana telah membuat penyelidikan dan banyak orang kata saya tidak dipanggil oleh SPRM. Sebenarnya untuk makluman Dewan yang mulia ini, lebih daripada 12 kali saya telah dipanggil dan saya telah memberi keterangan apa yang telah saya tahu.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, saya minta Yang Berhormat maklum kepada saya, berapa banyak kah tanah yang telah dibeli oleh DBKL yang pada asalnya bukan tanah DBKL? Ini kerana sewaktu saya menjadi Menteri, bila *developers* datang bertemu dengan saya minta tanah PTG, saya minta supaya mereka minta di atas nama DBKL supaya DBKL dapat pulangan.

■1040

Kalau JPPH berikan tanah tersebut dengan nilai RM20 juta, DBKL dapat 20 peratus daripada RM20 juta, *extra* daripada JPPH punya penilaian. Saya hendak tahu berapa keping? Terima kasih.

Tuan Khalid bin Abd Samad: Ya. Terima kasih Yang Berhormat Putrajaya atas soalan yang ditanya. *Breakdown* dia memang saya akui ada beberapa keping tanah yang asalnya daripada pihak PTG yang telah ditukarkan kepada DBKL dan DBKL jual. Akan tetapi itu tidak menafikan hakikat bahawa hasil daripada rundingan, kita telah dapat RM149 juta lebihan yang mana ianya adalah bukti yang jelas bahawa sememangnya tanah-tanah itu telah dijual lebih murah daripada apa yang sepatutnya. [*Tepuk*]

So, walaupun kita akui bukan hanya DBKL dan Kementerian Wilayah sahaja yang terlibat, ada juga pihak Exco tanah yang mana Yang Berhormat Putrajaya tidak menjadi pengerusi, saya akur tetapi akhirnya jualan yang telah dilakukan adalah jauh lebih rendah daripada apa yang sepatutnya dan ada juga yang tidak mengikut prosedur. Ini tidak perlu kita buat tuduhan-tuduhan dalam Dewan. Kalau sudah panggil 12 kali, kita serahkan sahajalah kepada SPRM untuk meneruskan siasatan, *insya-Allah*. Kami daripada kementerian dan juga daripada DBKL akan memberi bantuan dan sokongan yang sepenuhnya kepada pihak SPRM supaya apa yang telah berlaku akan terdedah dengan sepenuhnya supaya rakyat tahu. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Lembah Pantai.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya membenarkan satu saja tambahan lagi daripada Yang Berhormat Lembah Pantai.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, terima kasih di atas jawapan yang saya rasa membantu kita memahami apa yang telah berlaku. Akan tetapi pada pandangan saya, salah satu daripada masalah yang kita hadapi adalah dari segi undang-undang sedia ada iaitu Akta 267 yang mana seksyen 22(1) menyatakan bahawa Datuk Bandar mempunyai kuasa yang boleh dijalankan menurut budi bicaranya untuk memberi kebenaran perancangan atau enggan memberi kebenaran perancangan. Bagi saya Yang Berhormat Menteri, soalnya adalah adakah pihak kerajaan berniat untuk meminda sama ada akta ini ataupun akta-akta lain yang berkaitan untuk memastikan pelanggaran-pelanggaran yang kita telah saksikan selama ini tidak lagi berlaku. Terima kasih.

Tuan Khalid bin Abd Samad: Terima kasih kepada Yang Berhormat Lembah Pantai. Saya ingin sebutlah bahawa dalam kes-kes yang sebelum ini, walaupun Datuk Bandar yang ada kuasa yang mutlak tetapi sebenarnya dia banyak akur kepada apa yang dimintakan kepadanya oleh Menteri Wilayah. Dalam soal apa yang ditimbulkan mengenai kuasa Datuk Bandar itu, kita akan bergerak ke arah satu keadaan di mana bertambahnya ketelusan dan pertanggungjawaban, itu kita akan capai melalui *empowerment* ataupun perdayaan, membudayakan Ahli-ahli Parlimen itu sendiri.

Dengan ditubuhkan Majlis Menteri di mana semua Ahli Parlimen hadir, kita akan tingkatkan peranan Majlis Menteri sehingga semua kelulusan-kelulusan yang ingin dilakukan di dalam sesebuah kawasan Parlimen akan dimaklumkan terlebih dahulu kepada Ahli-ahli Parlimen supaya ianya akan menjadi lebih telus dan kita perlu melakukan pindaan kepada kuasa yang begitu besar yang diserahkan kepada Datuk Bandar dengan adanya pertanggungjawaban. Terima kasih.

2. **Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]** minta Menteri Hal Ehwal Ekonomi menyatakan apakah perancangan dan usaha kerajaan dalam memastikan kestabilan ekonomi negara berada dalam keadaan yang baik dan kuasa beli rakyat dapat ditingkatkan secara menyeluruh.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Ekonomi [Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin]: Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Tuan Yang di-Pertua, ekonomi Malaysia terus kekal

stabil pada kadar pertumbuhan 4.9 peratus pada separuh pertama 2018. Pertumbuhan ini didorong oleh penggunaan sektor awam dan swasta serta pelaburan swasta yang terus meningkat. Kestabilan ekonomi ini juga disokong oleh kepelbagaian sumber pertumbuhan ekonomi yang tidak terlalu bergantung kepada mana-mana komoditi sektor atau pasaran eksport.

Kadar pengangguran pula terus berada pada tahap guna tenaga penuh iaitu di bawah 4 peratus, manakala kedudukan inflasi terus terkawal dan menunjukkan trend penurunan pada suku kedua berbanding suku pertama tahun ini. Tumpuan dasar kerajaan adalah untuk mengimbangi objektif pengukuhan kedudukan fiskal dan penekanan kepada pertumbuhan ekonomi bagi menangani sentimen pasaran dan pelabur. Dasar struktur dan strategi bagi menentukan pertumbuhan ekonomi yang mampan dan inklusif telah diperkenalkan dalam Kajian Separuh Penggal, Rancangan Malaysia Kesebelas.

Antara beberapa dasar makro yang telah dirangka ialah:

- (i) menangani ketidaksamaan pertumbuhan antara negeri;
- (ii) menangani pembahagian tidak serata antara pekerja; dan
- (iii) pemilik modal.

Bagi tahun 2017 bahagian pampasan pekerja pada KDNK hanyalah 35.2 peratus sahaja. Di dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas, kerajaan menyasarkan bahagian pampasan pekerja dapat ditingkatkan kepada 38 peratus. Ketiga, merapatkan jurang terutamanya kumpulan berpendapatan B40 dan keempat, menangani kadar pengangguran belia yang tinggi.

Selain itu kerajaan turut memberi fokus bagi menangani cabaran struktur seperti meningkatkan produktiviti buruh, memastikan pelaburan dan inovasi yang berkualiti dan mendorong industri untuk meningkatkan rantaian nilai ke arah mencapai ekonomi yang mampan dan bersifat inklusif.

Kerajaan yakin dengan dasar pembangunan ekonomi yang bakal diperkenalkan ini bukan sahaja akan meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara bahkan akan mampu meningkatkan kuasa beli rakyat. Kerajaan sedar kestabilan pertumbuhan ekonomi mestilah seiring dengan pembangunan yang bersifat inklusif dan mampan supaya kesejahteraan dan kuasa beli rakyat meningkat setanding dengan peningkatan ekonomi. Sekian, terima kasih.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Mengikut Ketua Eksekutif Bank Dunia, Rantau Asia Timur dan Asia Pasifik iaitu Sudhir Shetty menyatakan bahawa perkembangan ekonomi Malaysia dalam enam bulan ini agak perlahan. Ini disebabkan pembatalan projek-projek mega, projek-projek besar dan ia dijangka akan mengalami pertumbuhan perlahan dalam jangka tiga tahun sehingga tahun 2020.

Soalan tambahan saya, berdasarkan jangkaan Bank Dunia tersebut, apakah pelan tindakan kerajaan bagi memastikan kedudukan ekonomi Malaysia akan terus berkembang pesat dengan peningkatan pelaburan awam dan swasta dalam tempoh tiga tahun akan datang. Sebab terdapat desas desus menyatakan Malaysia akan memperkenalkan 'Cukai Keuntungan Hartanah' (CGT). Berdasarkan jangkaan Bank Dunia berkenaan jumlah pelabur awam dan swasta, kerajaan dijangka bakal merosot. Adakah Kementerian bercadang untuk meneruskan perancangan untuk memperkenalkan CGT dan sekiranya cukai CGT diperkenalkan dan dilaksanakan di Malaysia, apakah kesannya kepada pelabur-pelabur awam dan swasta dalam negara kita.

Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin: Berkaitan dengan cukai *Capital Gains Tax* (CGT), ia di bawah bidang kuasa Kementerian Kewangan dan desas desus itu masih sekadar desas desus dan tiada sebarang pengumuman tentang hal tersebut. Akan tetapi seperti mana kita sedia maklum, CGT merupakan salah satu mekanisme yang digunakan oleh negara-negara lain terutamanya untuk mengenakan cukai di atas keuntungan modal. Kalau di Australia, CGT dikenakan di atas penjualan saham, penjualan rumah dan sebagainya. Sekali lagi saya sebut bahawa ianya masih sekadar spekulasi dan tiada ketetapan yang telah dibuat oleh kerajaan tentang hal tersebut. Terima kasih.

■1050

3. **Tuan Jugah anak Muyang @ Tambat [Lubok Antu]** minta Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim menyatakan pertimbangan untuk mengganti alat buoy tsunami yang hilang di perairan Laut China Selatan memandangkan kerap berlaku tsunami/gempa bumi demi kepentingan awam.

Timbalan Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim [Puan Isnaraissah Munirah binti Majilis @ Fakharudy]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bagi menggantikan alat *buoy* tsunami yang hilang di perairan Laut Cina Selatan, kerajaan mempunyai alternatif lain iaitu tolok pasang surut yang telah di pasang di Pulau Layang-layang serta rangkaian tolok pasang surut antarabangsa yang dikongsi secara masa nyata dan dapat memberikan maklumat yang diperlukan untuk tujuan pengeluaran amaran awal tsunami kepada kawasan yang terkesan. Tolok pasang surut juga memberi data setiap minit serta mempunyai fungsi dan *effectiveness*, dengan izin, yang sama fungsinya dengan pelampung tsunami. Terima kasih.

Tuan Jugah a/k Muyang @ Tambat [Lubok Antu]: Soalan tambahan, memandangkan Sarawak adalah begitu luas dan kekurangan seksyen pencerapan meteorologi dan juga iklim adalah input data juga berkurangan, ini melibatkan ketepatan ramalan cuaca dan juga tsunami. Soalan saya, adakah kerajaan ada cadangan untuk menambahkan seksyen radar dan juga tsunami di Sarawak?

Puan Isnaraissah Munirah binti Majilis @ Fakharudy: Terima kasih Yang Berhormat Lubok Antu. Kita di peringkat kerajaan sentiasa akan memperbaiki ramalan cuaca kepada semua rakyat Malaysia. Ramalan cuaca Malaysia ini agak sebenarnya agak susah untuk diramal oleh sebab kita berada di kawasan tropika di mana pergerakan cuaca kita ini agak pendek dan sentiasa bergerak. Akan tetapi pada masa yang sama, setakat ini stesen-stesen ramalan cuaca kita memadai untuk sekarang ini dan juga amaran tsunami juga kita sekarang ini untuk tolok pasang surut, kita mempunyai kalau saya boleh kongsi di sini iaitu sebanyak 17 di seluruh Malaysia. Siren tsunami kita di seluruh Malaysia juga mempunyai 53, kamera pantai 18 dan seismometer juga di seluruh Malaysia sebanyak 77. Kerajaan berpandangan bahawa setakat ini kita mempunyai jumlah yang memadai untuk ramalan cuaca dan juga ramalan tsunami. Terima kasih.

Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas]: Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Cuma soalan saya ada kaitan dengan tsunami dengan bencana-bencana yang berlaku yang banyak dikaitkan dengan perubahan iklim yang banyak di perkatakan di peringkat seluruh dunia. Dalam *Global Climate Risk Index*, empat negara daripada 10 negara di dunia yang paling terkesan terdiri daripada negara-negara dalam ASEAN yang terdiri daripada Thailand, Filipina, Myanmar dan juga Vietnam, yang mutakhirnya adalah Indonesia.

Antara kesan daripada *climate change* ini adalah peningkatan paras air laut atau pun *sea level rise*, perubahan cuaca yang melampau dan ini semua juga merupakan keadaan yang semakin hari semakin mengancam. Soalan saya ialah apakah ada tindakan di peringkat ASEAN? Memandangkan empat negara ini adalah ASEAN *member states* yang telah mempunyai *some kind of plan of action* bagi memastikan ada *mitigation* kepada *the phenomena of climate change*. Ini agar apa yang kita lihat apa yang berlaku di Palu dan juga insiden-insiden yang lain tidak akan berlaku dan tidak akan berulang dan juga yang akan menyebabkan kehilangan nyawa yang begitu banyak. Terima kasih.

Puan Isnaraissah Munirah binti Majilis @ Fakharudy: Pada saya, untuk menjawab Yang Berhormat Kepala Batas ini perlu satu jawapan yang spesifikasi, saya boleh berikan jawapan yang bertulis Yang Berhormat Kepala Batas. Akan tetapi sekiranya tadi kalau berkenaan sebab yang air pasang surut itu, mungkin saya perlu satu jawapan yang lebih tepat kepada Yang Berhormat Kepala Batas. Akan tetapi untuk kalau tsunami tadi, kita di peringkat ASEAN, kita ada satu dinamakan *Regional Tsunami Service Provider*. Di mana di Lautan Hindi ini ada tiga negara iaitu Indonesia, India dan juga Australia yang berkongsi maklumat sekiranya kalau ada amaran tsunami, ia akan *blast* kepada negara-negara yang terlibat di sekitar rantau Asia ini. Terima kasih.

4. **Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]** minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah inisiatif dan tindakan agresif kementerian dalam memantau dan membendung pasaran produk makanan tambahan tempatan yang menggunakan bahan terlarang seperti steroid di dalam produk mereka.

Timbalan Menteri Kesihatan [Dr. Lee Boon Chye]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Makanan tambahan yang berasaskan makanan tertakluk kepada Akta Makanan 1983 dan Peraturan-peraturan Makanan 1985, yang turut meliputi keperluan berkaitan pelabelan dan pengiklanan. Di bawah Peraturan 18(6), Peraturan-peraturan Makanan 1985, memperuntukkan label makanan tidak boleh menyatakan akuan pencegahan, pengurangan, perawatan atau penyembuhan penyakit dan akuan yang tidak dapat disahkan. Mereka yang di dapati mengiklankan produk makanan bagi tujuan jualan untuk memperdayakan pembeli boleh dikenakan tindakan di bawah seksyen 17, Akta Makanan 1983.

Pada tahun 2015 sehingga kini, sejumlah 611 tindakan penguatkuasaan telah diambil ke atas iklan produk makanan yang mempunyai akuan yang tidak dibenarkan. Manakala pada tahun 2017 sehingga kini, sebanyak 439 sampel pelbagai jenis produk makanan dan minuman yang disyaki menggunakan bahan terlarang seperti *steroid* telah dianalisis dan telah di dapati 17 daripada sampel tersebut tidak mematuhi Akta Makanan 1983 dan peraturan-peraturan di bawahnya.

Tindakan penguatkuasaan telah diambil ke atas pengeluar atau penjual bagi produk berkaitan. Sebagai contoh, tindakan yang kita ambil ke atas Jus Al-Sunnah yang mengandungi bahan larangan seperti *steroid* atau pun *dexamethasone*. Kementerian Kesihatan Malaysia akan terus meningkatkan pemantauan ke atas makanan tambahan, termasuk produk minuman yang disyaki mengandungi bahan terlarang seperti *steroid*, *sibutramine*, *sildenafil* dan sebagainya di pasaran tempatan bagi memastikan ia selamat di makan. Di dalam seksyen 13, Akta Makanan 1983 menyatakan mana-mana orang yang menyediakan atau menjual apa-apa makanan yang ada dalam atau padanya apa-apa bahan yang beracun, merosakkan atau selainnya memudaratkan kesihatan adalah melakukan suatu kesalahan. Apabila di sabitkan kesalahan boleh dikenakan denda yang tidak melebihi RM100,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi 10 tahun atau kedua-duanya sekali. Sekian.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Baru-baru ini kita digemparkan dengan kematian pengambilan minuman keras yang dicampur dengan bahan yang terlarang, bukan haram. Memang minuman keras bagi kita tidak boleh. Kalau kita lihat Yang Berhormat Menteri, di pasaran sekarang terdapat berbagai jenis produk minuman ringan yang dikeluarkan oleh peniaga-peniaga, terutamanya di kawasan luar bandar seperti Tongkat Ali, Kopi Jantan, Kopi Jaga, Mahkota Dewa dan lain-lain. Kopi Janda. [Ketawa] Yang didakwa berkhasiat untuk kesihatan sama ada lelaki dan wanita, sedangkan malahan mempunyai kesan sampingan yang tidak baik kepada pengguna.

■1100

Saya hendak tahu sejauh mana senarai-senarai ini. Apakah pihak kementerian mempunyai senarai produk-produk minuman seperti ini yang telah pun dibuat pemeriksaan dan kalau boleh saya inginkan senarai tersebut, supaya kita dapat maklumkan kepada penduduk kita bahawa minuman ini tidak baik dan sebagainya. Apakah langkah kerajaan atau kementerian, secara proaktif supaya jangan tunggu peristiwa atau kejadian berlaku, baru tindakan diambil? Berapakah pemeriksaan yang telah dibuat oleh kementerian dalam menangani isu penggunaan produk-produk seperti ini? Terima kasih banyak.

Dr. Lee Boon Chye: Terima kasih Yang Berhormat Maran atas soalan tambahan tersebut. Pertama, apabila produk makanan yang membuat pengakuan yang tidak betul berkenaan dengan kesihatan itu, memang itu satu kesalahan di bawah Akta Makanan, di mana Kementerian Kesihatan boleh mengambil tindakan. Manakala untuk produk-produk yang sedemikian sejak tahun 2017 dan tahun 2018, memang ada sebanyak 17 produk di dalam senarai kita kenal pasti dan mungkin senarai tersebut saya akan bekalkan sebagai jawapan bertulis.

Tindakan yang kementerian ambil untuk menyekat penjualan makanan tambahan, ini khususnya yang dijual atas talian ataupun *online*. Kementerian sentiasa menjalankan pemantauan secara berterusan di media sosial, platform penjualan atas talian dan laman web

produk berkenaan. Kita bekerjasama dengan agensi-agensi yang lain, khususnya Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) untuk menyekat laman web yang berkenaan sekiranya dikenali pasti bahawa mereka melanggar peraturan di bawah Akta Makanan 1983.

Kita juga berkongsi maklumat bersama dengan agensi penguat kuasa yang lain termasuk Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dan juga Jabatan Kastam untuk tindakan bersama. Sekian.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua soalan tambahan. Biasanya kerajaan menyedari adanya makanan tambahan yang bercampur barang-barang terlarang apabila menerima aduan dari pengguna-pengguna. Tidakkah boleh mewujudkan satu mekanisme yang membolehkan penguat kuasa mengesan dan bertindak lebih awal sebelum tragedi yang berlaku, minta penjelasan dari Yang Berhormat Menteri.

Dr. Lee Boon Chye: Terima kasih Yang Berhormat Bukit Bintang. Berkenaan dengan makanan yang mengandungi bahan-bahan yang terlarang, misalnya *sildenafil*, tongkat ali dan sebagainya. Memang ini satu kesalahan di bawah di bawah *Sales of Drugs Act* dan juga *Poison Act* di mana kementerian boleh ambil tindakan. Jadi bagi pihak kementerian, kita sentiasa memantau media sosial dan laman web untuk penjualan bahan-bahan tersebut. Sekiranya dikenali pasti bahawa ada kesalahan, kita akan cuba sita bahan tersebut untuk buat pemeriksaan. Jadi, pemantauan di laman web ini memang dilakukan secara berkala dan ini memerlukan kerjasama bukan setakat daripada kementerian, tetapi juga kerjasama daripada SKMM dan juga Jabatan Kastam. Sekian.

Datuk Zakaria bin Mohd. Edris @ Tubau [Libaran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Penerangan Yang Berhormat Menteri tadi amat memuaskan, tetapi saya ingin menambah satu soalan lagi. Adakah kerajaan mempunyai perancangan untuk meminda Akta Racun 1952 bagi menyesuaikan dengan keadaan semasa?

Adakah pihak kementerian mempunyai perancangan untuk memperketatkan lagi kelulusan bagi produk makanan tambahan? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dr. Lee Boon Chye: Terima kasih Yang Berhormat Libaran. Berkenaan dengan Akta Racun ini satu soalan yang agak generik. Saya tidak dapat menjawab buat sementara. Untuk produk makanan tambahan, memang kementerian rasa buat sementara waktu akta yang sedia ada mencukupi untuk mengawal apa yang berlaku berkenaan dengan masalah makanan tambahan tersebut. Sekian.

Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya menanya soalan, saya hendak menyambut kedatangan tetamu daripada Kolej Vokasional Sungai Buloh, Selangor dan juga SMK Taman Kluang Barat, Kluang, Johor.

5. Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya] minta Perdana Menteri menyatakan pendirian kerajaan berkenaan rogol dalam perkahwinan (*marital rape*) serta sama ada kerajaan mempunyai perancangan untuk mengkaji semula pengecualian di bawah seksyen 375 Kanun Keseksaan yang memberi imuniti kepada suami daripada dituduh merogol isteri.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin]: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, terima kasih juga kepada sahabat saya daripada Petaling Jaya. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya soalan ini berkaitan dengan isu yang penting iaitu berkaitan dengan *marital rape* ataupun saya tidak pasti dalam bahasa Melayu terjemahan betul atau tidak, rogol dalam perkahwinan.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menjawab soalan ini, izinkan saya membacakan satu ayat Al-Quran daripada Surah Ar-Rum, ayat 21 yang berbunyi... *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* Ayat ini bagi saya Tuan Yang di-Pertua adalah sepatutnya menjadi panduan kepada semua orang iaitu perkahwinan ini sepatutnya ia berasaskan kepada kasih sayang dan juga belas ihsan, *mawaddah warahmah*.

Jadi istilah *marital rape* ini Tuan Yang di-Pertua, jikalau dalam bahasa Inggeris ibaratnya macam orang kata *oxymoron*, benda yang *contradict*. Perkahwinan tidak

sepatutnya ada *rape*. Sepatutnya dia berasaskan kepada consensual, kepada persetujuan. Kasih sayang dan sebagainya. Oleh sebab itulah bagi saya istilah *marital rape* ini agak istilah yang secara relatifnya agak baru sebenarnya. Ia diperkenalkan oleh masyarakat-masyarakat daripada sebelah Barat, yang asalnya dipanggil *spousal rape*, bukan *marital rape*.

Akan tetapi saya ingin menyatakan bahawa di sini– izinkan untuk saya untuk *quote* apa yang hakim orang Inggeris ini iaitu Sir Matthew Hale dalam bukunya *The British Criminal Law*. Dia menyatakan tentang perkahwinan kenapakah *marital rape* ini tidak sepatutnya berlaku. Izin kan saya membaca dalam bahasa Inggeris; "*The husband cannot be guilty of a rape committed by himself upon his lawful wife for their mutual matrimonial consent and contract the wife hath given herself up to her husband, consent which she cannot retract*". Ini adalah pandangan seorang hakim yang bukan beragama Islam daripada British.

Oleh sebab itulah kalau kita membaca banyak tulisan-tulisan yang ditulis oleh khususnya para-para ulama agamawan. Istilah rogol dan perkahwinan ini boleh dikatakan tidak ada. Sebab untuk makluman semua Ahli Parlimen, saya juga ingin berkongsi sebuah hadis yang dipetik daripada khutbah yang terakhir Rasulullah SAW. Di mana Rasulullah mengatakan antaranya bahawa izinkan saya membaca dalam bahasa Inggeris Tuan Yang di-Pertua sebab saya tidak sempat mencari dalam bahasa Melayunya. Terjemahan daripada Kitab Sunan Abu Dawood.

■1110

Ini antara petikannya, "*Remember that you have taken them (iaitu wanita) as your wife, only under a trust from God*" – Sebagai satu amanah daripada Tuhan. "*And their genitals-*" Maknanya alat kemaluan dia itu, "*are legalized in the word of God*". Maknanya, kita ini hakikatnya bagi kita orang Islam kita yakin bahawa wanita ini dihalalkan bagi kita di atas kalimah Allah. Oleh sebab itulah tidak boleh kita suka-suka bertindak kasar kepada wanita. Oleh sebab itulah, Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini saya rasa Islam sudah ada panduan. Sebab itulah apabila ada cadangan untuk menjadikan *marital rape* ini sebagai satu *offence*, pihak kerajaan mengakui ini adalah satu isu yang agak kontroversial. Oleh sebab itu, kerajaan telah pun – untuk makluman satu Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen telah ditubuhkan pada 12 Julai 2006 bagi mengkaji tuntutan berkaitan *marital rape* dan dapatan jawatankuasa khas tersebut telah dibentangkan semasa pembentangan Rang Undang-undang Kanun Keseksaan (Pindaan) 2004 pada 12 Julai 2006 seperti yang berikut, izinkan saya baca.

Satu lagi isu yang hangat dibangkitkan oleh kumpulan wanita di hadapan jawatankuasa ialah suami merogol isteri. Mereka yang berada di hadapan jawatankuasa berpendapat bahawa penggunaan kekerasan untuk melakukan seks oleh suami terhadap isteri itu adalah amat tidak bermoral dan merendahkan martabat seorang isteri. Mereka menghujah terdapat beberapa negara lain yang telah memperjenayahkan suami yang mengadakan hubungan seks dengan paksa kepada isteri. Setelah menimbangkan dari semua aspek, jawatankuasa tidak bersetuju bahawa suami merogol isteri dengan izin, *marital rape*, dijadikan satu kesalahan di Malaysia dengan alasan ia adalah bertentangan dengan undang-undang syariah dan agama lain.

Walau bagaimanapun, jawatankuasa prihatin terhadap keluhan kumpulan wanita yang membangkitkan isu seorang isteri dipaksa dengan menggunakan kekerasan untuk mengadakan hubungan seks dengan suaminya. Setelah mendengar hujah-hujah pihak yang berkaitan, jawatankuasa mengesyorkan supaya diadakan satu peruntukan khusus yang baharu iaitu seorang suami melakukan kecederaan kepada isterinya atau meletakkan isterinya atau orang lain dalam ketakutan, kematian atau kecederaan dengan tujuan mengadakan hubungan seks, dia melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum penjara tidak melebihi lima tahun. Pendirian ini tidak bertentangan dengan mana-mana prinsip agama. Dalam konteks ini, apa yang ditekankan adalah kecederaan yang dilakukan oleh suami ke atas isteri.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cadangan itu telah pun dimasukkan dalam satu seksyen yang dipanggil seksyen 375A. Sedangkan isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Petaling Jaya adalah berkaitan dengan seksyen 375. Seksyen 375 memperincikan apakah definisi kes-kes yang melibatkan rogol. Ia tidak pun melibatkan *marital rape*. Untuk makluman Yang Berhormat Petaling Jaya, saya akan berikan jawapan bertulis tentang seksyen 375 itu untuk beliau mungkin boleh kongsi. Saya tidak mahu ambil masa panjang lagi sebab hendak bagi *lecture* panjang ini. Akan tetapi saya rasa masa kita

terhad, maka saya ingin memberikan jawapan bertulis tentang peruntukan mengenai seksyen 375, apakah sebenarnya *requirement* seksyen 375 itu.

Jadi, saya rasa *marital rape* ini, pihak kerajaan tidak akan menjadikan satu kesalahan kerana ia amat sukar untuk dibuktikan di mahkamah. Sebagai pengamal undang-undang yang agak lama menjadi peguam, saya mengatakan bahawa agak sukar untuk membuktikan *marital rape* ini. Sekiranya badan mahkamah berkemungkinan untuk dilepaskan lebih mudah daripada untuk disabitkan. Oleh sebab itulah, kerajaan mengambil kira semua faktor ini. Sebagai kerajaan saya rasa belum masanya mungkin untuk menjadikan ia sebagai satu kesalahan. Akan tetapi bagaimanapun kalau ada kes-kes yang melibatkan mungkin kekerasan dalam rumah tangga, seksyen 375A akan digunakan untuk memastikan hak-hak wanita dijamin oleh pihak kerajaan. Sekian, terima kasih.

Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya]: Ada soalan tambahan. Saya rasa, tujuan saya untuk menimbulkan isu *marital rape* itu ialah kerana kebanyakan kes keganasan dalam rumah tangga yang mana *marital rape* ada berlaku. Kita juga ada kes-kes daripada persatuan wanita. Apa yang saya pandang ialah undang-undang sedia ada tidak berlaku adil kepada isteri-isteri yang menjadi mangsa rogol oleh suami sendiri. Seksyen 375A yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri iaitu hukuman bagi menyakitkan isteri hanya memperuntukkan hukuman penjara maksimum selama lima tahun sahaja. Ini berbanding dengan hukuman rogol di bawah seksyen 375, yang mana maksimum ialah 20 tahun penjara. Akta Keganasan Rumah Tangga turut tidak mencukupi kerana hanya memberikan kuasa kepada mahkamah untuk mengeluarkan perintah perlindungan (*protection order*) dan tidak bersifat menghukum pesalah.

Ini bermaksud suami yang melakukan kesalahan rogol tidak menerima hukuman setimpal dengan kesalahan yang dilakukan. Soalan tambahan saya ialah adakah kerajaan mempunyai rancangan untuk memperkenalkan undang-undang yang lebih tegas untuk menghukum sesiapa yang melakukan kesalahan *marital rape* atau *spousal rape*?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Terima kasih kepada soalan tambahan daripada Yang Berhormat Petaling Jaya. Saya ingin betulkan sedikit apa yang diperkatakan oleh Yang Berhormat Petaling Jaya tadi. Sebenarnya kesalahan bagi rogol bukan saya kata seksyen 375, saya kata seksyen 376, hukuman dia adalah di bawah seksyen 376. Seksyen 375 adalah lebih kepada definisi. Jadi, saya mahu betulkan sedikit seksyen 376 ya yang melibatkan hukuman lima tahun tadi. Okey, untuk makluman Yang Berhormat Petaling Jaya, kes rogol ini dia agak berbeza dengan kes-kes lain kerana di sini untuk kes rogol ini beban pembuktiannya agak tinggi itu satu. Kedua, dia ada unsur-unsur yang lain daripada kes-kes lain yang biasa.

Sebagai contoh, dalam kes rogol ia memerlukan apa yang kita panggil *corroboration* iaitu keterangan-keterangan yang berbentuk *corroboration*. Maknanya bukan setakat kita berikan keterangan tetapi ada keterangan sokongan. Keterangan sokongan ini selalunya menyebabkan kadangkala seseorang itu sukar untuk mendapatkan sabitan. Maknanya, tertuduh yang dituduh mungkin tidak dapat disabitkan bersalah. Jadi, sebab itulah saya rasa kerajaan mengambil kira segala faktor ini. Untuk makluman Yang Berhormat Petaling Jaya, bila melibatkan rumah tangga ini, yang saya katakan tadi, *inherently* dekat situ ada unsur-unsur keraguan. Dalam prinsip kes jenayah ini, keraguan ini akan sentiasa ditafsir memihak kepada tertuduh. *Any benefit of the doubt* dengan izin, *must be given to the accused*.

Oleh sebab itu saya ingin mengatakan bahawa memang mungkin kita boleh meletakkan satu kesalahan *marital rape* atas alasan kita hendak pastikan wanita dilindungi. Akan tetapi, apa guna kita ada satu seksyen yang diletakkan dalam kesalahan tetapi bila kita bawa kes ke mahkamah, berkemungkinan untuk mendapat sabitan itu terlalu kecil. Ini bukan bermakna kita *condone* dengan izin, perbuatan tersebut. Oleh sebab itulah kita merasakan seksyen 375A itu buat sementara ini adalah satu seksyen yang boleh digunakan untuk kita menghukum mereka-mereka yang mungkin melakukan kekerasan ke atas wanita.

Untuk makluman Yang Berhormat Petaling Jaya, saya telah berhubung dengan pihak Peguam Negara, setakat ini dalam negara kita walaupun tadi kata ada banyak laporan-laporan, setakat ini di dalam kes di negara kita hanya satu kes sahaja yang pernah didakwa di mahkamah yang melibatkan bukan orang Malaysia, ia melibatkan orang lain, negara dari luar negara. Apabila dibawa ke mahkamah, yang melibatkan seorang wanita yang diletakkan di bawah dua pertuduhan seksyen 375A tetapi apabila di mahkamah akhirnya wanita itu telah menarik balik *report* dia dan kes itu telah pun tidak diteruskan. Lelaki yang didakwa itu

akhirnya telah pun dipanggil *discharged not amounting to acquittal* (DNA), dibebaskan tanpa dilepaskan.

Oleh sebab itulah, saya ingin mengatakan kepada Yang Berhormat Petaling Jaya sekiranya memang benar ada kes-kes yang melibatkan contohnya kekerasan, saya tidak mahu gunakan istilah *marital rape*, sebab tidak ada lagi kesalahan *marital rape* dalam undang-undang negara kita. Sekiranya ada berlaku kekerasan dalam rumah tangga yang melibatkan seorang wanita itu mungkin diambil tindakan oleh suaminya yang tidak sepatutnya, maka saya mencadangkan supaya Yang Berhormat Petaling Jaya mungkin boleh berikan nasihat kepada mereka itu untuk membuat laporan polis. Saya percaya pihak polis akan sentiasa menyiasat dan memastikan mereka yang disiasat itu akan diambil tindakan yang sewajarnya, paling kurang di bawah seksyen 75A.

■1120

Jadi buat sementara ini, memang saya akui pihak kerajaan tidak ada buat apa-apa keputusan mengenai takrif itu. Akan tetapi kerajaan akan terus memastikan pendidikan terhadap *marital life* ini akan dipertingkatkan sama ada melalui institusi-institusi pendidikan ataupun institusi agama. Sekian, terima kasih.

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ucap terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan yang cukup jelas dalam isu ini kerana isu istilah merogol isteri ini tidak ada dalam Islam sendiri. Perkara ini timbul adalah kerana ianya keluar daripada pejuang-pejuang hak asasi manusia. Jadi saya hanya ambil peluang untuk mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri atas penjelasan yang cukup jelas kepada isu ini.

Persoalan saya ialah apakah pihak kementerian ataupun pihak kerajaan berhasrat untuk memberi penjelasan atau penerangan khususnya kepada pejuang-pejuang hak asasi manusia kononnya ini supaya mereka memahami di antara hak-hak Islam sendiri, hak-hak hukum Allah SWT yang perlu dipertahankan dan perlu sama-sama diperjuangkan? Ini kerana kita yakin hak-hak Allah SWT dan juga hak-hak syariat ini adalah merupakan satu ketentuan yang cukup adil kepada semua manusia.

Jadi perkara ini perlu diberi penjelasan supaya isu ini tidak lagi timbul pada masa-masa akan datang sama ada kepada mereka yang menggelari mereka sebagai pejuang hak asasi manusia ataupun di kalangan orang-orang bukan Islam yang kadang-kadang cuba mencampuri urusan umat Islam itu sendiri. Terima kasih.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Terima kasih kepada soalan daripada sahabat saya Yang Berhormat Kuala Krai. Saya ingin menyatakan kepada Yang Berhormat Kuala Krai sebenarnya setakat ini— cadangan itu cadangan yang amat baik iaitu kita mengadakan penerangan dan juga sesi *engagement* dengan pihak-pihak yang mungkin ada mempunyai pendapat-pendapat yang mungkin merasakan *marital rape* menjadi satu kesalahan. Saya mengalu-alukanlah cadangan itu.

Sebagai sebuah parti Islam, Parti PAS, saya rasa mungkin PAS juga boleh memainkan peranan. Cumanya, jangan suka menghukum oranglah. Kalau boleh, kita memberi penerangan. Jangan ada sikap *holier than thou*, saya lebih mulia daripada orang lain. Itu tidak boleh. Itu menyebabkan orang lari daripada kita. Kita beri penerangan kepada... [Disampuk] Dengan baik beri penerangan. Jadi saya rasa saya mengalu-alukan mana-mana pihak untuk sama-sama mengambil bahagian dalam memberi pandangan. Saya memang bersetuju.

Cumanya, kalau tentang dia kata campur tangan orang bukan Islam, saya rasa itu tuduhan yang bagi saya agak tidak begitu tepatlah. Saya rasa isu ini merentasi isu agama sebenarnya. Isu yang bagi saya apabila orang bukan Islam sekiranya mereka menyatakan bahawa *marital rape* sepatutnya satu kesalahan, itu bukan kerana mereka ini hendak mencampuri urusan orang Islam. Saya rasa tidak timbul itu. Kita mudah sangat untuk membuat satu kesimpulan apabila ada satu pendapat daripada orang bukan Islam, kita mengatakan ini campur tangan urusan Islam. Tidak sepatutnya begitulah. Saya rasa mereka juga sebagai rakyat negara kita harus campur tangan, harus mengambil bahagian dalam isu-isu yang melibatkan kepentingan ramai ini. Oleh sebab itulah bagi saya, isu ini seharusnya bersifat dibincangkan oleh semua orang.

Bagaimanapun, saya rasa orang bukan Islam ini, bagi saya, mereka melihat mungkin daripada satu sudut iaitu hak perlunya wanita-wanita ini dibela. Akan tetapi kalau

kita rasa dari segi agama benda-benda ini mungkin ada kekeliruan, kita beri penerangan. Bukan kita menghukum mereka mengatakan ini urusan orang Islam, jangan kamu campur. Itu adalah budaya lama yang tidak sepatutnya kita amalkan. Saya harap kerajaan baharu ini kita akan memastikan orang-orang bukan Islam juga boleh diberikan ruang untuk memberikan pendapat mereka dan kita juga ada ruang untuk menjawab. Sekian, terima kasih.

6. Tuan Haji Ahmad Johnie bin Zawawi [Igan] minta Menteri Hal Ehwal Ekonomi menyatakan apakah program tanggungjawab sosial (CSR) yang telah dilaksanakan oleh Felcra Berhad di kawasan Parlimen Igan serta apakah perancangan atau program CSR yang akan dilaksanakan pada masa akan datang.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Ekonomi [Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, program tanggungjawab sosial (CSR) yang telah dilaksanakan oleh Felcra Berhad di kawasan Parlimen Igan adalah seperti berikut:

- (i) sumbangan kepada Ahli Jawatankuasa Masjid di bawah Parlimen Igan sebanyak RM10,000;
- (ii) pemberian kit kesihatan kepada 100 orang peserta sebanyak RM20,000;
- (iii) pemberian sumbangan hamper makanan asas kepada peserta yang terlibat bencana banjir seramai 168 orang sebanyak RM16,800; dan
- (iv) seminar kecemerlangan pelajar khusus untuk peperiksaan UPSR dan SPM sebanyak RM8,000.

Jumlah keseluruhan CSR yang dilakukan oleh Felcra Berhad di kawasan Igan adalah sebanyak RM54,800.

Dimaklumkan jua bahawa bagi perancangan tahun hadapan, program kecemerlangan pelajar akan diteruskan bagi memastikan pembangunan modal insan masyarakat peserta terus diberikan keutamaan. Selain itu, bidang keusahawanan juga akan terus diperkasakan dan pihak FELCRA akan meneruskan bimbingan kepada usahawan sedia ada dan usahawan baharu untuk membantu masyarakat luar bandar.

Untuk rekod dari tahun 2015 sehingga tahun 2017, pengurusan FELCRA Wilayah Sarawak telah menyalurkan peruntukan geran sebanyak RM450,000 untuk premis perniagaan peserta FELCRA yang kini berjumlah 147 bagi usahawan seluruh negeri Sarawak. Terima kasih.

Tuan Haji Ahmad Johnie bin Zawawi [Igan]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri, terima kasih di atas jawapan yang diberikan.

Saya faham mungkin apa diperkatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi itu ialah tanggungjawab sosial yang dilakukan oleh pihak FELCRA mungkin di awal lapan ataupun sembilan tahun sejak mereka berada di kawasan saya. Akan tetapi sekarang ini, sejak akhir-akhir ini, saya rasa tanggungjawab sosial itu sudah jarang sekali dilakukan.

Jadi Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya bangkitkan persoalan ini kerana Felcra Berhad yang ada di kawasan saya sepatutnya menjadi sebuah agensi yang dikenali, yang amat dominan dan menjadi tempat bergantung bagi para peserta khususnya sebagai sebuah agensi yang datang daripada Semenanjung yang ingin membantu rakyat di negeri Sarawak dengan tanaman-tanaman kelapa sawit untuk meningkatkan pendapatan mereka. Akan tetapi sejak 30 tahun, FELCRA di kawasan saya, apa yang terjadi sekarang ini, Yang Berhormat Timbalan Menteri, ialah agensi seperti tidak relevan lagi. Ini kerana isu-isu yang melibatkan pemberian dividen kepada para peserta yang tidak menentu dan kadang-kadang tiada langsung. Jadi reputasi ini sangat tidak baik.

Soalan saya Yang Berhormat Timbalan Menteri ialah apakah tindakan yang diambil oleh Kementerian bagi mengatasi masalah ini? Apakah pihak Kementerian akan menambah baik ataupun menambah banyak lagi program tanggungjawab sosial untuk rakyat di kawasan saya dan Sarawak secara keseluruhannya seperti kumpulan kebudayaan, sukan,

keagamaan dan sebagainya supaya FELCRA sentiasa dekat di hati rakyat dan lebih mesra perhubungannya dengan penduduk setempat? Sekian, terima kasih.

Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin: Terima kasih Yang Berhormat Igan. Tuan Yang di-Pertua, bayaran dividen FELCRA biasanya dibuat sebanyak tiga kali iaitu semasa sambutan Hari Raya Aidilfitri dan juga semasa musim baru persekolahan dan setelah akaun penyata untung rugi ditutup.

Namun, kita sedar bahawa bayaran dividen ini banyak dipengaruhi oleh faktor-faktor terutamanya harga komoditi di pasaran global. Jika kita lihat harga komoditi terkini kelapa sawit terutamanya, ia adalah jauh lebih rendah daripada tahun sebelum ini. Ini tentunya akan memberi kesan kepada pembayaran dividen.

Merujuk kepada CSR seperti mana saya sebutkan tadi, pihak FELCRA akan membantu dalam program-program pembangunan usahawan di Parlimen Igan dan juga dalam program pendidikan yang seperti mana saya sebutkan tadi. Sekian, terima kasih.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk soalan berkenaan dengan CSR FELCRA ini, saya hendak meneliti semula apabila dijawab oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ekonomi pada hari itu bagaimana untuk pelaksanaan perakaunan akruan yang mana sehingga terpaksa FELCRA mencairkan aset-aset yang ada bagi menambah kedudukan fiskal FELCRA ini.

■1130

Jadi kita tengok pada keadaan ini bila mengambil kira isu *off-budget* bagi FELCRA ini dan juga rangka kerja untuk *public private partnership* bagi menjadikan FELCRA ini satu badan yang dibantu oleh kerajaan seperti mana CSR ini. Adakah kerajaan melihat aset-aset yang ada kepada FELCRA ini yang mana terpaksa *liquidated* bagi mengekalkan kedudukan fiskal FELCRA ini? Perlu kah kerajaan untuk membantu bagi menubuhkan satu CSR bagi meningkatkan perolehan FELCRA untuk kemudahan ahli-ahli dan juga rakyat terutama di kawasan Igan dan juga di seluruh Malaysia, ahli-ahli FELCRA yang terlibat? Sekian, terima kasih

Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin: Saya hendak pastikan soalan. Soalannya adalah, sama ada kerajaan akan *liquidate* aset-aset. Adakah itu soalan tersebut? Okey, cairkan. Cairkan, betul. Saya rasa Yang Berhormat Menteri telah menjawab tentang penjualan aset FELCRA minggu lepas dengan mendalam terutamanya isu bangunan Menara FELCRA, *apartments* dalam kompleks tersebut. Secara umumnya tentang pengurusan aset FELCRA, Pengerusi FELCRA baru sahaja dilantik dan CEO juga baru saja masuk. Mereka sedang meneliti dengan mendalam apa yang perlu dilakukan. Antara isu utamanya adalah *mismatch of the cashflow* dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Saya yakin jika mereka diberi sedikit masa untuk meneliti dan mengkaji dengan lebih mendalam kedudukan aset dan sebagainya, *insya-Allah* dalam masa akan datang kita akan dapat maklumat yang lebih lanjut tentang hal berikut. Terima kasih.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Satu lagi Tuan Yang di-Pertua. Penelitian semula aset-aset FELCRA yang mengikut nilai semasa.

7. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong] minta Menteri Pendidikan menyatakan bilakah kerja-kerja pembaikan kerosakan bumbung dewan Sekolah Kebangsaan Jelutong Barat, Jelutong, Pulau Pinang dijangka akan dimulakan dan disiapkan.

Timbalan Menteri Pendidikan [Puan Teo Nie Ching]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Ahli Yang Berhormat atas soalan ini. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaksanaan kerja pembaikan bumbung dewan Sekolah Kebangsaan Jelutong Barat akan diselaraskan semula untuk pertimbangan pelaksanaan pada awal tahun 2019 berdasarkan keutamaan skop kerja yang disyorkan oleh Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Pulau Pinang dan Jabatan Kerja Raya (JKR). Kerja-kerja pembaikan ini melibatkan pembaikan struktur dan pendawaian elektrik akibat serangan anai-anai.

Pada tahun 2018, Kementerian Pendidikan Malaysia menumpukan kepada pembaikan sekolah-sekolah kerajaan yang terjejas akibat banjir dan ribut kerana memberi

kesan kepada proses pembelajaran dan pengajaran (PDP). Sehingga 30 Oktober 2018, KPM membelanjakan sebanyak RM20.57 juta yang melibatkan 446 buah sekolah dengan memberikan keutamaan untuk pembaikan kritikal seperti berikut.

Pertama, kerosakan disebabkan banjir dengan perbelanjaan sebanyak RM13.52 juta yang melibatkan 221 buah sekolah. Kedua, kerosakan diakibatkan ribut dengan perbelanjaan sebanyak RM4.3 juta yang melibatkan 181 buah sekolah. Ketiga, kerosakan kecemasan lain sebanyak RM2.75 juta yang melibatkan 44 buah sekolah. Sekian jawapan saya, terima kasih.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua di atas jawapan yang teliti dan lengkap. Saya di sini bangun untuk tanya soalan berkenaan dengan sekolah juga, di kawasan Jelutong. Bukan sahaja di Jelutong, malahan di seluruh negara saya difahamkan bahawa bila sahaja pihak sekolah ingin menganjurkan program-program untuk kebaikan dan manfaat murid-murid, setiap kali persatuan ibu bapa diminta untuk memberi derma.

Kalau umpamanya sekolah ingin menganjurkan program untuk membuat lawatan ke muzium, ke beberapa tempat yang akan memberi manfaat pendidikan dan sebagainya, selalunya persatuan ibu bapa diminta untuk memberi sumbangan. ADUN kawasan, Ahli Parlimen diminta untuk memberi sumbangan. Ini adalah di bawah Kerajaan Barisan Nasional, UMNO dahulu. Soalan yang berbangkit adalah mengapakah tidak Kementerian Pendidikan di bawah kerajaan yang lama mempunyai cukup kewangan untuk membantu sekolah-sekolah tersebut untuk memastikan bahawa murid-murid di sekolah-sekolah itu sentiasa diberi perhatian?

Umpamanya di kawasan Jelutong, bila saja ada masalah untuk memperbaiki dewan, memperbaiki kantin sekolah, memperbaiki dengan izin, tandas dan sebagainya, tiap-tiap kali bila permintaan dibuat kepada kerajaan yang lama, maklum balas yang diterima adalah tidak ada wang. Tidak ada wang. Mana pergi wang itu? Jadi saya di sini memohon, saya yakin dengan kerajaan yang baru, dengan Menteri Pendidikan yang sedang kuat kerja dan Timbalan Menteri Pendidikan yang sentiasa memberi perhatian...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ringkaskan soalan Yang Berhormat Jelutong.

Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Ceramah kah ini?

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Bukan ceramah. Saya di sini ingin tanya untuk memberi keyakinan kepada masyarakat di luar sana yang telah mengundi Kerajaan Pakatan Harapan bahawa semua masalah dan kebajikan pelajar di sekolah-sekolah bukan sahaja di kawasan Jelutong, tetapi di seluruh negara akan diberi perhatian dan akan terpelihara.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Jelutong.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Terima kasih.

Puan Teo Nie Ching: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Jelutong atas soalan tambahan tersebut. Saya rasa ada dua bahagian dalam soalan tersebut. Satu adalah tentang aktiviti-aktiviti. Saya rasa aktiviti-aktiviti sama ada adalah lawatan ke muzium, ke tempat-tempat lain untuk tujuan PdP, kita memang amat menggalakkan untuk sekolah-sekolah masing-masing akan membuat peraturan masing-masing. Dari segi itu, saya rasa kita juga menggalakkan ibu bapa, persatuan PIBG untuk memberi sedikit sebanyak sumbangan supaya kita boleh mengadakan lebih banyak aktiviti yang akan membawa manfaat kepada murid-murid kita.

Jadi, saya rasa dari segi aktiviti itu kerana aktiviti boleh banyak, tiap-tiap bulan boleh ada di sekolah berbeza, boleh ada pelbagai aktiviti. Jadi saya rasa dari aktiviti kokurikulum, kita memang menggalakkan ibu bapa dan juga NGO-NGO ataupun pihak swasta juga terus memberi sumbangan supaya kita boleh bersama-sama bekerjasama untuk memperbanyakkan aktiviti yang akan memberi manfaat kepada murid-murid kita.

Bahagian kedua adalah tentang penyelenggaraan dan juga pembangunan sekolah. Saya dimaklumkan bahawa untuk dewan di SK Jelutong Barat ini sebenarnya mereka telah beberapa tahun mengemukakan permintaan untuk memperbaiki dewan tersebut. Saya tidak boleh jelas di sini kenapa permintaan tersebut tidak diambil berat sepanjang tiga tahun ini,

tetapi apa yang saya boleh janji di sini adalah dewan Sekolah Kebangsaan Jelutong Barat ini akan menjadi projek utama dan kita akan cepat siapkan. Sasaran kita adalah projek ini akan dilaksanakan pada awal tahun 2019 untuk membantu murid-murid kita di SK Jelutong Barat. Sekian, jawapan saya.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Terima kasih. Dalam Bajet 2018 misalnya, kita telah memperuntukkan RM2 bilion untuk memperbaiki sekolah daif di Sabah dan Sarawak, 2 ribu lebih kurang. Adakah projek itu diteruskan ataupun dibatalkan? Begitu juga RM500 juta untuk peningkatarafan sekolah-sekolah di Semenanjung, adakah ia diteruskan atau dibatalkan? Apakah perancangan yang telah diberikan oleh Kementerian Pendidikan untuk Bajet 2019 bagi memperbaiki sekolah-sekolah di Semenanjung, Sabah dan Sarawak? Terima kasih.

■1140

Puan Teo Nie Ching: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Pontian atas soalan tersebut. RM2.5 bilion itu adalah diperuntukkan untuk tahun 2018 dan untuk tahun 2019. Untuk segala projek yang diperuntukkan ataupun telah disenaraikan untuk tahun 2018 memang akan diteruskan dan soalan ke-10 adalah tentang projek sekolah-sekolah daif untuk Sabah dan Sarawak. Jadi saya rasa mungkinlah saya boleh jawab nanti supaya Yang Berhormat Pontian juga mengambil berat tentang sekolah daif ini, boleh dapat maklumat yang lebih lengkap terima kasih.

8. Datuk Haji Shabudin Yahaya [Tasek Gelugor] minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan apakah jaminan serta komitmen oleh pihak kementerian dalam mengharamkan penjualan minuman beralkohol.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tuan Chong Chieng Jen]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya isu pengharaman jualan minuman beralkohol serta pemberian lesen bukanlah di bawah bidang kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna tetapi untuk menjawab soalan yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Tasek Gelugor dan cadangan yang diadakan dalam soalnya iaitu mengharamkan penjualan minuman beralkohol.

Sebagai mana yang saya maklum adalah bukan polisi Kerajaan Pakatan Harapan untuk mengharamkan penjualan minuman beralkohol di pasaran. Sekian terima kasih.

Datuk Haji Shabudin Yahaya [Tasek Gelugor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapatkan penjelasan dengan lebih mendalamlah daripada pihak kerajaan sama ada di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri ataupun mana-mana kementerian lain yang terlibat sebab memang saya faham dalam isu penjualan alkohol ini ia melibatkan beberapa agensi dan jabatan. Penguatkuasaan undang-undang ini kita nampaknya macam *separate*. Kastam ada undang-undang sendiri, Kementerian Perdagangan ada undang-undang sendiri dan sebagainya.

Jadi itulah menyebabkan pelaksanaan kaedah dan cara jualan alkohol ini tidak dapat dikawal kerana masing-masing mengatakan bahawa tidak berbidang kuasa. Kita tanya satu kementerian lain, kementerian kata, "*Oh! Ini bidang kuasa lain, ini bidang kuasa orang lain.*" Oleh sebab itu soalan saya bertanya tentang komitmen kerajaan. Jadi kalau kerajaan melihat dan mengambil iktibar daripada keburukan penagihan alkohol yang tidak terkawal ini akan memberikan kesan yang cukup negatif dan akan menggugat kesejahteraan kehidupan rakyat dalam negara ini.

Kalau kita lihat terutamanya dalam isu, kita mempunyai penduduk pelbagai agama, pelbagai bangsa. Jadi seharusnya ada elemen komitmen daripada kerajaan untuk menghormati keperluan-keperluan dalam perbezaan agama, perbezaan budaya dan sebagainya dalam isu penagihan alkohol ini. Sekurang-kurangnya kerajaan memberikan satu garis panduan yang lebih tepat, lebih berkesan untuk memberikan satu rasa *secured* dan rasa sejahtera di kalangan rakyat yang berbilang agama, bangsa dan budaya ini dari segi urusan penagihan alkohol.

Dalam satu masalah lain kalau kita tengok penjualan alkohol ini terlalu berleluasa. Saya tidak mengatakan bahawa alkohol tidak boleh dijual kerana itu ada keperluan kepada...

Tuan Ma'mun bin Sulaiman [Kalabakan]: Soalan.

Datuk Haji Shabudin Yahaya [Tasek Gelugor]: Pengguna-pengguna, ya ke arah soalan-soalan saya. Keperluan kepada pengguna-pengguna yang bukan Islam, tidak apa. Akan tetapi kerajaan perlu mempunyai satu standard SOP di mana kalau hari ini kita tengok di kedai-kedai serbaneka 24 jam pun alkohol dijual dengan begitu bebas dan terbuka.

Jadi keadaan-keadaan ini akan mengundang suasana yang tidak baik. Saya nak tanya kalau kerajaan mempunyai satu dasar yang begitu tegas terhadap penjualan rokok, pengiklanan rokok, peningkatan harga rokok dan sebagainya dengan tujuan untuk mencegah penagihan rokok tetapi kenapa di dalam hal yang berkaitan dengan penagihan alkohol, kita tidak nampak satu komitmen yang bersepadu di antara semua agensi di dalam kerajaan ini. Jadi soalan saya...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Soalan, sila Yang Berhormat.

Datuk Haji Shabudin Yahaya [Tasek Gelugor]: Adakah kerajaan mempunyai satu garis panduan, SOP yang jelas terhadap isu menangani penjualan dan ketagihan alkohol?

Tuan Chong Chieng Jen: Soalan tambahan lebih panjang daripada jawapan saya. *[Dewan ketawa]* Akan tapi saya ingin, *just to clarify* kerana apa yang disebut dalam soalan asalnya adalah meminta kerajaan supaya memberi jaminan dan komitmen untuk mengaharamkan penjualan minuman beralkohol. Ini adalah satu pengharaman yang menyeluruh yang dicadangkan dalam soalan asal daripada Yang Berhormat Tasek Gelugor.

Saya rasa itu tidak munasabah dan itu pun ada elemen *extremism* dalam apa yang disebutkan. Akan tetapi kalau Yang Berhormat bercadang untuk mengawal selia dan tanya sama ada garis panduan mengenai penjualan alkohol dan Yang Berhormat ada sedikit keliru tentang nak tuju kepada kementerian manakah soalan itu harus ditujukan, saya rasa boleh benarkan saya memberi sedikit maklumat. Untuk pelesenan penjualan alkohol, ia adalah di bawah PBT, di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Saya yakin bahawa memang ada garis panduan untuk mengawal selia penjualan alkohol. Akan tetapi syarat yang terperinci lebih baiklah pegawai atau Menteri Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan memberi maklumat kepada Yang Berhormat. Sekian terima kasih.

Tuan Karupaiya Mutusami [Padang Serai]: Soalan tambahan.

Datuk Haji Shabudin Yahaya [Tasek Gelugor]: Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Bagan Serai.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya menjemput soalan tambahan dari...

Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Bagan Serai.

Tuan Karupaiya Mutusami [Padang Serai]: Padang Serai.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Padang Serai.

Tuan Karupaiya Mutusami [Padang Serai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih pada Yang Berhormat Tasek Gelugor yang membawa satu soalan yang bagus untuk kaum India. Di samping itu juga saya ingin bertanyakan pada pihak kerajaan, bukanlah semua alkohol ataupun samsu itu yang baik, ada yang tidak baik. Apa yang tidak baik itu adalah samsu haram di mana samsu ini adalah kerajaan ambil cukai...

Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Ada samsu halal? *[Ketawa]*

Tuan Karupaiya Mutusami [Padang Serai]: Kerajaan ambil cukai daripada samsu dan sebagainya. Selepas itu orang-orang yang minum samsu itu sakit dan dibawa ke hospital bagi ubat pula.

Itu sebab kita katakan samsu jangan dijual, diharamkan sebab itu akan rosakkan kebanyakan, terutama sekali pada kaum-kaum India. Ini menjadi satu masalah di kawasan-kawasan – boleh dikatakan di semua kawasan, yang banyak datang minta duit dekat Ahli Parlimen pun kaki-kaki mabuklah. *[Dewan ketawa]* Bila tidak ada duit, dia cari Ahli Parlimen

dan sebagainya. Cukai-cukai yang didapati daripada minuman keras, alkohol dan sebagainya masuk kepada kerajaan, kerajaan bayar gaji kita balik, itu pun haram pada kita. *[Disampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Padang Serai, sila ajukan soalan.

Tuan Karupaiya Mutusami [Padang Serai]: Saya bertanya soalan pada pihak kementerian, bolehkah samsu dihapuskan terus, tidak mahu ada samsu dalam negara kita. *[Dewan tepuk]* Terima kasih.

Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman]: Sokong, sokong.

■1150

Tuan Chong Chieng Jen: Itu satu isu atau soalan yang begitu serius dan *effect*-nya yang sangat luas. Saya rasa ini perlu dibawa ke dalam Jemaah Menteri untuk dipertimbangkan dan diputuskan. Sekian, terima kasih.

9. Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin] minta Menteri Pengangkutan menyatakan adakah kerajaan bercadang untuk menyemak semula jadual perjalanan yang kurang sesuai bagi kereta api komuter dan *Electric Train Service* (ETS) dari Gemas ke Kuala Lumpur.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Dato' Kamarudin Jaffar]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Tampin. Ini soalan yang halal, jawapannya pun halal.

Untuk makluman Yang Berhormat, KTMB pada masa ini masih belum ada perancangan untuk menyemak semula jadual perjalanan bagi perkhidmatan komuter dan ETS daripada Gemas ke Kuala Lumpur. Bagi perkhidmatan komuter buat masa ini KTMB menyediakan 27 perkhidmatan komuter sehari di laluan sektor Pulau Sebang iaitu Tampin, KL Sentral, Batu Caves.

Walau bagaimanapun, stesen Gemas yang terletak kira-kira 53 kilometer daripada stesen Pulau Sebang, Tampin tidak dijadikan sebagai stesen hentian bagi perkhidmatan komuter. Ini adalah kerana perkhidmatan komuter sebelum ini yang beroperasi di stesen Gemas tersebut terpaksa ditamatkan pada tahun 2016 setelah 10 bulan beroperasi disebabkan kurang mendapat sambutan penumpang. Berdasarkan statistik KTMB, bilangan penumpang perkhidmatan komuter di stesen Gemas pada tahun 2016 adalah hanya seramai 2,010 orang iaitu puratanya enam orang sehari berbanding 1,000,330,668 orang di Seremban, 89,553 penumpang di Sungai Gadut serta 135,297 penumpang di Pulau Sebang, Tampin pada tahun yang sama.

Bagi perkhidmatan ETS pula, buat masa ini KTMB menyediakan empat perkhidmatan bagi laluan Gemas ke KL Sentral, termasuk stesen-stesen utama di utara Semenanjung setiap hari. Penyusunan jadual *train* ETS ini banyak bergantung pada kerja-kerja projek menaik taraf landasan di Lembah Klang yang kini sedang giat dijalankan serta ketersediaan, *availability* dengan izin, set-set *train* ETS yang boleh diguna pakai untuk tujuan operasi.

Untuk maklumat Yang Berhormat juga pada masa ini KTMB memiliki 15 set *train* ETS yang aktif untuk tujuan operasi. Jumlah set ini masih tidak mencukupi bagi memenuhi permintaan orang ramai yang ingin menggunakan perkhidmatan ETS di seluruh negara.

Sehubungan itu, bagi menampung kekurangan set-set ETS sedia ada kerajaan telah meluluskan pembelian 19 tambahan set ETS baru yang masing-masing dijangka tiba bermula secara berfasa bulan Disember 2018 ini. Set yang seterusnya pada September 2021.

Perkhidmatan ETS dijangka akan meningkat selaras dengan pertambahan bilangan ETS baru ini termasuk perjalanan yang melibatkan dari Gemas ke Kuala Lumpur. Terima kasih.

Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin]: Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana menjawab dengan lengkap dan jelas. Soalan tambahan saya, kita dapati bahawa perjalanan ETS daripada Gemas ke Kuala Lumpur bermula daripada jam 7.40 pagi. Kita dapati perjalanan ini tidak memungkinkan sekiranya ada orang-orang di Gemas untuk bekerja di Kuala Lumpur menggunakan khidmat ETS untuk sampai ke Kuala Lumpur

memakan masa yang agak panjang. Apakah ada kemungkinan bahawa jam ini di kemudian ataupun dicepatkan lagi daripada yang sepatutnya supaya kebanyakan orang yang di Gemas itu dapat sampai ke Kuala Lumpur dan bekerja di Kuala Lumpur tepat pada waktu yang telah disediakan? Itu yang pertama.

Keduanya, apakah kalau kita dapati bahawa di Gemas itu sudah ada kem tentera. Kem Tentera ini ada dia punya perkhidmatan ataupun peruntukan untuk perjalanan menggunakan perkhidmatan komuter. Jadi, apakah ada cadangan untuk meneruskan kembali perkhidmatan komuter itu daripada Gemas ke Kuala Lumpur? Terima kasih.

Dato' Kamarudin Jaffar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebagaimana yang saya maklumkan tadi, satu sebab tentang penjadualan *train* ETS ini ialah kerana ianya tertakluk kepada kerja-kerja penambah baikkan laluan *train* yang mana sudah tentu apabila penambahbaikan itu sedang berjalan, *trains* tidak boleh menggunakan laluan tersebut.

Walaupun bagaimanapun, sebagaimana Yang Berhormat Tampin sebutkan tadi, selain daripada yang 7.40 pagi berlepas daripada Gemas, satu lagi ialah 3.10 petang yang juga berlepas daripada Gemas. Saya bersetuju bahawa ianya tidak dapat misalnya disesuaikan dengan masa kerja yang perlu sampai kalau ianya perlu sampai di Kuala Lumpur pada pukul lapan pagi misalnya. Jadi perkara ini tidak dapat dielakkan oleh sebab-sebab penambah baikkan yang saya sebutkan tadi dan juga oleh sebab kurangnya set-set *train* ETS yang juga saya sebutkan tadi.

Oleh sebab itu saya fikir walaupun kita lihat ada kem tentera tetapi setakat ini walaupun jadualnya sedemikian rupa, mengikut rekod kami penggunaan ETS daripada stesen Gemas adalah amat baik iaitu pada tahun 2016 misalnya sejumlah 133,898 penumpang menggunakannya. Manakala pada tahun 2018 sehingga kini sudah 113,200 penumpang menggunakannya. Jadi, saya boleh maklumkan bahawa penggunaan *train* ETS setakat ini adalah amat menggalakkan. Oleh sebab itu jika kita mula mempunyai set-set *train* baru yang saya sebutkan akan mula sampai pada Disember 2018 ini, saya percaya pertimbangan akan diberikan supaya jadual di Gemas ini akan disesuaikan lagi dengan sebagaimana permintaan Yang Berhormat itu. Terima kasih.

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya ialah berkaitan dengan apakah kerajaan berhasrat untuk melihat semula perjalanan kereta api laluan Tumpat ke Kuala Lumpur? Ini kerana selepas daripada banjir besar tahun 2014, perjalanan Tumpat ke Kuala Lumpur telah ditiadakan, hanya ke Gemas dan menyebabkan pengguna terpaksa mengambil *train* yang lain untuk ke Kuala Lumpur. Jadi, ini soalan saya. Terima kasih.

Dato' Kamarudin Jaffar: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Krai. Sebagaimana Yang Berhormat maklum saya amat berminat dan memberi tumpuan kepada perkhidmatan *train* khususnya di Pantai Timur hingga ke Tumpat itu. Jadi, oleh sebab saya telah pun jawab dalam soalan beberapa minggu yang lalu bahawa laluan kereta api antara Tumpat dengan Kuala Krai dengan Gua Musang, seterusnya ke Kuala Lipis masih lagi dalam peringkat penambah baikkan dan sebagainya, maka saya juga akan memberi perhatian apabila penambah baikkan ini akhirnya selesai, penerusan dan penambahbaikan *train* ini akan juga kita susuli. *Insyallah*.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Terima kasih. Berkenaan dengan daripada kereta api kita berhijrah ke Lapangan Terbang Pulau Pinang.

■1200

Kelmarin dipaparkan dalam surat khabar Lapangan Terbang Pulau Pinang dibanjiri daripada *Penang International Airport* tukar macam *Penang International Swimming Pool*.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, soalnya dari Gemas ke Kuala Lumpur. Tidak masuk Penang.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Ya bukan. Soalnya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan.

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Keluar tajuk ini.

Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]: Boleh, *means* Segamat tanya satu soalan tambahan untuk yang daripada stesen kereta api daripada Gemas juga kalau dibenarkan.

Tuan Yang di-Pertua: Sudah habis masa. Pukul 12 ini.

Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]: Tuan Yang di-Pertua, ada pelajar-pelajar datang daripada Segamat.

Tuan Yang di-Pertua: Daripada Gemas?

Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]: Daripada Segamat, Gemas. Kalau boleh bagilah satu peluang.

Tuan Yang di-Pertua: Satu minit, satu minit.

Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama sekali saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pelajar-pelajar sekolah Tamil yang hadir pada hari ini. [*Tepuk*] Selamat datang ke Parlimen pertama kali.

Soalan kepada kakanda saya Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan. Saya hendak tanya mengenai stesen kereta api yang kita bawa daripada Batu Anam dan juga sebagainya. Saya difahamkan apabila Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan bahawa tidak cukupnya penggunaan ataupun penumpang. Adakah kerana Gemas itu merupakan satu bandar kebetulan berada di seberang sungai di Segamat.

Maknanya Segamat adalah bandar yang besar dan merupakan bandar pentadbiran dan bandar kelima terbesar di negeri Johor. Maka kalau stesen ETS yang bakal akan dilaksanakan kalau ia bermula daripada Segamat, saya yakin frekuensi itu akan menolong masa dan juga penambahan penumpang itu sendiri.

Maka kalau boleh saya cadangkan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan apabila sudah adanya aset-aset dan sudah ada jalan raya itu diadakan, maka mohon diadakan satu titik permulaannya adalah daripada Segamat ke Kuala Lumpur dan juga masa yang sesuai agar orang boleh pergi bekerja di Kuala Lumpur mahupun seperti saya sendiri. Saya hendak tolong KTM ini. Kalau boleh saya hendak daripada Kajang ke Segamat untuk bekerja sebagai Ahli Parlimen. Saya mohon Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab. Terima kasih.

Dato' Kamarudin Jaffar: Terima kasih Yang Berhormat Segamat. Saya boleh laporkan di sini bahawa Yang Berhormat Segamat amat memberi perhatian yang cukup berat kepada kebajikan masyarakatnya di Segamat. Beliau telah beberapa kali membangkitkan tentang perkhidmatan KTMB yang melibatkan Stesen Segamat, Stesen Batu Anam dalam Kamar Khas dan di Dewan ini.

Jadi sudah tentu apa yang diutarakan oleh Yang Berhormat Segamat itu akan kita berikan perhatian. Inilah hasrat kita, ini hasrat kementerian kita, inilah hasrat kementerian ini untuk membantu semua orang yang memerlukan perkhidmatan kita dengan secara yang terbaiknya. Sama ada daripada Yang Berhormat Segamat, sama ada yang berkaitan dengan Yang Berhormat Jelutong, sama ada yang berkaitan dengan sahabat saya Yang Berhormat Kuala Krai dan yang lain-lain, *insya-Allah*. [*Tepuk*]

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Dengan itu tamatlah sesi jawab lisan. Kita teruskan.

[Sesi untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

12.03 tgh.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga pukul 10.30 malam dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi hari Rabu, 31 Oktober 2018.”

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Mohd Azis bin Jamman]: Tuan Yang di-Pertua, Sepanggar menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA

ISU BERKENAAN PERTANYAAN-PERTANYAAN KEPADA MENTERI-MENTERI DI BAWAH P.M. 21(1)(a)

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, pada Khamis 25 Oktober 2018 semasa sesi pertanyaan bagi jawab lisan, Yang Berhormat Ayer Hitam telah membangkitkan Peraturan Mesyuarat 21(1)(a) dan memohon petua daripada Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat berhubung pertanyaan Yang Berhormat Saratok kepada Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri yang dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Hal Ehwal Ekonomi bagi pihak Menteri Dalam Negeri yang dianggap sebagai tidak menghormati Ahli Parlimen.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Peraturan Mesyuarat 21(1)(a) memperuntukkan seperti yang berikut, pertanyaan-pertanyaan boleh diarahkan kepada menteri-menteri berkenaan dengan hal-hal yang dalam jawatan urusan mereka. Merujuk kepada Peraturan Mesyuarat 21(1)(a) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat, Ahli-ahli Dewan boleh mengemukakan pertanyaan kepada mana-mana menteri berkenaan dengan hal-hal yang dalam jawatan urusan mereka.

Perkara ini adalah selaras dengan amalan di *House of Commons United Kingdom* seperti yang dinyatakan dalam buku *Erskine May's Treatise on The Law, Privileges, Proceedings and Usage of Parliament 24th edition, 2011* pada muka surat 357. Saya petik, “*Questions to ministers. Questions addressed to ministers should relate to the public affairs with which they are officially connected to proceeding spending in Parliament or to matters of administration for which they are responsible*”. Di muka surat 360 berbunyi, *ministerial responsibility. Questions to ministers must relate to matters or which those ministers are officially responsible*”.

Peraturan Mesyuarat 24(1) memperuntukkan seperti yang berikut, “*Jika sesuatu pertanyaan itu berkehendakkan jawapan lisan dan Tuan Yang di-Pertua tidak memerintah supaya dikeluarkan jawab bertulis, maka Tuan Yang di-Pertua apabila sampai kepada pertanyaan itu dalam Aturan Urusan Mesyuarat hendaklah memanggil Ahli yang bertulis namanya pada pertanyaan itu. Ahli yang dipanggil itu hendaklah berdiri pada tempatnya dan*

mengeluarkan pernyataan itu dengan menyebut bilangan pertanyaannya dalam Aturan Urusan Mesyuarat dan mana-mana menteri boleh menjawabnya”.

Merujuk kepada Peraturan Mesyuarat 24(1) tersebut, ianya adalah sebagai peruntukan yang menyentuh hanya cara, mengeluarkan dan menjawab pertanyaan. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya berpandangan bahawa Peraturan Mesyuarat 24(1) hanya menyentuh cara mengeluarkan dan menjawab pertanyaan serta bersifat umum yang membenarkan mana-mana menteri untuk menjawab apa-apa pertanyaan-pertanyaan yang dikemukakan.

Manakala Peraturan Mesyuarat 21(1)(a) pula menetapkan pertanyaan-pertanyaan hendaklah ditujukan kepada menteri-menteri berkenaan dengan hal-hal yang dalam jawatan urusan mereka secara khusus. Peraturan Mesyuarat 21(3) pula menghendaki menteri yang menjawab harus mempunyai pengetahuan istimewa tentang hal perkara yang ditanya. Peraturan Mesyuarat tersebut memperuntukkan seperti yang berikut. Tujuan yang sebenarnya mengeluarkan sesuatu pertanyaan ialah kerana mendapat penerangan berkenaan dengan sesuatu perkara hakikat yang dalam pengetahuan istimewa Ahli yang diarahkan pertanyaan itu.

Oleh yang demikian, walaupun Peraturan Mesyuarat 24(1) membenarkan mana-mana menteri untuk menjawab pertanyaan-pertanyaan yang dikemukakan, namun Peraturan Mesyuarat 21(1)(a) dan 21(3) menetapkan pertanyaan-pertanyaan hendaklah dijawab oleh menteri yang dipertanggungjawabkan dengan hal-hal yang dalam jawatan urusan mereka dan mempunyai pengetahuan istimewa tentang hal perkara yang ditanya.

Hal ini adalah sejajar dengan semangat *Maxim Latin, Generalia Specialibus Non-Derogant* yang bermaksud, “*the general does not detract from the specific.*” “*The maxim suggests that courts prefer specific provisions over provisions of general application where the provisions are in conflict.*”

Justeru, saya menegaskan bahawa menteri atau timbalan menteri yang dipertanggungjawabkan dengan hal-hal yang dalam juruan jawatan urusan mereka perlulah hadir bagi menjawab setiap pertanyaan yang dikemukakan semasa persidangan Parlimen berlangsung.

Hal ini juga adalah selaras dengan amalan seperti yang dinyatakan dalam buku *Erskine May’s Treatise on The Law Privileges, Proceedings and Usage of Parliament 24th edition, 2011* pada muka surat 357. “*The central importance of ministerial responsibility to the procedure has been strongly emphasized by the Speaker, a question should be addressed to the minister who is primarily responsible.*”

Kesimpulannya, pertanyaan-pertanyaan yang dikemukakan kepada menteri adalah tertakluk kepada peruntukan di bawah Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat dan juga selaras dengan konvensyen yang diamalkan di negara luar.

■1210

Justeru, saya sekali lagi ingin menegaskan bahawa menteri atau timbalan menteri yang dipertanggungjawabkan dengan hal-hal yang dalam jawatan urusan mereka perlulah hadir bagi menjawab setiap pertanyaan yang dikemukakan. Sekian, terima kasih. [*Tepuk*]

USUL

KAJIAN SEPARUH PENGGAL RANCANGAN MALAYSIA KESEBELAS

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

“Bahawa Dewan ini,

menyedari akan cabaran untuk mengekalkan kestabilan ekonomi dan mencapai pertumbuhan yang mampan dengan mengambil kira perubahan

trend ekonomi global, kedudukan kewangan kerajaan serta pencapaian dua tahun pertama, 2016-2017 Rancangan Malaysia Kesebelas;

merestui usaha kerajaan baharu pimpinan Pakatan Harapan untuk menambah baik dan memperkukuh agenda pembangunan negara berasaskan prinsip pertumbuhan dengan ekuiti ke arah mencapai status negara maju dan inklusif selaras dengan aspirasi Wawasan 2020;

meluluskan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas bagi tempoh 2018-2020 yang memberi keutamaan dan penekanan baharu ke atas dasar, strategi dan inisiatif sedia ada serta memperkukuh tadbir urus bagi mencapai pertumbuhan sosioekonomi yang lebih inklusif dan mampan ke arah meningkatkan kesejahteraan rakyat menurut Kertas Perintah CMD.22 Tahun 2018; dan

Bahawa dalam meluluskan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas, Dewan yang mulia ini menyeru seluruh rakyat Malaysia berganding bahu untuk memastikan pertumbuhan ekonomi negara kekal mampan serta pengagihan kekayaan dibuat secara telus, adil dan saksama." [29 Oktober 2018]

Tuan Yang di-Pertua: Minta Menteri di Jabatan Perdana Menteri menjawab. Dalam senarai yang diberikan, dipersilakan Yang Berhormat Ahli Parlimen Batu Sapi.

Akan tetapi sebelum itu, Yang Berhormat, saya ingin mengemukakan iaitu setiap Menteri diberi masa di antara 40 minit hingga 45 minit untuk menjawab sebab ramai. Senarainya agak panjang. Jadi, kalau kita boleh hadkan kepada 40 minit atau 45 minit, itu adalah yang terbaik. Terima kasih. Yang Berhormat Menteri, silakan.

12.11 tgh.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]: Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam sesi Perbahasan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas yang melibatkan 17 agensi di bawah kementerian Jabatan Perdana Menteri yang menjaga undang-undang. Segala cadangan, pandangan dan juga teguran oleh Ahli-ahli Yang Berhormat amatlah saya hargai dan akan diberi perhatian yang sewajarnya.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, ada lebih kurang seratus soalan atau cadangan yang diterima untuk dijawab. Oleh demikian, saya akan cuba menjawab sekurang-kurangnya dua soalan daripada setiap agensi dalam masa yang diberikan oleh Tuan Yang di-Pertua. Pada masa yang sama, Tuan Yang di-Pertua, saya juga diamanatkan untuk menggulung bagi pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri bagi isu bencana seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bukit Bendera dan juga Ahli Parlimen Papar. Sekiranya masa tidak mencukupi, maka jawapan secara bertulis akan disediakan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Pengerang— tidak ada di sini.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak ada.

Datuk Liew Vui Keong: Jadi, tidak payah jawab?

Tuan Yang di-Pertua: Jawapan bertulis sahaja.

Datuk Liew Vui Keong: Jawapan bertulis. Yang Berhormat bertanya mengenai isu Parlimen dan juga bersama dengan Yang Berhormat daripada Santubong. Tidak ada di sini.

Tuan Yang di-Pertua: Juga tidak ada.

Datuk Liew Vui Keong: Jadi, saya akan terus pergi kepada Yang Berhormat Bandar Kuching yang telah pun mencadangkan...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Bandar Kuching pun tidak ada. Jawapan bertulis.

Datuk Liew Vui Keong: Juga jawapan bertulis. Yang Berhormat daripada Kuala Terengganu? Ada?

Tuan Yang di-Pertua: Tidak ada.

Datuk Liew Vui Keong: Tidak ada.

Tuan Yang di-Pertua: Jawapan bertulis.

Datuk Liew Vui Keong: Jadi...

Tuan Yang di-Pertua: Jadi, selepas ini siapa yang bertanya harus hadirilah.

Datuk Liew Vui Keong: Yang Berhormat daripada Batu Kawan?

Tuan Yang di-Pertua: Ada.

Datuk Liew Vui Keong: Yang Berhormat telah pun bertanya mengenai isu mencadangkan hukuman gantung kepada pesalah berkaitan dengan penyalahgunaan dadah dimansuhkan.

Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan telah pun mengadakan satu kajian yang telah pun dijalankan oleh I-CeLLS iaitu berhubung dengan hukuman mati. I-CeLLS merupakan suatu organisasi di bawah naungan Jabatan Peguam Negara dan seorang yang bernama Profesor Roger Hood dari University of Oxford yang merupakan salah seorang pakar terulung di dunia, telah pun dilantik sebagai perunding bagi kajian tersebut. Kajian tersebut telah mengkaji semua akta yang memperuntukkan hukuman mati serta amalannya di Malaysia dan telah mengambil kira pandangan awam berhubung hukuman mati dan membuat analisa undang-undang dan juga amalan hukuman mati di Malaysia dan antarabangsa.

Jadi, kerajaan mengambil maklum cadangan yang dibuat oleh Yang Berhormat Batu Kawan. Pelaksanaan memansuhkan hukuman mati akan melibatkan semua perundangan yang sedia ada di negara ini iaitu, Tuan Yang di-Pertua, melibatkan 32 kesalahan di bawah lapan akta yang terdapat di negara ini.

Untuk makluman Yang Berhormat Batu Kawan juga, mengenai penyalahgunaan dadah, ini adalah menjadi satu isu yang terbesar di negara kita memandangkan statistik yang telah pun diberi oleh pihak penjara di mana kita mendapati terdapat 65,222 pesalah yang berada di penjara di negara kita ini. Daripada 65,222 pesalah ini, kurang lebih terdapat 36,313 adalah pesalah yang telah pun melibatkan dadah berbahaya dan ini *make-up* of kurang lebih 55 peratus pesalah yang berada di dalam penjara kita.

Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: [Bangun]

Datuk Liew Vui Keong: Saya telah pun dimaklumkan pada minggu lalu bahawa terdapat 59,997 tetapi kini pada hari ini telah meningkat 5,225 dalam masa seminggu sahaja. Ini telah pun *overpopulated* kita punya penjara dan ini disebabkan ramai pesalah yang terlibat dalam kesalahan guna dadah yang telah pun dibangkitkan oleh Yang Berhormat Batu Kawan. Jadi, kita kena mengambil...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Bagan Serai minta laluan.

Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Yang Berhormat Menteri. Boleh? Sedikit.

Datuk Liew Vui Keong: Sedikit? Boleh.

Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Berkenaan dengan hukuman mati berkenaan dadah tadi, kita dapati banyak juga negara yang telah tidak melakukan undang-undang ini dan juga ada negara-negara yang memang tidak ada undang-undang mati tentang perkara yang lain.

Walau bagaimanapun, undang-undang dadah bila diadakan di Malaysia tetapi keadaan dadah tidaklah jadi baik sampai sekarang. Jadi, saya nak tanya kepada Yang Berhormat Menteri, Bagaimana pula kalau kes-kes yang melibatkan keldai dadah? Dia tidak tahu ataupun kes-kes yang teraniaya. Orang letak barang dalam beg kita. Kita tidak tahu

dan kita tertangkap. Maka, tidak ada jalan lain kecuali hukum gantung sampai mati. Adakah ini adil dalam soalan ini? Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Datuk Liew Vui Keong: Untuk makluman Yang Berhormat, terdapat 142 buah negara daripada 193 buah negara di dunia ini yang telah pun memansuhkan hukuman mati ataupun tidak menjalankan hukuman mati langsung walaupun hukuman tersebut masih lagi wujud dalam akta negara mereka. Akan tetapi, kita dapat lihat bahawa hanya ada empat negara sahaja dalam dunia ini pada setakat ini yang menjalankan hukuman mati iaitu negara China, negara Iraq, di *Saudi Arabia*— salah satu negara— dan juga negara Singapura yang baru-baru ini telah pun menjalankan hukuman gantung sampai mati.

Kita dapat lihat bahawa isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi di mana kita mendapati banyak keldai ataupun *mule* yang telah pun dipergunakan oleh pihak tertentu untuk mengedar dadah. Walau bagaimanapun, isu-isu tersebut telah pun dibicarakan dan mahkamah telah pun mengambil keputusan dan membuat keputusan untuk menjatuhkan hukuman mati terhadap mereka yang dituduh.

Akan tetapi, proses di mahkamah ini, Tuan Yang di-Pertua, kadangkala mengambil masa kerana ia akan bermula di Mahkamah Tinggi dan selepas Mahkamah Tinggi telah pun menjatuhkan hukuman mati dan tertuduh itu berhak untuk secara automatik merayu kepada Mahkamah Rayuan (*Court of Appeal*).

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: [Bangun]

Datuk Liew Vui Keong: Proses itu mengambil masa mungkin setahun ataupun dua tahun, terpulung kepada *the process* daripada pihak pendakwaan ataupun daripada pihak perayu.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Minta penjelasan.

Datuk Liew Vui Keong: Pada masa yang sama, sekiranya perayu dalam Mahkamah Rayuan (*Court of Appeal*) telah pun gagal, dia akan secara automatik akan pergi ke Mahkamah Persekutuan. Hanya apabila Mahkamah Persekutuan membuat keputusan yang muktamad sahaja, maka pesalah itu akan dibawa ke penjara untuk menunggu pelaksanaan hukuman mati. Akan tetapi pelaksanaan itu kena tunggu dengan persetujuan daripada Tuanku di bawah Persidangan Lembaga Pengampunan dan selepas itu sahaja akan menjalankan pelaksanaan.

■1220

Ini akan mengambil proses Yang Berhormat kerana ini akan saya difahamkan mengambil proses kurang dari 10 tahun ada dan juga ada yang telah pun dipenjarakan selama 20 tahun. Ada satu kes yang telah pun difahamkan di Johor di mana beliau telah pun meninggalkan dunia sambil menunggu pelaksanaan gantung mati dan beliau meninggalkan dunia di penjara.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Ayer Hitam minta penjelasan.

Datuk Liew Vui Keong: Jadi inilah proses...

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Minta penjelasan, Yang Berhormat.

Datuk Liew Vui Keong: Ya, boleh Yang Berhormat Ayer Hitam.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya sempat membangkitkan isu hukuman mati ini. Saya hendak dapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat sebenarnya kelmarin saya ada membangkitkan apakah kerajaan boleh mengizinkan *Parliamentary Select Committee* ditubuhkan untuk kita melihat memperihalkan kekhuatiran rakyat terhadap hukuman mati ini kalau dimansuhkan secara tergesa-gesa. Perkataan yang saya gunakan jangan buat secara tergesa-gesa.

Jadi saya faham kerajaan ada melalui satu kajian I-CeLLS. Zaman saya jadi Menteri dalam Kabinet pun kita buat pertimbangan terhadap itu. Oleh sebab itulah Akta Dadah Berbahaya 1952 telah kita buat pindaan iaitu daripada kenakan hukuman mati mandatori, ianya telah diubah kepada 15 sebatan dan *life imprisonment* atau kedua-duanya. Ini adalah antara pembaikan yang telah dibuat sebagai satu cara penyelesaian yang dikatakan mungkin ada silap hukum dalam soal ini.

Pertanyaan saya kepada Yang Berhormat Menteri, walaupun baru-baru ini ada Yang Berhormat Menteri, Timbalan Menteri berpendapat bahawa masih ada lagi kes-kes

yang silap hukum. Kenapa tidak kita melihat elemen yang ada dalam Akta Dadah Berbahaya 1952 kita perketatkan.

Sebagai contoh, saya dapati Yang Berhormat Timbalan Menteri daripada pihak sana pernah mengatakan, "Oh, oleh kerana kita masih perlukan *certification* daripada pihak AG yang mengatakan orang ini bekerjasama dengan pihak yang melakukan siasatan, baru boleh kita gunakan ini, bukan secara bulat-bulat diserahkan kepada hakim". Jadi soalan saya kenapa tidak ianya kita buat pindaan dan menyempurnakan klausa yang ada, yang pertama.

Kedua, ini bukan satu perkara biasa ia luar biasa. Di Singapura pun mereka ada seksyen yang sama kalau tidak silap saya dalam seksyen di Singapura pun mereka membenarkan perkara yang sama dalam seksyen 33(B) *Misused of Drugs Act* yang mana hakim itu buat keputusan tetapi mesti disokong oleh pihak yang mendakwa. Jadi saya dalam kes ini saya hendak tanya, adakah kerajaan bersedia melihat kembali mana kecacatan yang ada, itu pertama.

Kedua, Yang Berhormat pernah menyebut tentang *victim compensation fund*. Itu yang saya rasa dari segi pemahaman kita apabila Yang Berhormat mengatakan boleh gunakan duit ikat jamin itu ianya tidak meyakinkan orang. Jadi apakah pandangan Yang Berhormat kerana setahu saya yang membunuh orang susah ataupun mustahil dijamin keluar. Jadi apa pandangan Yang Berhormat supaya dapat kita mendapat pencerahan tentang perkara ini. Terima kasih, Yang Berhormat.

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: Yang Berhormat, boleh saya mencelah isu yang sama.

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Yang Berhormat minta perkara yang sama tetapi berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat Kota Baharu, silakan.

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Saya berminat untuk bertanya Yang Berhormat Menteri mengenai hukuman mati yang sekarang ini yang telah menjadi undang-undang di dalam negara kita untuk beberapa kesalahan termasuk hukuman mati mandatori di dalam Akta Dadah Berbahaya 1952.

Kalau kita teliti dalam berita yang terbaru, malam tadi seorang bekas Hakim Mahkamah Rayuan Malaysia yang juga merupakan Pesuruhjaya SUHAKAM iaitu Datuk Mah Weng Kwai dalam satu forum yang bertajuk, "*Death Penalty - Is it a Deterrent?*". Dia mengatakan bahawa hukuman mati yang ada di dalam undang-undang di negara kita sekarang ini didapati kurang berkesan ke arah untuk mencegah jenayah yang meletakkan hukuman mati ini kerana pelaksanaan ataupun *execution of the death penalty* ini dibuat dengan penuh kerahsiaan, itu istilahnya penuh *secrecy*. Dia diadakan di satu tempat yang tidak ada orang boleh melihat kecuali beberapa orang majistret, doktor dan sebagainya.

Dia mencadangkan, kenapa tidak pelaksanaan hukuman mati ini kalau kita tengok dalam satu portal dia sebut, "Kenapa tidak buat hukuman mati di khalayak ramai?". Itu pandangan dia sebagai satu *deterrent*, satu perkara yang boleh mencegah pengulangan ataupun penulatan kesalahan berat ini. Jadi apakah pandangan kerajaan dalam hal ini mengikut pandangan yang telah diberikan oleh seorang yang cukup pakar sebagai hakim, peguam dan juga SUHAKAM itu sendiri. Terima kasih.

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: Yang Berhormat, boleh saya celah sedikit, isu yang sama mungkin— boleh jawab. Okey, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Kuala Kedah ya silakan.

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Bagi kesalahan macam dadah dan juga terutamanya *drug mule* itu saya faham hukuman mati sama sekali tidak wajar dan kita juga sering merayu rakyat kita dikecualikan daripada hukuman mati apabila tertangkap sebagai *drug mule* tetapi apa yang saya kurang faham, apakah *maxim* bahawa kalau kita menghapuskan hukuman mati mandatori maka kita kena hapuskan untuk semua kesalahan.

Oleh sebab ada kes pembunuhan yang sadis, yang tragik macam di Mahkamah Shah Alam minggu lepas pembunuhan cukup tragis seorang lelaki masuk dia mengikat kaki tangan seorang wanita yang menjaga anaknya dalam masa *puerperium*, masa bulan pantang

menyumbat mulutnya hingga maut. Keadaan begitu agak sukar untuk keluarga menerima dan untuk keluarga yang terlibat mendapat akhirnya *relief* dan *conclusion* daripada keadaan itu. Kalau cuma berlaku penjara yang dilihat jauh lebih *lenient* lah, saya minta pandangan Yang Berhormat. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan, Yang Berhormat Menteri.

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu kepada soalan yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ayer Hitam. Untuk makluman Yang Berhormat Ayer Hitam bahawa kerajaan tidak tergesa-gesa untuk memansuhkan hukuman mati ini seperti Yang Berhormat telah pun katakan bahawa kerajaan terdahulu telah pun menjalankan ujian seperti yang saya katakan I-CELLS tidak silap saya ialah pada tahun 2013 tetapi pada masa itu kerajaan mungkin kurang dia punya *political will to go through* untuk membawakan cadangan ini untuk memansuhkan hukuman mati sama sekali.

Yang Berhormat telah pun membangkitkan juga mengenai seksyen 39(B) di mana ia telah pun memberi budi bicara kepada pihak hakim untuk sama ada menjatuhkan hukuman mati gantung sampai mati ataupun seumur hayat. Akan tetapi dalam seksyen itu terdapat kondisi, *condition* yang tertentu iaitu pihak mahkamah kena memuaskan hati bahawa terdapat *evidence* iaitu tidak ada keterangan jual beli dadah yang berbahaya itu di antara orang yang kena tahan dan juga orang yang menangkapnya.

There is no evidence of buying and selling dan satu lagi *conditionnya* ialah tidak ada penglibatan ejen *provocateur* dan juga orang yang terlibat dalam pengedaran itu hanya terlibat daripada segi *transportation, carrying* ataupun *sending or delivering dangerous drug* dan bukan atau dan pada masa yang sama orang yang didapati bersalah itu kena terlibat dalam mendorong pihak agensi, *enforcement agency* dalam *disrupting drug trafficking activity with or outside Malaysia*.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, dalam *condition* sedemikian yang telah pun diberikan di bawah seksyen 39(B) *amendment* ini memberikan satu *condition* yang begitu ketat sekali di mana hakim tidak ada kebebasan untuk memberi budi bicara.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri.

Datuk Liew Vui Keong: ..Kita dapat lihat dalam kes Lokman, dalam kes Lokman, The Doktor Ganja kes. Kenapa hakim tidak menggunakan seksyen ini untuk memberikan Doktor Lukman hukuman seumur hidup *instead* hakim itu tidak ada *power because there is no discretionary power are given because they must satisfy that requirement* dan juga...

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Terima kasih, Yang Berhormat...

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri sedikit penjelasan.

■1230

Datuk Liew Vui Keong: Sebentar, mengenai kes di Singapura di mana kononnya pihak pendakwaan kena mengeluarkan satu *certification* dan *certification* itu dikeluarkan oleh pihak pendakwaan sebelum pihak hakim boleh menggunakan dia punya budi bicara tidak menjatuhkan hukuman gantung mati. *Certification* itu dikeluarkan yang kena mengatakan bahawa pihak tertuduh ataupun pihak yang telah pun didapati bersalah itu telah pun *assisted* pihak polis dalam siasatan pengedaran dadah. *So, this is a very tight requirement* di mana tidak ada kes lagi di mana pihak pendakwaan telah pun memberi *certification* di Singapura kalau saya tidak silap.

Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]: [Bangun]

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Okey.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Yang Berhormat Menteri.

Datuk Liew Vui Keong: Jadi, saya berikan kepada pihak..

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, beri peluang kepada Yang Berhormat Batu Kawan dulu..

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Batu Kawan bangun awal tadi. Ya, silakan Yang Berhormat Batu Kawan.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri di atas jawapan tadi. Saya berpendapat bahawa negara Singapura dengan izin, *is hardly the exemplary country that we should use for combating drug related offences* seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Ayer Hitam. Memandangkan walaupun pindaan telah dibuat *to remove mandatory death penalty*, tetapi dengan izin, *no, you cannot guarantee there will be no miscarriage of justice*, yang ini adalah penting. Saya ingin bertanya di sini, apakah tindakan sekiranya hukuman gantung dikeluarkan bagi jenayah-jenayah berkaitan dengan 39B, maka adakah ia retrospektif atau retroaktif?

Saya juga ingin menegaskan selagi lagi dalam Dewan yang mulia ini, kes Shahrul Nizam seorang budak lelaki yang didapati meminjam motor kawannya pada umur 18 tahun dan dituduh di bawah 39B, didapati bersalah dan tahun ini telah menyambut hari jadinya yang ke-34. 16 tahun dalam penjara di atas tuduhan 39B, walhal beliau adalah seorang keldai dadah. Jadi saya juga ingin mendapatkan penjelasan Yang Berhormat Ayer Hitam, *do you think that the government is rushing into this, 16 years Shahrul Nizam has spent his time under the death penalty and you think the government is rushing? I think your government didn't do enough to protect all those who are under death penalty and when we want to do something right, you say we are rushing through it.* Terima kasih, Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Yang Berhormat Menteri, minta..

Tuan Yang di-Pertua: Ada dua yang berdiri sekarang Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Ayer Hitam dan Yang Berhormat Bukit Gelugor.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Boleh saya?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Bukit Gelugor dulu. Ya, sila.

Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Berkenaan dengan isu *death penalty* ini. *Death penalty* ini telah pun untuk kes dadah, diperkenalkan melalui satu pindaan Akta Dadah Berbahaya, kalau tidak silap saya dalam tahun 1984 ataupun 1983. *Now*, sebelum itu keadaan undang-undang adalah seperti di India di mana hakim mempunyai *discretion* untuk melaksanakan hukuman tersebut atau tidak.

Saya ada tiga persoalan yang timbul. Dari tahun 1984 sejak pindaan itu diperkenalkan sehingga sekarang, di mana hukuman gantung itu telah pun dijadikan mandatori. Adakah Yang Berhormat Menteri mempunyai statistik yang menunjukkan bahawa, *the incidents of drug trafficking* telah pun kurang akibat *death penalty* tersebut? *In other words*, kita boleh *measure* sama ada *death penalty* itu telah pun berjaya untuk mengurangkan kes-kes *drug trafficking*.

Berkenaan dengan yang keduanya, *drug trafficking*. Saya hendak tanya pihak Yang Berhormat Menteri. Kalau saya jual dadah kepada Yang Berhormat Menteri, *of course* kita tidak akan buat yang demikian. Akan tetapi, ini adalah satu contoh. Tidak tahu kalau Yang Berhormat Menteri hendak beli, itu lain punya cerita. *[Ketawa]*. Akan tetapi, *no, seriously*, kalau saya berniat untuk berbuat demikian. *If we want to sell, if I want to sell a drug to Mr A, I enter into a contract with Mr A.* Saya masuk ke dalam satu kontrak dengan Encik A. Encik A secara rela, 'secara rela' saya perlu tekankan perkara tersebut -- membeli dadah itu daripada saya.

Saya tidak memaksa Encik A untuk membeli dadah tersebut. Jadi, adakah saya, adakah wajar untuk saya digantung mati? Dalam keadaan tersebut, di mana Encik A dengan relanya mahu membeli dadah itu daripada saya. Saya tidak mengatakan di sini bahawa saya tidak patut dihukum. *Of course*, dalam keadaan saya menjual dadah tersebut, *of course I should be punished but with death? With death? Are you going to take my life away for selling?* Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *a drug to a party who voluntarily wants to buy it?* Ini adalah perkara lain. Kalau kita bandingkan perkara ini kepada, *of course* saya perlu dihukum, dipenjarakan untuk beberapa tahun. *No doubt about that.* Saya telah pun melakukan kesalahan.

Ketiga Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengakhiri isu ini. Keadaan di Singapura, kita telah pun mendengar Yang Berhormat rakan saya dari Ayer Hitam yang telah

pun menimbulkan keadaan di Singapura. *Now*, sebelum kita tukar kerajaan. Dalam zaman Barisan Nasional dahulu, kalau tidak silap saya akhir tahun lepas. Kerajaan Barisan Nasional telah pun memperkenalkan undang-undang yang baharu, pindaan kepada *the Dangerous Drugs Act* untuk memberi budi bicara kepada hakim sekiranya satu sijil dikeluarkan oleh pihak pendakwaan dan ada *condition* dan sebagainya untuk mengeluarkan sijil tersebut. *Now*, sebelum pindaan itu dibuat, adakah satu *select committee* pernah diadakan oleh pihak kerajaan dahulu sebelum meminda akta seperti itu?

Oleh sebab pindaan tersebut *is a mirror image*, mencerminkan keadaan di Singapura. Sebenarnya kalau kita lihat kepada pindaan yang dibuat oleh Barisan Nasional tersebut, sebenarnya tiada budi bicara. *The reality of it with the greatest of respect, is that there is no discretion given to the court. The discretion is given to the prosecution.* Jadi saya nak bagi satu contoh, sekiranya saya merupakan seorang pegawai penyiasat yang mengambil rasuah -- ini adalah satu realiti di negara ini. *If I'm a corrupt investigating officer and a person comes to me charged or suspected* dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *of trafficking in dangerous drugs. What all I have to do is say "Look, you give me RM50,000, I will ensure a certificate is issued on your behalf, so that you will escape the death penalty."*

Bukankah itu akan menggalakkan rasuah seperti sekiranya kita mengikut keadaan yang dicadangkan oleh rakan saya Yang Berhormat Ayer Hitam? *It would encourage corruption, which is happening right now.* Kita tahu sebab kita mempraktis undang-undang di dalam bidang ini. Jadi saya hendak mengakhirkan pandangan saya pada tahap ini untuk bertanya Yang Berhormat Menteri. Adakah Yang Berhormat Menteri bersetuju bahawa *death penalty* tersebut, *at least for drug trafficking cases*, perlu diletakkan di dalam tangan mahkamah. Mahkamah sahaja menentukan sama ada apakah hukuman yang wajar perlu dikenakan. Oleh sebab hakim sahaja yang berpengetahuan berkenaan fakta-fakta dan keadaan kes, bukan IO, bukan pendakwaan. Apakah pandangan Yang Berhormat Menteri dalam pandangan tersebut? Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Ayer Hitam.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Tuan Yang di-Pertua, perkara yang sama juga. Saya jarang sekali bersetuju dengan Yang Berhormat Bukit Gelugor. Saya memang setuju. Kalau meneliti perbahasan saya, apa yang saya kata sebiji sama dengan Yang Berhormat Bukit Gelugor. Kalau ada ketidaksempurnaan dari segi undang-undang yang ada, sudah pun tahun lepas kita buat pindaan. Saya tadi menggunakan contoh Singapura kerana saya kata, Malaysia bukan satu-satunya negara yang terkecuali. Kita ada negara jiran menggunakan cara certifikasi ini. Itu sahaja yang saya hendak buktikan. Akan tetapi, lihat balik ucapan saya sebelum ini, saya kata kalaulah silap hukum, kenapa tidak kita mengambil pandangan seperti Yang Berhormat Bukit Gelugor tadi? Kita memperketatkan apa-apa juga syarat-syarat yang rasa tidak patut.

■1240

Kita ada Speaker yang arif merupakan mantan hakim yang arif, nama pun Arif. Kenapa tidak jadikan, kita tubuhkan satu *Parliamentary Select Committee (PSC)* mengambil pandangan semua pihak. Betul tadi dikatakan Shahrol, kesnya menunggu 16 tahun, macam mana kesengsaraan seorang gadis daripada Sungai Petani namanya Chu Li Yen, kesengsaraan keluarganya sehingga hari ini. Lihatlah pandangan, apa kenyataan yang telah dibuat oleh mangsa-mangsa yang telah dibunuh, yang telah dirogol. Saya minta supaya pandangan ini juga diambil kira, biarlah tubuh satu PSC yang arif melihat semua aspek termasuk mengambil kira pandangan Yang Berhormat Bukit Gelugor. Hendak pinda, saya boleh setuju 100 peratus, tidak ada masalah. Ini soal kita sama-sama untuk menyokong satu pindaan yang baik untuk Malaysia tetapi ambil kira pandangan daripada semua pihak, itu sahaja. Saya minta pendirian daripada kerajaan, terima kasih.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Minta sedikit.

Tuan Yang di-Pertua: Lama-lama Menteri tidak ada masa untuk menggulung. [Ketawa] Saya ingat biar Menteri menjawab dululah.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Saya minta seminit sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Seminit.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Boleh? Okey, terima kasih. Saya hendak tegaskan untuk menyokong cadangan daripada Yang Berhormat Ayer Hitam

soal perlunya *Parliamentary Select Committee* ini diwujudkan. Kalau kita lihat keberkesanan satu hukuman bukan hanya pada hukuman tetapi juga termasuk cara pelaksanaan. Saya setuju bahawa soal pengedaran dadah, dalam kes undang-undang Islam ia tidak termasuk dalam kes hudud, hudud ini mandatori tetapi ia termasuk dalam hukum takzir. Bila hukum takzir meletakkan kesalahan mandatori mati adalah satu kesalahan dari segi pandangan Islam. Jadi saya lihat perlunya satu *Parliamentary Select Committee* ini diwujudkan supaya kita melihat secara keseluruhan, secara holistik untuk kita buat pindaan melibatkan banyak kesalahan-kesalahan yang melibatkan hukuman mati. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan, Yang Berhormat Menteri.

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah pun bangkit untuk bertanya soalan. Saya, kepada soalan daripada Yang Berhormat Kota Bharu yang telah pun membangkitkan kenyataan yang telah dibuat oleh Datuk Mah Weng Kwai yang merupakan seorang hakim yang telah pun bersara dan telah pun mengatakan lawatannya sebagai seorang Hakim Majistret pada masa menjalankan hukuman gantung mati di penjara 35 tahun yang lalu. Dia pun telah bangkit isu juga, dia telah pun juga katakan bahawa dia tidak berkesan kecuali adakan satu mungkin *public execution* tetapi itu pandangan daripada Yang Berbahagia Datuk Mah.

Saya secara kebetulan juga telah pun melawat ke bilik akhir di sebuah penjara kelmarin dan saya telah pun lihat proses yang dijalankan oleh pihak penjara bagaimana seorang banduan akhir akan digantung. Dia punya senarai tidaklah jauh daripada apa yang telah pun dikatakan oleh Datuk Mah pada masa 35 tahun yang lalu. Masih lagi berlaku pada masa sekarang di mana banduan akhir akan dibawa keluar daripada bilik akhir kepada tempat gantung dan proses itu akan hanya mengambil 15 saat sahaja untuk banduan akhir itu menamatkan hayatnya.

Kos untuk menggantung banduan akhir itu adalah kurang lebih RM1,975 dan itu tidak termasuk sekiranya tidak ada tuntutan daripada ahli keluarga ke atas mayat itu. Sekiranya tidak ada, ia akan melibatkan kos sebanyak RM800 *extra* dan ini akan menjadikan bebanan kepada kerajaan juga kerana ia akan mengambil kos. Akan tetapi daripada keseluruhannya saya juga menjawab soalan daripada Yang Berhormat Bukit Gelugor yang mengatakan...

Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]: Beaufort hendak mencelah Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri.

Datuk Liew Vui Keong: Saya bagi habis dulu ya jawapan ini. Juga mengait isu daripada Yang Berhormat Kubang Kerian dan juga Yang Berhormat Ayer Hitam bahawa mengenai isu dadah ini. Buat setakat ini seperti saya katakan tadi, kita dapati kurang lebih ada 65,222 banduan yang berada di penjara. Jadi terdapat 36,000 banduan adalah banduan yang terlibat daripada kes dadah. Ini *make up of about 55* peratus banduan yang ada di negara kita ini. Jadi sekiranya kerajaan mengambil peluang untuk melihat sebalik apa dia dadah berbahaya *because* Yang Berhormat Ayer Hitam, Yang Berhormat Bukit Gelugor dan Yang Berhormat Batu Kawan telah pun mengatakan dadah ini yang menyebabkan ramai yang dipenjarakan.

Pada setakat ini, saya difahamkan dadah yang paling mudah diperdaya kepada golongan ialah dadah *methamphetamine*. Apabila saya bangkit mengenai dadah seperti heroin, morfin, marijuana, kanabis ataupun *coca leaf*, pegawai-pegawai di penjara itu macam ketawa fasal mereka kata itu adalah dadah era lama, yang trend sekarang ialah *methamphetamine synthetic drugs*. Jadi sekiranya *we redefine* dadah memandangkan terdapat kegunaan dadah ke atas dadah seperti marijuana dan juga morfina yang digunakan untuk kanser *patient* dan juga marijuana yang kita lihat telah pun digunakan kepada mereka yang datang berjumpa dengan kita punya doktor ganja Lukman itu, itu mungkin ada sedikit sebanyak *medicinal value*.

That is a view daripada saya di mana kita boleh lihat balik dan sekiranya dadah itu ada sedikit sebanyak yang boleh dihalaikan, tidak diharamkan mungkin kita akan dapat mengurangkan pesalah di penjara. *As I said*, daripada statistik yang diberikan oleh pihak penjara, untuk menanggung seorang banduan di penjara mengambil kurang lebih RM38 sampai RM41. Ini termasuk kos *amenities* iaitu gaji pegawai dan juga mungkin *amenity* yang digunakan oleh banduan seperti sabun, baju dan juga berus. *So that will come to about RM38 per person per day*. Jadi sekiranya kita *time* 65,222 akan melibatkan kurang lebih *RM20 million a day roughly*.

Akan tetapi daripada 65,222 pesalah itu hanya terdapat 1,281 banduan akhir iaitu yang telah pun didapati bersalah. Jadi daripada *figure* itu kita dapat lihat bahawa ia akan hanya melibatkan kurang lebih RM40,000 kepada banduan akhir. Akan tetapi daripada RM38 ini sekiranya kita kurangkan daripada kos yang saya katakan tadi seperti gaji pegawai dan juga gaji-gaji mereka yang terlibat dalam menjalankan, melaksanakan kerja mereka di penjara akan melibatkan hanya kurang lebih dalam RM13 sahaja. Jadi...

Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Beaufort bangun awal tadi.

Datuk Liew Vui Keong: Ya, saya akan bagi satu peluang lagi kepada pihak Yang Berhormat Beaufort.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Okey, nanti saya nak tanya fasal kos bayaran.

Datuk Liew Vui Keong: Ya, kos? Apa dia? Okey, Yang Berhormat Beaufort dulu.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Beaufort dulu bangun.

Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Menteri banyak bercakap tentang kos untuk banduan terakhir, berapa kos untuk dia dimatikan dan kos yang mungkin nak kubur dia.

■1250

Akan tetapi Yang Berhormat Menteri, ia lain dengan kos yang terlibat dengan ramainya orang-orang kita, rakyat Malaysia yang terkorban disebabkan oleh dadah ini, disebabkan apa yang dilakukan oleh mereka yang menjual dadah ataupun *drug trafficking* ini sampailah anak-anak muda kita yang berada di kampung pun menderita, keluarga mereka turut menderita. Kadang-kadang kalau sudah makan dadah itu, isteri pun dibunuh, dipapak. Ibu bapa juga dibunuh, diugut dan sebagainya. Jadi saya rasa kos ini kalau kita hendak bandingkan dengan kos yang tadi itu, kos untuk menjaga rakyat kita, masa hadapan orang-orang muda kita, negara kita Malaysia ini, saya rasa itu yang lebih utama kepada kita semua. Setuju-kah Yang Berhormat Menteri?

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Sikit tentang kos Tuan Yang di-Pertua. Saya teliti jawapan Yang Berhormat yang kata kos dia RM1,800, RM800 untuk mereka yang dikenakan hukuman mati. Akan tetapi Yang Berhormat, 38x365, kalau 30 tahun dalam penjara, kosnya RM533 juta. Bukankah ini satu tanggungan besar? Kalau kita hendak ambil kira, ini tidak termasuk lagi apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Beaufort. Oleh sebab itu kita kena lihat apa implikasinya terhadap kita dan saya minta, merayu jangan tergesa-gesa, bincang dulu, buat satu *Parliamentary Select Committee*. Jangan "*penny wise, pound foolish*". Itu saja, terima kasih.

Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Boleh saya *just* tanya berkenaan isu yang...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Bukit Gelugor.

Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Sekejap saja. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kos itu kalau kita lihat apa yang kita hendak dicadangkan, kalau seorang banduan akhir itu diletakkan dalam tahanan untuk *the next 30 years*, itu akan menimbulkan kos. Soalannya, sekiranya pindaan ini dilaksanakan ataupun dibenarkan, adakah kerajaan akan membuatkan pindaan ini bersifat retrospektif? Sekiranya ya, ia akan *it will apply to death row inmates*. Akan tetapi yang isu yang lebih penting adalah adakah kerajaan bercadang untuk sekiranya pindaan ini dibenarkan untuk membenarkan hukuman yang dijatuhkan itu di-*review* ataupun disemak semula agar sekiranya untuk mengambil kira fakta dan keadaan.

Jadi kita boleh sekiranya fakta dan keadaan *warrant it* meringankan hukuman supaya seorang itu dibebaskan untuk meringankan kos, *of course* sekiranya seorang itu didapati mengedar dadah di mana jumlahnya adalah kecil berbanding dengan seorang mengedar dadah di mana jumlahnya adalah besar. Secara logiknya, kita perlu mengenakan hukuman yang *commensurate* dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Sekiranya seseorang di dalam kategori pertama sepatutnya menerima hukuman yang lebih ringan berbanding

dengan kategori yang kedua, ini juga akan mempunyai *effect* kepada kos banduan di dalam tahanan. Adakah kerajaan bercadang untuk memperkenalkan pindaan yang membenarkan atau mampu memberi kuasa kepada mahkamah untuk menyemak semula hukuman yang dijatuhkan kepada banduan-banduan akhir tersebut bergantung kepada fakta-fakta dan keadaan-keadaan kes. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memandangkan begitu banyak soalan yang telah pun ditimbulkan oleh Yang Berhormat tadi, saya cadangkan untuk memberi jawapan bertulis mengenai isu hukuman gantung mati ini kerana saya ingin berhijrah kepada topik yang lain dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat memerlukan berapa banyak masa lagi?

Datuk Liew Vui Keong: Saya mungkin – Oleh kerana saya hanya dapat jawab dua soalan mengenai agensi yang saya sebutkan tadi, hanya dua agensi, mungkin tambah lagi dalam 10 minit begitu Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya, silakan.

Datuk Liew Vui Keong: Jadi mengenai isu yang telah pun dibangkit oleh Yang Berhormat Papar, ada di sini. Yang Berhormat Papar telah pun menyarankan agar Perjanjian Malaysia 1963 dilaksanakan dengan segera. Untuk makluman Yang Berhormat, seperti yang saya telah katakan jawab semalam bahawa sejak pengumuman daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir bahawa Sabah dan Sarawak dan juga Persekutuan Malaya adalah rakan kongsi sama rata, maka pada 10 Oktober tahun ini, satu Jawatankuasa Khas Kabinet telah pun diumumkan dan yang terlibat ialah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebagai Pengerusi dan juga ahli-ahli Kabinet bersama dengan Ketua Menteri daripada Sabah dan Sarawak.

Jawatankuasa Khas Kabinet ini ialah untuk menyemak dan juga meneliti hak Kerajaan Negeri Sabah dan juga Kerajaan Negeri Sarawak di bawah Perjanjian Malaysia 1963. Jadi, terma rujukan bagi jawatankuasa tersebut antaranya adalah untuk mengenal pasti dan menyemak isu berhubung dengan pelaksanaan hak-hak dan kuasa autonomi Kerajaan Negeri Sabah dan juga negeri Sarawak berdasarkan Perlembagaan Persekutuan, *Malaysian Agreement 1963* dan juga *Report of the Inter-Governmental Committee 1962*.

Jawatankuasa Khas Kabinet ini bertanggungjawab untuk meneliti dan juga mempertimbangkan apa-apa cadangan berhubung dengan hak Kerajaan Negeri Sabah dan juga Kerajaan Negeri Sarawak. Antaranya untuk cadangan untuk mengembalikan status Kerajaan Negeri Sabah dan juga Kerajaan Negeri Sarawak sebagai rakan kongsi. Perkara ini akan diputuskan dalam mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet yang akan bersidang dalam masa yang terdekat Tuan Yang di-Pertua.

Yang Berhormat Santubong, Yang Berhormat Santubong tidak ada, saya jawab kepada isu yang lain. SPRM, Yang Berhormat Kota Melaka, ada ya. Yang Berhormat Kota Melaka telah pun mencadangkan agar SPRM diberi kuasa autonomi dan juga kuasa tersendiri sebagai salah satu langkah memperkasa suruhanjaya itu. Jadi untuk makluman Yang Berhormat, sebagai langkah awal dalam memperkasakan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, satu jawatankuasa reformasi telah pun dibentuk bagi mengkaji, mengenal pasti dan juga mencadang penambahbaikan yang diperlukan bagi menjadikan SPRM lebih berkesan dalam melaksanakan peranan mereka untuk mencegah rasuah, penyelewengan dan juga salah guna kuasa.

Jawatankuasa ini telah mengemukakan cadangan-cadangan inisiatif seperti berikut iaitu meminda seksyen 5 Akta SPRM dan juga mewujudkan kod etika yang khusus bagi Ketua Pesuruhjaya SPRM, pelantikan Ketua Pesuruhjaya SPRM yang hendaklah atas pertimbangan *Parliamentary Select Committee* dan juga prosedur tatatertib dan penamatan khidmat Ketua Pesuruhjaya SPRM, prestasi dan juga kompetensi Ketua Pesuruhjaya SPRM dan juga peranan Jawatankuasa Khas Mengenai Rasuah.

Selain daripada itu, terma rujukan Lembaga Penasihat Pencegahan Rasuah iaitu di bawah seksyen 13 Akta SPRM 2009 akan ditambah baik dan diberikan bajet berasingan bagi memastikan ia dapat berfungsi secara bebas serta berkecuali daripada SPRM. Mekanisme dan juga terma rujukan jawatankuasa aduan, panel penilaian operasi dan juga panel perundingan dan juga pencegahan rasuah akan ditambah baik dan juga diwujudkan polisi

bajet yang khusus bagi SPRM dan juga berasingan daripada prinsip kewangan dan juga terpakai bagi agensi awam am yang lain. SPRM memohon pertimbangan supaya dimansuhkan peruntukan mengenai penubuhan Suruhanjaya Perkhidmatan Pencegahan Rasuah (SPPR) dengan bidang kuasa pelantikan, pengesahan jawatan, kenaikan pangkat, pertukaran, kawalan tatatertib dan juga penamatan perkhidmatan pegawai SPRM bagi memberikan suruhanjaya ini kuasa *hire and fire*.

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Yang Berhormat, satu mengenai SPRM.

Datuk Liew Vui Keong: Ya.

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Dengan izin Yang Berhormat, setengah minit saja. Sebelum daripada ini, ada satu jawatankuasa yang bernama Jawatankuasa Khas Mengenai Rasuah yang ditubuhkan di dalam Parlimen ini pada masa lepas. Pengerusinya adalah bekas atau mantan Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara dan ahli-ahlinya daripada semua parti-parti politik yang ada dalam Parlimen ini. Soalan saya, adakah kerajaan bercadang untuk menubuhkan semula jawatankuasa ini di mana ia ada dalam Akta SPRM 2009 di sini? Terima kasih.

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih kepada Yang Berhormat Kota Baharu. Itu satu cadangan yang saya akan ambil maklum dan juga akan menjawab secara lisan. Memandangkan masa tidak mengizinkan lagi Tuan Yang di-Pertua, saya di sini ucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Parlimen yang telah pun bertanya soalan dan malangnya kita tidak mencukupi masa untuk menjawab semua soalan yang telah pun dibangkitkan. Saya akan memberikan jawapan bertulis. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tepat pada pukul 1.00 tengah hari. Jadi, kita berhenti di sini sahaja dan mulakan mesyuarat kita seterusnya pada pukul 2.30 petang.

[Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]

[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Nga Kor Ming) mempengerusikan Mesyuarat]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang giliran jawapan oleh Yang Berhormat Menteri ke atas perbahasan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas bagi Jabatan Perdana Menteri. Masa ditetapkan 30 minit. Sila. Ini kerana Jabatan Perdana Menteri ada tiga Menteri, sebab itu masa kurang sikit.

2.33 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa]: Terima kasih. Baik, Tuan Yang di-Pertua. Saya di dalam penggulungan ini ada lebih kurang 10 isu, Tuan Yang di-Pertua dan disoal oleh sembilan Ahli Parlimen yang sebahagian besarnya saya tengok belum masuk Dewan kecuali dua, tiga orang. Saya mohon untuk...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Berikan jawapan bertulis.

Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa: Kalau yang ditanya itu tidak ada di dalam Dewan, saya mohon untuk diberi jawapan bertulis.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Boleh, sila.

Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa: Saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam menyentuh atau menyinggung pengurusan hal ehwal Islam semasa perbahasan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas. Perkara yang dibangkitkan sama ada secara umum ataupun secara khusus, saya amat menghargainya dan segala pandangan dan cadangan yang telah ditimbulkan diteliti dan juga akan diberi penjelasan.

Saya mulakan dengan satu asas penting iaitu Jabatan Perdana Menteri dalam hal ehwal agama bertindak untuk memastikan segala sesuatu aktiviti, pandangan dan

pendapatnya tidak akan keluar daripada Perlembagaan Persekutuan yang telah menetapkan bahawa Islam adalah Agama Persekutuan. Untuk itu, bagi saya memulakan penjelasan daripada Yang Berhormat Kuala Nerus. Adakah Yang Berhormat Kuala Nerus berada di dalam Dewan ini?

Seorang Ahli: Tiada.

Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa: Tidak ada? Jadi, saya akan membuat jawapan bertulis kepada Yang Berhormat Kuala Nerus. Saya juga ingin respons kepada soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kuala Krau. Adakah Yang Berhormat Kuala Krau di dalam Dewan?

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Tiada.

Beberapa Ahli: Tiada, tak ada juga.

Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa: Tidak ada. So, saya *skip* lah. Adakah ini bermakna, Tuan Yang di-Pertua, kalau dia masuk balik, saya ulang balik kah macam mana?

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Terpulang kepada budi bicara Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa: Saya juga ingin membuat penjelasan yang telah diajukan soalnya oleh Yang Berhormat Masjid Tanah. Minta maaf, Yang Berhormat Kubang Kerian. Ada Yang Berhormat Kubang Kerian?

Beberapa Ahli: Tak ada, belum ada.

Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa: Tidak ada. Ini akan mempercepatkan masa saya, Tuan Yang di-Pertua.

Seorang Ahli: Tahniah, tahniah.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Masa itu emas, kita boleh jimat masa.

Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa: Seterusnya soalan yang diajukan oleh Yang Berhormat Masjid Tanah.

Beberapa Ahli: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa: Juga tidak ada. Yang Berhormat Rantau Panjang baru masuk. Jadi untuk Yang Berhormat Rantau Panjang, saya akan respons kepada persoalan yang dibangkitkan berkenaan dengan pengukuhan institusi keluarga dan sebahagian besarnya juga akan ditangani oleh kementerian lain yang berkaitan.

Sebagai jawapan, kita mengambil berat tentang pembangunan keluarga Muslim di Malaysia. Kepada bidang saya iaitu Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, kita telah menyediakan pelbagai inisiatif untuk membangunkan beberapa program dan modul bagi pengukuhan rumah tangga. Izinkan saya untuk berkongsi dengan Yang Berhormat Rantau Panjang iaitu antaranya ialah kita ada beberapa bentuk modul pasca perkahwinan. Bukan sahaja modul sebelum berkahwin tetapi pasca perkahwinan kerana selalunya kita dapati dalam kehidupan berumah tangga, yang selalunya yang menerima banyak cabaran ialah setelah kita mengharungi bahtera rumah tangga.

Di atas kesedaran ini, pasca perkahwinan melibatkan empat tahap usia. Tahap pertama iaitu Program Bulan Madu di mananya ianya melibatkan pasangan suami isteri dengan usia perkahwinan antara kosong hingga lima tahun. Makna bagi mereka yang baru berkahwin dalam jangka masa itu, kita menyediakan satu modul yang dinamakan Program Bulan Madu.

Kedua, kita ada program tahap kedua iaitu program yang kita namakan sebagai Sehati Sejiwa di mana ia melibatkan pasangan suami isteri yang usia perkahwinan mereka antara enam hingga sepuluh tahun.

Program tahap ketiga yang kita namakan sebagai Semarak Kasih juga melibatkan pasangan suami isteri yang usia perkahwinan mereka antara 11 hingga 20 tahun.

Tahap yang terakhir, kita cuba pastikan perjalanan rumah tangga mereka berjalan dengan baik iaitu kita namakan Program Syurga Cinta di mana melibatkan suami isteri dengan usia perkahwinan mereka 21 tahun ke atas. Ini adalah usaha-usaha yang kita adakan

untuk memberi penjelasan tentang tanggungjawab suami isteri dalam menjalani pelbagai masalah rumah tangga.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Menteri. Boleh tolong tanya? Nama cantik, Syurga Cinta, Semarak Kasih. Bagaimana dengan kahwin ketiga dan keempat?

Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa: Yang itu tidak ada dalam modul, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Itu termasuk dalam program juga?

Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa: Yang itu tidak ada dalam modul. Yang itu kena tanya Yang Berhormat Kuala Krau.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ha! Yang Berhormat Kuala Krau. Yang Berhormat Kuala Krau nanti jawab ya.

Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa: Dia lebih berpengalaman.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Ya. Kalau saya jadi Menteri, saya boleh jawab. [*Dewan riu*]

Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa: [*Ketawa*] Amin.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Tunggu, tunggu. Lepas ini minta jawapan kepada saya ya. Minta maaf terlewat sikit tadi. Terima kasih.

Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa: Tak apa, tak apa. Demi Yang Berhormat Kuala Krau, saya akan ulang balik soalan dia. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Okey, sila.

Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa: Baik, saya balik kepada Yang Berhormat Rantau Panjang. Antara lain yang kita sebut dalam program untuk menjadikan rumah tangga itu tidak bercerai— dan saya faham kadar perceraian di kalangan rakyat Malaysia juga boleh dikatakan tinggi.

■1440

Kita juga melalui kerjasama dengan Jabatan Agama Islam Negeri, yang tadi yang sebut itu Yang Berhormat yang mana di *Federal* sahaja. Akan tetapi saya juga akur bahawa di peringkat negeri, kita cuba juga untuk bawa idea rumah tangga bahagia ini. Maka, melalui kerjasama dengan Jabatan Agama Islam Negeri iaitu Pejabat Agama Islam Daerah, kita sentiasa mempertingkatkan khidmat runding cara dan khidmat nasihat kepada keluarga-keluarga yang bermasalah.

Perkhidmatan ini penting untuk membantu suami isteri yang mempunyai masalah untuk mereka datang bertemu. Jikalau ada apa-apa yang kami boleh bagi nasihat supaya dikekalkan rumah tangga itu, maka kami harapkan daripada perbincangan itu mereka dapat selesai masalah mereka dengan cara yang terbaik.

Kita juga ada satu pusat yang kita namakan Pusat Khidmat Keluarga, Sosial dan Komuniti (PKKSK). Ia diwujudkan bagi membantu mengukuhkan institusi kekeluargaan. Kalau kita tengok salah satu daripada program yang dianjurkan oleh PKKSK ini ialah program yang kita kata kecelaruan hidup, gaya hidup masa kini yang melibatkan soal-soal seksual yang songsang untuk kami bagi penerangan kepada ibu bapa dan kaunselor agar mereka dapat mengenal pasti masalah itu daripada peringkat yang lebih awal. Ini antara yang telah kita lakukan.

Kita buat dalam bentuk seminar, konvensyen, ceramah, forum dan kursus sama ada melibatkan orang awam ataupun kaunselor-kaunselor di peringkat sekolah ataupun mereka yang sendiri mengalami masalah itu, mereka juga boleh hadir dalam program-program kita. Kita juga mengambil inisiatif melaksanakan program *Family Care* melalui Jabatan Agama Islam Negeri, kerjasama dengan *Federal* sebagaimana yang telah dilaksanakan oleh Jabatan Agama Islam Negeri Selangor melalui Pejabat Agama Islam Daerah dan membuka kaunter perkhidmatan di pusat-pusat jualan pada hari Sabtu dan pada hari Ahad.

Yang Berhormat Rantau Panjang juga dalam ucapan bahas menyentuh tentang keperluan untuk mengimbangi antara dunia dan juga akhirat. Ini kita memang ambil berat dalam hal ini. Ini kerana kita yakin kalau keluarga itu terbina di atas kepercayaan kepada dosa pahala, kepercayaan bahawa segala tindak-tanduk yang dilakukan di dunia ini akan dipersoalkan di hari akhirat, semua itu sudah tentu akan menjadi satu faktor yang penting untuk mereka menjalani kehidupan rumah tangga yang bahagia.

Oleh sebab itu melalui Jabatan Kemajuan Islam, kita telah membangunkan apa yang kita namakan sebagai Pelan Tindakan Keluarga Sakinah Negara mulai tahun 2017 dan sampai kepada tahun 2021. Maknanya saya ambil *halfway* tahun 2018, maka Pelan Tindakan Keluarga Sakinah yang kita rasa benda baik, kita akan teruskan untuk kita pasti seperti yang disebut oleh Yang Berhormat tentang perlunya rumah tangga yang berdiri di atas kepentingan dunia dan juga akhirat.

Objektif pembangunan Pelan Tindakan Keluarga Sakinah adalah seperti berikut:

- (i) untuk melahirkan keluarga dan generasi yang berkualiti dari segi rohani dan jasmani. Itu yang tadi itu, dalaman dan juga luaran;
- (ii) mewujudkan satu pembangunan sosioekonomi ummah yang mapan;
- (iii) menambah baik sistem kekeluargaan; dan
- (iv) memperkasakan sistem pengurusan kekeluargaan yang sedia ada.

Itu antara usaha yang kita lakukan untuk memastikan teras Pelan Tindakan Keluarga Sakinah Negara ini dapat dijayakan.

Adapun dari sudut pemantauan itu mungkin soalnya. Kadang-kadang cantik di atas kertas tetapi bila pemantauan itu bagaimana? Jadi, bagi memantau dan memastikan pelaksanaan pelan ini mengikut dia punya *schedule*, mengikut jadual dia, dia ada satu jawatankuasa memantau pelaksanaan pelan tindakan ini yang dipengerusikan sendiri oleh Ketua Pengarah JAKIM. Dia akan report dalam Mesyuarat Post-Kabinet yang kita adakan setiap hari— kalau bukan Parlimen hari Rabu, kalau masa hari Parlimen hari Jumaat.

Semua dasar yang diketengahkan itu akan dimaklumkan kepada Yang Berhormat Menteri pada setiap mesyuarat Post-Kabinet. Bagi pihak kami, kami melihat bahawa bukan sahaja isunya program itu cantik di atas kertas tetapi yang lebih penting ialah pelaksanaan dan juga keberkesanan yang kita cari. Yang Berhormat Rantau Panjang, silakan.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri di atas penjelasan yang begitu panjang lebar berkaitan dengan kepentingan keutuhan institusi keluarga dalam negara. Saya ucapkan terima kasih.

Saya inginkan penjelasan daripada program pemantauan yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri tadi. Apakah sebenarnya hasil daripada pemantauan itu terutama yang menjadi punca utama kenapa semakin hari semakin banyak kes penceraian berlaku dalam negara? Sejauh mana hasil kepada pemantauan yang telah dibuat? Macam mana budaya semakin merebaknya budaya kecelaruan hidup songsang sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat tadi. Minta penjelasan.

Datuk Seri Dr. Mujahid Yusof Rawa: Terima kasih kepada Yang Berhormat Rantau Panjang. Saya kira memanglah – saya baru ambil alih pada tahun 2017. Bermakna tahun 2018 kita masih lagi tidak boleh kata bahawa pelan tindakan ini dengan program yang disediakan itu berjaya. Saya harus jujur. Akan tetapi pada waktu yang sama oleh sebab pemantauan ada dan ia tidak hanya melibatkan kementerian saya.

Kita bekerjasama rapat dengan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dalam memastikan isu-isu yang disebut itu antara lainnya ialah kecelaruan hidup dengan budaya-budaya yang kita tidak pernah kenali yang meruntuhkan institusi keluarga. Ia bukan sahaja melibatkan kementerian saya tetapi ia juga melibatkan Kementerian Kesihatan, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan juga jabatan-jabatan agama Islam negeri yang lain.

Terkini baru kita adakan di Pulau Pinang, sebelumnya di Melaka dan sebelumnya itu lebih awal ketika saya baru masuk kita telah adakan di negeri Terengganu. *Alhamdulillah* dihadiri oleh Exco Kerajaan Negeri Terengganu sendiri. Ini kerana bagi kami isu-isu yang

melibatkan tentang kerukunan rumah tangga ia adalah sebenarnya tanggungjawab semua pihak tanpa kita membatasnya dengan apa-apa halangan atau bentuk kepartian.

Saya patah balik kepada Yang Berhormat Kuala Krau,, sahabat saya iaitu tentang prihatinnya sahabat saya Yang Berhormat Kuala Krau ini mencadangkan agar JAKIM dijadikan sebagai sebuah kementerian. Itu yang disebut dan yang disentuh semasa perbahasan. Ini termasuk menyeragamkan elaun-elaun pegawai masjid dan urusan sekolah-sekolah tahfiz.

Pertama, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kerana melihat peranan JAKIM itu sebagai satu peranan yang besar sehingga dicadangkan ia menjadi sebuah kementerian. Namun kajian yang lebih mendalam adalah perlu bagi meneliti fungsi dan peranan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dengan mengambil kira semua aspek yang diperlukan. Selari dengan pembaharuan yang sedang dan akan dilaksanakan oleh kerajaan dengan tidak mengetepikan bidang kuasa negeri sebagaimana yang diperuntukkan dalam Jadual Kesembilan Senarai 2, Senarai-senarai Negeri Perlembagaan Persekutuan.

Itu pun dalam keadaan kita bukan sebagai sebuah kementerian Yang Berhormat, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia berfungsi sebagai agensi kerajaan yang bertanggungjawab untuk menyelaraskan semua isu pentadbiran Islam di peringkat negeri-negeri. Termasuk dalam hal ini kita tertakluk dari segi tugas dan tanggungjawab kita melaksanakan apa yang ada dalam *framework* ataupun rangka Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (MKI). Begitu juga melaksanakan fungsi-fungsi MKI dari sudut penyelarasan hal ehwal Islam. Apa yang kita selaraskan? Perundangan, pendidikan agama Islam, pentadbiran Islam sebagaimana yang dinyatakan dalam Perkara 7 Peraturan Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Islam.

Saya ingin berkongsi dengan Yang Berhormat Kuala Krau yang kita sedang giat lakukan dengan *target*, sasaran tahun depan yang kita dapat capai iaitu penyelarasan dan penyeragaman Undang-undang Jenayah Syariah di seluruh negeri.

■1450

Sebab hari ini kita berdepan dengan negeri-negeri yang mempunyai peruntukan jenayah syariah dari sudut hukumannya berbeza-beza. Ini tidak baik dari sudut keadilan Islam. Oleh sebab itu saya harap semua Ahli Parlimen boleh membantu kita apabila program penyelarasan ini kita lakukan di setiap negeri. Saya harap Ahli-ahli Parlimen menyokong usaha-usaha ini bagi memastikan penyeragaman dan penyelarasan undang-undang jenayah Islam ini dapat kita laksanakan.

Dalam hubungan ini kerajaan amat memandang serius akan keberadaan dan kepentingan JAKIM yang saya rasa Yang Berhormat Kuala Krau dahulu pun ada pernah tanya sama ada JAKIM ini akan kekal atau tidak. Itulah jawapannya, makna prihatin. Kita tidak akan membiarkan satu badan yang ditubuhkan atas sejarahnya yang panjang ini untuk kita sia-siakan. Kita akan cuba untuk memperkasakan dan mereformasi serta memperkukuhkan peranan, fungsi dan struktur JAKIM agar lebih berdaya saing selari dengan kerajaan baharu yang ada dan dasar baharu yang kita telah bawa iaitu selaras dengan *Rahmatan Lil Alamin*, Maqasid Syariah dan juga Model Malaysia.

Itu antara hasrat kita dan harap Yang Berhormat Kuala Krau dapat membantu kita dalam merealisasikan cita-cita ini, dipersilakan.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, Yang Berhormat Kuala Krau.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ucap tahniah dan terima kasih atas jawapan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Menteri. Cuma Yang Berhormat Menteri bila kita sebut sebagai sebuah jabatan dan kita bezakan sebagai sebuah kementerian dia akan menyebabkan satu perbezaan yang sangat besar, yang pertamanya dari segi bidang kuasa. Yang keduanya dari segi peruntukan kewangan. Selaras dengan Perlembagaan Persekutuan kita bahawa agama Islam adalah agama persekutuan dan agama-agama yang lain adalah bebas untuk dianuti oleh kaum-kaum yang ada di dalam negara kita.

Yang Berhormat Menteri sebut Islam itu *Rahmatan Lil Alamin*, dan saya percaya rakan-rakan yang *non-muslims* juga percaya bahawa Islam itu boleh juga menjadi pelindung kepada masyarakat yang lain. Berbalik kepada peruntukan kewangan, kalau kita sebuah

jabatan, bahawa nescaya peruntukan kewangan kita sangat terhad. Kalau kita sebagai sebuah Kementerian, kita boleh mendapatkan bajet khusus untuk kita mengendalikan urusan agama Islam di dalam negara kita, termasuk juga tentang kita membiarkan keadaan di mana masjid, surau dan juga kemudahan-kemudahan bagi umat Islam agak tertinggal jauh berbanding dengan rumah-rumah ibadat yang lain. Ini kerana sikap kita umat memang digalakkan untuk kita memberikan atau menganjurkan sedekah jariah tetapi sampai bila kita hendak bergantung harap kepada kutipan orang ramai bagi kita membaik pulih masjid lama, surau yang lama atau kita menggantikan dengan masjid yang baharu, surau yang baharu di tempat-tempat kita.

Jadi saya harap Yang Berhormat Menteri, sampai masa lah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Langkawi, walaupun Barisan Nasional dahulu tidak buat, tetapi saya sebelum menjadi Timbalan Yang di-Pertua, saya telah bercakap mengenai - saya minta sangatlah JAKIM ini dijadikan sebuah kementerian. Saya harap Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Yang Berhormat Langkawi dapat menimbangkan dan tanpa kita menyetujui peruntukan-peruntukan untuk agama-agama lain di dalam negara kita. Terima kasih.

Datuk Seri Dr. Mujahid Yusof Rawa: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Krau atas pandangan yang cukup bernas itu dan saya akan bawa perkara ini untuk dimaklumkan. Namun saya juga mesti menjelaskan bahawa JAKIM walaupun dia disebut Jabatan Kemajuan Islam Malaysia dengan maknanya ianya satu jabatan, tetapi dari sudut fungsi dan tugasnya kalau kita lihat di bawah Perintah Menteri-Menteri Kerajaan Persekutuan (No. 2) 2013, di bawah Akta Fungsi-fungsi Menteri 1969 [Akta 2], dia telah secara spesifik memperuntukkan JAKIM, tugas dia walaupun nama jabatan tetapi skop JAKIM ialah merancang, melaksanakan program bagi pembangunan dan kemajuan umat Islam di peringkat negara, serantau dan antarabangsa. Maknanya apabila bercakap tentang masalah kepentingan Islam, maka JAKIM lah dia punya *forefront* yang duduk di hadapan walaupun dia hanya sebuah jabatan tetapi dari segi peranannya itu amatlah besar. Begitu juga dari sudut...

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Yang Berhormat Menteri?

Datuk Seri Dr. Mujahid Yusof Rawa: Ya itu saya hendak sebut itu, sedikit lagi Yang Berhormat Kuala Krau. Kita juga berperanan membuat polisi dan dasar bagi kemajuan hal ehwal Islam. Maknanya di bawah Jabatan Perdana Menteri segala isu yang berkaitan dengan polisi dan dasar yang ada kepentingan pembangunan umat Islam dari semua segi akan datang daripada JAKIM, sebagai dia punya *feeder* yang paling utama.

Jadi bagi saya, tanpa ada satu kementerian khusus pun JAKIM tetap memainkan peranan yang besar dari sudut membuat *feeder* kepada dasar-dasar dan menjadi badan untuk pelaksana dalam aspek-aspek tertentu yang memerlukan pelaksanaan di peringkat persekutuan.

Adapun isu yang dibangkitkan dari sudut pembangunan masjid dan surau tadi oleh Yang Berhormat Kuala Krau, dari sudut kuasa sebenarnya, dia duduk di bawah bidang kuasa negeri. Kita tidak terlibat dari segi pembangunan fizikal. Kecuali ada projek-projek khusus yang di bawah ICU. Itu pun tidak bawah saya secara *direct*. Cuma saya boleh pantau. Contoh, Yang Berhormat Ayer Hitam, sahabat saya, dia ada sebut tentang masjid yang terbengkalai bila sudah tukar kerajaan dan sebagainya. Saya ambil inisiatif untuk tanya dan isu itu sebenarnya bukan di bawah saya tetapi di bawah ICU yang duduk di bawah Kementerian Kewangan. Yang masalahnya bukan kita berhenti tetapi ada isu-isu lain yang kita kena *top-up* balik kekurangan-kekurangan yang ada untuk melanjutkan projek tersebut. So itu saya sudah pasti kita akan cuba kalau dia duduk di bawah ICU, kita akan memastikanlah projek-projek yang berkaitan dengan masjid atau surau ini dapat kita laksanakan. Ada soalan? Tetapi kena bagi masa tinggal lima minit.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Ya, ya. Soalan terakhir.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya ringkas.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: *Alhamdulillah* nampak Yang Berhormat Menteri mengakui bahawa ada kekangan dan masalah bila pembinaan masjid dan surau ini tidak di bawah JAKIM. Itu maksud saya dalam ucapan saya, bila ada Kementerian kita ada kewangan, ada peruntukan, kita ada Ketua Setiausaha, kita

ada pelbagai perjawatan. Jadi bermaknanya JAKIM bila jadi Kementerian, dia ada kuasa, ada peruntukan, ada penguatkuasaan. Akan tetapi sekarang nampak JAKIM hanya nampak berdakwah secara *limited* kepada orang ramai di dalam negara kita dan penguatkuasaan, anggota penguatkuasaan juga begitu kurang.

Oleh sebab itu dalam isu-isu yang melanda di dalam negara kita, Yang Berhormat Menteri mungkin akan sebut isu LGBT, isu Syiah, Sunni dan isu pelbagai lagi dalam negara kita, Tarekat, ajaran sesat yang banyak sangat. Saya percaya masih lagi Yang Berhormat Menteri sedar, masih lagi terganggu atau tergendala dari segi penguatkuasaan ajaran-ajaran sesat kerana kita kurangnya penguatkuasaan dan pegawai-pegawai yang boleh mengambil tindakan. Saya berharap sangatlah perkara ini mendapat perhatian Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Dr. Mujahid Yusof Rawa: Terima kasih atas saranan-saranan yang diajukan itu. Saya terpaksa berpindah, terima kasih banyak kepada Yang Berhormat Kuala Kangsar yang begitu setia sehingga semalam dia duduk bersama sampai habis. Itu menunjukkan saya pun ada samalah. Yang Berhormat Kuala Kangsar minta kerajaan bertegas, akan tetapi kawan-kawan Yang Berhormat Kuala Kangsar tidak ada semalam, kosong. Kena beri tahu kepada mereka. Kerajaan bertegas berhubung penuliran kefahaman yang menyimpang. Itu soalan dia ya. Kefahaman yang menyimpang antara lainnya daripada apa yang dipakai hari ini sebagai apa yang kita katakan sebagai Ahli Sunnah Wal Jamaah.

Okey, itu jelas perkara tersebut tidak ada siapa yang pertikaikan kerana ia berpandukan kepada keputusan muzakarah khas, Jawatankuasa Muzakarah Fatwa Kebangsaan pada 5 Mei 1996. Apa yang kita lakukan daripada fahaman-fahaman yang berbeza dari segi, kalau Ahli Sunnah Wal Jamaah selalu dikaitkan dengan Syiah. Dia jangan kata Ahli Sunnah Wal Jamaah itu, Syafie. Tidak betul ya kerana Ahli Sunnah Wal Jamaah itu banyak, termasuklah Maliki, Hambali, Imam Ahmad dan juga Imam Syafie.

■1500

Akan tetapi yang dikatakan Ahli Sunnah Wal Jama'ah itu satu sektor yang lain, yang keluar daripada Ahli Sunnah Wal Jama'ah, yang ada fahaman teologinya tersendiri terhadap tauhid, akidah dan sebagainya.

Maka, kita telah jelas benda itu. Salah satu daripada pendekatan kita ialah kita mengawal ia daripada menular. Maknanya, ada pendekatan kita yang kita gunakan sama ada melalui dialog ataupun melalui menyekat penularannya daripada berlaku. Oleh sebab ini adalah melanggar dengan undang-undang berpandukan kepada Majlis Kebangsaan bagi Muzakarah Fatwa Kebangsaan.

Satu lagi saya rasa perlu penjelasan juga ialah tentang apa yang dinamakan liberalisme agama. Itu antara yang disentuhkan. Terima kasih banyak kerana kita harus beza sebenarnya. Liberalisme dalam maksud yang menyatakan agama semua sama. Itu sesat. Kita tidak terima. Liberalisme yang kata agama semua sama dan saya selalu berhujah kalau semua agama sama, mengapa kita perlu ada agama *in the first place*? Tidak mungkin semua agama sama, mesti ada agama itu yang ia ini kerana kelebihanannya kita beriman, kerana kelebihanannya seseorang itu menganuti sesuatu agama.

Cuma yang kadang kali orang keliru dalam hal liberalisme ini Yang Berhormat Kuala Kangsar, ialah dari sudut kita menyatakan. Namun demikian, dalam soal kemanusiaan, dalam soal-soal *humanity*, yang itu hampir semua agama tidak akan menyatakan mereka menolak *humanity*. Sudut isu-isu keadilan, *justice*, itu mungkin ada kebersamaannya. Akan tetapi dari segi teologi dan akidah, itu eksklusif. Itu kita tidak boleh hendak kata hendak sama sebab kita pun tahu dalam Al-Quran pun sebut [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*], "*Bagi kamu agama kamu, bagi aku agama aku*".

Cuma bila kita bekerja dari sudut *humanity*, dari sudut *justice*, yang Islam itu meletakkan prinsip-prinsipnya yang begitu hebat dalam soal ini. Maka, tidak ada halangan untuk kita melihat ada di sana nilai-nilai yang kita boleh katakan kesamaan di situ. Akan tetapi dari segi akidahnya, tidak mungkin sama. Kalaulah kita kata liberalisme itu menyatakan semua agama sama. Kita tidak boleh terima sebab itu bercanggah dengan akidah kita. Akan tetapi kalau bercakap tentang *human rights*, bercakap tentang *values of justice*, *values of freedom* yang mana kita rasa ada faktor yang boleh kita duduk, bincang bersama dalam hal-hal tersebut.

Saya menyebut demikian Yang Berhormat Kuala Kangsar, agar kita tidak tersasar. Hari ini orang mudah sahaja, bila kita cakap sahaja bab *human rights*, dia kata ini liberal. Bila

kita cakap bab *values of freedom*, oh, ini liberal. Itu maksud saya. Kita kena letak ada *demarcation line*. Apa yang kita tidak boleh terima ialah soal *belief* ataupun kepercayaan, masing-masing ada *exclusivity*nya. Silakan.

Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, cuba ringkas.

Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar]: Saya ingin bertanya mengenai usaha-usaha Yang Berhormat Menteri mengekang usaha-usaha kuasa-kuasa dunia yang begitu menular sekarang akhir-akhir ini. Bukan hanya di Malaysia tapi di seluruh negara-negara Islam. Saya mohon, apa tindakan Menteri dari segi kenyataan dan juga tindakan supaya kita betul-betul menggarap perkara ini *to the core*. Jangan kita biarkan ia menular sehingga ia berakar sampai Malaysia ini esok tidak ada ketentuan dan keberkesannya. Terima kasih.

Datuk Seri Dr. Mujahid Yusof Rawa: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Kangsar di atas keprihatinan tersebut. Saya ingin memberi jaminan di dalam Dewan Parlimen yang mulia ini dan disaksikan sebagai satu pembuat dasar dan keputusan yang tertinggi di negara ini. Tidak mungkin negara kita, khususnya dengan Kerajaan Pakatan Harapan yang ada ini membiarkan mana-mana kuasa-kuasa besar dunia untuk menghancurkan atau merosakkan asas yang telah terbina selama ini. Termasuklah jika ia melibatkan soal-soal yang akan mengancam kewujudan kita sebagai rakyat Malaysia dan negara Malaysia. Itu satu jaminan yang saya akan pertahankan bersama dengan Yang Berhormat Kuala Kangsar.

Saya tengok ada di sini— Yang Berhormat Kuala Terengganu ada? Yang Berhormat Kuala Terengganu— saya ingat ini yang akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, kalau ada yang masuk lagi lepas ini pun saya tidak jawablah. Terima kasih di atas isu tentang bidang kuasa Mahkamah Syariah di peringkat negeri, khususnya dalam isu yang disebut secara khususnya iaitu hukuman sebat yang baru-baru ini berlaku. Di mana ia adalah di bidang kuasa negeri yang diperbuat oleh kuasa yang ada pada negeri dalam Mahkamah Syariah.

Saya telah membuat kenyataan untuk pengetahuan Yang Berhormat Kuala Terengganu, bahawa Kerajaan Persekutuan tidak sama sekali berniat untuk campur tangan dalam urusan negeri, termasuk dalam bidang syariah. Apa yang kita sebutkan di sini ialah kita hanya memberi pandangan. Saya rasa sebagai sebuah Kerajaan Persekutuan, tidak salah untuk kita memberi pandangan balas terhadap apa yang telah berlaku dengan meletakkan kerangka istilah perundangan dalam isu tersebut, bukan kerangka politik.

Kita hanya menyatakan bahawa pandangan yang kita telah berikan dalam kenyataan rasmi oleh Jabatan Perdana Menteri iaitu mahkamah sewajarnya menimbang faktor-faktor mitigasi dan faktor agravasi sebelum sesuatu hukuman dijatuhkan. Itu sahaja tapi yang mereka hendak buat sebagai sudah putus hukuman, itu kita kata, kami menghormati tapi sebagai *future reference*, tidak salah untuk kita memberi pandangan. Silakan.

Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]: Tidak kah Yang Berhormat rasa bahawa kenyataan sedemikian seolah-olah mempertikaikan sama ada mahkamah telah mengambil kira apa yang telah disebutkan oleh Menteri sebentar tadi. Oleh sebab sepanjang— saya sendiri hadir dalam proses hukuman berkenaan. Saya rasa ia dihadiri dan disaksikan oleh ramai pemerhati pada hari yang berkenaan, termasuk wakil daripada Majlis Peguam yang saya fikir mahkamah sangat memperhalusi. Malah, di dalam *deliberation* penghakiman, hakim yang berkenaan, yang arif, hakim yang berkenaan telah memperincikan tentang yang mana saya rasa telah pun mengambil kira apa yang disebut oleh Menteri yang berkenaan.

Datuk Seri Dr. Mujahid Yusof Rawa: Saya mohon maaf untuk berbeza pandangan dengan Yang Berhormat Kuala Terengganu dalam hal ini. Dari segi perundangan, tidak ada sesiapa yang tidak boleh mengkritik mana-mana keputusan yang telah dibuat sebagai *reference* supaya perkara itu untuk masa depan boleh dibaiki. Saya rasa itu semangatnya, bukan semangat untuk mempertikaikan keputusan.

Kedua, kita juga pada 8 Oktober baru-baru ini telah mengadakan satu sidang *conference* meja bulat. Di mana *conference* meja bulat itu melibatkan ketua-ketua hakim syarie, pegawai-pegawai syariah negeri di seluruh negara untuk hadir dan bincang

bagaimanakah dari sudut falsafah penghakiman ini yang kita hendak cuba ketengahkan daripada sekadar bersifat punitif atau menghukum kepada bersifat reformatif.

Ini benda-benda bagi saya bukan mengkritik apa yang telah dibuat tapi untuk *way forward*. Jadi, saya mohon berbeza pandanganlah bahawa apa yang kami cadangkan itu bukan dianggap sebagai campur tangan tetapi lebih kepada satu pandangan untuk *future references* agar sistem kehakiman dan pengadilan syariah akan menjadi lebih baik. Itu sahaja yang kita niat dan hasrat. Tidak ada untuk campur tangan. Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itu sahaja. Saya tidak tahu Yang Berhormat Papar hadir atau tidak?

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Tidak ada, masa pun sudah tamat.

Datuk Seri Dr. Mujahid Yusof Rawa: Oh! Yang Berhormat Papar hadir. Saya ambil kira Yang Berhormat Papar tentang isu Tabung Haji yang dikatakan tidak ada Tabung Haji untuk di Papar.

Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]: Di Papar.

Datuk Seri Dr. Mujahid Yusof Rawa: Akan tetapi saya hendak bagi tahu Yang Berhormat Papar, bahawa kita sekarang telah ada satu perkhidmatan yang mana semua yang hendak buat urusan Tabung Haji, dia boleh buat di ATM *machine* yang lain. Seperti Bank Islam, CIMB, Maybank dan sebagainya. So, saya harap Yang Berhormat Papar—

Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]: Boleh saya mencelah. Di Papar, kalau tidak silap saya tidak ada Bank Islam dan juga tidak ada Maybank.

Datuk Seri Dr. Mujahid Yusof Rawa: Wah, yang itu kena tanya dengan Bank Islam kenapa tak ada. Okey, saya ada di sini maklumat di sini. Kita ada Pejabat Pos Malaysia Berhad Taman OKK Mahali, Papar. Ia boleh digunakan untuk kaunter simpanan tunai dan pos *online*, di mana di situ ada Tabung Haji punya kaunter.

■1510

Kedua, Public Bank Berhad. Jalan besar pekan Papar dia ada ATM pindahan simpanan ke akaun Tabung Haji yang juga boleh bagi servis Tabung Haji dan Bank Simpanan Nasional Jalan Papar dia ada juga ATM pindahan simpanan ke akaun Tabung Haji. So, itu sebagai yang kami boleh bagi servis kepada penduduk di Papar. Sekian, terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar]: Tuan Yang di-Pertua. Minta maaf.

Datuk Seri Dr. Mujahid Yusof Rawa: Kuota Haji?

Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar]: Ya. Ya betul.

Datuk Seri Dr. Mujahid Yusof Rawa: Kuota Haji 0.1 *percent* bagi setiap populasi Muslim OIC dan dengan 0.1 *percent* itu kita dapat 32,200 jemaah haji setiap tahun. Itu sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Puas hati Yang Berhormat Kuala Kangsar? Okey. Terima kasih Yang Berhormat Menteri jawapannya lemah lembut bagaikan jerami padi makin berisi, makin bertunduk. Akan tetapi yang saya faham *amar ma'ruf, nahi mungkar*. Sekarang saya menjemput seorang lagi wakil di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Tanjong Piai, sila. Masa 30 minit.

3.11 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dr. Md Farid bin Md Rafik]: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera. Salam perpaduan dan salam Malaysia baharu. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Saya mewakili Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional iaitu Perpaduan. Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JAKOA), Unit Pembangunan Ekonomi Masyarakat India (SEDIC) dan Unit Penyelarasan Pelaksanaan dan ICU.

Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang prihatin dan mengambil bahagian di dalam perbahasan Kajian Separuh Penggal Rancangan

Malaysia Kesebelas 2018 yang telah membangkitkan beberapa isu berkaitan dengan jabatan-jabatan yang telah disebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, bagi Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional, saya ingin memulakan sesi penggulungan dengan mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tebrau dan Yang Berhormat Mas Gading yang telah membangkitkan isu berkaitan dengan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional.

Saya mengambil maklum bahawa Yang Berhormat Tebrau pada 25 Oktober 2018 membangkitkan tentang penubuhan Majlis Perpaduan Keharmonian Rakyat untuk menjamin keharmonian negara dan ingin mengetahui adakah inisiatif ini akan menggantikan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional itu sendiri. Beliau juga menyatakan bahawa KRT yang telah ditubuhkan di bawah perpaduan kebanyakannya disertai oleh kaum Melayu dan tidak ramai penyertaan daripada kaum-kaum yang lain.

Untuk makluman Yang Berhormat Tebrau, Majlis Perundingan Keharmonian Rakyat (MPKR) merupakan badan baharu yang dijenamakan semula untuk menggantikan Majlis Konsultasi Perpaduan Negara. Penubuhan MPKR ini adalah untuk menggalas dua peranan utama iaitu bertindak sebagai sebuah badan bebas yang akan menasihati kerajaan mengenai hal ehwal perpaduan dan kesejahteraan sosial serta Dasar Perpaduan Negara. Langkah ini adalah sebagai usaha kerajaan ke arah penyatuan nasional dengan izin *National Reconciliation* bagi mengurangkan polarisasi kaum dan membina bangsa Malaysia yang *insya-Allah* bersatu padu.

Penubuhannya menjadi platform untuk membincangkan isu-isu sukar di dalam kalangan masyarakat Malaysia yang kompleks serta merintis jalan penyelesaian ke arah merapatkan lagi jurang yang menghalang perpaduan. Tambahan pula Majlis ini akan melaksanakan usaha-usaha ke arah mewujudkan kesedaran dan memupuk nilai-nilai murni di dalam kalangan rakyat Malaysia agar bersikap moderat bagi mengelakkan perpecahan di antara kaum dan agama.

Pewujudan MPKR ini juga adalah selaras dengan aspirasi dan hasrat kerajaan baharu untuk mewujudkan urus tadbir negara yang baik, progresif dan inklusif ke arah menjamin kesejahteraan hidup seluruh rakyat negara ini tanpa mengira latar belakang kaum, bangsa dan agama demi membawa Malaysia ke wawasan baharu dan seterusnya memacu negara kembali dikagumi oleh dunia.

Pemilihan ahli-ahli yang menduduki MPKR adalah terdiri daripada pelbagai latar belakang individu yang berpengalaman serta komited terhadap gerak kerja perpaduan negara dan kesejahteraan sosial rakyat. Mereka yang akan dipilih mesti mempunyai kredibiliti, bersikap inklusif, terbuka, natural dan mempunyai pandangan yang konstruktif serta mewakili semua lapisan masyarakat. Pelantikan Ahli Majlis MPKR akan dibuat secara pentadbiran setelah berunding dan dipersetujui oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kelak.

Bagi persoalan Yang Berhormat mengenai Rukun Tetangga. Tidak kita nafikan bahawa daripada 8,072 KRT kawasan.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Menteri, tentang isu perpaduan sahaja. Sebelum Yang Berhormat Menteri pergi ke isu lain. Saya telah meneliti jawapan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Menteri dan saya di sini ingin menyatakan penghargaan saya kepada langkah-langkah yang diambil untuk kita meningkatkan lagi perpaduan di antara rakyat Malaysia yang berbilang kaum. Sesungguhnya saya yakin bahawa setelah Pakatan Harapan menang dalam pilihan raya kali ini kita harus memberi perhatian dan meningkatkan lagi langkah-langkah untuk mengeratkan perpaduan yang saya rasa sudah pun mencapai satu matlamat yang kita benar-benar ingin capai. Akan tetapi pada masa yang sama saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini kepada beberapa insiden-insiden yang sekali-sekala mengganggu-gugat ketenteraman awam perpaduan rakyat Malaysia yang berbilang kaum.

Di sini saya tidak mahu berpolitik saya ingin berterus terang. Ada Yang Berhormat – Yang Berhormat di kalangan di sebelah sana yang selalunya mengeluarkan kenyataan-kenyataan yang mencetuskan perasaan iri hati dan buruk sangka di antara satu sama lain. Dan di sini saya ingin menyeru kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri supaya kalau boleh sekali-sekala menjemput Yang Berhormat–Yang Berhormat daripada sebelah sana untuk turut menyertai majlis-majlis ini terutamanya kepada Yang Berhormat–Yang Berhormat di

sebelah sana yang sering kali cuba mengeluarkan kenyataan-kenyataan yang boleh mengganggu gugat perpaduan di antara kaum.

Contohnya Yang Berhormat Pasir Salak, contohnya Yang Berhormat Bera dan Yang Berhormat - Yang Berhormat lain. Bagi pihak saya sendiri di kalangan di Jelutong, saya ingin berterus-terang di sini. Di Jelutong, saya mempunyai lebih kurang 40 hingga 50 peratusan pengundi Melayu dan kali ini mereka telah memberikan mandat kepada saya untuk menjadi Ahli Parlimen dan sering kali saya ditanya mengapakah kenyataan-kenyataan ini dikeluarkan oleh Yang Berhormat–Yang Berhormat daripada UMNO khususnya kita lihat. Selalunya dalam perhimpunan-perhimpunan agong mereka kenyataan-kenyataan yang berbau fitnah dilemparkan terhadap DAP dan pemimpin-pemimpin DAP.

Jadi saya ingin di sini menyeru kepada Yang Berhormat berterima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri di atas langkah-langkah yang diambil dan minta supaya ditingkatkan lagi langkah-langkah ini bukan sahaja itu menjemput Yang Berhormat–Yang Berhormat khususnya daripada UMNO untuk turut serta bersama-sama dengan kita untuk memastikan bahawa perpaduan rakyat Malaysia yang berbilang kaum tidak diganggu gugat pada bila-bila masa. Terima kasih Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Pertanyaan Yang Berhormat panjang, tiga minit.

Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, Bagan Serai? Boleh? Saya minta sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, ingat ya masa tinggal 22 minit.

Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Sedikit sahaja sekejap. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tiga perkara, yang pertamanya saya harap saya dengar penjelasan tadi saya harap kerajaan sekarang dapat memberikan lagi pengiktirafan yang baik kepada Rukun Tetangga. Yang pertamanya, Rukun Tetangga ini tidak boleh kalau Melayu, Melayu sahaja. Kalau India, India sahaja. Nama pun perpaduan. Rukun Tetangga yang cemerlang, Rukun Tetangga yang bukan sahaja dia buat aktiviti tetapi *multiracial*.

Keduanya, beri insentif yang lebih terutamanya yang SRS insurans itu beri tinggi supaya – bukan hendak bayar tetapi beri semangat.

Ketiga, pengerusi-pengerusi yang sudah lama ini, beri pengiktirafan contohnya kalau beri pingat kah apakah bukan baru enam bulan sudah dapat pingat kan? Ini sudah bertahun-tahun sudah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Okey, terima kasih Yang Berhormat Bagan Serai.

Dr. Md Farid bin Md Rafik: Terima kasih kepada Yang Berhormat Jelutong dan Yang Berhormat Bagan Serai. Pertama sekali menjawab apa yang dibangkitkan oleh kedua-dua Yang Berhormat tadi, yang pertama gerak kerja perpaduan yang mana di bawah Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional dan berpandukan kepada sokongan daripada KRT-KRT kita yang ada di peringkat akar umbi 8,070 KRT yang ada.

■1520

Kita sebenarnya menegaskan sejak dari awal lagi, dan yang mana barangkali benda ini telah berlaku, bahawa kerja perpaduan ini adalah merentasi segala-galanya. Apa yang saya maksudkan bukan sahaja merentasi daripada kepelbagaian kaum, agama, bangsa malah juga merentasi fahaman politik masing-masing. Jadi dalam apa yang kita jalankan apabila kita pergi ke mana-mana, kalau saya turun *for example*, dengan izin, ke negeri-negeri waima negeri tersebut di bawah pentadbiran yang bukan pentadbiran Pakatan Harapan, kita libatkan pimpinan-pimpinan setempat walaupun mereka daripada pimpinan Barisan Nasional dan sebagainya. Itu adalah apa yang kita lakukan untuk memastikan kerana kita membawa hala tuju untuk menyatupadukan masyarakat. Jadi, inilah satu contoh yang terbaik yang boleh kita lakukan.

Berkenaan dengan KRT-KRT, ada beberapa lagi yang akan saya jawab di sini. Secara lazimnya, Jabatan Perpaduan memastikan KRT yang ditubuhkan mempunyai representasi daripada pelbagai kaum melalui Panduan Pengurusan Rukun Tetangga 2013 yang mana memberi panduan terhadap kriteria pemilihan ahli jawatankuasa KRT dan

cawangan-cawangan di bawahnya supaya melibatkan komposisi kaum dan etnik. Kelazimannya AJK rukun tetangga selalunya merangkumi kaum Melayu, India dan Cina dan juga pelbagai kaum lain termasuklah Orang Asli dan sebagainya agar rukun tetangga menjadi jentera di peringkat akar umbi yang menggalakkan semangat kejiranan dalam komuniti setempat bagi terus menjamin keutuhan perpaduan di dalam kalangan masyarakat majmuk di Malaysia.

Jabatan ini di peringkat pusat dan rukun tetangga di peringkat akar umbi akan sentiasa meningkatkan usaha untuk menggalakkan penyertaan pelbagai kaum di dalam aktiviti yang kita jalankan. Setiap program yang dijalankan oleh KRT akan sentiasa memberi perhatian kepada komposisi kaum yang terlibat dengan menyediakan kuota penyertaan dan jemputan kepada semua individu daripada pelbagai kaum.

Untuk makluman Yang Berhormat, Jabatan Perpaduan telah berjaya mendapatkan penyertaan daripada pelbagai kaum di dalam aktiviti yang telah dilaksanakan. Ini dibuktikan dengan laporan pelaksanaan program yang mana pecahannya daripada sejumlah 1,718,748 peserta yang menyertai aktiviti KRT, 59.7 peratus adalah Melayu, 9.1 peratus Cina, 4.7 peratus India, 19.4 peratus bumiputera Sabah, lima peratus bumiputera Sarawak dan hampir dua peratus daripada etnik yang lain.

Seterusnya ada lagi satu soalan daripada Yang Berhormat Mas Gading. Saya rasa dia tidak ada di sini ya. Kita akan beri jawapan bertulis.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya.

Dr. Md Farid bin Md Rafik: Ulasan yang seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, adalah mengenai Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JAKOA). Ada beberapa isu yang telah dibangkitkan. Pertama oleh Yang Berhormat Jeli— tidak ada? Yang Berhormat Setiawangsa? Yang Berhormat Kampar? Yang Berhormat Bera dan Yang Berhormat Cameron Highlands? Semuanya kita akan beri jawapan bertulis.

Perkara yang seterusnya adalah berkenaan dengan Unit Pembangunan Ekonomi Masyarakat India. Isu dibangkitkan oleh Yang Berhormat Batu Gajah dan Yang Berhormat Cameron Highlands. Tidak ada? Saya rasa kita ada sedikit masa hendak diulas. Boleh ya? Baiklah.

Isu yang dibangkitkan berkenaan dengan SEDIC pada 25 dan 29 Oktober 2018 mengenai pelantikan 10 peratus penjawat awam daripada kaum India seperti yang dijanjikan dalam manifesto sebelum pilihan raya. Untuk makluman terutamanya Yang Berhormat yang bertanya dan juga Yang Berhormat yang lain, iltizam khusus untuk masyarakat India dalam Manifesto Pakatan Harapan telah menetapkan sasaran 10 peratus daripada bilangan pekerja baharu adalah di bawah kalangan komuniti India untuk berkhidmat di dalam agensi Kerajaan Persekutuan, negeri, pihak berkuasa tempatan dan semua syarikat milik kerajaan ataupun GLC. Bagi merealisasikan inisiatif untuk meningkatkan bilangan masyarakat India di dalam sektor awam, SEDIC akan mengadakan siri-siri mesyuarat secara berterusan dengan agensi-agensi kerajaan yang terlibat dalam pengambilan pekerja, antaranya termasuklah Polis Diraja Malaysia, Angkatan Tentera Malaysia, Suruhanjaya Pelajaran Malaysia dan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam.

Saya berharap Ahli Yang Berhormat dapat memberikan peluang dan masa kepada kerajaan agar cadangan 10 peratus tersebut dapat diimplementasikan dalam jangka masa lima tahun ini. Saya sesungguhnya percaya bahawa hasrat kerajaan untuk melibatkan 10 peratus masyarakat India daripada bilangan keseluruhan pekerja baharu untuk berkhidmat di dalam agensi-agensi Kerajaan Persekutuan, negeri, pihak berkuasa tempatan dan GLC akan dapat dicapai.

Satu lagi isu yang dibangkitkan melalui SEDIC adalah mengenai status *Malaysian Indian Blueprint* (MIB), sama ada SEDIC akan meneruskan atau tidak inisiatif MIB. Untuk makluman Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, SEDIC kini dalam proses penjenamaan semula agar agensi ini dapat bertindak sebagai agensi yang lebih bersifat *people-centric*, dengan izin, untuk memastikan faedah mencapai golongan sasaran iaitu masyarakat India terutamanya yang di dalam golongan B40. Dalam hal ini, apa yang baik serta mendatangkan manfaat kepada rakyat yang telah disasarkan akan diteruskan demi kepentingan rakyat di Malaysia. Sehubungan dengan itu, kerajaan semasa ini akan memberi perhatian kepada Pelan Tindakan Masyarakat India (SEDIC) dan sekiranya perlu, ia akan dikaji semula bagi penambahbaikan bagi memastikan masyarakat India dapat berkembang

pesat seiring dengan masyarakat-masyarakat lain di negara ini khususnya daripada segi sosioekonomi, peluang pendidikan dan keupayaan keusahawanan.

Yang Berhormat Cameron Highlands juga memohon status 1,500 masyarakat India untuk ditempatkan di politeknik dan matrikulasi dan adakah ini akan diteruskan. Seperti mana yang saya katakan sebentar tadi, apa yang baik serta mendatangkan manfaat kepada rakyat akan diteruskan demi kepentingan rakyat di seluruh Malaysia...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Minta laluan, Yang Berhormat. Sedikit sahaja. Berkenaan dengan institusi pengajian tinggi. Yang Berhormat telah menyentuh tentang politeknik dan sebagainya.

Saya ingin juga— mungkin Yang Berhormat boleh memberi ulasan kemudian ataupun secara bertulis. Ada sebuah universiti iaitu *AIMST College* yang telah dibina oleh, yang pada asalnya dicadangkan dipelopori oleh Menteri MIC, Tun Samy Vellu, yang ketika dicadangkan itu beliau telah meminta pendermaan daripada rakyat jelata dengan cadangan bahawa universiti itu akan menjadi tempat di mana pemuda pemudi India akan mendapat menuntut pendidikan ataupun pengajian tinggi secara percuma. Akan tetapi, saya difahamkan sekarang bahawa di universiti tersebut, untuk mendapat tempat bagi pemuda pemudi dalam golongan India adalah begitu susah sekali. Bukan sahaja susah tetapi juga jumlah yang dikenakan adalah begitu tinggi.

Akan tetapi perkara yang ingin saya bawa kepada Dewan yang mulia ini adalah bila pendermaan itu diberikan, pemimpin-pemimpin MIC mengatakan bahawa ini akan menjadi, dengan izin, seperti *TAR College* yang didirikan oleh MCA. Ia akan menjadi satu kolej untuk pemuda pemudi India. Akan tetapi sehingga sekarang kita mendapati ada banyak aduan bahawa untuk kita mengaji diploma ataupun sijil, jumlah yang dikenakan, bayaran yang dikenakan adalah tidak mampu dibayar terutamanya oleh penduduk-penduduk yang tinggal di sekitar Sungai Petani, Kepala Batas, Pulau Pinang, Alor Setar yang semuanya bekerja di ladang-ladang. Jadi mungkin perkara ini boleh diberi perhatian oleh kerajaan baharu.

Saya kurang pasti sama ada siapakah yang sebenarnya menguasai ataupun mempunyai kawalan ke atas universiti ini. Kalau boleh Yang Berhormat sendiri membuat penyiasatan dan memastikan bahawa universiti itu kalau boleh bukan sahaja mampu dimasuki oleh pemuda pemudi India tetapi juga oleh semua termasuk Melayu dan Cina.

■1530

Ini kerana itu merupakan universiti tempatan yang sepatutnya memberi tempat untuk pemuda pemudi di Malaysia untuk mengaji pendidikan tinggi. So, saya minta perkara ini diberi perhatian dan kalau ada pemimpin-pemimpin MIC yang masih lagi mempunyai kuasa, masuk campur dengan pentadbiran universiti ini, saya minta mereka dipecat dengan serta-merta. Oleh kerana saya difahamkan makanan-makanan di universiti tersebut, di kantin dan sebagainya semuanya dikawal oleh pemimpin-pemimpin MIC, begitu mahal saya difahamkan sehingga mereka tidak boleh belanja. Kadangkala perlu membawa makanan daripada luar untuk makan. So, Yang Berhormat saya minta perkara ini diberi perhatian, terima kasih.

Dr. Md Farid bin Md Rafik: Terima kasih kepada Yang Berhormat Jelutong. Buat masa ini seperti saya katakan tadi maklumat tepat mengenai isu ini...

Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]: Yang Berhormat, boleh bagi?

Dr. Md Farid bin Md Rafik: ...Tidak ada...

Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]: Yang Berhormat.

Dr. Md Farid bin Md Rafik: ...Nanti kita bagi jawapan bertulis.

Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]: Yang Berhormat, Segamat.

Dr. Md Farid bin Md Rafik: Yang Berhormat Segamat.

Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]: Saya janji dua minit sahaja, tidak lebih daripada itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Hendak mencelah dua minit, hendak jawab satu minit.

Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]: Tidak lebih dari dua minit. Saya hendak tanya berkenaan dengan perpaduan dan juga SEDIC kerana kita mendapati daripada jumlah

RM298 juta yang diberikan SEDIC daripada 2014 hingga 2017, daripadanya lebih kurang RM91 juta telah pun dipulangkan balik kepada kerajaan dan saya tidak tahu mengapa ia dipulangkan kepada kerajaan kerana tidak ada keperluan kepada masyarakat India kononnya daripada pemerintahan lepas.

Akan tetapi saya hendak tanya, adakah SEDIC bersama juga dengan Jabatan Perdana Menteri bersedia untuk menyelesaikan masalah sosioekonomi khususnya pendidikan dan latihan untuk golongan belia India yang gagal dalam peperiksaan. Contohnya kita ada program TVET. Program TVET ini kita boleh buat pelbagai peringkat daripada bagaimana hendak tunda kereta dan juga sebagainya sampailah ke peringkat-peringkat lebih tinggi.

Akan tetapi masalah yang mereka hadapi adalah penggunaan bahasa dalam itu. Kalau ada pihak swasta ataupun kerajaan sendiri kalau kerajaan tidak ada duit, adakah kalau pihak swasta hendak buat di mana mereka boleh buat program-program ini menggunakan dwibahasa, bahasa Tamil dan juga bahasa Melayu. Bahasa Melayu itu utama, tutorial dalam dwibahasa maka boleh menyelesaikan masalah mereka agar mereka mendapat bahagian latihan yang berbentuk skil. Adakah kerajaan juga sanggup membantu dan juga melihat daripada peringkat tersebut? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Minta laluan, Padang Serai.

Dr. Md Farid bin Md Rafik: Satu minit.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mencadangkan dan juga bertanya kepada pihak Menteri berkaitan dengan SEDIC. Bolehkah SEDIC memberi satu garis panduan ataupun *guideline* dengan izin, bagaimana hendak menggunakan duit tersebut? Bagaimana kita boleh selaraskan duit itu kepada peringkat atas ke peringkat bawah? Kita tidak mahu seperti mana yang dilakukan kerajaan dahulu, duit itu tidak sampai, setengah jalan habis. So, kali ini kalau kita mahu satu susunan...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: [Menyampuk]

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: ...Mesti teratur dan kepuasan rakyat terutama sekali kaum India mesti ada sebab kita tidak mahu orang kata Pakatan Harapan sama juga dengan kerajaan dahulu. Perkataan itu tidak mahu. So, oleh itu saya mencadangkan diletakkan satu garis panduan untuk apa duit itu boleh digunakan. Jangan tanam cili pun, kita bagi tidak mahu. [Disampuk] Dahulu ada cili RM30 juta kah apa macam itu tanam entah ke mana pi tidak tahu. Tidak apa, kerajaan akan boleh cari dan boleh bagi *guideline* duit SEDIC itu bagaimana kita boleh gunakan dan untuk apa kita boleh gunakan? Itu mesti diberitahu terutama sekali bagi Ahli-ahli Parlimen di sidang ini. Terima kasih.

Dr. Md Farid bin Md Rafik: Terima kasih Yang Berhormat daripada Segamat dan Yang Berhormat Padang Serai. Jadi kita sejak SEDIC diambil alih di bawah Jabatan Perdana Menteri, kita amat sedar bahawa mungkin terdapat beberapa isu daripada pentadbiran yang lepas yang mana peruntukan-peruntukan yang diberi untuk membantu golongan masyarakat India ada kalanya tidak sampai ke peringkat bawah.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini, pihak Jabatan Audit Negara telah pun memulakan proses untuk mengaudit pelaksanaan program-program yang dijalankan oleh SEDIC, jadi...

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, minta laluan sedikit. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Pendang.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Untuk memupuk perpaduan dalam negara kita yang berbilang bangsa ini, adakah perancangan daripada Timbalan Menteri dan juga di bawah Jabatan Perdana Menteri ini untuk hendak menyerap hendak masuk mata pelajaran di peringkat sekolah rendah lagi selain daripada Bahasa Melayu menjadi bahasa teras, Bahasa Inggeris? Adakah pihak kementerian ini merancang untuk memasukkan mata pelajaran 'Bahasa Cina', 'Bahasa India' ke dalam sistem mata pelajaran *mainstream* kita yang utama.

Ini peringkat awal yang perlu dirancang oleh pihak Kementerian supaya kita boleh memupuk perpaduan. Kalau mata pelajaran Cina, India dan juga mata pelajaran yang kita rasa penting tidak dimasukkan, ini melambatkan proses perpaduan negara. Adakah pihak Kementerian ada merancang peringkat-peringkat yang saya sebutkan tadi?

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Pembetulan 'bahasa India' tidak ada, Bahasa Tamil ada.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Saya sebut bahasa Tamil. India bangsa.

Dr. Md Farid bin Md Rafik: Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya hendak balik semula...

Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]: India keturunan.

Dr. Md Farid bin Md Rafik: ...Hendak balik semula kepada SEDIC tadi, sedikit lagi hendak diulas. Bahawa keputusan daripada pengauditan SEDIC ini, audit itu masih di dalam proses dan *once the result* itu kita sudah ada dan kita akan umumkan dan kita akan lihat. Yang Berhormat Menteri sendiri telah menyasarkan beberapa perkara termasuk memberikan satu *guideline* dengan izin yang jelas bagaimana peruntukan yang disalurkan kepada SEDIC ini boleh diguna pakai terutamanya di peringkat akar umbi dan tidak disalahgunakan, *insya-Allah*.

Seterusnya bagi rumusan mengenai bahawa lain, bahasa Tamil dan Mandarin terutamanya di peringkat sekolah, kita di Jabatan Perpaduan Negara amat sedar satu benda yang mana seperti yang dikatakan banyak kali mungkin satu klise dengan izin, yang kita melentur buluh biarlah daripada rebung. Pendedahan kepada kepelbagaian budaya yang ada di negara ini telah dibuat di peringkat sekolah lagi, jadi pelajaran bahasa-bahasa lain itu perlu dibincangkan dengan Jabatan Pendidikan dan ini merupakan satu benda yang amat penting sendiri. *Personally*, saya rasa ini adalah satu benda yang amat penting yang mana ia merupakan satu jambatan yang cukup kuat. Interaksi di antara pelbagai kaum kalau kita dapat menguasai bahasa selain daripada bahasa kebangsaan ia akan dapat merapatkan lagi, *insya-Allah* perpaduan di antara pelbagai kaum yang ada di Malaysia ini. Terima kasih.

Satu isu lagi yang telah disentuh yang saya rasa saya perlu perelaskan di Dewan yang mulia ini, Yang Berhormat Cameron Highlands juga ada menyatakan sedikit rasa tidak puas hati dengan jawapan mengenai SEDIC dan mengharapkan empat orang Menteri daripada keturunan India menunjukkan prestasi yang lebih baik dalam memacukan masyarakat India. Yang Berhormat Segamat mencadangkan agar Yang Berhormat Menteri Perpaduan memujuk Yang Amat Berhormat Langkawi supaya memulangkan kembali RM100 juta kepada SEDIC untuk program-program kaum minoriti dan kaum tertentu.

Kenyataan mengenai SEDIC telah pun saya berikan sebentar tadi dan untuk makluman Yang Berhormat, sebelum ini Yang Berhormat Menteri sendiri pun telah menjawab di dalam Dewan yang mulia ini. Seperti mana yang kita semua sedia maklum Ahli-ahli Yang Berhormat, Jemaah Menteri di bawah Pakatan Harapan mempunyai bilangan Menteri India yang paling ramai di dalam sejarah Malaysia iaitu empat orang. Menteri-menteri ini bukan sahaja memberi tumpuan khusus kepada memacukan masyarakat India malah lebih daripada itu untuk memacu arus pembangunan negara.

Seperti mana pentadbiran kerajaan terdahulu setiap Menteri mempunyai portfolio tugas masing-masing dalam memastikan arus pembangunan negara ini di bawah landasan yang betul. Selaku Menteri yang bertanggungjawab kepada hal ehwal masyarakat India, Yang Berhormat Senator Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy sentiasa bersedia untuk mendengar permasalahan-permasalahan yang dibawa oleh masyarakat India...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Minta laluan Yang Berhormat, sedikit sahaja. Saya ingat, sedikit sahaja Yang Berhormat. Saya ingat Yang Berhormat tidak perlu memberikan sebarang penjelasan. Kita yakin, Jelutong dan semua Ahli-ahli Yang Berhormat Pakatan Harapan yakin bahawa empat-empat Menteri yang dilantik oleh Yang Amat Berhormat Langkawi akan menjalankan amanah berbanding dengan Menteri-menteri MIC yang telah merompak kaum India sebelum ini. Selama 60 tahun mereka telah merompak kaum India bermula dengan Tun S. Samy Vellu. Saya berani menyatakan di sini.

■1540

So, jangan risau, tidak perlu memberi sebarang penjelasan. Saya yakin bahawa lantikan oleh Yang Amat Berhormat Langkawi akan memastikan bahawa kebajikan, masa

depan kaum India di Malaysia di bawah Pakatan Harapan akan sentiasa dibela. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Karupaiya Mutusami [Padang Serai]: Saya setuju Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ini sudah jadi kelab penyokong.

Dr. Md Farid bin Md Rafik: Sedikit masa yang diberikan. Ada beberapa isu dibangkitkan mengenai ICU. Yang Berhormat Papar, Yang Berhormat Ayer Hitam, Yang Berhormat Tuaran, Yang Berhormat Mas Gading, Yang Berhormat Parit Sulong dan Yang Berhormat Paya Besar telah membangkitkan beberapa isu. Saya rasa Yang Berhormat Papar ada di sini.

Isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Papar pada 22 Oktober 2018 mengenai cadangan supaya pemilihan kontraktor bukan daripada senarai sedia ada di dalam senarai di jabatan-jabatan, pejabat daerah, majlis daerah yang diberi peluang berulang kali. Untuk makluman, proses pemilihan kontraktor dijalankan mengikut peraturan kewangan yang ada. Kementerian ataupun jabatan kerajaan perlu mengikut Pekeliling Perbendaharaan PK2.1 Kaedah Perolehan Kerajaan. Segala peraturan atau arahan perlu dipatuhi sepenuhnya sebelum sesuatu perolehan boleh ditawarkan kepada kontraktor. Kontraktor yang berminat untuk menawarkan perkhidmatan kepada kerajaan perlu terlebih dahulu mendaftar dengan Kementerian Kewangan. Saya memberi jaminan bahawa urusan pelantikan kontraktor atau pembekal akan dijalankan dan terus dijalankan dengan telus dan teratur.

Seterusnya Yang Berhormat Papar membangkitkan mengenai status pelaksanaan Projek Mesra Rakyat kawasan Parlimen Papar yang berjumlah RM30 juta. Projek Mesra Rakyat ini merupakan salah satu butiran projek yang terdapat di dalam Rancangan Malaysia Kesebelas. Bagi tahun 2018 sehingga bulan Mei, projek ini ditangguhkan untuk diteliti dan penyelarasan sedang dijalankan.

Mengenai permohonan supaya diberi peruntukan kepada wakil rakyat di Sabah dan Sarawak untuk membeli sebuah kereta pacuan empat roda dan sebuah van untuk kegunaan perjalanan ke kawasan pedalaman. Maaf saya ucapkan bahawa setakat ini kerajaan tidak bercadang untuk menyediakan peruntukan kepada Ahli Parlimen di Sabah dan Sarawak bagi pembelian kenderaan. Pembelian kenderaan ini perlu diteliti secara terperinci kerana akan melibatkan kos penyelenggaraan secara berkala yang akan meningkatkan kos pengurusan kerajaan. Setakat ini, kerajaan menyediakan sejumlah RM1 juta kepada kawasan Parlimen kerajaan di bawah peruntukan khas Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bagi membolehkan Ahli Parlimen tersebut menyelaraskan keperluan rakyat di kawasan masing-masing.

Seterusnya, akhir sekali Yang Berhormat Papar juga pada 22 Oktober 2018 mencadangkan supaya projek-projek di bawah RMKe-11 dilaksanakan dengan lancar dan dipantau oleh pegawai-pegawai kepada wakil rakyat. Kerajaan berbesar hati di atas keprihatinan ini terhadap pelaksanaan projek-projek pembangunan di bawah RMKe-11 berdasarkan Arahan No. 1, Majlis Tindakan Negara. Platform yang melibatkan Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri telah diwujudkan menerusi Jawatankuasa Kerja Tindakan Daerah, Jawatankuasa Kerja Tindakan Bahagian. Sehubungan dengan itu, platform yang sedia ada, kita harap boleh dimanfaatkan oleh wakil rakyat dan pegawai kepada wakil rakyat dalam memantau pelaksanaan projek-projek pembangunan di kawasan masing-masing.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat, masa sudah tamat.

Dr. Md Farid bin Md Rafik: Okey.

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dr. Md Farid bin Md Rafik: Ada Yang Berhormat Parit Sulong. Baiklah ada satu, satu Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Sila.

Dr. Md Farid bin Md Rafik: Okey, ini isu telah dibincangkan tadi sebenarnya Yang Berhormat Parit Sulong. Ada dibincangkan mengenai peruntukan-peruntukan masjid. Isu yang sama dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ayer Hitam pada 22 Oktober 2018 dan Yang Berhormat Parit Sulong pada 29 Oktober 2018 mengenai empat peruntukan membangkitkan

pembatalan pembinaan empat buah masjid di Parlimen Parit Sulong iaitu Masjid Air Putih, Masjid Jamek Parit Betong, Masjid Jamek Nurul Huda, Kampung Parit Jayus 4 dan Masjid Parit Simis yang melibatkan kos keseluruhan berjumlah RM7.4 juta.

Yang Berhormat Paya Besar pada 29 Oktober 2018 juga membangkitkan mengenai pembinaan Masjid Lepar Hilir 1 dan Jambatan Sungai Mabuk yang tidak diteruskan. Untuk makluman, pembinaan semua projek ini masih sebenarnya pada masa itu belum dikeluarkan surat terima SST. Selaras dengan arahan daripada Kementerian Kewangan melalui suratnya yang bertarikh 29 Jun 2018, menyatakan bahawa semua perolehan yang masih belum dikeluarkan SST, dibatalkan. Bagi pembinaan Masjid Felda Bukit Kuantan, ia kini telah mencapai 55 peratus kemajuan.

Walau bagaimanapun Ahli-ahli Yang Berhormat, kita amat faham dan prihatin tentang kepentingan projek-projek tersebut untuk masyarakat setempat. Ahli-ahli Yang Berhormat diminta untuk membuat permohonan semula terhadap projek-projek ini dan kita akan lihat sekiranya terdapat keperluan mendesak, pihak kerajaan akan memberikan pertimbangan semula dengan sewajarnya selari dengan kemampuan kewangan semasa kerajaan.

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Okey, Yang Berhormat. Terima kasih. Empat masjid yang dinyatakan itu, yang saya untuk kawasan Parlimen Parit Sulong. Keempat-empat isu tanah tidak ada masalah sebab telah diwakafkan. Empat-empat itu memang dalam keadaan uzur termasuk satu masjid itu sudah roboh Yang Berhormat, yang sepatutnya diteruskan dan telah diluluskan peruntukan itu. Jadinya, permohonan telah dibuat pada awal dan siasatan oleh ICU sendiri telah turun ke akar umbi untuk melihat perkara tersebut. Memang tidak ada isu langsung, buruk, bobok. Kalau Yang Berhormat hendak datang sembahyang, sembahyanglah itu, jatuh nanti di situ. Jadinya sebab itulah saya bangkitkan isu ini sebab ia adalah isu yang berkaitan dengan masyarakat. Tempat sembahyang untuk orang Islam, tidak kira parti apa pun. Jadinya saya minta pertimbangan sangat-sangat untuk keempat-empat masjid ini. Kalau masjid itu elok, saya takkan bawa. Akan tetapi ini masjid itu memang dalam keadaan sangat uzur, tidak boleh digunakan. Satunya sudah roboh pun Yang Berhormat. Terima kasih.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Berkaitan, minta maaf. Yang Berhormat Tanjong Piai, kita berjiran. Saya timbulkan juga tentang dua jambatan roboh yang telah diluluskan oleh ICU di Pontian. Akan tetapi kerana kekangan kewangan, maka ia tidak dilaksanakan sedangkan kita bercerita tentang jambatan bengkok berbilion. Ini jambatan RM1.5 juta pun tidak boleh hendak buat. Yang Berhormat mungkin boleh beri jawapan bertulis kemudian. Berapa banyak projek-projek rakyat macam ini yang dibatalkan dan ditangguhkan untuk makluman saya? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, sila menggulung.

Dr. Md Farid bin Md Rafik: Terima kasih kepada Yang Berhormat...

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, berkaitan, berkaitan. Paya Besar, Paya Besar. Boleh Tuan Yang di-Pertua?

Dr. Md Farid bin Md Rafik: Boleh untuk rekod, *just one minute*. Selepas itu saya hendak habiskan.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya ada sebut berkaitan dua projek tetapi saya bangkitkan tiga. Berkaitan Masjid Felda Bukit Kuantan yang sedang dibina tetapi tidak dapat peruntukan daripada pusat, akhirnya kontraktor terpaksa menghentikan masjid tersebut. Apa yang berlaku hari ini adalah masjid tersebut menumpang di Dewan Besar FELDA Bukit Kuantan. Segala aktiviti keagamaan, solat Jumaat, semua buat di sana. Perkara ini menggusarkan penduduk di FELDA Bukit Kuantan. Minta penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dr. Md Farid bin Md Rafik: Apa yang saya ada di sini mengenai FELDA Bukit Kuantan...

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Satu Yang Berhormat, kita sama-samakan. Jadinya saya rasa itu kita pun tambah pahala juga tahu. Semua, semua termasuk Tuan Yang di-Pertua juga.

Dr. Md Farid bin Md Rafik: Jadi kita – sini saya minta kalau boleh saya dapatkan jawapan bertulis dan kita akan berjumpa selepas ini terutamanya Yang Berhormat Pontian, Yang Berhormat Parit Sulong dan juga Yang Berhormat Ayer Hitam. Tadi memang saya ada *personally* bercakap dengan dia. Kita akan lihat bagaimana cara terutamanya dengan ICU, baik daripada ICU di Johor dan juga di peringkat pusat untuk kita lihat dengan keadaan kewangan yang ada, mana-mana projek yang kita boleh teruskan dahulu terutamanya yang memberikan kepentingan kepada rakyat.

Yang Berhormat Paya Besar, kalau boleh saya mohon berjumpa selepas ini dan kita sama-sama lihat bagaimana keadaan. Oleh sebab maklumat yang saya ada di sini daripada pegawai ICU mengatakan bahawa FELDA di Bukit Kuantan mencapai 55 peratus kemajuan, tetapi saya tidak ada maklumat mengatakan bahawa peruntukan itu telah dihentikan secara total. Jadi, mohon maaf. Kalau boleh kita berjumpa selepas ini.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Okey.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dr. Md Farid bin Md Rafik: Baik...

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, terima kasih banyak.

Dr. Md Farid bin Md Rafik: Terima kasih. Baik Tuan Yang di-Pertua, jadi dengan ini saya menegaskan dalam Dewan yang mulia ini bahawa Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas, setiap lapisan masyarakat tidak akan ketinggalan dalam pembangunan dan agihan kekayaan negara.

■1550

Kerajaan Pakatan Harapan amat komited dalam menjunjung prinsip amanah, adil dan bertanggungjawab bagi setiap pihak dan dalam setiap dasar, peraturan dan perancangan yang kita atur. Bagi mereka yang berhak dan perlu dibantu, akan terus dibantu tanpa mengira latar belakang. Melalui cara ini kerajaan yakin bahawa nikmat kemakmuran dan kekayaan negara akan dapat dinikmati oleh semua.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Tumpat minta laluan.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menggulung, masanya sudah tamat, sebenarnya saya telah bagi dia lima minit tambahan.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Minta Yang Berhormat Timbalan Menteri sedikit sahaja daripada kenyataan yang cukup baik yang dibuat oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi. Saya ada sedikit soalan.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang puji-puji itu kita tangguhkan dahulu.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Tidak puji, saya cuma hendak tanya, apakah daripada kenyataan yang begitu baik yang dibuat oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi rakyat Kelantan boleh bergembira bahawa mereka akan mendapat haknya untuk royalti yang berhak kepada Kelantan.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Tiada yang terpinggir, tiada yang tertinggal.

Dr. Md Farid bin Md Rafik: Tiada yang terpinggir Yang Berhormat. Waima pun, walaupun kerajaan berbeza. Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk menyokong usul Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-11 ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Kini giliran saya jemput Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Masa yang di peruntukan adalah 45 minit.

3.51 ptg.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Puan Hannah Yeoh]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mulakan penggulungan ini dengan merakamkan ucapan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang terlibat dalam sesi perbahasan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-11 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 18 Oktober 2018.

Sebanyak 31 pertanyaan yang merangkumi enam isu utama telah dibangkitkan oleh 16 Ahli Yang Berhormat sepanjang sesi perbahasan kali ini. Bagi memudahkan penjelasan kepada persoalan yang telah dikemukakan, saya berhasrat untuk menjawabnya berdasarkan isu-isu yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Isu wanita dahulu, Yang Berhormat Permatang Pauh, Yang Berhormat Rembau, Yang Berhormat Hulu Langat dan Yang Berhormat Masjid Tanah tidak ada, maka kita akan berikan melalui jawapan bertulis.

Yang Berhormat Petaling Jaya, dalam usaha memastikan suri rumah mempunyai simpanan untuk persaraan dan perlindungan sekiranya berlaku perubahan mengejut dalam rumah tangga, kerajaan komited menyediakan beberapa inisiatif antaranya, memperkenalkan Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) untuk suri rumah. Pelaksanaan Skim KWSP untuk suri rumah telah dijenamakan dan dikenali sebagai Caruman Sukarela Insentif Suri ataupun i-SURI. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk memberikan *update* kepada Dewan bahawa fasa pertama i-SURI telah dilancarkan pada 8 Ogos 2018 dan mula berkuat kuasa serta dibuka untuk pendaftaran pada 15 Ogos 2018. Sehingga 15 Oktober 2018 bulan ini, seramai 24,000 orang dalam kalangan wanita dan suri rumah telah pun mendaftar dengan i-SURI.

Negeri yang paling tinggi pendaftarannya adalah negeri Sabah iaitu 5,377 kes, diikuti oleh negeri Terengganu 4,565 kes dan Kelantan, negeri ketiga tertinggi iaitu 3,897 kes. Jadi program kesedaran dan *roadshow* sedang dijalankan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk menaikkan pendaftaran ini lebih wanita tahu mengenai program ini. Saya galakan jika ada Ahli-ahli Parlimen yang ingin bekerjasama dengan kementerian kita untuk membawa program ini ke kampung ataupun ke mana-mana, boleh hubungi kementerian kita supaya lebih ramai lagi wanita boleh menerima manfaat daripada program i-SURI.

Yang Berhormat Petaling Jaya dan Yang Berhormat Tebrau, kementerian telah pun memperuntukkan Bantuan Khas Perbendaharaan khusus kepada NGO bagi melaksanakan program-program keusahawanan wanita. Sehingga September 2018, sebanyak 18 program telah dilaksanakan oleh NGO dan telah menarik penglibatan seramai 2,265 orang peserta wanita termasuk ibu tunggal. Geran peruntukan ini disediakan oleh Jabatan Pembangunan Wanita setiap tahun sebanyak RM1 juta dan NGO yang menerima bantuan tahun terdahulu seramai 62 NGO. Jadi program-program ibu tunggal ini boleh disalurkan gerannya melalui NGO ini untuk pelaksanaan.

Kementerian juga akan bekerjasama dengan pihak Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) bagi membantu memberi peluang kepada golongan wanita termasuk ibu tunggal untuk berniaga ataupun bekerja. Sehingga Jun 2018 tahun ini, kementerian telah dimaklumkan oleh pihak SKM, terdapat sebanyak 27 buah koperasi ibu tunggal di seluruh Malaysia. Data ini akan digunakan untuk tindakan lanjut kementerian ini bagi merangka program-program bersesuaian. Jadi setakat ini kita tidak ada *database* yang merangkumi semua data ibu tunggal di seluruh Malaysia. Akan tetapi *as a starting point*, kita akan bekerja dengan koperasi ini untuk memulakan *targeted programme* untuk ibu-ibu tunggal.

Yang Berhormat Tangga Batu ada atau tidak? *[Disampuk]* Ya, ada. Kerajaan telah menyediakan pelbagai insentif bagi membantu ibu bapa yang berpendapatan rendah untuk menghantar anak mereka ke taska. Antaranya, perkhidmatan persekutuan dan negeri digalakkan menyediakan pusat penjagaan kanak-kanak di tempat kerja untuk kemudahan ibu bapa yang bekerja menghantar anak-anak mereka bagi mendapat pengasuhan yang berkualiti. Kementerian juga telah membuat pengumuman, bermula 1 Januari 2019 semua kementerian digalakkan untuk menyediakan tempat penjagaan kanak-kanak di tempat kerja untuk staf kita.

Setakat ini, JKM telah pun membuat audit dan mendapati hanya dua kementerian yang belum melaksanakan taska ini. Saya bagi nama dua kementerian ini, Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli dan Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim. Pihak kementerian berkaitan disarankan untuk menyediakan sekurang-

kurangnya sebanyak RM200,000 daripada bajet mengurus untuk menubuhkan taska di tempat kerja di kementerian masing-masing.

Jadi, kita juga difahamkan dua kementerian ini telah pun menghubungi JKM untuk memulakan tempat penjagaan kanak-kanak di kementerian mereka. Jadi kita berharap pada 1 Januari 2019 ini ia akan bermula.

Kita juga telah membuat audit di Putrajaya dan kita mendapati bahawa terdapat *waiting list* 423 permohonan ibu bapa, staf kita yang memerlukan tempat penjagaan kanak-kanak taska di tempat kerja. Jadi, kita memang menggalakkan kerajaan dan juga pihak sektor swasta untuk menyediakan tempat penjagaan kanak-kanak di tempat kerja, *child care in the work place*, yang ini adalah cara yang paling bagus untuk menggalakkan wanita terus bekerja kerana mereka tahu anak mereka dijaga dengan baik dan dekat dengan mereka. Hilang pula nota saya, sekejap ya Yang Berhormat tangga Batu.

Keduanya adalah subsidi yuran pengasuhan taska di tempat kerja sektor awam sebanyak RM180 sebulan bagi seorang anak kepada pegawai perkhidmatan awam yang berpendapatan isu rumah tidak melebihi RM5,000 sebulan. Jadi ini adalah subsidi sedia ada dan pemberian subsidi yuran pengasuhan kanak-kanak taska swasta yang berdaftar di bawah Akta 308, sebanyak RM250 sebulan bagi keluarga yang layak mengikut pendapatan per kapita ibu bapa ataupun penjaga.

Subsidi ini diberi mengikut kadar yuran sebenar yang dibayar oleh ibu bapa, penjaga bagi seorang kanak-kanak di taska tetapi tidak melebihi nilai maksimum yang ditetapkan. Kementerian juga dalam usaha untuk berunding dengan syarikat utiliti bagi membantu meringankan kos operasi taska yang dilihat agak tinggi dan membebankan. Hal ini kerana bil utiliti yang tinggi menjadi faktor wujudnya banyak taska yang tidak berdaftar kerana tidak mampu menanggung caj komersial yang dikenakan ke atas mereka dan mereka tidak dapat caj balik kos operasi ini kepada ibu bapa kerana ramai ibu bapa tidak dapat membayar yuran tersebut.

Oleh sebab itu, kementerian ini sekarang sedang aktif mendapatkan maklumat daripada Kementerian Perumahan mengenai kes-kes permohonan taska yang telah pun dihantar dan mereka tidak memenuhi syarat-syarat pendaftaran kerana selalunya mereka akan dapat memenuhi syarat Kementerian Kesihatan dan juga Jabatan Bomba tetapi apabila syarat ketiga Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk mendapatkan *consent* daripada jiran, ini selalu *stuck*. Jadi kita sekarang ini hanya mempunyai data 10 peratus daripada anggaran jumlah taska di luar sana dan kita sedang menjalankan proses pemutihan, kita sedang membantu kerana kita hendak anak-anak dibesarkan di taska yang berdaftar dan mendapatkan perlindungan yang secukupnya.

Saya menyarankan supaya Ahli-ahli Parlimen apabila mendapat permohonan ataupun bantahan daripada penduduk masing-masing mengenai kehadiran taska di kawasan perumahan untuk mencari jalan penyelesaian, berunding dengan semua pihak supaya persatuan penduduk juga faham bahawa industri *childcare* ini bukan satu industri yang senang. *It's not a profit-making business* dan tidak senang untuk mereka memberikan perlindungan dan menurunkan kos kepada setiap ibu bapa.

■1600

Yang Berhormat Rantau Panjang menanyakan mengenai kenaikan tempoh cuti kematian ahli keluarga terdekat khususnya bagi wanita yang kematian suami dalam sektor awam adalah di bawah bidang kuasa Jabatan Perkhidmatan Awam. Namun, kementerian ini menyokong penuh cadangan Yang Berhormat Rantau Panjang untuk menaikkan tempoh cuti kematian ahli keluarga terdekat ini kerana kita lihat memang terdapat keperluan untuk golongan wanita membuat *adjustment* apabila terdapat kematian di dalam keluarga.

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohd Rashid Hasnon) mempengerusikan Mesyuarat]

Jadi, kementerian kita akan bekerja dengan JPA untuk membawa isu ini supaya kita boleh menaikkan cuti ini. Kita mengalu-alukan cadangan tersebut daripada Yang Berhormat Rantau Panjang.

Isu gejala sosial. Bagi isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kubang Kerian ada? Yang Berhormat Tebrau dan Yang Berhormat Rantau Panjang? Ini berhubung gejala sosial yang semakin berleluasa. Kementerian melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara akan meneruskan usaha bagi meningkatkan kesejahteraan institusi keluarga di Malaysia. Usaha ini meliputi program pra dan pengukuhan perkahwinan, program kekeluargaan, termasuk menyebarkan ilmu serta kemahiran keibubapaan, perkhidmatan kaunseling serta program advokasi kesihatan reproduktif.

Mengenai kes-kes perceraian yang semakin berleluasa di Malaysia, mengikut Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia Kelima Tahun 2014, permohonan perceraian yang difailkan oleh lelaki, punca-punca perceraian yang kita dapati sebanyak 56 peratus daripada lelaki mengatakan tidak ada persefahaman, 11.8 peratus mengatakan pasangan mereka berlaku curang dan 10 peratus mengatakan campur tangan mertua ataupun ipar, lain-lain termasuk masalah kewangan, pasangan tidak bertanggungjawab, tidak ada zuriat, masalah kesihatan pasangan, pasangan terlibat dengan kes jenayah dan sebagainya.

Manakala kes yang difailkan oleh golongan wanita pula, kita lihat 38 peratus daripada mereka mengatakan tidak ada persefahaman, 20 peratus lagi mengatakan pasangan curang, 15 peratus pasangan tidak bertanggungjawab, enam peratus merupakan campur tangan mertua, 2.8 peratus mengatakan enggan dimadukan, 4.7 peratus adalah masalah kewangan, pasangan terlibat penyalahgunaan bahan terlarang sebanyak 2.4 peratus dan lain-lain termasuk didera, tidak ada zuriat, pasangan ketagihan judi, masalah kesihatan pasangan, pasangan terlibat dalam kes jenayah dan sebagainya.

Kes-kes statistik perceraian memang sangat tinggi seperti apa yang kita terima. Dalam tahun 2007 sehingga tahun 2015, untuk statistik perceraian bagi orang Islam mengikut pecahan negeri yang kita ada – Saya hanya boleh bacakan tiga negeri tertinggi iaitu satu adalah, Negeri Selangor sebanyak 77,892 kes perceraian. Manakala Negeri Johor, negeri kedua iaitu sebanyak 41,487 kes perceraian diikuti negeri ketiga paling tinggi iaitu Negeri Kelantan sebanyak 37,970 kes. Jumlah kes untuk kesemua negeri untuk golongan orang Islam tahun 2007 sehingga tahun 2015 adalah sebanyak 410,939 kes. Manakala bagi orang bukan Islam pula, untuk tempoh yang sama, tahun 2007 sehingga tahun 2015 negeri pertama iaitu Kuala Lumpur sebanyak 16,029 kes, diikuti Negeri Johor iaitu sebanyak 14,061 kes dan Selangor iaitu sebanyak 9,465 kes. Jumlah keseluruhan kes iaitu sebanyak 78,151.

Jadi masing-masing kes perceraian agak tinggi. Saya rasa kita kena teguhkan lagi program-program kaunseling bukan sahaja sebelum berkahwin tetapi selepas berkahwin juga sangat penting. Apa yang kita lihat sekarang ada banyak program seperti Program Jom Kahwin yang mereka uar-uarkan untuk menggalakkan ramai orang muda berkahwin tanpa memberikan persepsi sebenar perkahwinan ini sebenarnya mempunyai tanggungjawab yang sangat berat dan kita kena memastikan akses kepada kaunseling ini kita boleh memperluaskan lagi. Jadi, kementerian ini sebagai permulaan, kita mahu memperluaskan usaha kaunseling di kawasan PPR di seluruh Malaysia.

Setakat ini sudah ada lapan PPR yang mempunyai faedah kaunseling ini dan tahun depan kita akan bekerjasama dengan pelajar universiti dan juga kaunselor-kaunselor yang berdaftar untuk membawa kaunseling ini turun ke padang. Ini supaya sesiapa yang mempunyai masalah mereka tahu boleh mencari kaunselor.

Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]: Bolehkah mencelah?

Puan Hannah Yeoh: Ya, silakan.

Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Timbalan Menteri dan Menteri-menteri. Selain daripada program-program yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi yang memang sudah berjalan sekian lama, adakah cadangan kementerian disebabkan data perceraian itu terlalu besar, terlalu besar dan sehingga sekarang pun kita masih bermasalah untuk menyelesaikannya. Adakah kementerian bercadang untuk berbincang dengan kementerian-kementerian yang lain seperti kementerian agama untuk orang yang beragama Islam dan juga jabatan-jabatan yang lain bagi memastikan kursus-kursus pra perkahwinan itu dapat dibuat dengan lebih menyeluruh lagi, lebih panjang masanya. Ini supaya sesiapa yang mahu berkahwin itu, yang bakal berkahwin itu saya cadangkan supaya kalau boleh *the minute* dia bertunang, *engage* itu sudah masuk berkursus.

Ini supaya mereka lebih tahu awal lagi apakah tanggungjawab sebagai seorang suami, apakah tanggungjawab sebagai isteri, apakah tanggungjawab sebagai ibu bapa. Ini

supaya bila tiba masanya nanti, mereka sudah bersedia dengan segala ilmu ini dan tidak mudah bagi mereka untuk merasakan cabaran yang terlalu berat itu sehinggakan mereka bercerai Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih.

Puan Hannah Yeoh: Saya setuju dengan Yang Berhormat Beaufort bahawa dalam kursus pra-perkahwinan untuk sesi kaunseling kita kena masukkan '*parenting course*' kepada mereka supaya mereka sedar tanggungjawab yang sangat besar. Kalau kita lihat sekarang untuk orang Islam, sebelum kahwin mesti mendapatkan kaunseling tetapi untuk orang bukan Islam tidak ada kaunseling mandatori buat masa sekarang.

Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]: Cuma dua hari sahaja, tidak cukup.

Puan Hannah Yeoh: Dua hari tidak cukup ya? Kalau kita panjangkan lagi boleh tetapi kita kena pastikan mereka duduk sana tidak main *hand phone*, betul-betul mendengar kursus-kursus tersebut. Ini kerana tidak guna hadir, '*tick*' tetapi tidak ada apa-apa yang masuk. Kita perlu pastikan kaunseling ini – sebenarnya isu perkahwinan bukan senang. Tanggungjawab yang sangat tinggi dan komitmen ini sepanjang hayat. Bukan sahaja 10 tahun ataupun lima tahun. Ada *saying*, "*until death do us part*" dan orang Islam pun ada mengatakan sehingga "*sehingga lahad memisahkan kita*". Ini adalah tanggungjawab yang sangat berat. Saya cadangkan kita terus membuatkan program kesedaran kerana kalau kes-kes perceraian semakin tinggi, ada impak terhadap kanak-kanak di sekolah dan gejala sosial akan terus meningkat.

Kita akan membuat kajian lebih khusus untuk melihat bagaimana perceraian ini mempunyai impak terhadap kanak-kanak di sekolah. Kita telah pun memulakan perbincangan dengan jabatan agama serta JPN untuk memastikan dalam proses SOP perceraian tersebut, sebelum perceraian itu kita *finalize*, kita kena ada SOP kaedah untuk memaklumkan kepada pihak sekolah bahawa kanak-kanak ini, ibu bapanya sedang melalui proses perceraian. Ini supaya kaunselor di sekolah dan guru-guru di sekolah boleh memberikan perhatian yang lebih kepada kanak-kanak ini. Ini merupakan satu intervensi awal yang kita cadangkan untuk membantu keluarga seperti ini.

Yang Berhormat Sik, ada tidak? Ada? Tidak ada. Yang Berhormat Sik membangkitkan isu pembuangan bayi secara menyeluruh dan kita telah pun menjawabnya pada 22 Oktober melalui jawapan lisan...

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Yang Berhormat Menteri?

Puan Hannah Yeoh: Ya?

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Minta laluan?

Puan Hannah Yeoh: Yes.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Yang Berhormat Menteri tadi mengatakan berkaitan dengan perkahwinan register. Ini terutama sekali pada kaum India, banyak masalah yang timbul. Adakah ramai yang tidak berdaftar berkahwin? Apabila suaminya sudah meninggal, susah mahu mendapatkan kad pengenalan untuk anak-anak, surat beranak dan sebagainya. Bolehkah pihak kementerian mengambil berat isu ini dan juga letakkan satu kemestian untuk mendaftar perkahwinan sebelum mereka berumah tangga? Terima kasih.

Puan Hannah Yeoh: Okey, ini adalah melalui program kesedaran. Kita kena dapatkan kerjasama daripada semua Ahli Parlimen untuk membawa program-program seperti ini iaitu '*software problem*' kepada kawasan-kawasan tempat perumahan. Melalui program mesra rakyat, saya rasa sudah tiba masanya Ahli Parlimen membuat program mesra rakyat ini yang bukan sahaja hanya '*open house*'. Ini kerana, '*open house*' itu sangat senang. Jemput orang untuk datang makan dan minum. Akan tetapi, mulai sekarang kalau kita lihat isu perceraian yang sangat tinggi ini mungkin program mesra rakyat kita kena fokuskan kepada isu-isu kekeluargaan supaya sampai informasi ini kepada semua yang muda, yang mahu kahwin, mereka tahu, mereka kena daftarkan perkahwinan supaya tidak ada masalah dokumen nanti untuk anak-anak mereka. Boleh ya? Kita kenakan kerjasama dengan pihak Yang Berhormat.

■1610

Jadi Yang Berhormat Batu Kawan, ada? Okey, LPPKN telah menjadi panel pada Jawatankuasa Pembangunan Kurikulum Sekolah Rendah dan Menengah ataupun KSSR dan KSSM bersama Kementerian Pendidikan Malaysia sejak tahun 2008 bagi subjek Pendidikan Kesihatan. Pengisian subjek di dalam KSSR dan KSSM adalah 75 peratus berkaitan pendidikan kesihatan seksual dan reproduktif. Manakala 25 peratus adalah topik kesihatan yang lain. KSSR telah mula diperkenalkan di sekolah pada tahun 2011 dan program sokongan kurikulum PEKERTI di sekolah juga dilaksanakan oleh LPPKN sejak tahun 2012 bagi mengukuhkan lagi ilmu dan kemahiran dalam bidang tersebut.

Program ini menyasarkan pelajar sekolah Tahun 6 dan Tingkatan 3. LPPKN turut merancang tahun depan untuk meluaskan program PEKERTI di sekolah agama. Akan tetapi ia tertakluk kepada peruntukkan tahun 2019 yang kita pohon dan kita memanggil dan menyeru semua kerajaan negeri supaya bantu melaksanakan program seperti ini di sekolah agama juga. LPPKN turut bersedia untuk menyumbang kepakaran dan memberi kerjasama kepada KPM sekiranya kurikulum pendidikan kesihatan ingin ditambah baik lagi. Seperti yang telah dijawab sebelum ini, kementerian kita juga akan melaksanakan program kesedaran melalui sosial media. Bukan sahaja untuk pelajar Tahun 6 dan Tingkatan 3 akan tetapi juga untuk golongan kecil yang menonton *YouTube* semua supaya mereka tahu *safe touch* dan *bad touch*. Ini adalah permulaan. Silakan Yang Berhormat Batu Kawan.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Berdasarkan jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, menurut statistik LPPKN minggu lepas hanya 10 peratus daripada anak-anak muda pernah menggunakan *contraceptive* untuk sebagai satu pencegahan kehamilan. Akan tetapi dalam isu yang sama, saya juga ingin bertanya. Saya difahamkan oleh kerajaan sebelum ini bahawa program PEKERTI ini bukan tertakluk untuk semua sekolah.

Puan Hannah Yeoh: Betul.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Maka sebahagian sekolah sahaja dipilih. Saya ingin tahu apakah kriteria pemilihan sekolah-sekolah ini dan saya rasa ini patut *across the board* untuk semua sekolah, vernakular sekolah Tamil, sekolah Cina, sekolah Agama, sekolah tahfiz di mana kita lihat banyak isu-isu dengan izin *sexual violence against children*. Saya rasa sekiranya kita hendak mulakan program PEKERTI ini, patut diberikan kepada semua kanak-kanak dan bukan sahaja Darjah 6 dan Tingkatan 3. Sebab selepas Tingkatan 3, masa itu lah *the...*

Puan Hannah Yeoh: *Curiosity*.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: *Investigating curiosity age*. Jadi saya minta ditekankan untuk Tingkatan 4, Tingkatan 5 juga saya cadangkan. Saya harap Kementerian Kewangan juga akan memberikan kerjasama untuk memastikan peruntukkan lebih diberi supaya semua sekolah-sekolah mendapat manfaat daripada program PEKERTI ini.

Puan Hannah Yeoh: Saya setuju dengan Yang Berhormat Batu Kawan. Mengikut data kita, setakat ini hanya 153 buah sekolah menerima manfaat daripada program PEKERTI ini dan telah memberikan khidmat nasihat kepada 12,130 orang pelajar dan 683 guru. Tidak *extensive*. Akan tetapi program PEKERTI ini bukan sahaja bukan sahaja di sekolah tetapi ada diberikan di komuniti. Untuk peserta di komuniti di tempat-tempat yang mereka pergi ini lebih ramai lagi penerima manfaat 779,895. Jadi apabila mereka masuk ke kampung, mereka buat program seperti ini bukan sahaja di sekolah tetapi di komuniti dan juga di institusi. Saya setuju sangat dengan Yang Berhormat Batu Kawan dan kami sedang berbincang dengan Kementerian Pendidikan supaya Program Kesedaran Reproduksi ini kita kena mulakan bukan sahaja semasa mereka di Darjah 6 tetapi sekarang kalau kita lihat *trend-trend* semasa ada banyak mangsa-mangsa semuda 6 tahun, 7 tahun.

Jadi di peringkat sekolah rendah sudah mereka mesti mempunyai kesedaran mengenai tubuh badan mereka dan *healthy boundaries*. Okey, kita kena memperkasakan golongan kanak-kanak untuk menjaga diri mereka sendiri sama ada mereka di rumah ataupun di sekolah mereka tahu ini adalah zon tidak selamat untuk saya. Jadi memang tahun depan kita akan membuat *mapping* dan kita telah pun berbincang dengan LPPKN supaya tahun depan kita hendak fokus kawasan-kawasan di mana *baby dumping* sangat tinggi.

Negeri-negeri mempunyai *baby dumping* sangat tinggi, kita akan memperluaskan lagi strategik *planning* untuk melaksanakan program seperti itu di tempat-tempat di sana.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Saya hendak minta penjelasan sedikit Yang Berhormat.

Puan Hannah Yeoh: Silakan Yang Berhormat.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik dengan apa yang di sebut oleh Yang Berhormat tentang program reproduktif ini yang melibatkan terutama pelajar-pelajar sekolah. Saya ingin tahu apakah kajian menyeluruh telah dibuat oleh pihak kementerian. Sebab kita memberi penerangan atau pun penjelasan penggunaan alat ini dalam hubungan seks lelaki perempuan yang tidak berkahwin. Ini akan seolah-olah memberi galakan bagi mereka yang tidak faham. Jadi sebab itu saya mencadangkan program ini hendaklah disertakan serentak dengan modul agama. Sebab kita tidak mahu yang dikatakan PEKERTI atas program ini sebenarnya membawa kerosakan. Bukan memberi maksud PEKERTI.

Sebab akan timbul lagi lebih banyak lagi remaja-remaja yang ingin mencuba. Sebab kita tahu sifat remaja ingin mencuba. Jadi sebab itulah kita tidak mahu program-program ini diperluaskan menyebabkan satu rangsangan terutama kepada anak-anak yang mungkin ia tidak ada pegangan ataupun fahaman yang kukuh terutama melibatkan golongan orang-orang Islam. Jadi apakah perkara ini di sekalikan dengan modul agama untuk memberi penjelasan kepada remaja adalah perbuatan ini sangat terukutuk dan sangat harap di sudut agama. Minta penjelasan.

Tuan Karupaiya Mutusami [Padang Serai]: Tambah sedikit.

Puan Hannah Yeoh: Ya.

Tuan Karupaiya Mutusami [Padang Serai]: Berkaitan *dumping* anak-anak itu, macam *children* itu, saya rasa kita tidak perlu selalunya kita salahkan wanita. Sebenarnya berlaku kerana lelaki tersebut. Sebab kalau boleh tindakan diambil pada lelaki-lelaki yang jadi sasaran untuk wanita tersebut. [*Tepuk*] Kalau tidak kita tak boleh atasi, sebab lelaki ini dia pandai pujuk-pujuk. Lepas itu, hati wanita itu memang lembut. So, wanita ini jadi mangsa. Mula hendak dapat sesuatu berpujuk-pujuk. Lepas itu sudah dapat dia kata mengandung macam-macam dia orang kata janji-janji dia. Apabila dia tanya dia kata, *insya-Allah- insya-Allah*. Apabila sudah mengandung, dia kata *masya-Allah*, cabut. [*Ketawa*] So, ini semua kita mahu lelaki itu diberi *punishment* yang sepadan. Baru wanita ini boleh *safe*. Terima kasih.

Puan Hannah Yeoh: Okey.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Macam biasa saja Yang Berhormat Padang Serai.

Puan Hannah Yeoh: Saya setuju dengan Yang Berhormat Rantau Panjang mengenai kes-kes reproduktif ini. Kita kena samakan dengan ajaran agama. Tidak ada halangan sekarang untuk pihak-pihak agama, majlis agama, pihak sekolah agama, semua untuk menjalankan program sendiri. Akan tetapi program PEKERTI ini memang sudah ada kerjasama dengan Kementerian Pendidikan dan kita lihat dalam beberapa tahun ini tidak ada masalah untuk mereka melaksanakan di sekolah-sekolah, saya percaya. Saya belum menghadiri kursus-kursus ini lagi.

Akan tetapi saya percaya *syllabus* nya sangat sesuai kerana ramai yang telah memberikan *feedback* daripada program-program ini terutamanya program PEKERTI. Saya tidak ada statistik khas ini hari ini. Akan tetapi memang ada ramai yang telah menghadiri kelas tersebut mereka mengatakan okey. Sekarang mereka lebih faham mengenai subjek ini. Saya sebagai seorang Kristian pun saya setuju dengan Yang Berhormat Rantau Panjang bahawa *sex before marriage* ini kalau boleh kita kena khaskan untuk suami ataupun untuk isteri *to keep the marriage pure and holy*. Saya setuju. Akan tetapi realitinya sekarang di luar tanpa *sex education* kepada kanak-kanak kita dan mereka mendapat pengaruh daripada kawan-kawan. Kalau kita tidak ajar mereka, mereka tidak akan tahu cara yang betul. Oleh sebab itu, realitinya sekarang, ada banyak mereka telah pun *exposed* kepada isu ini.

Walaupun kita tidak ajar di sekolah pun, mereka sekarang ada *access* kepada *smartphone*, kawan-kawan *share* video ini dan kita sudah meneliti perkara ini dan dimaklumkan oleh pihak media bahawa ada *websites-websites* yang mengajar perkara-perkara seperti ini kepada mereka dan kementerian kita akan bekerjasama dengan kementerian Yang

Berhormat Tuan Gobind Singh multimedia untuk kita lihat bagaimana kita boleh melihat semula *website-website* yang bahaya ini kepada kanak-kanak kita okey. Untuk lelaki, *I think it's common sense* lelaki mesti bertanggungjawab. Cuma selalunya sekarang fokus apabila mendapat kes *baby dumping*, kita fokus kepada golongan wanita.

■1620

Bagi saya, kalau kes-kes ini melibatkan kanak-kanak kurang umur sebelum 18 tahun, *the idea to punish them* bukan satu cara penyelesaian panjang. Kita harus fikir bagaimana kita nak *rehabilitate*, memulihkan mereka supaya masa depan mereka tidak terganggu. Akan tetapi kita terbuka menerima pandangan semua pihak, termasuk semua Ahli Parlimen, bagaimana kita boleh memperkasakan lagi undang-undang sedia ada supaya golongan wanita dan lelaki juga, dengan adanya ilmu *reproductive* ini mereka boleh melindungi diri sendiri dan tidak menjadi statistik yang saya telah katakan pada hari ini.

Ini bukan masalah baru, ini adalah masalah yang berterusan. Kita kena pastikan semua bekerjasama, kementerian kita memang fokus isu-isu sosial sekarang. *Next year, that is our focus* supaya kita boleh ada KPI untuk cuba turunkan statistik-statistik ini. Kita kena bekerjasama dengan semua kerajaan negeri. Kita telah pun mengadakan mesyuarat berkala bersama semua Exco Wanita negeri masing-masing dan kehadiran cukup baik di Putrajaya. Kita terus *engage* mereka untuk mendapatkan kerjasama di negeri masing-masing. Ya, Yang Berhormat Lembah Pantai.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ingin mencadangkan Yang Berhormat Menteri kerana kalau kita lihat banyak daripada isu-isu Yang Berhormat Menteri sedang jawab ini, ia sebenarnya berkait sama ada isu, dengan izin, *baby dumping* ataupun isu perkahwinan. Kalau kita lihatkan, bagi kami Ahli-ahli Parlimen pun pada waktu ini, mungkin sebelum ini kita ada kokus wanita. Saya ingin mencadangkan, mungkin pihak kementerian boleh fikirkan. Saya ingin mencadangkan kepada Ahli-ahli Parlimen, kita wujudkan satu kokus baru sama ada melalui- kalau akan diwujudkan satu jawatankuasa ataupun tidak.

Akan tetapi perlu ada kokus kerana seperti Yang Berhormat Padang Serai sebutkan tadi. Ia tidak melibatkan hanya wanita tetapi pemahaman daripada kami Ahli-ahli Parlimen yang lelaki pun, kita kena bersama-sama berbincang tentang isu ini. Oleh kerana yang saya lihat Yang Berhormat Menteri, isunya adalah kita tidak mempunyai kosa kata ataupun, dengan izin, *vocabulary* untuk berbincang tentang perkara yang begitu penting seperti dalam bahasa Inggeris disebut sebagai *sexual reproductive health and rights*.

Dalam bahasa Melayu pun tidak ada perkataan seperti itu. Jadi, saya harap kita boleh usahakan satu kokus dengan Ahli-ahli Parlimen yang merentasi gender untuk mula berbincang tentang perkara ini membantu pihak kementerian, pihak kerajaan supaya kita bersama-sama menangani semua daripada masalah ini. Terima kasih.

Puan Hannah Yeoh: Saya setuju Yang Berhormat Lembah Pantai. Sebenarnya, Parlimen sudah dalam Mesyuarat yang lepas sudah mempunyai satu kertas, di mana mereka telah menyenaraikan *Special Select Committee* ataupun *Select Committee* yang akan ditubuhkan. Salah satu daripadanya merangkumi isu-isu wanita dan kanak-kanak. Jadi, saya sedang menunggu penubuhan *Select Committee* tersebut untuk kita membawa bersama isu-isu yang kita nak bincangkan bersama Ahli-ahli Parlimen.

Kita juga mempunyai Taman Seri Puteri, rumah perlindungan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Batu Kawan tadi. Sebagai permulaan, saya sarankan semua Ahli Parlimen untuk pergi ke *website* kementerian kita, di mana anda boleh mendapatkan alamat rumah-rumah perlindungan ini dan letak di kawasan pejabat masing-masing. Kalau boleh, kita akan senaraikan semua tempat perlindungan. Sebenarnya, semua rumah yang dikendalikan oleh JKM boleh berfungsi sebagai rumah perlindungan, *drop-in point* untuk remaja yang mempunyai masalah untuk mendapatkan bantuan perkhidmatan daripada pegawai JKM dan mereka akan membantu.

Seperti yang telah saya jawab, kita juga akan menggunakan sosial media untuk memberikan informasi *anonymous*, ramai remaja tidak berani *call*. Sebenarnya, kalau mereka call talian Kasih 15999, kita tidak perlu mendapatkan maklumat terperinci daripada mereka dan kita akan memberikan nasihat kepada mereka. Jadi, tahun depan kita akan mulakan banyak risalah bersama semua Ahli Parlimen untuk kita *flood, we flood the constituency* dengan informasi-informasi seperti ini. Oleh kerana saya tahu ramai Ahli Parlimen di sini pun

tidak tahu di mana letaknya rumah perlindungan. Kalau ada yang di kawasan masing-masing pun mungkin kita tidak sedar.

Jadi, lokasi, informasi kena sampai kepada remaja ini supaya kes-kes pembuangan bayi tidak akan berlaku lagi. Isu orang kurang upaya. Okey, Yang Berhormat Rembau tidak ada, saya akan salurkan melalui jawapan bertulis. Yang Berhormat Pasir Mas, ada? Ya, Yang Berhormat Pasir Mas. Isu berkaitan autisme telah pun dijawab secara terperinci pada Mesyuarat ini. Yang Berhormat boleh merujuk semula kepada Penyata Rasmi (*Hansard*) bertarikh 18 Oktober, di mana jawapan lisan bagi pertanyaan nombor tujuh daripada Yang Berhormat Ledang, kita telah jawab secara menyeluruh. Hanya satu input tambahan mengenai SOP untuk golongan autisme ini.

Kita sedang berbincang dengan polis dan PDRM sedang mengkaji dan dalam proses penyediaan SOP secara dalaman untuk mengendalikan kes jenayah OKU autisme. Jadi, kementerian kita dan juga Kementerian Pendidikan dan pihak polis akan berhubung untuk menyelaraskan SOP ini. Bagi menjawab isu elaun pelatih PDK, pihak kementerian menyambut baik cadangan kenaikan bantuan elaun pelatih PDK. Walau bagaimanapun, beberapa pertimbangan perlu diberikan. Bilangan pelatih PDK kini hampir 21 ribu orang, manakala bilangan murid yang menerima elaun murid khas daripada KPM pula hampir 80,000 orang.

Sekiranya kenaikan elaun pelatih PDK diluluskan, kenaikan elaun murid khas juga perlu dinaikkan bersama kerana kedua-dua elaun berkenaan diberi untuk tujuan yang hampir sama. Kenaikan bantuan untuk hampir 101,000 orang akan memberikan implikasi kewangan yang agak besar. Oleh itu, kedudukan kewangan kerajaan perlu diambil kira sebelum kenaikan sesuatu bantuan diluluskan tapi kita akan pertimbangkan. Yang Berhormat Tebrau, kementerian ini melalui JKM dan Jabatan Pembangunan Orang Kurang Upaya sentiasa menyediakan bantuan kebajikan, perkhidmatan sokongan pekerjaan, latihan kehidupan berdikari, kursus advokasi seperti *disability equality training* dan *disability related service training*.

Manakala, kemudahan fizikal dan infrastruktur biasanya disediakan oleh agensi teknikal seperti Jabatan Kerja Raya serta pihak berkuasa tempatan, *enforcement* ini di bawah KPKT. Dalam undang-undang sedia ada sudah mengatakan bahawa kalau ada sesiapa pihak yang gagal memberikan infrastruktur kepada golongan OKU ini, ada penaltinya di dalam Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974. Mungkin secara *detail* nya kita boleh tanya KPKT nanti tetapi sudah perundangan. Hanya masalah pelaksanaan, *enforcement*. Silakan.

Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau]: Akan tapi pada masa sekarang kita masih nampak di tempat awam masih- jalan kita pun tidak senang untuk orang OKU keluar dengan kerusi roda. Ini maksud saya kerana kalau tidak ada kemudahan macam ini, semua OKU akan disekat di dalam rumah. Tidak boleh hidup bersama dengan orang biasa.

Puan Hannah Yeoh: Saya setuju kita ada Majlis Kebangsaan Bagi OKU, Jawatankuasa Reka Bentuk Sejagat dan Alam Bina dan mereka sentiasa mengemukakan cadangan dan penambahbaikan kepada pihak berkaitan. *So, there is a body* yang berbincang dengan KPKT untuk kita laksanakan ini. Saya juga menyeru supaya Ahli Parlimen kawasan masing-masing boleh berhubung juga dengan PBT masing-masing dan memberikan maklum balas kepada mereka.

Akan tetapi maklum balas ini tidak boleh berhasil kalau kita tidak ada *engagement* dengan golongan OKU ataupun NGO masing-masing. Apa yang paling baik adalah untuk melaksanakan audit sendiri untuk turun, untuk tengok bagaimana kita boleh membantu menyelaraskan lagi untuk golongan ini.

Untuk bantuan kebajikan, Yang Berhormat Permatang Pauh. Yang Berhormat Permatang Pauh, ada. Bagi mengelakkan kelewatan bayaran, JKM telah melaksanakan bayaran bantuan melalui *bank electronic fund transfer* ke akaun penerima bantuan melalui kaedah Integrasi Sistem Pengurusan Bantuan Kebajikan (e-Bantuan) dan *Government Financial Management and Accounting System* (iGFMAS), pejabat perakaunan Jabatan Akauntan Negara Malaysia semenjak Januari 2018. Jadi, mulai tahun ini, Januari, sejumlah 99.98 peratus bayaran bantuan di seluruh negara disalurkan melalui akaun bank penerima *electronic transfer*.

■1630

Kaedah pembayaran yang dilaksanakan ketika ini adalah merupakan kaedah yang terbaik terutama untuk mengurangkan risiko ketirisan wang kerajaan serta mengelakkan bayaran dibuat kepada orang yang tidak sepatutnya serta kepada penerima yang telah meninggal dunia. Okey, masa dulu mereka ada ramai yang telah meninggal dunia tetap menerima bantuan ini dan juga mempunyai ejen-ejen di mana *halfway middleman* menerima duit ini, jadi sekarang melalui akaun paling bagus.

Akan tetapi saya sedar ada Ahli-ahli Parlimen di kawasan pedalaman di Sabah dan Sarawak telah pun membangkitkan bahawa kos tambang untuk OKU atau pun penerima bantuan ini untuk keluar ke bank untuk dapatkan duit itu, kos tambang melebihi bantuan yang diterima. Jadi, kita akan terus berbincang mencari kaedah terbaik untuk kawasan pedalaman. Akan tetapi buat masa sekarang memang *everything is online transfer*.

Golongan 0.02 peratus ini adalah untuk kes-kes terlantar di mana mereka memang tidak boleh keluar ke bank, JKM akan membuat *arrangement, separate arrangement* untuk golongan ini. Silakan Yang Berhormat Permatang Pauh.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih juga Yang Berhormat Timbalan Menteri yang menjawab. Saya bangkitkan juga dari segi kelewatan.

Puan Hannah Yeoh: Betul.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]: Ada beberapa kes ya. Oh! Hendak jawab. Maaf terima kasih. Silakan.

Puan Hannah Yeoh: Okey. Di samping itu memastikan tidak berlaku bayaran bantuan lewat, JKM telah membangunkan arahan operasi penyediaan baucar bantuan kewangan persekutuan dan tatacara penyediaan baucar bayaran bantuan yang turut mengandungi jadual tarikh penyediaan, arahan bayaran bantuan.

Jadi, JKM telah mengenal pasti 66 *estate* di Negeri Sembilan yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Permatang Pauh yang ketika ini seramai 431 orang. Ya, Yang Berhormat Lembah Pantai?

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya ingin cadangkan kalau boleh diwujudkan satu sistem yang mana kami Ahli-ahli Parlimen sebagai contoh boleh pada waktu ini sebagai contoh ya. Saya kena *refer* dengan pegawai JKM untuk kenal pasti sama ada seseorang di kawasan saya adakah beliau penerima sebarang bantuan daripada JKM dan proses itu walaupun tidak makan masa, tetapi *it's still one step*. Kalau boleh diusahakan satu sistem memudahkan kami Ahli Parlimen secara *direct* atau pun pegawai kami.

Puan Hannah Yeoh: Untuk cek sistem?

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Untuk cek sendiri.

Puan Hannah Yeoh: Okey.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Terima kasih.

Puan Hannah Yeoh: Okey, saya akan bincang dengan JKM bagaimana untuk memudahkan Ahli-ahli Parlimen membuat *checking*. Okey. Jadi, untuk Negeri Sembilan, seramai 431 orang adalah penerima bantuan bulanan daripada JKM. Dari semakan di peringkat JKM daerah, belum ada aduan mengenai bantuan lewat diterima. Setiap bantuan yang diluluskan adalah dalam tempoh satu tahun sahaja. Jadi, kes yang dibangkitkan mungkin pemberian bantuan JKM tersebut telah pun ditamatkan tapi mereka tidak tahu dan kita minta kalau Yang Berhormat ada nama, boleh bagi kepada kita supaya mereka tahu.

Sebenarnya program kebajikan ini *is not as of right*, jadi kita bagi satu tahun dan kemudian kita akan *review* supaya yang tidak layak lagi kita boleh tamatkan dan penerima lain boleh menerima. Akan tetapi ramai yang mereka tidak tahu atau pun mereka tidak pergi untuk *review*, untuk cek semula dan bila mereka tidak dapat duit itu masuk sebulan, mereka *assume* okey JKM telah tidak bayar atau pun bayar lewat. Sebenarnya mungkin mereka telah ditamatkan, okey.

Jadi, jadual tarikh arahan penyediaan bayaran adalah untuk keseragaman tindakan pembayaran bantuan di semua 106 pusat tanggungjawab bantuan Pejabat Kebajikan

Masyarakat Daerah seluruh negara. Hasil akhirnya nanti dapat memastikan bahawa bantuan diterima pada setiap 1 hari bulan. Jadi, sekarang ini setiap *first of every month*, setiap 1 hari bulan bantuan itu akan masuk. Proses bayaran bantuan dipantau secara harian mulai 20 hari bulan setiap bulan sehingga selesai bayaran oleh Ibu Pejabat JKM bagi memastikan jadual ini dipatuhi.

Walau bagaimanapun sekiranya masih terdapat aduan tentang kelewatan bayaran bantuan atau pemotongan bantuan secara tidak adil, mohon dimajukan ke Pejabat Kebajikan Masyarakat daerah berhampiran atau pun mereka boleh *call* Talian Kasih 15999 bagi membolehkan tindakan selanjutnya diambil. Silakan.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri dan Tuan Yang di-Pertua. Ada jawapan tidak berkait dengan program Pilot MyKasih yang juga...

Puan Hannah Yeoh: Ada. *You are one step ahead. The next paragraph.*

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]: Terima kasih baik. Terima kasih.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Sekejap, saya hendak tanya sikit pasal OKU.

Puan Hannah Yeoh: Soalan baru kah? Kalau soalan baru tidak adil untuk saya.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Tambah sikit sahaja.

Puan Hannah Yeoh: Silakan.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Cuma hendak tanya pasal kadar bayaran. Adakah kerajaan bercadang untuk hendak *review*?

Puan Hannah Yeoh: Tidak. Buat masa ini tidak ada kerana bayaran telah pun dikaji pada Januari 2018 dan kebanyakan bayaran baru dinaikkan RM50, *just this year*. Okey. Kementerian juga bersetuju bahawa pemberian dan penyaluran bantuan kepada golongan miskin dan berkeperluan wajar dilaksanakan tanpa kerehnan birokrasi bagi memastikan keperluan rakyat dipenuhi.

Namun begitu proses sebelum pelaksanaan sesuatu projek itu memerlukan JKM mematuhi prosedur dan tatacara kerja kewangan kebajikan secara *cashless* tatacara kewangan yang masih berkuat kuasa. Projek rintis bayaran bantuan kewangan kebajikan secara *cashless* masih dalam penelitian JKM dari segi pelaksanaan.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Ya.

Puan Hannah Yeoh: Ya, silakan.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Boleh tanya sikit, Yang Berhormat Timbalan Menteri?

Puan Hannah Yeoh: Silakan.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Saya dapat maklum daripada luar kampung-kampung kata JKM banyak potong penerima-penerima ini? Betul kah tidak? Bukan potong, ditamatkan? Sebelum ini dapat, sekarang tidak dapat.

Puan Hannah Yeoh: Saya baru sahaja jawab Yang Berhormat.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Betul kah tidak?

Puan Hannah Yeoh: Ya, saya baru sahaja jawab ada ramai bantuan ini kita bagi dalam tempoh setahun kemudian kita akan kaji semula sama ada mereka memenuhi syarat kelayakan. Tujuan JKM adalah untuk membantu ramai lagi penerima. Jadi, kalau mereka selepas 12 bulan keadaan kewangan mereka sudah bertambah baik memang JKM akan tamatkan supaya *second batch* penerima bantuan yang lain boleh menerima manfaat ini.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Kalau tidak bertambah baik?

Puan Hannah Yeoh: Kalau tidak bertambah baik, memang kita akan teruskan bantuan untuk mereka. Jadi, kalau ada kes spesifik Yang Berhormat saya minta untuk berikan data tersebut kepada JKM.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Pembangkang boleh bagi surat?

Puan Hannah Yeoh: Boleh. Kita sekarang kerajaan baru telus.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *[Ketawa]*

Puan Hannah Yeoh: Sebenarnya untuk bantuan kebajikan sekarang tidak memerlukan tanda tangan sokongan daripada Ahli Parlimen lagi supaya yang layak tidak perlu campur tangan politik, mereka akan dapat bantuan kebajikan.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tidak boleh campur dengan politik, kita cuma mengusulkan mana yang layak sahaja.

Puan Hannah Yeoh: Betul. Dalam isu kebajikan memang kita tidak ada diskriminasi. Saya sendiri telah turun ke negeri pembangkang seperti Kelantan untuk menyalurkan bantuan.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *Mai* lah ke Pasir Salak. Boleh?

Puan Hannah Yeoh: Apa dia? Saya tidak faham.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Datang ke Pasir Salak.

Puan Hannah Yeoh: Datang? Kalau ada jemputan saya akan turun.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Boleh eh?

Puan Hannah Yeoh: Boleh.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Okey, bagus.

Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]: Bolehkah saya? Bolehkah saya mencelah?

Puan Hannah Yeoh: Silakan.

Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]: Bolehkah saya mencelah sebab saya terpanggil tadi Yang Berhormat kata bahawa tidak ada pilih kasih seolah-olah masa kita memerintah dahulu, bahawa kita ada pilih kasih. Akan tetapi setahu saya lah kita memang tidak ada pilih kasih langsung, semua yang layak mendapat bantuan. Jadi, saya minta Yang Berhormat jelaskan perkara ini. Kebajikan kita jaga semua.

Puan Hannah Yeoh: Untuk diskriminasi. Ya, silakan.

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: *Sorry*, minta maaf.

Puan Hannah Yeoh: Silakan.

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Okey, terima kasih. Saya selaku Ahli Parlimen juga semasa bawah Kerajaan Barisan Nasional tidak pernah teringat pula yang ada minta sokongan daripada Ahli-ahli Parlimen daripada Barisan Nasional. Tidak ada, memang tidak ada. Cumanya kekhuatiran yang kita tengok sekarang daripada pegawai-pegawai apabila ada masalah yang memang sangat memerlukan perhatian pada JKM mereka agak ada perasaan takut apabila ia nya dicadangkan oleh kami yang sekarang ini daripada pembangkang.

Jadinya, kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan di dalam Dewan ini bahawa boleh, jadinya tidak ada masalah. Akan tetapi saya minta supaya dimaklumkan juga kepada pegawai-pegawai yang berkenaan terutamanya di daerah. Sekarang mereka takut kita hantar kita bagi surat sokongan kepada itu dengan bergambar pun, kekhuatiran itu ada.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Pegawai-pegawai pun banyak takut sekarang ini. KEMAS.

Puan Hannah Yeoh: Okey.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Tuan Yang di-Pertua, hendak tambah sikit sahaja.

Puan Hannah Yeoh: Tambah, tambah, tambah. Silakan.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Masa dalam pentadbiran UMNO dulu memang ada pegawai takut tetapi selepas pada pentadbiran UMNO ini mereka lebih lagi takut. Kenapa itu?

[*Dewan riuh*]

Puan Hannah Yeoh: Pertamanya, secara *record, on record Hansard* dalam Dewan ini pegawai-pegawai kerajaan tidak perlu takut lagi kerana sekarang moto kerajaan kita tidak menggunakan “*Saya yang mengikut perintah*” lagi. Kita hendak mereka melaksanakan tanggungjawab mereka secara beramanah dan kalau mereka melakukan perkara yang mengikut perintah atau pun *circular* kerajaan dan mengikut proses tidak ada sebab mereka perlu rasa takut.

Jadi, pegawai-pegawai JKM yang mendengar sekarang ini memang Kementerian kita tidak ada, kita tidak akan laksanakan penalti kalau mereka membantu pegawai-pegawai atau pun Ahli-ahli Parlimen pembangkang untuk menyelesaikan masalah kebajikan. Itu adalah hak rakyat yang memerlukan bantuan dan JKM harus membantu.

Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar]: Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tuan Yang di-Pertua.

Puan Hannah Yeoh: Ya, silakan.

Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar]: Tuan Yang di-Pertua, Kuala Kangsar.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Silakan.

■1640

Puan Hannah Yeoh: Ini semua isu baharu ya, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Silakan.

Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar]: Ia bukan isu baharu Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya...

Puan Hannah Yeoh: Ya yang dibangkitkan.

Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar]: Ya dibangkitkan di kawasan saya. Setiap dua minggu, saya melakukan apa dikatakan lawatan kerja Pejabat Parlimen Kuala Kangsar di mana saya mengadakan satu kaedah *town hall meeting* dengan semua jabatan. Setelah Barisan Nasional kalah pada PRU-14, jemputan-jemputan saya kepada banyak jabatan tidak lagi ada respons.

Ini terutama sekali yang saya paling memerlukan adalah Jabatan Kebajikan Masyarakat yang sangat membantu kerja-kerja saya. Oleh sebab, sebenarnya saya membantu Kementerian dan juga jabatan sebab kalau pegawai itu datang ke *town hall meeting* saya ini, beliau boleh menyelesaikan banyak masalah setempat di kampung. Saya akan panggil ada 44 orang ketua kampung dan enam atau tujuh ketua kampung akan berada di *town hall* itu. Secara serta-merta, *on the spot your* pegawai akan menjawab soalan-soalan dan juga masalah-masalah penduduk di situ.

Jadi saya mohon Yang Berhormat Timbalan Menteri kalau boleh saya memohon ihsan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri supaya meminta pegawai-pegawai di peringkat daerah Kuala Kangsar untuk membantu saya seperti biasa sebelum PRU-14. Semualah kalau boleh. Terima kasih.

Puan Hannah Yeoh: Okey, terima kasih, Yang Berhormat.

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, boleh tak kalau saya cadangkan selain daripada pengumuman Yang Berhormat Timbalan Menteri di dalam Dewan ini, mungkin membuat satu arahan bertulis kepada pegawai-pegawai.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Parit Salak]: [*Mencelah*]

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Tidak apalah. Bertulis pun penting juga. Arahan bertulis kepada mereka bahawa pengarah negeri supaya dipanjangkan kepada daerah-daerah termasuk kawasan Yang Berhormat juga tau. Okey, sebab sama Daerah Batu Pahat. Jadinya membenarkan kalau sekiranya itu sebabnya kita tidak pernah, kita

memanjangkan. Jadi kalau sekiranya layak, maka JKM bagilah bantuan kepada mereka. Saya harap betul.

Puan Hannah Yeoh: Terima kasih. Jika Ahli-ahli Parlimen membuat program *town hall* untuk berjumpa penduduk, untuk menerangkan program kerajaan tidak ada sebab pegawai tidak turun. Okey, jadi pegawai kena turun jika ia adalah program mesra rakyat tanpa logo politik. Jadi ia mesti...

Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar]: Saya turun sebagai Ahli Parlimen Kuala Kangsar. Bukan sebagai mewakili mana-mana parti dan juga ramai ahli-ahli daripada parti-parti lain akan bersama-sama juga. Saya tidak ada kekangan malah saya menjemput ketua kampung yang baru dilantik oleh Pakatan Harapan ke *town hall meeting* ini dengan hati terbuka. Terima kasih.

Puan Hannah Yeoh: Bagus.

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Sama juga dengan Parit Sulong. Jata kerajaan itulah jata yang kita bawa.

Puan Hannah Yeoh: Bagus. Ini adalah cara yang betul untuk melaksanakan program kerajaan tanpa logo parti politik. [*Tepuk*]

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Sekarang baru hendak buat ya.

Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar]: Betul.

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Parit Sulong daripada dulu bawa jata kerajaan sahaja tau. Mana boleh. Pandai sahaja mengata dalam Dewan ini cakap. Yang Berhormat Jelutong ini bisinglah pula dekat situ. Bukan tadi kita minum kah dekat sana.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Dulu ada logo UMNO.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Sekarang baru nak ajak ya. Dulu tak ajak pun.

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Terima kasih banyak.

Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar]: Yang Berhormat Menteri, saya hendak *confirm* apa yang Yang Berhormat Parit Sulong ...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Dulu, kini dan selama-lamanya UMNO.

Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar]: Yang Berhormat Jelutong, *please*.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Parit Salak]: Yang Berhormat Jelutong banyak orang susah, dia tidak ambil tahu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sila bersopan.

Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar]: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak *just clear* kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri supaya Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh menjalankan tugas dengan baik dan sempurna. Saya ingin *confirm* apa Yang Berhormat Parit Sulong cakap.

Ketika saya membuat infografik menjemput semua orang kampung di kawasan itu, saya tidak meletakkan jata UMNO di situ. Saya hanya meletakkan jata negeri Perak dan juga Parlimen, itu sahaja. Malah saya ditegur oleh ahli-ahli parti saya. Akan tetapi saya buat kerana rakyat. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila beri jawapan.

Puan Hannah Yeoh: Syabas kepada Yang Berhormat Kuala Kangsar. Itu cara yang betul untuk melaksanakan program mesra rakyat.

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: [*Mencelah*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Hendak minta sebut juga.

Puan Hannah Yeoh: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya teruskan hendak jawab isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Permatang pauh.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila jawab dan rumuskan sebab masa terhad.

Puan Hannah Yeoh: Untuk kes kementerian telah membuat perbincangan bersama Kementerian Kewangan dan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) untuk berkongsi pengalaman melaksanakan Program Titipan Kasih Food Basket pada 20 Ogos 2018 bagi mendapatkan pandangan langkah terbaik untuk melaksanakan projek rintis ini.

Cadangan pelaksanaan projek rintis bayaran bantuan kewangan kebajikan secara *cashless* hanya akan dilaksanakan setelah dimuktamadkan oleh pihak pengurusan tertinggi JKM dan kementerian. Projek rintis yang dicadangkan adalah melibatkan dua buah negeri iaitu negeri Selangor dan negeri Sabah. Di negeri Selangor melibatkan dua buah daerah iaitu Hulu Langat dan Hulu Selangor. Manakala di negeri Sabah melibatkan daerah Pitas dan Nabawan.

Cadangan projek rintis ini hanya melibatkan Skim Bantuan Kanak-kanak bagi kelulusan kes baharu bagi keempat-empat daerah. Berdasarkan anggaran jabatan sebanyak 450 kes baharu yang melibatkan peruntukan sebanyak RM1.5 juta. Satu bengkel penyediaan terma rujukan TOR *cashless* bagi pelaksanaan projek rintis ini telah pun diadakan pada 10 Oktober hingga 11 Oktober bulan ini yang dihadiri oleh pelbagai agensi. TOR yang dihasilkan ini akan dimuktamadkan oleh pengurusan tertinggi JKM dan kementerian untuk melalui *open tender*. Okey.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]: Terima kasih. Terima kasih atas usaha Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya hanya hendak tekankan di sini program ini sebenarnya sudah berlangsung sejak tahun 2008. Maksudnya penerima menerusi sistem *cashless transfer* dengan syarat anak-anak kena ke sekolah, ibu pergi program latihan kewangan oleh Bank Negara Malaysia melibatkan 260,000 orang penerima seluruh Malaysia, Lembaga Zakat Johor, Lembaga Zakat Selangor.

Maka sementara saya hargai perlunya *open tender*, *perhaps* Kementerian Kewangan menggariskan syarat-syarat tersebut daripada saya, *the way forward is to make sure not necessarily in the account* tapi kita boleh benar-benar memastikan setiap ringgit itu diguna pakai untuk barangan keperluan harian. Jadi saya hargai. Hanya saya hendak tekankan *it is not something new* tetapi telah dilakukan hampir lebih 260,000 orang penerima. Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Puan Hannah Yeoh: Pegawai tahu dan mereka sedang mencari penyelesaian untuk kes ini. Yang Berhormat Tebrau, JKM menyediakan bantuan kepada golongan OKU termasuk yang berpendapatan rendah dengan menyediakan pelbagai kemudahan dan keistimewaan melalui seperti pemberian elaun pekerja cacat dengan kadar RM400 sebulan bagi yang berpendapatan di bawah RM1,200 sebulan.

Di samping itu, pemberian insentif berupa bantuan penjagaan pesakit kronik dan OKU terlantar dengan kadar RM350 sebulan seorang bagi mengurangkan beban kepada penjaga yang menjaga mereka. JKM juga menyediakan bantuan OKU tidak berupaya bekerja dengan kadar RM250 sebulan agar OKU terus tinggal bersama keluarga dan masyarakat.

Saya sedar perkara yang telah dibangkitkan sama ada kita boleh tinggikan lagi bantuan ini. Akan tetapi seperti yang telah dijawab, tahun ini baru sahaja mereka tinggikan sebanyak RM50 tetapi kita akan terus mencari usaha untuk membaiki bantuan kebajikan ini bagi golongan yang berkelayakan.

Yang Berhormat Tangga Batu ada? Yang Berhormat Tangga Batu tidak ada, saya bagi secara bertulis. Yang Berhormat Batu tidak ada. Saya bagi secara bertulis. Ada? Okey Yang Berhormat Batu Kawan dan Yang Berhormat Lembah Pantai. Kerajaan melalui kementerian akan meneruskan usaha penggubalan Rang Undang-undang Gangguan Seksual seperti berikut:

- (i) perbincangan bersama Jabatan Perkhidmatan Awam, Kementerian Sumber Manusia dan Polis Diraja Malaysia. Ini adalah *ongoing effort* untuk berbincang, untuk melihat kes-kes sedia ada yang telah dilaporkan kepada tiga tempat ini;

- (ii) kajian menyeluruh mengenai kelompangan dalam perundangan peraturan sedia ada. *Study impact* yang kita akan laksanakan dalam tiga bulan dan dijangka akan siap pada akhir bulan Januari;
- (iii) kita akan mengadakan sesi libat urus bersama pemegang taruh ke arah penggubalan satu akta baharu khusus yang merangkumi segala bentuk gangguan seksual; dan
- (iv) perbincangan bersama JPA dan Kementerian Sumber Manusia bagi mendapatkan maklumat mengenai kes-kes gangguan seksual di tempat kerja di sektor awam serta swasta dan bersama polis untuk meliputi maklumat lain di tempat awam, institusi pendidikan ataupun daripada aduan awam dan selepas kita menerima *impact study* itu, kita akan menjemput semua Ahli Parlimen untuk mendengar bersama.

Ya, Yang Berhormat lembah Pantai.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: *This is a quick one*, Yang Berhormat Timbalan Menteri dan Tuan Yang di-Pertua. Saya faham kita akan usaha untuk gubal. Akan tetapi kalau kita lihat Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Undang-undang menyatakan yang ada 113 rang undang-undang ataupun akta yang akan dipinda, gubal atau dimansuhkan. Saya harap kalau boleh kita percepatkan rang undang-undang yang ini, Anti Gangguan Seksual kerana ia adalah satu *game changer* bagi saya. Ini kerana ia bakal membantu ramai wanita dan juga lelaki untuk ada tempat kerja yang selamat. Terima kasih.

Puan Hannah Yeoh: Yang Berhormat Lembah Pantai, akta ini adalah dalam senarai *priority* kementerian kita dan kita hendak laksanakan ataupun kita hendak melihat *bill* ini tahun depan. Oleh sebab itu *impact study* kita sebenarnya kita telah pendekkan sehingga akhir bulan Januari supaya kita dapat hasil kajian tersebut dan kita boleh menjalankan *consultation* secepat mungkin.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Yang Berhormat.

Puan Hannah Yeoh: Ya, Yang Berhormat Batu Kawan.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: *Point* mengenai Akta Gangguan Seksual ini. Dalam perbincangan saya, saya telah membangkitkan tiga kes dan yang terbaru adalah kes pensyarah daripada Universiti AIMST yang telah lebih tiga tahun telah *sexually harassed* melalui *WhatsApp* pelajar-pelajar di universiti tersebut.

■1650

Baru-baru ini selepas mereka menghubungi saya dan beberapa Ahli Parlimen yang lain, selepas kami memberi mereka sedikit sokongan moral, memberitahu mereka, menggalakkan mereka untuk membuat laporan polis, maka laporan polis telah dibuat. Akan tetapi Kementerian Pendidikan mengatakan memandangkan ia berlaku di AIMST, maka kementerian menyerahkan siasatan kepada AIMST untuk siasatan dalaman. Akan tetapi sebab pelajar telah membuat laporan polis, saya ingin mencadangkan di sini sebab isu ini walaupun Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat yang menjawab tetapi ia ada adalah *cross ministry*.

Puan Hannah Yeoh: Ya.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Saya harap Kementerian Dalam Negeri juga dapat memberi latihan kepada pegawai-pegawai mereka untuk menjadi lebih sensitif terhadap isu-isu ini. Jangan beritahu mangsa untuk pergi cuba *settle* sendiri sebab banyak kes yang datang ke pejabat saya dan saya pasti Ahli Parlimen yang lain menghadapinya.

Puan Hannah Yeoh: Okey.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: [Bangun]

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Apabila pegawai polis mengatakan ini isu dalaman, cuba *settle* sendiri, nanti markah kamu akan *you know be affecting your grade, you might be thrown out of the university. All this kind of settle threats to students especially female students and every female student will suffer in silence because there's no support system*. Jadi saya setuju dengan Yang Berhormat Lembah Pantai. *I think it is time we push*

forward for this supaya we can go out and tell young girls and young boys out there, there is something there to protect you. Terima kasih.

Puan Hannah Yeoh: Okey. Ya, Yang Berhormat Lembah Pantai.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Berkait dengan isu ini. Saya ada bangkitkan malam tadi dalam ucapan tentang masalah yang berlaku ataupun satu kes yang berlaku di ASWARA yang terletak berdekatan dengan Dewan yang mulia ini. Di situ kita lihat Rektor ASWARA yang pada waktu ini sedang dalam kes mahkamah berkaitan dengan tuduhan ataupun satu saman sivil berkaitan dengan isu gangguan seksual. Beliau masih berkhidmat. Bagi saya, kita perlu— pihak kerajaan perlu menyatakan satu pendirian yang tegas bahawa mereka yang sedang disiasat ataupun ada kes yang berkait dengan isu seperti gangguan seksual perlu ada satu SOP di mana mereka perlu direhatkan. Saya tegaskan di sini kerana seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Batu Kawan tadi adalah pelajar. Dalam kes ini adalah pensyarah yang telah ditamatkan perkhidmatan beliau dan sekarang beliau tidak ada kerja malah telah menjual kereta untuk mencari pendapatan, sedikit duit untuk membayar untuk kes ini. Terima kasih.

Puan Hannah Yeoh: Okey. Untuk kes spesifik yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Batu Kawan, jangan risau Kementerian Dalam Negeri akan menjawab selepas saya. Jadi saya tahu Yang Berhormat Timbalan Menteri sudah ada. Saya pasti ada jawapan untuk Yang Berhormat Batu Kawan. Akan tetapi untuk kes yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Lembah Pantai dan satu lagi kes yang sedang diuruskan oleh Kementerian Kesihatan bersama dengan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, kes-kes sedia ada untuk penjawat awam memang sudah ada SOP. Memang sudah ada garis panduan semasa untuk membantu majikan mengambil tindakan dan kes tersebut telah pergi ke mahkamah. Akan tetapi saya difahamkan beliau masih mengajar.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Beliau, *The Rector*.

Puan Hannah Yeoh: *Rector*.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: *The head of this school*.

Puan Hannah Yeoh: Selepas bayar penalti...

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Sepatutnya beliau direhatkan kerana beliau mentadbir seluruh ASWARA. *I think it is quite*, mungkin Menteri...

Puan Hannah Yeoh: Menteri Pelancongan juga ada di sini dan saya percaya beliau boleh menjawab untuk isu spesifik ini. Akan tetapi kami menyeru semua pihak majikan supaya mengambil serius semua aduan gangguan seksual tidak kira dilaporkan oleh wanita ataupun lelaki kerana tanggungjawab majikan adalah untuk menyediakan *safe working place*. Tempat bekerja yang selamat untuk semua majikan supaya mereka boleh produktif dalam kerja mereka.

Kalau ada gangguan seksual di tempat kerja, memang— kalau majikan tidak mengambil serius kes-kes tersebut, mungkin boleh memaklumkan kepada pihak polis untuk mengambil tindakan. Akan tetapi yang paling penting adalah untuk kes-kes di luar, bukan penjawat awam. Mereka perlu melaporkan kepada Kementerian Sumber Manusia ataupun pihak polis untuk kes-kes di universiti semua.

Akhir sekali, Yang Berhormat Kuala Kangsar telah membangkitkan mengenai wanita sebagai agen. Untuk isu ini, Jabatan Pembangunan Wanita telah melaksanakan pelbagai bentuk program serta aktiviti antaranya klinik *de stress*, klinik guaman dan kempen menangani keganasan terhadap wanita.

Saya rasa isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kuala Kangsar adalah untuk setiap wanita tidak kira muda ataupun tua untuk menjadi ejen di mana mereka boleh menyalurkan maklumat dan mereka boleh tahu bila ada kes-kes yang khas, mereka tahu bagaimana untuk mengatasi cabaran-cabaran kehidupan mereka. Paling penting adalah mereka perlu diberikan maklumat mengenai perundangan, di mana nak dapatkan bantuan dan informasi ini sangat penting. Informasi-informasi ini sebenarnya, Jabatan Pembangunan Wanita ada. Cuma, saya rasa kadang-kadang info ini tidak turun kepada Ahli-ahli Parlimen dan Ahli-ahli Parlimen susah untuk melaksanakan program ini di *grassroots* untuk sampaikan maklumat ini kepada mereka.

Jadi saya berharap semua boleh berhubung dengan Jabatan Pembangunan Wanita untuk mendapatkan maklumat untuk membantu. Silakan, Yang Berhormat Kuala Kangsar.

Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar]: Yang Berhormat Timbalan Menteri dan Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya– terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri dengan maklumat yang berlebihan itu. Sebenarnya saya tidak bertanya mengenai itu. Saya bertanya mengenai kaitan dan hubungan kepada pembinaan anak muda Malaysia. Maknanya setiap wanita adalah ibu, kakak dan adik, menjadi agen kepada nilai-nilai yang baik untuk membina negara bangsa. Maknanya *it starts from home* dengan izin. Maknanya wanita *is your best agent*. Kita boleh menghantar anak-anak ke sekolah atau ke universiti. *It rather too late. It has to start from home*. Itu sahaja.

Puan Hannah Yeoh: Saya setuju. Oleh sebab itu, LPPKN bersama Jabatan Pembangunan Wanita, mereka akan terus fokus tahun depan kita adalah isu kekeluargaan kerana *healthy families*, kita akan mempunyai belia yang sihat dan produktif. Kalau isu keluarga tidak ditangani, susah untuk mereka di luar. Gejala sosial akan bertambah. Jadi fokus kita tahun depan, isu kekeluargaan. Kita akan berikan lebih perhatian dan kita akan gunakan golongan ibu untuk membantu kita melaksanakan program-program kita.

Jadi saya rasa kita nak *engage* Ahli-ahli Parlimen wanita ini supaya *feedbacks* ini bukan sahaja disalurkan melalui mesyuarat di Dewan tetapi *engagement* ini setiap masa. Kalau Yang Berhormat ada apa-apa *feedback*, boleh *WhatsApp* terus kepada saya ataupun Yang Berhormat Menteri supaya kita boleh bersama-sama menggubal polisi yang betul-betul sampai ke akar umbi.

Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar]: Terima kasih. *That's what I want*. Maknanya ketika nak menggubal polisi itu, kita berada bersama-sama. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Puan Hannah Yeoh: Okey. Jadi Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya ucapkan terima kasih kepada semua Yang Berhormat kerana telah menyatakan kerisauan, pandangan dan cadangan ke atas isu berkaitan dengan kumpulan sasar di bawah kementerian ini. Jadi kita menerima segala pandangan, saranan, cadangan dan teguran secara terbuka dan kementerian akan mengambil tindakan sewajarnya ke atas semua input yang telah diberikan. Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih. *Thank you*.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat di atas jawapan. Sekarang saya ingin menjemput giliran Kementerian Dalam Negeri. Dijemput Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri untuk memberi jawapan.

4.58 ptg.

Menteri Dalam Negeri [Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd Yassin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada 23 Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah pun mengambil bahagian dalam perbahasan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas di Dewan yang mulia ini daripada 22 hingga 29 Oktober 2018 yang telah pun menyentuh portfolio Kementerian Dalam Negeri. Saya akan menggulung perbahasan tersebut berdasarkan isu-isu yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Akan tetapi sekiranya Ahli Yang Berhormat tidak hadir dalam Dewan, saya minta izin jawapan itu akan dihantar secara bertulis, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Silakan.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd Yassin: Yang Berhormat Jelutong. Ada? Yang Berhormat Jelutong bertanyakan sama ada kementerian mempunyai perancangan untuk membaik pulih Balai Polis Jelutong dan IPD Timur Laut di Georgetown yang berada dalam keadaan yang daif yang memerlukan lebih banyak peralatan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian telah memperuntukkan sejumlah RM37.85 juta dan RM23.824 juta masing-masing pada tahun 2017 dan 2018 bagi kerja-kerja pembaikan dan penyelenggaraan premis PDRM di seluruh Malaysia.

Daripada jumlah ini, sebanyak RM2,940 telah pun diperuntukkan bagi kerja-kerja pembaikan sistem elektrik, kaunter aduan dan kaunter *triage* di Balai Polis Jelutong manakala

sebanyak RM262,710.96 diperuntukkan kepada IPD Timur Laut bagi pelaksanaan kerja pembaikan sivil dan sistem mekanikal termasuk lif.

■1700

Sebagai maklumat tambahan, kementerian juga telah memohon peruntukan sebanyak RM100 juta untuk penggantian dan pembaikan lif serta RM100 juta lagi untuk kerja-kerja pembaikan kuarters PDRM di seluruh Malaysia yang kini dalam pertimbangan Unit Perancang Ekonomi untuk pelaksanaan pada tahun 2019. Sekiranya peruntukan ini diluluskan, kementerian akan menyemak semula dan menyenaraikan keutamaan projek-projek pembaikan, penyenggaraan premis PDRM yang rosak dan daif termasuklah Balai Polis Jelutong dan IPD Timur Laut di Georgetown.

Berhubung pertanyaan Yang Berhormat Kota Melaka, ada?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ada.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd Yassin: Ada. Sama ada kementerian bercadang untuk memberikan peruntukan kepada PDRM untuk membuat perolehan kenderaan baru, saya ingin memaklumkan sehingga kini, 10 projek melibatkan perolehan sebanyak 274 buah kenderaan baru telah pun diluluskan dengan kos sebanyak RM45.134 juta.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd Yassin: Yang Berhormat Padang Serai dan Yang Berhormat Sungai Petani...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, sedikit sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Jelutong, sila.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Sedikit Yang Berhormat. Saya juga berterima kasih di atas penjelasan yang diberikan. Pada masa yang sama, saya ingin menggesa Yang Berhormat Menteri untuk memberi perhatian kepada kenaikan gaji dan juga elaun anggota-anggota polis, tentera dan juga anggota-anggota yang bekerja dengan penjara Malaysia. Ada keluhan kerana IPD Timur Laut, penjara di Pulau Pinang, semuanya terletak di kawasan saya. Pada masa yang sama, tidak lupa juga dengan jasa tentera kita, kalau boleh perkara itu diberi perhatian dengan kenaikan kos sara hidup. Kalau boleh gaji dan juga elaun mereka diberi perhatian, kalau boleh dipertingkatkan sedikit akan diterima baik oleh mereka Yang Berhormat. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Jelutong. Sila.

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Yang Berhormat Menteri, Tuan Yang di-Pertua, Kota Melaka hendak tanya. Daripada jawapan Yang Berhormat Menteri, boleh beritahu tidak tentang jumlah kenderaan yang akan dibeli baru, berapa yang akan disalurkan kepada setiap negeri termasuk di Melaka. Terima kasih.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd Yassin: Tuan Yang di-Pertua, soalan pertama Yang Berhormat Jelutong. Saya ingin menyatakan bahawa masalah soal gaji, elaun dan sebagainya itu, kita tidak melihat secara terasing kerana ada sebuah jawatankuasa tertinggi di peringkat negara yang dipimpin oleh tidak lain dan tidak bukan, Perdana Menteri sendiri untuk meneliti tentang keadaan gaji-gaji perkhidmatan awam. Walaupun ada perkhidmatan polis dan sebagainya itu, tetapi dia akan agak berpandukan kepada apa yang akan diputuskan oleh pihak Kabinet nanti.

Soal yang kedua, dari segi pengagihan. Ini akan kita hanya dapat tentukan selepas sahaja Kementerian Kewangan memutuskan berapa jumlah sebenarnya dan diagihkan mengikut keperluan bagi setiap negeri. Ada setengah negeri itu memerlukan peruntukan yang lebih besar dalam keadaan mereka mempunyai banyak projek-projek, sama ada penambahbaikan dan sebagainya dan setengah negeri mungkin tidak memerlukan. Ini akan kita putuskan selepas sahaja belanjawan diluluskan dalam Dewan ini, *insya-Allah*.

Yang Berhormat Padang Serai dan Yang Berhormat Sungai Petani, ada?

Tuan Karupaiya Mutusami [Padang Serai]: Ada.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd Yassin: Bertanyakan sama ada Kementerian bercadang untuk menaik taraf IPD Kulim, mengkaji pertambahan pegawai polis di seluruh kawasan Parlimen Padang Serai dan juga mengkaji semula kenaikan pangkat, elaun, gaji dan kemudahan pejabat. Kementerian daripada semasa ke semasa memberikan perhatian yang terus ke arah menyediakan kemudahan balai polis dan IPD yang selesa. Untuk tujuan itu, pada tahun hadapan, KDN telah pun juga memohon peruntukan sebanyak RM9.3 bilion untuk PDRM bagi tahun 2019. Sehubungan itu, Kementerian akan menyemak semula dan menyenaraikan keutamaan projek-projek pembaikan, penyenggaraan premis PDRM yang rosak dan daif termasuklah balai polis serta IPD di Kulim serta kemudahan dan peralatan pejabat. Menyentuh aspek pertambahan jawatan, perkara ini sedang dalam penelitian pihak PDRM untuk disesuaikan dengan perkembangan setempat selain daripada sudut sosioekonomi politik dan jenayah indeks.

Yang Berhormat Beruas memohon Kementerian untuk menyasiat isu ataupun dakwaan penyelewengan peruntukan di mana sesetengah balai terpaksa meminta derma daripada syarikat ataupun individu untuk membeli keperluan pejabat. Pada tahun 2018, PDRM telah diluluskan sebanyak RM8.19 bilion di bawah peruntukan mengurus dan daripada jumlah tersebut, peruntukan yang dipohon bagi bekalan pejabat adalah RM157 juta. Secara dasarnya, pengurusan perbelanjaan adalah mengikut keutamaan dan secara berhemat serta tertakluk kepada peraturan-peraturan berkaitan yang sedang pun berkuat kuasa. KDN sentiasa memantau dan menyelia pelaksanaan peraturan-peraturan tersebut di semua peringkat. Berdasarkan rekod semasa, tiada laporan diterima oleh Kementerian berhubung dakwaan penyelewengan peruntukan sesetengah balai hingga terpaksa meminta derma daripada syarikat ataupun individu untuk membeli keperluan pejabat. Walau bagaimanapun, sekiranya didapati benar, Kementerian kita akan menyusuli perkara itu dan siasatan yang selanjutnya akan dibuat.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Yang Berhormat Menteri, saya nyatakan dengan spesifik Pondok Polis Changkat Kruing yang saya sebagai Ahli Parlimen juga diminta untuk membuat sumbangan. Saya rasa ini memberi satu imej yang tidak baik kepada pihak kerajaan. Jadi spesifik, pihak polis telah menyewa kedai untuk digunakan sebagai balai pondok tetapi pihak polis, pegawai berkenaan dikatakan tidak boleh masuk untuk menjalankan tugas kerana dikatakan tidak ada peruntukan untuk peralatan asas itu. Oleh sebab itu, ramai orang diminta untuk memberi sumbangan. Jadi kalau boleh spesifik kepada Pondok Polis Changkat Kruing dekat kawasan Beruas, boleh dapat jawapan yang spesifik. Terima kasih.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd Yassin: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, itu yang saya kehendaki fasal dalam mungkin perbahasan awal tidak dijelaskan secara spesifik, jadi mungkin dianggap sebagai tuduhan. Akan tetapi kalau ada bukti sebegitu, terima kasih. Saya akan nanti siasat dan hendak mengetahui dari pegawai berkenaan kenapa perkara itu dilakukan. Mungkin dia fikir ada Yang Berhormat kawasan, dia fikir boleh bantu sedikit. Akan tetapi kalau sebab itu tidak berapa munasabah kerana setiap pusat itu kita memperuntukkan sejumlah peruntukan yang kita anggap agak sesuai. Akan tetapi kalau mereka sudah belanja lebih awal kerana ada macam-macam perkara yang mereka lakukan dan peruntukan tidak mencukupi mereka lakukan begitu, bagi saya tidaklah secara yang betul. Kita akan siasat perkara itu, *insya-Allah*.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya hendak minta penjelasan dan panduanlah sebenarnya, adakah salah kalau pihak jabatan termasuk polis sendiri memohon derma dan pihak yang derma pula memberikan derma dengan tulus seikhlas membantu sama ada dari segi perabot-kah, peralatan-kah, adakah menjadi kesalahan? Kalau tidak, saya rasa bolehlah pihak yang sudi boleh membantu apabila perkara ini berbangkit. Terima kasih.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd Yassin: Biasanya Tuan Yang di-Pertua, kalau ada apa-apa perkara yang hendak dilakukan oleh jabatan-jabatan dan tidak ada perkara yang jelas dibuat, untuk mengelakkan salah faham ataupun pandangan-pandangan yang serong, sebaik mungkin mereka mesti rujukkan kepada pihak ketua jabatan mereka yang lebih tinggi dan dapatkan panduan boleh atau tidak boleh supaya tidak akan ada timbul tuduhan rasuah-kah, salah guna kuasa dan sebagainya. Maklumlah polis ada kuasa di tempat-tempat semua, mana-mana mereka bertugas di situ mungkin ada pihak yang hendak membantu. Kita pun di peringkat kerajaan pun ada juga peraturan-peraturan kalau ada orang hendak bantu, hendak bagi derma dan sebagainya itu, kita kena orang kata *declare* supaya

tidak timbul tanggapan bahawa ada berlaku perkara yang tidak diingini ataupun rasuah dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Lawas ada di sini?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Tidak ada.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd Yassin: Berhubung dengan pertanyaan daripada Yang Berhormat Arau, Yang Berhormat Arau ada?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Tidak ada.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd Yassin: Tidak ada juga. Saya akan jawab secara bertulis. Yang Berhormat Beruas dan juga Yang Berhormat Sungai Petani bertanyakan sama ada kementerian akan melaksanakan program pemutihan pekerja asing secara besar-besaran untuk mengenal pasti jumlah PATI sedia ada mengikut permintaan pasaran dan pengusiran keluar PATI dibuat secara teratur.

■1710

Sejumlah besar PATI telah berjaya diputihkan dan diserap menjadi pekerja asing dengan izin iaitu dengan jumlah yang seperti berikut:

- (i) Program 6P dengan pemutihan sebanyak 521,734 orang PATI;
- (ii) Program Khas Pengurusan PATI (PKPP) dengan pemutihan sebanyak 29,810 orang PATI; dan
- (iii) Program *Rehiring* dengan pemutihan sebanyak 744,942 orang PATI.

Selain itu, kerajaan telah memperkenalkan program penghantaran pulang PATI secara sukarela iaitu Program 3+1 yang bermula pada bulan Jun 2014 dan baru sahaja tamat pada 30 Ogos 2018 yang merupakan Program Pengampunan PATI. Melalui program ini, sejumlah 185,066 orang PATI telah diusir pulang ke negara asal.

Memandangkan Program *Rehiring*, dengan izin dan Program 3+1 baru sahaja berakhir, Kementerian Dalam Negeri berpandangan bahawa satu isyarat tegas dan jelas hendaklah diperhatikan kepada pihak yang berkaitan bahawa tiada lagi kompromi di pihak kerajaan ke atas mana-mana PATI dan majikan yang ingkar dan degil dari mematuhi undang-undang negara dengan menggaji PATI.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Yang Berhormat Menteri, boleh dapat penjelasan? Isu yang saya bangkitkan tentang pemutihan ini ialah di bawah Kerajaan Barisan Nasional yang lama. Semua pemutihan ini mesti melalui ejen yang membolehkan ramai mengaut untung daripada pemutihan itu. Apa yang berlaku ialah agak susah untuk mendapat pekerja baru, mereka terpaksa datang ke satu tempat sahaja iaitu Kementerian Dalam Negeri. Satu pejabat sahaja di Putrajaya, di mana ramai majikan terpaksa beratur pukul 3 pagi untuk mendapatkan permit. Begitu juga dengan pembayaran levi pembaharuan, ini menyebabkan ramai lagi di kawasan-kawasan luar bandar mendapati sukar sangat untuk pemutihan dijalankan.

Oleh sebab itu saya memohon kalau pihak kerajaan telah memberi keperluan yang terakhir iaitu melalui semua Pejabat Imigresen kawasan tempatan, perlulah diberi peluang itu. Ini kerana ramai bukan tidak mahu membuat bayaran levi atau memperbaharui permit ataupun membuat permohonan pekerja asing tetapi terlalu sukar masa yang lampau. Jumlahnya seperti yang dianggarkan oleh pihak Kementerian Dalam Negeri, empat juta orang jadi memang daripada angka yang tadi, memang pemutihan banyak telah dibuat. Akan tetapi, berapa juta lagi mungkin yang tidak sempat kerana begitu susah untuk pemutihan dibuat.

Oleh sebab itu saya mohon, memandangkan kita masih memerlukan pekerja asing ini dan rungutan daripada ramai rakyat ialah dengan tiba-tibanya ditangkap besar-besaran pekerja asing ini. Banyak industri terutamanya perladangan, *construction*, pembangunan dan juga sektor pertanian dan kilang-kilang memerlukan mereka. Kalau boleh diberikan satu peluang di mana mereka dengan senang, pemutihan boleh dibuat. Itulah perkara yang saya bangkitkan dan juga kerajaan boleh dapat levi berbilion-bilion lagi, kebbaikannya.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd Yassin: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Beruas. Saya berbeza pandangan dengan Yang Berhormat Beruas kerana

dahulu pun saya berada di sini tetapi sama geng-geng yang di depan saya ini... [Ketawa] Dalam Barisan Nasional. Saya pernah jadi Pengerusi Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pekerja Asing sebagai Timbalan Perdana Menteri juga dulu.

Di waktu itu, saya bila masuk bertanggungjawab untuk meneliti masalah tanpa izin ini dan cadangan yang dibawa kepada saya ialah memutihkan mereka iaitu selepas bekas Menteri sudah putih dahulu, dua kali putih sudah. Jadi, saya bertahan supaya tidak ada dilakukan pemutihan kerana saya berpendapat bahawa seharusnya kita tidak memberikan satu isyarat yang salah iaitu tak apa bawa masuk pekerja asing tanpa izin, akhirnya mereka akan putih daripada halal atau haram jadi halal.

Jadi, sebab itu saya *resist* tetapi akhirnya terpaksa juga tunduk kerana tekanan. Sekarang di sebelah Pakatan Harapan, saya mempunyai pandangan yang berbeza. Ini kerana, kalau kita masih meneruskan usaha untuk memberi *amnesty* dalam istilah bahasa Inggeris atau pemutihan, maka tidak akan terhenti masalah PATI dalam negara kita. [Dewan tepuk]

Mereka yang terlibat dalam sindiket-sindiket yang membawa masuk pekerja-pekerja asing, baik Bangla, baik Indonesia dan sebagainya masuk ke seluruh ceruk-ceruk negara kita dan lepas itu disimpan di banyak tempat, di ladang dan sebagainya. Ini akan memberikan isyarat yang cukup buruk, bahawa Malaysia adalah negara yang dipanggil *heaven on earth* ataupun di mana jalannya bertakhta dengan berlian dan mereka boleh datang sesuka hati walaupun haram. PATI tanpa izin akhirnya akan dihalalkan oleh kerajaan sendiri.

So that will give you, sorry sir dalam bahasa Inggeris, *a very wrong signal*. Oleh sebab itu walaupun Yang Berhormat cakap itu benar, jumlah pekerja tanpa izin ramai, yang penting sekarang ini bagaimana kita hendak mengambil langkah supaya kita kawal dan ambil tindakan-tindakan yang tegas. Saya sudah boleh maklumkan bahawa di bawah KDN dan di bawah Jabatan Imigresen, langkah dibuat secara berterusan menangkap, sampai tempat untuk menyimpan mereka pun tidak cukup.

Akan tetapi, kalau kita tidak lakukan sedemikian dengan secara lebih tegas, mengambil langkah dan tindakan untuk membawa mereka pulang ke negara asal mereka dengan kerjasama kedutaan dan sebagainya, nanti akhirnya besok, sekarang pun sudah menjadi masalah besar dalam negara bahawa melambak-lambak pekerja asing yang kita tidak kenal. Muka sama tetapi yang halal dan haram duduk sebelah menyebelah. Jadi isu ini besar dan disebabkan itu di peringkat kementerian saya sekarang ini saya sedang mengambil satu langkah yang lebih tegas dengan memanggil semua pihak-pihak yang terlibat di bawah Jabatan Imigresen. Cara bagaimana kita hendak menghalang ini?

Saya memerlukan dukungan dan sokongan daripada semua peringkat pimpinan termasuk daripada pihak kampung, mukim, bandar dan juga pihak Ahli-ahli Yang Berhormat. Cara bagaimana kita sama-sama boleh bekerja, dalam kita hendak menyediakan pekerjaan untuk orang kita dan menyediakan peluang-peluang supaya ladang, kilang dan sebagainya mengadakan pekerja yang mencukupi.

Kita hendak tentukan, janganlah usaha untuk membawa pekerja asing tanpa izin itu berterusan. Oleh sebab itu saya berbeza pandangan Yang Berhormat. Boleh kita bahas panjang lebar tetapi saya fikir dalam Dewan ini saya tidak bersetuju untuk kita terus menerus memberikan pengampunan dan ini memberikan isyarat yang cukup buruk. Inilah sebabnya pada hari ini kita hendak menyelesaikan masalah pekerja asing tanpa izin dalam negara kita Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Kalau boleh saya mohon satu lagi penjelasan. Kalau itulah pendirian pihak kerajaan, memang saya pun menyokong bahawa undang-undang kita ini mesti dihormati oleh semua. Akan tetapi, sudah timbul masalah ini kerana cara pentadbiran kerajaan yang lepas.

Jadi, isu ini kalau itulah pendirian pihak kerajaan, kita ada satu masalah ialah banyak lagi sektor-sektor yang rakyat Malaysia tidak ingin menjalankan jenis kerja seperti di ladang ataupun *construction* dengan izin, tempat pembangunan *construction* dan juga di kilang-kilang. Apakah langkah-langkah pihak kerajaan memastikan perniagaan dan industri rakyat Malaysia ini mempunyai pekerja yang mencukupi kerana setiap tindakan kita ada akibatnya. Saya tidak ada masalah kalau sudah ada disediakan pekerja-pekerja yang mencukupi untuk mengambil alih kekosongan yang akan timbul itu.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd Yassin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Perkara itu memang telah kita bincangkan. Baru-baru ini pun saya mempengerusikan mesyuarat bersama dengan Menteri Tenaga Manusia khusus untuk melihat tentang soal keperluan tenaga manusia dalam semua sektor. Saya fikir banyak Kementerian pun terlibat dalam mesyuarat itu, supaya kita dapat gambaran yang agak menyeluruh tentang berapakah jumlah pekerja-pekerja yang diperlukan dalam negara kita. Ada di bawah Kementerian Tenaga Manusia untuk setiap sektor berdasarkan keperluan sebenarnya.

Jadi, data-data ini kita kumpul supaya bila mana mereka kata mereka memerlukan 100 ribu untuk ladang dan sebagainya, ini mesti adalah satu kenyataan yang betul dan caranya ialah bukan mengambil pekerja tanpa izin. Cara mereka ialah dengan memohon secara yang teratur, yang ini sudah pun kita wujudkan sistem *one stop centre* atau pusat sehenti supaya syarikat yang memerlukan pekerja mohon di situ dan dia akan diproses. Apa yang saya pentingkan di sini ialah bukan sahaja memohon tetapi proses untuk memberikan kelulusan itu dapat dibuat segera.

■1720

Jadi kita sedang meneliti berapa lama setiap peringkat-peringkat itu dilalui sehingga barulah pekerja itu dapat dibawa masuk ke negara kita. Kadang-kadang memakan masa yang agak lama. Ini menjadi halangan kepada industri ladang dan sebagainya. Jadi yang penting di sini ialah supaya kita mesti cari jalan supaya pekerja yang diperlukan untuk semua sektor tetapi tidak semua yang kita benarkan membawa pekerja-pekerja luar negara. Ada yang kita tidak benarkan, ada yang kita izinkan tetapi sudah makin hari makin terbuka lebih luas.

Saya ingat waktu dulu cuma enam buah negara sahaja menjadi negara pembekal, sekarang ini saya lihat senarai terkini sudah 13 buah negara. Sektor-sektor dulu terhad kepada beberapa sektor, sekarang ini sudah terbuka banyak lagi. Cuma ada beberapa sektor yang mungkin kita tidak luluskan. Jadi atas dasar itu bagi saya yang penting di sini ialah kita dapatkan cara yang betul dan dipertimbangkan dengan peraturan yang sudah pun sedia ada, cuma hendak dipermudahkan lagi supaya syarikat-syarikat memerlukan tenaga kerja ini dapat mempunyai tenaga kerja dalam tempoh masa yang dianggap bersesuaian.

Dato' Sivarraajh Chandran [Cameron Highlands]: Menteri, Cameron Highlands sekejap.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Sungai Petani.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Wah! Tiga sekali.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya beri kebenaran Yang Berhormat Cameron Highlands dulu yang bangkit. Silakan Yang Berhormat Cameron Highlands.

Dato' Sivarraajh Chandran [Cameron Highlands]: Terima kasih. Yang Berhormat, saya menyokong penuh cadangan untuk tidak memutihkan pekerja asing khususnya yang tidak mempunyai permit yang sah. Akan tetapi pada masa yang sama aduan yang diterima khususnya saya dari Cameron Highlands dan keperluan untuk pekerja asing ini agak tinggi tetapi aduan yang saya terima itu tidak pemilik-pemilik kebun ini bukan mereka sengaja hendakkan PATI tetapi mereka hendak pekerja yang sah. Akan tetapi proses untuk permohonan dan ulang-alik, *hassle* itu membuatkan mereka ini terpaksa mengambil jalan yang singkat dengan mengambil PATI untuk bekerja.

Jadi, saya berharap kalau KDN betul-betul serius di bawah kepimpinan Yang Berhormat, saya percaya masalah untuk pemohon, memudahkan proses permohonan itu amat penting. Kalau kita boleh *solve the problem, I think* masalah PATI ini secara berperingkat dapat kita kurangkan. Tidak ada siapa pemilik peniaga hendakkan masalah *by hiring* PATI untuk kerja-kerja mereka. Sekian, terima kasih.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Berkaitan Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya hendak menjemput Yang Berhormat Sungai Petani dulu, beliau berdiri lebih awal tadi.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Pontian. Yang Berhormat Menteri, fakta di depan kita. Fakta

di depan kita memang benar, kita ada masalah pekerja-pekerja khususnya di ladang-ladang. Kita dengar bagaimana ladang-ladang mempunyai masalah khususnya kelapa sawit yang bila dua minggu buah dah *ready* untuk *collection* tetapi pekerja tidak ada, kita rugi banyak termasuklah ladang-ladang kerajaan ya. Itu fakta.

Fakta yang kedua, kita juga ada masalah PATI, orang yang masuk tanpa dokumen dan kita tahan mereka dan kita bagi makan *depa*, lepas itu kita hantar balik. Kita pernah saya ingat zaman Kerajaan Barisan Nasional dahulu bagaimana proses pemutihan dibuat di mana mereka yang tidak mempunyai dokumen, kita dokumenkan. Orang yang sihat bugar, orang yang boleh bekerja di sektor-sektor tertentu kita berikan dokumen dan kita daftarkan mereka dan kita letakkan mereka ini dalam *database* kita. Maknanya kita *legalize*kan mereka dalam keadaan mereka sebelum ini bukan *legal*.

Jadi untuk itu, kita *save* beberapa isu. Isu pertama kita selesaikan masalah pendatang haram. Kedua, tenaga kerja kita pun selesai dan mereka sudah ada di sini. Jadi proses untuk kita *recruitment* dan sebagainya itu lebih mudah. Saya mencadangkan kita kembali ke zaman *once upon a time*, Kerajaan Barisan Nasional pernah buat ini. Saya ingat itu satu proses yang baik yang saya kira mungkin boleh menyelesaikan kalau tidak semua, hampir separuh daripada masalah yang kita hadapi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih. Sila Yang Berhormat Pontian.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Terima kasih. Saya pernah menjadi ahli jawatankuasa kepada jawatankuasa Yang Berhormat Menteri pengurusan. Jadi dalam isu ini ia perlu ditangani secara menyeluruh. Antara perkara utama ialah tentang gaji minimum. Apabila rakyat kita ingin bekerja dalam sektor 3D, dengan izin *dirty, difficult, dangerous*, maka mereka memerlukan gaji minimum yang lebih tinggi daripada RM1,050 bererti lebih daripada itu mungkin RM1,500 sebagaimana yang dijanjikan.

Perkara seterusnya selain daripada gaji minimum ialah kadar pengangguran di negara kita ini 3.8 peratus. Ini bererti dengan lain-lain perkataan, masih ada lagi rakyat kita yang tidak bekerja sama ada mereka memilih ataupun mereka memilih pekerjaan ataupun mereka ingin gaji yang lebih tinggi. Kalau kadar pengangguran itu walaupun ia tahap guna tenaga penuh, boleh lagi kita kurangkan kepada dua *percent* misalnya, sebahagian daripada pekerja asing ini boleh kita ganti dengan rakyat tempatan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila Yang Berhormat Menteri.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin: Tuan Pengerusi, terima kasih kepada ketiga-tiga Ahli Yang Berhormat. Di Cameron Highlands saya pernah turun berkali-kali dulu, waktu diadakan pemutihan pun saya turun sampai ke kebun bunga, ladang sayur. Memang jelas mereka memerlukan tenaga kerja fasal tidak ada orang kita nak bekerja di sana. Apa yang penting di sini sebagaimana Yang Berhormat cadangkan tadi itu betul supaya proses untuk mendapatkan tenaga kerja itu yang dibenarkan secara sah itu mesti dipercepatkan.

Akan tetapi penting juga di peringkat industri ataupun sektor-sektor pertanian seperti pertanian dan perladangan, mereka mesti ada perancangan. Umpama kalau dia hendak ambil pekerja, tahun ini berapa ramai, tahun depan berapa banyak. Jadi kalau begitu di peringkat kita sendiri dapat membuat penilaian tentang keperluan tenaga kerja dan menerusi *companies* yang membawa pekerja-pekerja ini ataupun ejen-ejen kita dapat merancang dan memberikan masa mereka tempoh yang lebih awal supaya tidak ada berlaku kelewatan. Ini yang menjadi masalah kita.

Soal kedua tadi Yang Berhormat Sungai Petani, saya dah ambil pendirian awal tadi tetapi nampak minta balik semula pada zaman lampau iaitu di mana mereka yang sudah berada di sini secara tidak sah hendak disahkan, *legalize*. Itu yang saya sebutkan tadi proses pemutihan. Jadi saya memberitahu di peringkat awal tadi kepada Yang Berhormat sebelum ini menyatakan bahawa kalau itu kita buat, maka kita memberikan satu gambaran isyarat bahawa tidak apalah mereka akan masuk ke negara kita secara tidak sah tetapi akhirnya kita akan sahkan mereka dan bukan itu sahaja, kita ambil mereka dan memberi mereka pekerjaan.

Betul mereka datang sini secara haram, patutnya kita ambil mereka dan permudahkan begitu tetapi ada juga yang datang secara yang betul. Jadi sebab itu jadi

masalah pertindihan antara kemasukan pekerja secara teratur dan juga kemasukan pekerja tanpa izin yang dibuat menerusi sindiket-sindiket. Jadi ini masalah besar sebenarnya. Saya tidak katakan 100 peratus saya tidak bersetuju kalau hendak cari jalan mudah. Akan tetapi kalau begitu kita lakukan, mungkin kita tidak menyelesaikan masalah pekerja asing dari segi jangka panjangnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya teruskan dengan aspek keselamatan. Ini daripada Yang Berhormat Kubang Kerian, Yang Berhormat Beaufort dan Yang Berhormat Kota Melaka. Ada ketiga-tiga mereka? Tidak ada? Yang Berhormat Kota Melaka ada, okey. Bertanyakan sama ada Kementerian akan meneruskan hasrat memansuhkan Akta Hasutan 1948, Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 dan Akta Perhimpunan Aman 2012 serta implikasi pemansuhan akta-akta tersebut.

Sukacita saya maklumkan bahawa Kementerian Dalam Negeri telah menubuhkan sebuah jawatankuasa khas dan jawatankuasa teknikal yang dianggotai oleh Jabatan Peguam Negara, Polis Diraja Malaysia, Badan Peguam Malaysia, Suruhanjaya Hak Asasi Manusia dan badan bukan kerajaan. Jawatankuasa ini berperanan untuk menilai dan memperhalus setiap peruntukan dalam undang-undang berkenaan dengan secara yang terperinci. Akta Hasutan 1948, Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 dan Akta Perhimpunan Aman 2012 adalah antara undang-undang yang dikaji oleh kedua-dua jawatankuasa ini.

Kementerian telah pun menerima maklum balas daripada Jabatan Peguam Negara berhubung dengan hasil kajian terhadap undang-undang ini dan akan dibentangkan kertas Jemaah Menteri dalam masa yang terdekat bagi mendapatkan keputusan dasar kerajaan. Kerajaan juga memberikan jaminan bahawa pindaan ataupun pemansuhan undang-undang berkenaan akan menjamin hak asasi rakyat di samping tidak memberikan implikasi negatif terhadap keselamatan dan ketenteraman awam serta keharmonian masyarakat pelbagai kaum dan agama di negara ini.

Yang Berhormat Sibul ada di sini? Memohon Kementerian Dalam Negeri...

Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Berkenaan dengan akta-akta yang telah pun dicadangkan untuk dipinda ataupun dimansuhkan termasuk Akta Hasutan, *Printing Presses and Publications Act 1984* tersebut, adakah kita boleh mendapat satu ketetapan oleh pihak Yang Berhormat Menteri bahawa ianya akan dimansuhkan pada penggal ini ataupun sesi persidangan ini seperti mana yang telah pun kalau tidak silap saya telah pun dinyatakan sebelum ini di media luas. *We have been given or made to understand* dengan izin Tuan Yang di-Pertua *that the said acts will be abolished or repealed in this session. Can we have an assurance that, that will happen?* Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

■1730

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd Yassin: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Bukit Gelugor, kita akan usahakan seberapa cepat yang boleh tetapi bagaimana yang kita tahu dia memerlukan beberapa peringkat-peringkat. Saya ambil contoh kes Akta Hasutan. Secara umum ada kemungkinan kita boleh hapuskan. Ini secara dasar yang kita sudah buat tetapi kita meneliti balik dia punya fasal-fasal. Yang Berhormat pun peguam, tahu bahawa ada perkara-perkara tertentu yang terpaksa kita bawa untuk kita rundingkan. Antaranya ialah Majlis Raja-raja.

Jadi, peringkat itu belum sampai ke situ lagi dan oleh sebab itu kita masih lagi meneliti secara terperinci bagaimana perkara itu kita hendak laksanakan. Saya kurang pasti sama ada boleh sempat bawa ke dalam sesi penggal ini, dalam Dewan ini. Tetapi mungkin kalau tidak itu, ada satu lagi akta yang saya kira mungkin kita boleh segerakan dalam tempoh yang terdekat. Saya fikir ada satu akta yang telah dibincangkan di peringkat kita. Kita akan bawa kepada pihak Jemaah Menteri lepas diluluskan oleh Peguam Negara dan selepas itu akan dibentangkan di Parlimen.

Jadi, di peringkat ini saya tidak dapat hendak mengesahkan walaupun hasrat saya sebagai Menteri baharu di bawah Pakatan Harapan yang kita janjikan dulu kita hendak cepatkan tapi bila kita melihat dan kita harus teliti dengan halus kerana ada proses *engagement*, proses perbincangan dengan *stakeholders*. Yang ini agak mengambil masa lebih panjang sedikit. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Sibul mohon Kementerian Dalam Negeri untuk mengambil tindakan tegas untuk membanteras kegiatan judi atas talian. Saya ingin menegaskan bahawa Kementerian memandang berat gejala judi atas talian dan sentiasa mengambil tindakan tegas...

Tuan Ma'mun bin Sulaiman [Kalabakan]: Yang Berhormat Menteri.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd Yassin: Untuk menangani sebarang aktiviti perjudian haram.

Tuan Ma'mun bin Sulaiman [Kalabakan]: Mohon pencerahan.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Tidak payah mansuh. Saya bangkit dulu tadi Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Pendang bangun terlebih dahulu.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. *Alhamdulillah*, saya hendak mengucapkan doa semoga Yang Berhormat Menteri diberi kesihatan yang baik dan kita akan terus bekerja untuk memajukan negara kita, *insya-Allah*. Saya hendak pergi kepada sebab tadi sudah hendak pindah ke tajuk lain berkenaan dengan sekuriti juga dibangkitkan dalam pertemuan-pertemuan kita terutamanya di kawasan saya di Pendang, dibangkitkan berkenaan dengan tatacara pemindahan lesen senjata api seperti senapang daripada penama lesen iaitu bapa ataupun waris kepada anak-anak atau pewarisnya. Dia agak susah sekarang ini dan sehingga sekarang saya rasanya di kawasan saya lebih daripada 20 permohonan yang tidak diluluskan dan didiamkan begitu sahaja. Sebab alasannya penama lesen ini sudah tua, tidak lagi ada kemampuan ataupun kematian.

Jadi kita hendak minta Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri yang melibatkan sekuriti ini supaya memudahkan tatacara dan juga melihat balik kriteria-kriteria yang ditetapkan pemindahan daripada pewaris daripada penama kepada pewaris. Sebab bukan hendak minta lesen baru, sudah ada lesen. Jadi minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri.

Tuan Yang di-Pertua: Tadi Yang Berhormat Menteri bagi memang laluan kepada Yang Berhormat Kalabakan.

Tuan Ma'mun bin Sulaiman [Kalabakan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya difahamkan di Sabah gejala judi secara fizikal telah berjaya dikurangkan. Tahniah dan terima kasih kepada PDRM Sabah. namun judi secara *online* atau *mobile apps* masih berleluasa. Apakah langkah mengekang gejala ini? Itu saja.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd Yassin: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya ini lesen ini tidak boleh diwarisi. Dia kata hendak diwariskan daripada bapa kepada anak. Dia bukan harta pencarian ya. Dia lesen diluluskan atas dasar pertimbangan pemohon itu. Yalah bapa dia, bila dia kata sampai masa dia sudah tua, hendak serah, dia tidak boleh kata ini aku punya hendak wariskan kepada anak. Pasal permit dan lesen itu diluluskan oleh pihak Kementerian Dalam Negeri. Saya harap itu tidak salah faham. Tapi tidak apa memang boleh buat begitu tetapi tertakluk pada seolah-olah dia permohonan baru.

Kita kena menilai penerima itu yang dicadangkan itu adakah orang itu sesuai, dia berkeupayaan dan dilihat dari sudut keselamatan tidak menjadi ancaman dan sebagainya. Ini penilaian-penilaian yang perlu dibuat. Dia biasanya mengambil masa. Sebab itu saya tahu banyak kes-kes termasuk di kawasan saya, timbul seperti ini masalah lamanya proses itu dilakukan. Saya setuju kalau boleh kita segerakan. Kita tidak mahu kalau mereka betul layak, dia terpaksa menunggu sampai setahun dan menolak, dia rayu balik, kes ini tidak berapa adil. Mungkin ada sebab-sebab yang munasabah dan kalau wajar kita segerakan, *insya-Allah* kita akan segerakan. Kalau ada kes tertentu itu Yang Berhormat boleh rujuk pada saya dan saya akan lihat sendirilah secara khusus.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Terima kasih, terima kasih banyak-banyak.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd Yassin: Minta maaf Tuan Yang di-Pertua, soal yang kedua Yang Berhormat Sibū tadi, Yang Berhormat yang bertanya daripada...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Kalabakan.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd Yassin: Kalabakan ya, yang ini saya hendak jawab tadi. Tapi belum habis jawab dia sudah bangun. Dia lebih awal daripada cepat, daripada saya punya jawapan. Boleh saya jelaskan dulu. Ini yang ditanyakan oleh Yang Berhormat Sibu untuk kita mengambil tindakan tegas membanteras kegiatan judi atas talian dan saya hendak menegaskan bahawa Kementerian memandang berat gejala judi atas talian dan sentiasa mengambil tindakan tegas untuk menangani sebarang aktiviti perjudian haram. Tindakan secara bersepadu oleh PDRM dengan kerjasama pihak berkuasa tempatan, Tenaga Nasional Berhad, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia, Jabatan Agama Islam dan NGO amat penting dalam melumpuhkan aktiviti tersebut.

Selain tindakan penguatkuasaan secara berterusan, Ketua Polis Negara pada 20 Julai 2018 telah mengarahkan semua Ketua Polis Negeri membuka bilik gerakan khas yang beroperasi 24 jam sehari di kawasan masing-masing sebagai saluran kepada orang ramai untuk menyampaikan aduan ataupun maklumat berkaitan kegiatan judi haram ini. Sejak dilancarkan hingga 3 Oktober 2018, PDRM telah menerima sebanyak 895 aduan awam di mana sebanyak 450 aduan adalah sah dan tepat, 214 aduan tidak berasas dan 231 aduan masih dalam tindakan. Sehingga September 2018, seramai 5,994 orang telah ditangkap sejak Ops Dadu Khas dilancarkan pada awal tahun 2017. Manakala dalam tempoh yang sama, SKMM telah pun menyekat sebanyak 242 laman sesawang judi atas talian.

Kerjasama daripada orang ramai adalah amat penting memandangkan Kementerian berhadapan pelbagai cabaran untuk mengekang aktiviti perjudian atas talian ini kerana ia melibatkan server perjudian ini berada di luar negara dan penggunaan *mobile apps*. Tuan Yang di-Pertua, mengenai pertanyaan Yang Berhormat...

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri hendak tanya sedikit.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Kota Melaka.

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Yang Berhormat Kota Melaka. Yang Berhormat Menteri, sungguhpun pihak PDRM telah banyak menjalankan operasi, tapi kita lihat gejala perjudian siber ini masih berleluasa sehingga hari ini dan sungguhpun telah ada banyak tangkapan telah dibuat, bolehkah Yang Berhormat Menteri beritahu kepada kita mereka yang dituduh, apakah denda, hukuman yang telah dikenakan kepada mereka yang terlibat.

Bolehkah kerajaan menimbang semula akta yang sedia ada, meningkatkan hukuman terhadap mereka ini dan juga apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh pihak kerajaan untuk mengatasi masalah ini. Sebab yang saya lihat sungguhpun banyak operasi telah dijalankan, tetapi selepas operasi satu, dua minggu mungkin mereka senyap, selepas itu mereka mula semula. Itulah masalah yang kita hadapi.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd Yassin: Betul Yang Berhormat. Yang Berhormat pun faham, saya pun tidak berjudi dan Yang Berhormat tidak berjudi tapi kita tahu masalah ini agak lebih sulit kerana *server* di luar negara dia menggunakan *apps* dan kalau polis hendak tangkap pun, dia kata dia sedang main *game*. Jadi, hendak dapatkan bukti yang sah mengatakn betul-betul itu adalah perjudian agak sukar. Yang ini diberitahu oleh pihak polis dan pihak berkuasa yang mengambil tindakan tentang bagaimana caranya.

■1740

Mungkin kita kena dapatkan kerjasama daripada banyak negara lain. Apa langkah-langkah— bukan sahaja daripada sudut undang-undang yang perlu dikuatkuasakan dan kena hukuman berat yang perlu dikenakan. Kita boleh naikkan hukumannya lebih berat tetapi kalau kesannya tidak seberapa mana— kerana ini cara yang terkini yang menggunakan teknologi yang agak canggih. Disebabkan itu, sukar bagi kita untuk mengambil tindakan-tindakan yang agak berkesan. Akan tetapi, kita tak boleh berhenti. Apa yang saya telah bacakan, jumlah kes-kes yang sudah pun diambil tindakan, mungkin sebahagian sudah dihadapkan ke mahkamah. Saya tak tahu apakah hukuman sebenarnya. Itu ada dibuat tetapi ini yang saya akui adalah satu kelemahan kita. Kita mungkin boleh bekerjasama dengan banyak negara lain yang berhadapan dengan masalah hal yang seperti ini untuk dapatkan kerjasama dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya banyak lagi. Masa tinggal dua minit sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Yang lain boleh dijawab tulislah ya.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Menteri, Jelutong.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd Yassin: Kes yang sama kah?

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Sikit sahaja, sikit sahaja.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd Yassin: Pasal saya ada banyak jawapan tak boleh terjawab.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Okey. Silakan, silakan. Teruskan, teruskan. Saya cuma akan bertanyakan perkara kemudian nanti. Terima kasih.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd Yassin: Okey. Tuan Yang di-Pertua, pertanyaan daripada Yang Berhormat Taiping. Ada di sini?

Tuan Teh Kok Lim [Taiping]: Ada.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd Yassin: Oh! Minta maaf. Tentang tindakan diambil oleh kementerian untuk menangani masalah penipuan atas talian juga tetapi ini disebutkan seperti *Macau scam* yang mana sebanyak 9,936 kes melibatkan kerugian hampir RM317 juta telah pun dilaporkan sejak tahun 2016 sehingga September 2018. PDRM telah pun mengambil langkah-langkah yang berikut iaitu:

- (i) menguatkuasakan Akta Pencegahan Penggubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan Hasil daripada Aktiviti Haram dan Akta Pencegahan Jenayah (POCA) 1959;
- (ii) menubuhkan pasukan petugas khas yang terdiri daripada lain-lain agensi penguat kuasa tempatan dan luar negara, pakar industri dan penyedia perkhidmatan *online*;
- (iii) mengadakan kempen-kempen kesedaran supaya masyarakat tidak mudah panik, tidak mudah percaya serta menyemak dan mengesahkan sesuatu sebelum mengambil keputusan; dan
- (iv) jenayah siber turut dimasukkan sebagai salah satu komponen jenayah rentas sempadan di peringkat negara-negara ataupun kerjasama ASEAN.

Berhubung pertanyaan Yang Berhormat Jelutong dan Yang Berhormat Bukit Gelugor sama ada kementerian akan menyiasat semula kes pembunuhan Altantuya, Teo Beng Hock, Hussain Najadi dan apakah status siasatan kes kehilangan pastor Raymond Koh dan Amri Che Mat, saya ingin memaklumkan bahawa Kementerian Dalam Negeri telah mengambil tindakan terhadap keputusan Jemaah Menteri pada 20 Jun 2018 supaya siasatan kes kematian Teo Beng Hock dibuka semula. [*Tepuk*]

Pada 15 Oktober 2018, PDRM telah menghantar kertas siasatan kepada Jabatan Peguam Negara untuk diteliti dan menunggu arahan selanjutnya. Manakala kertas siasatan kes kematian Altantuya Shaariibuu telah dimajukan kepada Jabatan Peguam Negara pada 29 Jun 2018 untuk nasihat lanjut. Pada 10 Oktober 2018, PDRM telah menerima arahan daripada Jabatan Peguam Negara untuk menemu duga semula beberapa orang saksi. Sekiranya terdapat bukti baharu, mana-mana pihak boleh mengemukakannya kepada PDRM untuk siasatan lanjut.

Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Dengan izin, Yang Berhormat Menteri, saya faham masa singkat. *Just* satu soalan yang berhubung Altantuya. Kita baru dengar, *just* dua hari lepas— Yang Berhormat Menteri, mungkin ini tak sempat termasuk dalam jawapan Yang Berhormat Menteri tetapi baru kita dapat perkembangan bahawa terdapat penglibatan bekas Perdana Menteri iaitu Yang Berhormat Pekan dan juga isteri bekas Perdana Menteri tersebut di dalam pembunuhan tersebut, di mana terdapat dakwaan daripada beberapa pihak bahawa mereka telah pun ataupun secara *impliedly* terlibat dalam memberi arahan di sebalik pembunuhan tersebut.

Jadi, memandangkan keadaan tersebut, adakah siasatan akan diambil untuk menyiasat Yang Berhormat Pekan dan isterinya daripada segi mengambil *statement*, mungkin menangkap mereka bagi tujuan siasatan dan sebagainya? Oleh kerana ini adalah satu isu yang amat penting, adakah itu akan dibuat? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Menteri, sikit sahaja. Berkenaan satu lagi isu yang saya juga telah bangkitkan iaitu berkenaan dengan Jho Low. Kita lihat baru-baru ini Yang Berhormat Sembrong telah menawarkan untuk pergi membawa balik Jho Low dari China. Ini adalah seolah-olah mempersoalkan kewibawaan dan kebolehan Kementerian Dalam Negeri dan juga Polis Diraja Malaysia.

Jadi, saya di sini ingin menggesa Yang Berhormat Menteri dan Polis Diraja Malaysia untuk mengusahakan. Jho Low ini adalah seseorang yang telah menyebabkan macam-macam masalah kepada rakyat Malaysia dan ekonomi Malaysia. So, saya ingin menggesa Yang Berhormat Menteri dan PDRM untuk mencari Jho Low ini sampailah ke lubang cacing, bawa dia balik ke Malaysia kalau boleh. Kemungkinan besar kita akan dapat tahu apakah penglibatan beliau dan juga Yang Berhormat Pekan dalam isu 1MDB, Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat memerlukan masa lebih sikit ini.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd Yassin: Boleh bagi sikit masa?

Tuan Yang di-Pertua: Banyak sangat gangguan.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd Yassin: Tuan Yang di-Pertua, yang pertama, saya tak mendengar ucapan Yang Berhormat Bukit Gelugor dalam Dewan tetapi saya tengok dalam video yang sudah *diviralkan*, panjang lebar berkenaan dengan isu Altantuya dan kenyataan baru yang dikeluarkan oleh Deepak yang mengaitkan kes itu dengan Yang Berhormat Pekan dan isteri. Ya, saya baca itu. Bagi kita di peringkat KDN, kalau ini dianggap sebagai satu bukti baru ataupun maklumat baru yang dikatakan agak ada sedikit sebanyak berasas, maka kita boleh ambil tindakan itu.

Sebagaimana yang dicadangkan, kemungkinan kita boleh panggil Deepak dulu, dapat kenyataan sebenarnya apa yang dia telah buat. Sama ada dia buat secara terbuka ataupun *statutory declaration*, *wallahualam*, saya tak tahu. Itu satu perkara. Keduanya, kalau dia sabitkan dalam kenyataan itu senarai penama-penama yang disebutkan tadi dan dia perlu untuk disiasat, maka pihak polis akan mengambil tindakan yang sewajarnya. Jadi, bermakna ini adalah perkara-perkara yang dianggap penting untuk akhirnya untuk mendapatkan suatu keputusan yang agak muktamad dalam kes Altantuya ini.

Kedua, saya pun tak tahu bagaimana Yang Berhormat Sembrong nak cari Jho Low. Dia kata dia kenal dengan pemimpin China. Sebenarnya di peringkat Putrajaya, kami tidak dihubungi oleh beliau. Saya pun berhubung dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, "*Adakah Yang Berhormat Sembrong memberitahu?*" Dia kata tidak diberitahu. Oleh sebab itu, mungkin itu pandangan beliau sendiri.

Akan tetapi, saya ingin nak menyatakan di sini bahawa komitmen Pakatan Harapan terhadap isu ini adalah *total*. [*Tepuk*] Kita tak main-main, pasal saya tahu ini suatu perkara yang cukup besar, di mana semua rakyat sedang menunggu. Antara perkara yang paling utama, bagaimana nak menangkap Jho Low. Kalau Abang Mat Menteri Pertahanan tahu, dia boleh tangkap. Kalau Yang Berhormat sana tahu, dia boleh tangkap. Jadi bagi kita, tak jadi masalah.

Akan tetapi selain daripada sesiapa sahaja yang boleh membantu, kami di peringkat KDN menerusi sumber-sumber dan juga organisasi tertentu dalam KDN terus berusaha. Beberapa hari lepas, saya dapat maklumat yang terkini bahawa kita tahu di mana dia. Kata dialah. Bagaimana caranya, mungkin kita dapatkan kerjasama pihak-pihak tertentu di negara-negara yang dikatakan dia berada. Dikatakan mungkin dia bergerak antara satu tempat ke tempat lain, itu sebagai cara untuk mengelakkan daripada dia dikesan oleh pihak kita.

Akan tetapi langkah ini tidak akan berhenti sehingga kita dapat. Kalau Yang Berhormat cadang ke lubang cacing, lebih daripada lubang cacing pun kita akan pergi... [*Tepuk*] Untuk pastikan bahawa kes ini akan dapat kita selesaikan dan bawa Jho Low balik ke sini dan diletakkan, *ditrialkan* dan dibicarakan sehingga dapat penyelesaian kepada isu 1MDB yang saya juga amat berminat untuk melihat apa keputusan sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Menteri, sikit sahaja. Saya juga memandang serius kenyataan Yang Berhormat Langkawi, di mana beliau telah menyatakan kemungkinan besar ada pihak-pihak tertentu dalam pihak kerajaan yang mungkin membocorkan maklumat ini yang menyebabkan Jho Low ini lari dari Taiwan ke

China. Kemungkinan besar ada pihak-pihak tertentu di bahagian kerajaan yang mungkin masih lagi setia kepada Yang Berhormat Pekan yang telah membocorkan maklumat ini sehingga menyebabkan Jho Low melarikan diri daripada Taiwan ke China.

So, saya minta juga perkara ini diberi perhatian. Kalau boleh maklumat itu dirahsiakan seberapa yang boleh supaya kita dapat mencari Jho Low ini dengan seberapa cepat yang boleh. Menahan beliau dan membawa balik beliau ke Malaysia untuk menghadapi pertuduhan sekiranya ada keterangan terhadap beliau. Terima kasih.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd Yassin: Apa yang pastinya, kenyataan daripada Yang Amat Berhormat Langkawi itu ada asas. Sebagai orang utama dalam negara, dia mempunyai sumber-sumbernya. Jadi, saya tak payah nak *verify* kenyataan Perdana Menteri itu kerana itu adalah satu kenyataan yang benar. Akan tetapi, yang penting sekarang ini ialah walaupun hal-hal itu berlaku, kita tak akan menjadi putus asa. Kita hendakkan supaya semua pihak yang bertanggungjawab secara langsung, terutama pihak-pihak berkuasa dalam kerajaan baik kementerian saya ataupun lain-lain pihak, diberikan ruang yang seluas-luasnya untuk meneruskan tindakan-tindakan yang sewajarnya berdasarkan undang-undang untuk membawa mereka yang bertanggungjawab ke muka pengadilan.

■1750

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Beruas minta laluan, Yang Berhormat Menteri.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Dalam lawatan saya ke China baru-baru ini, saya diberitahu oleh satu pihak bahawa Jho Low pernah ditahan dan disiasat oleh pihak kerajaan negara China. Selepas disoal siasat, beliau dibebaskan. Mungkin dengan perhubungan rapat kita dengan negara China, mungkin bolehlah kita cuba mendapat pertolongan daripada pihak negara China. Kalau betul maklumat yang saya terima itu beliau pernah ditangkap dan disiasat, kemungkinan besarlah kita boleh dapat maklumat lebih tentang di mananya Jho Low ini.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd Yassin: Benar, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd Muttalib [Maran]: Tuan Yang di-Pertua, boleh mencelah?

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd Yassin: Tidak, belum selesai. Saya cuba ambil perhatian apa Yang Berhormat kemukakan tadi sebagai pandangan. Memang kita akan terus berusaha...

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Berkaitan, Tan Sri.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd Yassin: ...Sampai ke mana sekali pun dan bekerjasama dengan mana-mana negara. Fasal kita perlu dapat kerjasama daripada negara yang kita anggap di situlah dia berada. Kalau itu dapat dilakukan, mungkin lebih mudah operasi kita untuk menangkap Jho Low ini.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd Muttalib [Maran]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri. Sebesar ini manusia— Jho Low ini badan besar. Saya kira sudah lama sudah kenal Jho Low ini. Saya kira mustahil tidak ada saudara-mara Jho Low ini berada di Malaysia. Ataupun macam Yang Berhormat Jelutong, tidakkan hendak salahkan Yang Berhormat Pekan sepanjang masa?

Mungkin ada di antara kita, mungkin— saya bukan orang Cina, bukan hendak kata dari segi perkauman, tidak. Mungkin ada saudara-mara dia— kalau betul-betul kita serius hendak membela negara kita, kenapa tidak datang tampil ke depan jumpa dengan kerajaan, jumpa dengan Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri? "*Ini dia Jho Low, saya tahu di mana dia duduk, bersama saudara saya, bersama abang...*" dan sebagainya. Supaya kita dapat menyelesaikan masalah ini.

Jadi Yang Berhormat Menteri, saya takut ada juga di antara kita ini dalam kerajaan dan sebagainya yang cuba hendak main peranan supaya hendak menyorokkan Jho Low ini, supaya hendak menyelamatkan dia daripada salah. Kita tidak kira, Tuan Yang di-Pertua, sama ada dari pihak pembangkang ataupun di pihak kerajaan, siapa sahaja, yang salah mesti dihukum. Terima kasih.

Seorang Ahli: Yang Berhormat Jelutong.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Ini *floor* saya.

Dato' Sivarraajh Chandran [Cameron Highlands]: Yang Berhormat Menteri.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Cameron Highlands, bagi Yang Berhormat Menteri menjawab dahulu.

Dato' Sivarraajh Chandran [Cameron Highlands]: Yang Berhormat, boleh?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Cameron Highlands, ya.

Dato' Sivarraajh Chandran [Cameron Highlands]: Soalan saya. Baru-baru ini Tun Daim Zainuddin ada mengatakan bahawa beliau tahu di mana J.Lo dan juga beliau pernah dihubungi oleh Jho Low. Jho Low lah, J.Lo pula, *sorry* lah.

Tuan Yang di-Pertua: J.Lo yang menyanyilah. [*Ketawa*]

Dato' Sivarraajh Chandran [Cameron Highlands]: Jho Low, Jho Low.

Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Buang 'O' jadi 'J' lah. Betul lah itu.

Dato' Sivarraajh Chandran [Cameron Highlands]: Saya tidak tengok J.Lo sebagai Jho Low lah, tidak boleh, tidak larat. [*Ketawa*] Okey, minta maaf. Jadi kalau sudah tahu dia di mana dan tahu lokasinya dan dia pun sudah menghubungi, saya lebih percaya bagi pihak— pihak kami pun mahu keadilan dan juga kes ini diselesaikan secepat mungkin sebab ia juga secara tidak langsung melibatkan imej kita daripada Barisan Nasional.

Jadi, saya berharap kalau Tun Daim tahu, kenapa tidak kita bawa balik Jho Low itu dan pastikan dia di bawa ke muka pengadilan? Atau adakah— saya tidak pasti, *I'm asking you*, adakah ini sengaja dilambat-lambatkan supaya kes 1MDB boleh dipanjangkan supaya kes ini tidak selesai sehingga pilihan raya akan datang? Ini pandangan bukan sahaja saya tetapi juga pandangan ramai. Saya serah kepada Yang Berhormat Menteri untuk selesaikan. Yang Berhormat Jelutong fasal 1MDB ini, dia ini syok sendiri sikit banyak. So, *I* tidak tahu ada apa minat dia sangat. Okey, *thank you*. Baik.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Yang Berhormat Jelutong.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd Yassin: J.Lo tidak ada dalam perbahasan di sini.

Tuan Yang di-Pertua: Memang... [*Ketawa*]

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd Yassin: Akan tetapi tidak apa lah. Ini semua orang kata *of great national interest*. Kalau ditanya saya siapakah orang yang agak lebih tahu di mana Jho Low, mesti orang yang kenal dengan Jho Low... [*Dewan riuh*] Saya fikir kawan-kawan di sebelah sana lebih banyak yang kenal Jho Low. [*Dewan riuh*]

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Yang Berhormat Jelutong kenal, Yang Berhormat Jelutong.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Yang Berhormat Jelutong hari-hari sebut, dia tahu lah itu.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tanya Yang Berhormat Pontian.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd Yassin: Di kalangan yang ramai itu, di kalangan yang ramai itu ada tertentu bilangan orangnya yang lebih dekat, yang asal dia kata dia tidak kenal tetapi banyak bukti dalam gambar kah sebenarnya dia duduk sama-sama. [*Tepuk*]

Jadi, kalau Yang Berhormat menyatakan siapa yang patut tahu, di sebelah sana patut tahu. Kita tidak kira sekarang ini fasal semua kata hendak cari kebenaran, *justice* dan sebagainya. Saya fikir baik Pakatan Harapan ataupun Barisan Nasional kononnya sama-sama berjuang untuk tujuan yang sama, maka bantulah. Tidak ada masalah siapa hendak bawa, kita boleh terimalah. Jadi itu bagi saya penting untuk kita itu.

Soal hendak melambat-lambatkan tidak ada sama sekali. *The reason why it seems to be taking a bit of time* ialah kita tahu kerana masalah ini bukan mudah. Kita kata kita tahu. Kalau kata tahu dia berada di negara China, dekat mana dia? Beijing kah? Shanghai kah

mana kah? Zuhai kah apa? Di tempat yang luas. Dia boleh bergerak dengan begitu mudah ke sana ke mari. Apa lagi kalau dia ada kemudahan dan diberi sokongan oleh pihak tertentu.

Jadi, bagi saya apa yang penting sekarang ini kita tunggu dahulu. Saya bertanggungjawab kerana saya terlibat dari segi soal kuasa dan pihak-pihak pegawai saya pun sama-sama itu. Dari segi polis, sudah keluarkan *red alert*, sudah hantar pada pihak Interpol minta kerjasama tetapi tidak cukup dengan itu, pergi bincang macam mana caranya secara lebih spesifik. Ini memerlukan banyak tenaga dan banyak masa.

Saya hendak beritahu jaminan kita, kita tidak akan berhenti. Pihak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pun tahu dan sudah bagi sedikit sumber untuk gerakan kita ini dapat dijalankan di seluruh dunia. Jadi atas dasar itu, *insya-Allah*, mungkin tidak perlu menunggu masa sampai *yaumul qiamah*. Kita akan dapat menyelesaikan dalam tempoh yang agak berpatutan, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, saya ada banyak lagi ini. kalau dapat izin Tuan Yang di-Pertua, saya tidak meneruskan dan semua perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat ini akan saya hantar secara jawapan bertulis, kalau boleh diizinkan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, saya ingat elok kalau dihantarkan jawapan bertulis.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd Yassin: Ya, jadi saya hendak ucapkan terima kasih pada semua Yang Berhormat yang telah bangun dan cakap panjang lebar. Semuanya saya fikir telah pun kita catatkan. [*Tepuk*] *Insya-Allah*, kita akan berikan tumpuan dan perhatian pada isu-isu yang telah dibangkitkan sekarang dan juga untuk masa akan hadapan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sekarang giliran Kementerian Kewangan. Silakan Yang Berhormat Menteri.

5.57 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah]: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua: Timbalan Menteri ya.

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: Salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Kementerian Kewangan, saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Parlimen yang telah pun mengambil bahagian dalam perbahasan tempoh hari. *Insya-Allah*, dalam keterbatasan masa untuk menjawab, saya akan cuba untuk *cover* sebanyak mungkin. Di akhirnya kalau tidak sempat dan diarahkan oleh Tuan Yang di-Pertua untuk menjawab secara bertulis, kita akan berbuat secara demikian.

Pertamanya, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjawab tentang hutang negara yang telah dibangkitkan oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat. Sehingga akhir Disember 2017, kedudukan hutang langsung Kerajaan Persekutuan berasaskan perakaunan tunai adalah berjumlah RM686.8 bilion atau 50.7 peratus daripada KDNK. Kedudukan hutang ini dikawal selia di bawah akta-akta pinjaman iaitu Akta Pinjaman Tempatan 1959 yang kita panggil Akta 637, Akta Pendanaan Kerajaan 1983 ataupun Akta 275, Akta Pinjaman Luar Negeri 1963 yang kita panggil Akta 403 dan Akta Bil Perbendaharaan Tempatan 1946 iaitu Akta 188.

Selain itu, kerajaan juga mempunyai komitmen liabiliti luar jangka yang perlu ditanggung iaitu berjumlah RM199.1 bilion atau 14.7 peratus daripada KDNK. Liabiliti ini terdiri daripada tanggungan hutang sebahagian syarikat berkaitan kerajaan yang menerima jaminan kerajaan bagi melaksanakan projek infrastruktur pengangkutan awam dan utiliti serta projek yang dilaksanakan secara *off-budget* melalui inisiatif pembiayaan swasta ataupun PFI dan Pembinaan BLT Sdn Bhd di bawah Kementerian Kewangan.

Di samping itu, kerajaan juga menanggung liabiliti bersih syarikat 1MDB yang berjumlah RM38.3 bilion atau 2.8 peratus daripada KDNK.

■1800

Kerajaan juga perlu menanggung bayaran pajakan kewangan iaitu *finance lease* bagi tempoh 2017 hingga 2045 ke atas projek yang dilaksanakan secara *public private*

partnership (PPP) di bawah Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS) berjumlah RM201.4 bilion atau 14.9 peratus daripada KDNK.

Secara keseluruhannya, jumlah komitmen hutang dan liabiliti kerajaan adalah berjumlah RM1,087.3 bilion atau 80.3 peratus daripada KDNK. Kesemua ini merupakan obligasi tunai kerajaan sehingga tahun 2045 yang perlu ditanggung melalui peruntukan tahunan bagi membiayai bayaran khidmat hutang dan bayaran pokok hutang serta pajakan kewangan iaitu *finance lease*.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Mohon penjelasan.

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: Awal lagi. Sila.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sila, Yang Berhormat Pontian.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: 1MDB tadi katanya tanggungan, Yang Berhormat sebut, RM38.3 bilion. Saya ingin tahu berapa aset 1MDB? Sebab kami difahamkan aset ini melebihi daripada hutangnya. Kami difahamkan kalau tidak silap asetnya RM43 bilion itu dan hutangnya sebagaimana yang disebut. Sebelum ini angka hutang RM31 bilion, aset RM43 bilion, hutang RM31 bilion. Saya ingin tahu berapakah jumlah aset 1MDB?

Perkara seterusnya, hutang-hutang ini dibayar sehingga tahun 2045. Segala hutang-hutang yang disebut oleh Yang Berhormat sebentar tadi.

Sebahagiannya sehingga tahun 2045. Yang ingin saya tahu ialah berapakah peratusan pembayaran hutang daripada bajet tahunan yang dijangka akan dilakukan oleh Kerajaan Pakatan Harapan selepas ini? Adakah serupa macam apa yang kami buat sebelum ini iaitu sekitar 11 peratus atau 10 peratus daripada bajet tahunan digunakan untuk membayar hutang? Berapa peratus yang diguna daripada bajet tahunan untuk membayar hutang? Terima kasih.

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: Terima kasih, soalan yang ditanya tadi. Tentang aset 1MDB, tidak ada di depan saya sekarang ini. *Insya-Allah*, bila sampai jawapan nanti saya akan sebut dalam Dewan ini.

Tentang berapa peratus bayaran hutang yang akan diperuntukkan bagi pembayaran balik hutang ini, saya ingat hari Jumaat pun tidak lama sudah, *insya-Allah*, kita tunggu hari Jumaat ini kita akan maklumkan berapa banyak atau berapa peratus kah yang akan diperuntukkan untuk membuat bayaran balik hutang tersebut. Sila.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Terima kasih Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat Pasir Salak.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Kita digembar-gembar dengan hutang ini RM1 trilion. RM1 trilion. Akan tetapi, dalam Kajian Separuh Penggal kata 600 lebih sahaja— RM686 bilion. Cakaplah macam itu. Jangan dicampuradukkan dengan *guarantees* ini. Sebab *guarantee* ini kalau setengah daripada GLCs ini, dia orang ada *business*, dia orang boleh bayar.

Saya hendak minta Yang Berhormat Menteri tolong laporkan GLCs mana yang dibagi *government guarantee* dan bagaimana dia punya prestasi *businessnya*, *profitabilitynya*? *How much money they make? Can they pay back the loan?* Ini kena detil. Tidak boleh buat kenyataan di luar sana tidak ada pendetilan. Jadi gambaran yang buruk selalu diberi kepada kerajaan yang terdahulu.

Lagi satu, setengah daripada *guarantee* ini *for infrastructure development*, mestilah pinjam duit. *You* tidak hendak pinjam duit, tidak boleh buat *port*, tidak boleh buat jalan, tidak boleh hendak bekal air, tidak boleh hendak buat sekolah. *So*, janganlah dikelirukan rakyat. Katakan kita pinjam duit begitu banyak tapi kita tidak terangkan bahagian-bahagian yang mana untuk kepentingan pembangunan negara dan juga rakyat. Boleh diperincikan tidak?

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: Terima kasih. Yang Berhormat Pasir Salak janganlah *dok penaik* suara tak tentu *kalu*. Relaks lah.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Mana boleh relaks, *you dok* maki-maki kita, ada relaks kah?

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: Siapa maki *you*?

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Inilah ini Kerajaan Pakatan Harapan *dok* maki hari-hari.

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: Bila maki *you*, perasan pula.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Pasir Salak sila duduk. Ya, silakan Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Jawab sahajalah.

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: Hendak jawablah ini, relaxlah.

Pelaporan komitmen hutang dan liabiliti kerajaan yang mencecah RM1 trilion adalah selaras dengan manual *public sector debt statistics* yang berasaskan perakaunan akruan yang dikeluarkan oleh pihak IMF pada tahun 2011.

Ini kita tak buat suka-suka. Ia ada standardnya— *public sector debt statistics*. Manual ini menekankan pelaporan liabiliti yang lebih menyeluruh merangkumi kesemua hutang dan obligasi kerajaan. *We are just reporting*, dengan izin. Pelaporan hutang dan liabiliti di bawah manual ini bukan sahaja merangkumi hutang Kerajaan Persekutuan malah liabiliti bagi entiti berkaitan kerajaan, *quasi-government* dan liabiliti luar jangka meliputi kertas jaminan kerajaan. Ini yang kita laporkan.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: Pelaporan ini juga selaras dengan perakaunan akruan baharu kerajaan di bawah *Malaysia Public Sector Accounting Standards* (MPSAS) yang sejajar dengan piawaian *International Public Sector Accounting Standards* (IPSAS). Di bawah perakaunan akruan, semua komitmen hutang dan liabiliti kerajaan akan dilaporkan dalam penyata imbalan kerajaan iaitu *balance sheet*.

Jadi ini yang kita laporkan. Saya tidak pernah *indicate* kata pelaporan yang dibuat ini hendak menyalahkan siapa-siapa, tidak. Kita hanya melaporkan mengikut standard yang telah ada dan ini yang kita laporkan supaya di dalam kita mengurus dan mentadbir pengurusan kewangan negara ini, kita ada *in the back of our mind*, Tuan Yang di-Pertua, tentang semua liabiliti-liabiliti yang telah ada dan yang perlu kita lunaskan supaya komitmen kita selepas ini adalah mengambil kira kedudukan ataupun kemampuan kewangan sebuah negara tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Pasir Salak tanya sedikit...

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, sikit.

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: ...Tentang mana lagi hutang-hutang yang telah dibuat dan ada kemampuan ataupun tidak untuk bayar.

Contohnya, bagi DanaInfra Nasional Berhad, MRT, sebanyak RM42.2 bilion. Sudah tentu kita tahu bahawa dalam pelaksanaan, bukan setakat *capital expenditure* yang telah kita buat itu yang mungkin dan memang tidak boleh untuk kita bayar balik tetapi kadang-kadang untuk kos operasi, *operating expenditure*, bagi syarikat-syarikat ini pun kita tidak mampu untuk mendapat balik kewangan yang cukup untuk memastikan *even OPEX* nya itu untuk kita bayar, apatah lagi dengan *capital expenditure* yang ada.

Kemudian, kita ada lagi projek-projek seumpamanya Malaysia Rail Link untuk LRT dan Prasarana Malaysia Berhad, RM26.6 bilion untuk LRT juga kita akan mempunyai keadaan yang sama. Jadi semuanya ini kita laporkan mengikut standard yang ada supaya semua hutang jangka pendek, jangka panjang yang telah dibuat, ada kemampuan atau tidak ada kemampuan untuk membayar balik kita laporkan mengikut standard yang ada supaya ia memberi satu garis panduan yang baik bagi kita untuk mengurus dan mentadbir dana daripada kekayaan negara kita ini. Ada lagi? Sila.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Boleh?

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, sikit.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Pasir Salak silakan.

■1810

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Dia ada, *slowly* lah. [Ketawa] Karang deras sangat pun tidak tahan juga. *Slow* pun tidak tahan juga.

Tuan Yang di-Pertua: Silakanlah jangan lambat sangat, masa berdetik itu.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tuan Yang di-Pertua tolong, *you know, I respect you*. Saya hendak tanya macam DanaInfra, ini satu apa yang dikatakan menjadi masalah. Kenapa sebelum ini tidak ada masalah untuk membuat OPEX? To *run the* apa nama ini, dia punya aktiviti? Tidak adapun. Sepuluh tahun Yang Berhormat Pekan jadi Perdana Menteri tidak ada masalah. *We never fail paying the* apa nama ini, *all the salaries*, pengurusan, pekerja.

Kenapa tiba-tiba pula sekarang ada masalah pula hendak bayar? Begitu juga dengan *rail link* ini. *Rail link* ini projek LRT ini kena buat. Kalau tidak buat, *what is going to happen to public transportation?* Tidak ada pengurusan melaporkan bahawa ada masalah tidak berbayar dia punya gaji, OPEX dia. So, tidak adil bagi gambaran seolah-olah kita sudah *failed* sebelum ini, ya. Begitu juga tadi disebut dengan 1MDB. *The potential bussiness of 1MDB is two hundred billion.*

[Dewan riuh]

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Yes! apa 'hu'? Tuan Yang di-Pertua ini 'hu', 'hu' ini pasal apa? [Ketawa] Dia punya aset dia itu, tanah dia itu, Bandar Malaysia itu...

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:Ini hendak bahas kah hendak tanya ini?

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *...Is two hundred billion.* Kalau you tidak...

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Hendak bahas kah hendak tanya ini?

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Ya? Apa dia?

Tuan Yang di-Pertua: Sudah?

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Hendak bahaskah hendak tanya?

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Bukan, saya hendak tanya, / kena bagi dia punya fakta. Ini main sokong-sokong...

Tuan Yang di-Pertua: Biar Yang Berhormat Pasir Salak bertanya.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Ini Yang Berhormat Ipoh Barat dan Yang Berhormat Ipoh Timur yang mana sekarang ini? Yang Berhormat Kampar?

Tuan Su Keong Siong [Kampar]: Apa soalan Yang Berhormat Pasir Salak? Tidak payah tanyalah soalan. Jangan bahas.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Apa bahas?

Tuan Su Keong Siong [Kampar]: Hendak bahas pergi luar, sekarang tanya Yang Berhormat Menteri...

[Dewan riuh]

Tuan Yang di-Pertua: Okey, baik-baik. soalnya? Atau minta penjelasan?

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Saya sudah minta penjelasan tadi, tidak payah campur lah, saya dengan Yang Berhormat Menteri. Saya minta penjelasan iaitu bagaimana masalah ini boleh timbul padahal sebelum ini tidak ada masalah. Itu sahaja.

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: Okey, cukup. Duduk.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: Terima kasih. Saya sebut tadi, bahawa contohnya di dalam hutang yang dibuat untuk membiayai MRT di bawah DanaInfra, RM42.2 bilion yang kita laporkan. Kemudian Prasarana Malaysia RM26.6 bilion yang kita laporkan. Saya sebutkan tadi bukan setakat untuk memastikan bahawa hutang ini dapat kita bayar balik berdasarkan *operation* mereka buat, bahkan *operating expenditure* mereka pun ya, betul tiada masalah, gaji semua dibayar tetapi semua ini diperuntukkan oleh pihak kerajaan untuk membayar balik, *even the operating expenditure* mereka.

Maksud saya Tuan Yang di-Pertua ialah untuk memastikan bahawa hutang-hutang yang kita buat ini akhirnya dapat kita *service* dengan elok. Oleh sebab akhirnya dia akan memberikan suatu imej kepada kita. Kalau ratings kita nanti di *downgrade* sudah tentulah peluang kita untuk membuat hutang *cost of funds* itu akan menjadi lebih mahal dan sebagainya.

Jadi saya sebut daripada awal tadi, kita membuat pelaporan ini berdasarkan standard yang ada, terpulanglah kepada mana-mana pihak untuk membuat apa-apa tafsiran dan sebagainya tentang perkara ini. Akan tetapi kita buat berdasarkan kepada *standard reporting* yang telah saya sebutkan tadi. Sila.

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Yang Berhormat Timbalan Menteri sedikit. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Kuala Nerus, ya.

Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Saya bangkitkan isu ini dalam ucapan saya tentang betapa kita perlu bezakan hutang dan liabiliti kerana dalam peringkat masyarakat, mereka menyebut hutang RM1 trilion. Cuma saya hendak kita *confirm* supaya daripada sudut istilahnya biar jelas. Hutang sekian, liabiliti sekian jumlahnya adalah sekian, satu. Cuma persoalan saya ialah, sejauh mana komitmen Kerajaan Pakatan Harapan untuk membayar hutang ini dan tidak berlaku pertambahan pada hutang kerajaan? Dari sudut *time frame* pembayarannya macam mana, agar tidak berlaku penambahan daripada apa yang sedia ada sekarang, kerana saya memang setiap tahun daripada tahun 2013 mengkritik kerajaan yang lama tentang peningkatan hutang ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: Terima kasih. Kita hendak namakan dia sebagai hutang ataupun kita hendak namakan dia sebagai liabiliti, boleh. Pentingnya bila kita berhutang, kita kena bayar, liabiliti juga akhirnya kita perlu bayar. Jadi sama ada kita hendak kata ini hutang, ini liabiliti hendak bagi orang kampung *confuse* kah apa, tidak. Hutang pun kita kena bayar, liabiliti pun kita kena bayar. Menjadi komitmen Kerajaan Pakatan Harapan bahawa setiap hutang yang telah kita *commit*, tidak kiralah siapa yang telah jadi kerajaan dia mewarisi mana-mana hutang yang telah dibuat oleh pihak yang terdahulu, kita akan pastikan bahawa *commitment* kita untuk memastikan hutang-hutang yang telah dibuat ini dibayar.

Macam saya sebutkan tadi, bahawa supaya ia tidak akan menjejaskan peluang kita untuk berhutang lagi sekiranya diperlukan dan *cost of fund*nya itu tidak akan menjadi mahal kerana kita berada dalam keadaan fiskal kewangan yang terkawal yang kemudiannya rating yang diberikan baik dan kita dapat terus berhutang dengan kadar yang cukup munasabah seperti mana yang telah dilakukan sebelum ini.

Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Yang Berhormat Timbalan Menteri? Yang Berhormat Pendang?

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: Ya, sila Yang Berhormat Pendang.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Cuma saya hendak tanya berkenaan dengan pendapatan baharu negara seperti mana yang telah dicadangkan oleh sahabat kita di luar sana daripada Pakatan Harapan juga untuk mencari pendapatan baharu negara dengan kita melihat kepada pasaran saham yang mana kita boleh mendapat satu penambahan nilai. Adakah pihak Kementerian Kewangan melihat kepada perkara ini? Iaitu pemain-pemain saham yang beratus juta ini yang mana mereka sehingga sekarang kita difahamkan tidak

terlibat dalam pembayaran cukai secara khusus. Jadi hendak dapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan dengan pasaran saham ini.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Saya ada kaitan, ada kaitan. Disebut oleh Yang Berhormat Pendang tadi apakah pendapatan-pendapatan baharu? Saya ingin bertanya, apakah hutang-hutang baharu yang diambil oleh kerajaan sejak 10 Mei sehinggalah ke hari ini 30 Oktober sama ada dalam bentuk hutang biasa ataupun bon. Berapa jumlahnya yang saya kira berpuluh bilion sudah banyak hutang baharu. Terima kasih.

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: Terima kasih Yang Berhormat Pendang, terima kasih Yang Berhormat Pontian. Tentang soalan daripada Yang Berhormat Pendang tadi seperti semua kita sedia maklum bahawa suatu *Tax Reform Committee* dengan izin, telah pun ditubuhkan untuk melihat semua jenis cukai-cukai yang telah dikenakan, yang ada potensi untuk dikenakan dan sebagainya. Jumaat *is just around the corner*, Yang Berhormat Pendang. So, saya ingat Yang Berhormat Pendang boleh bersabar sat, hari Jumaat ini mungkin kita akan didedahkan dengan sama ada cukai-cukai baharu dan sebagainya. Hari Jumaat ini kita tungguhlah, *insya-Allah*.

Yang Berhormat Pontian, sebutkan tentang hutang. hutang lagikah? Hutang baharu? Ingin saya sebutkan di sini bahawa saya ingat Yang Berhormat Pontian ini dia bertanya benda yang dia telah tahu. Dia pun Timbalan Menteri Kewangan dahulu. Orangnya cukup hebat, dan dia tanya ini untuk mengesahkan sahajalah, sebenarnya. Sebenarnya dalam kita menguruskan *cash flow* negara, memang hutang-hutang yang dibuat oleh pihak kerajaan, hutang-hutang yang bersifat *short-term*, ada yang *medium-term* dan sebagainya.

Contohnya *Treasury Bills* ya, yang *short-term*. Mengangguk Yang Berhormat Pontian, sebab dia tahu apa hendak jawab, dia pun sudah tahu sudah tahu jawapan itu. *Treasury Bills* yang merupakan *short-term loan* dan juga *Malaysia Government Investment Issue* (MGI) yang sebahagiannya *short-term* dan sebahagiannya *long-term based on Islamic principles*, dengan izin.

■1820

Ini memang sebelum daripada kerajaan bertukar tangan pun, sememangnya ini berlaku dari semasa ke semasa apabila ada hutang-hutang yang telah pun *matured*. Jadi untuk hendak bayar balik hutang tersebut, sebahagiannya, istilah yang digunakan adalah *rollover*. Maknanya kita berhutang kadang-kadang dengan kadar yang lebih rendah untuk membayar hutang yang sudah pun *matured*. Ini memberikan keuntungan kepada pihak kerajaan untuk ini berlaku.

Kalau saya boleh bagi daripada Januari sehingga September, saya ingat pernah Yang Berhormat Pontian tanya dahulu, sejak Mei RM22 bilion masa itu ditanya. Saya hendak sebut ini kalau daripada Januari sehingga September, ada RM87.5 bilion. Betul? Sebahagiannya adalah untuk *roll over*, RM46.3 bilion. Ini semua yang saya sebutkan ini sama ada bulan Mei hari itu berlaku pertukaran kerajaan atau sebaliknya, benda ini, proses ini berlaku. Kenaikan ini terus berlaku untuk memastikan bahawa keadaan hutang negara dan keadaan *cashflow* kita, menjaga *fiscal deficit* kita itu dapat kita kawal supaya macam saya sebutkan tadi, akhirnya *rating* yang diberikan tentang pengurusan kewangan negara itu adalah baik dan seterusnya kita akan dapat terus melakukan hutang dengan kadar yang lebih rendah ataupun yang lebih *competitive*.

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Sedikit lagi Yang Berhormat Menteri. Maknanya daripada jawapan...

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Bererti kerajaan sekarang ini berhutang untuk membayar hutang, sedangkan prinsip kerajaan sekarang ini ialah untuk mengurangkan hutang. Bagaimana berhutang untuk membayar hutang, selepas gali lubang, tambah lagi lubang.

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Yang Berhormat Timbalan Menteri sekejap, soalan yang hampir sama juga. Daripada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, jadi isunya ialah akan berlaku pertambahan hutang. Bermula 14 Mei 2018, bidaan pada bon yang diberikan ialah kerajaan mendapat kadar bidaan 3.4, sebelumnya hanya 2 *percent* sahaja. Bererti berlaku pertambahan. Saya lihat, adakah kemungkinan berlaku pertambahan hutang selepas Mei 2018 sehingga sekarang?

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: Terima kasih. Macam saya sebutkan tadi, ini adalah perkara biasa yang kita lakukan untuk memastikan bahawa *cashflow* dan mengekang *fiscal deficit* kita itu supaya tidak melebihi daripada apa yang sepatutnya yang telah kita tetapkan. Dalam keadaan-keadaan yang tertentu, perkara tersebut berlaku sementara untuk kita pastikan bahawa *cashflow* atau kemasukan ataupun dana-dana baharu yang dapat masuk untuk kita pastikan bahawa ia dapat digunakan untuk pembayaran belanja mengurus kita dan kalau hutang ini adalah untuk membiayai program-program pembangunan yang ada.

Jadi, ini biasa yang kita lakukan dan kita akan pastikan apabila kita telah berada di atas landasan yang baik semula setelah kita mendanai hutang-hutang dan liabiliti-liabiliti yang sebelum ini untuk kita pastikan bahawa ini akan dapat kita kawal dalam keadaan yang terkawal, untuk memastikan bahawa pertumbuhan ekonomi terus berlaku, rakyat terus mendapat dana untuk pembangunan dan sebagainya, supaya *everything* semuanya dengan izin, akan dapat berjalan dengan baik tanpa menjejaskan pertumbuhan ekonomi dan sebagainya yang sepatutnya kita lakukan.

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Yang Berhormat Menteri...

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]: Pasir Gudang minta laluan.

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Cuma kebimbangan saya Yang Berhormat Timbalan Menteri ialah jawapan Menteri tadi saya bimbang dia tidak jauh beza...

Tuan Yang di-Pertua: Saya memanggil Yang Berhormat Pasir Gudang. Dia sudah berdiri lebih awal lagi.

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dalam perbincangan yang perbincangan yang ini berkenaan hutang dan nyata disebut tadi ada hutang baharu, saya ingin minta Yang Berhormat Timbalan Menteri berterus terang pada Dewan ini, kedudukan kewangan negara kita. Saya rasa bimbang, adakah kita di ambang bankrap? Kita tidak dapat uruskan negara kita, jadi tolong maklumkan.

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, sedikit lagi. Sebelum jawab soalan Yang Berhormat Pasir Gudang tadi. Saya sangat bunsing, jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi tidak berapa kuat. Kalau kita berbalik kepada lima tahun yang lalu ketika kami banyak mengkritik kerajaan lalu tentang peningkatan hutang ini, cara jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri hari ini lebih kurang sama dengan yang lama. Kita akan kawal, kawal dan kawal tetapi hutang terus meningkat.

Daripada apa jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi saya faham bahawa hutang akan dibuat juga kerana itu satu sistem kerajaan untuk mendanai negara dan juga satu cara untuk kerajaan memberi peluang kepada KWSP, kepada Petronas dan sebagainya untuk mendapat untung menerusi pembelian bon. Perkara itu akan berlaku. Jadi saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri macam kata Yang Berhormat Pasir Gudang, berterus-terang berapa agaknya peningkatan hutang yang akan berlaku dan terkawal setakat mana.

Ini sebab saya sebutkan tadi daripada sebelum 14 Mei, bidaan yang dibuat terhadap bon ini kadar bidaan hanya sekitar 2.0 persen. Akan tetapi 14 Mei 2018, kadar bidaannya ialah 3.4. Ini beerti berlaku peningkatan drastik keyakinan pelabur untuk membeli bon ini. Ini beerti kerajaan membuka ruang untuk orang, untuk agensi luar membeli bon kerajaan, hutang akan meningkat. Jadi, bagaimana Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat memberi jawapan yang begitu meyakinkan kami bahawa peningkatan hutang tidak akan berlaku dan Kerajaan Pakatan Harapan memberi komitmen akan membayar sedikit demi sedikit sehingga akhirnya hutang kita lebih rendah dari kadar yang ada sekarang.

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: Terima kasih. Yang Berhormat Pasir Gudang tadi minta untuk berterus-terang. Saya ingat saya pun tidak ada apa benda sehingga hendak bersembunyi. Memang kita sebutkan laporan yang kita buat tadi, itulah kedudukan kewangan negara kita. Laporan yang saya sebutkan tadi. Untuk memastikan bahawa untuk kita tidak terus berhutang dan kemudiannya mungkin menyebabkan kita tidak boleh untuk terus berbelanja bagi memastikan ekonomi terus berkembang dalam negara kita juga saya rasa merupakan satu tindakan yang tidak bijak. Jadi buat masa ini Yang Berhormat, kita baru daripada Mei...

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, maksudnya akan berhutang lagi?

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: Hutang kalau kita perlu...

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Bererti saya boleh katakan Kerajaan Pakatan Harapan akan menambahkan hutang lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Berilah peluang kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjawab terlebih dahulu.

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: Kita akan berhutang apabila hutang itu diperlukan untuk membayar...

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Bererti PH akan berhutang lagi?

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: Nantilah saya jawab. Kerajaan akan berhutang apabila hutang itu kita perlukan. Pertamanya, untuk menjelaskan hutang. Berhutang kerana hasil yang kita ada sekarang ini tidak cukup contohnya, untuk pertamanya melunaskan hutang dan keduanya, untuk memastikan bahawa projek-projek yang telah kita komited untuk kita laksanakan untuk memastikan bahawa ekonomi kita berkembang dan sebagainya tidak dapat kita buat oleh sebab kita tidak cukup hasil.

Sebab apa tidak cukup hasil? Sebab antaranya seperti kita tahu, Petronas semasa harga minyak mentah dunia menjunam dahulu menyebabkan apa yang kita telah projek untuk dapat hasil negara tiba-tiba telah jatuh. Kemudiannya apabila dia meningkat kita sudah mula mendapat balik sedikit sebanyak dana tersebut yang kemudian kita gunakan untuk memastikan bahawa *operating expenditure* dapat kita teruskan.

Yang Berhormat sebelah sana pun banyak *complained* kenapa projek-projek yang terpaksa kita *shelve* sekejap dan sebagainya ialah kerana untuk kita memastikan bahawa setiap sen yang kita belanjakan itu kita dapat *value for money* yang kemudian kontrak-kontrak secara rundingan terus yang diberikan dengan harga yang tinggi, *I have no getting value for money*, itu semua sedang kita *review* untuk memastikan bahawa pengurusan kewangan negara dapat kita lakukan dan dapat kita berikan yang terbaik sama ada untuk projek-projek baharu, untuk *operating expenditure* kita dan sebagainya.

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, sedikit lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Ayer Hitam.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya teliti jawapan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ini bersabit dengan satu jawapan bertulis kepada saya, soalan Isnin lalu.

■1830

Saya dapat membuat pengesahan apabila jawapan Yang Berhormat konsisten dengan apa yang saya peroleh. Saya membuat satu kesimpulan berdasarkan kepada jawapan bertulis iaitu setakat 31 Disember tahun lalu hutang negara secara rasmi RM686.8 bilion betul? Saya juga masih ingat satu angka yang telah diterbitkan oleh pihak kita, Bank Negara iaitu peningkatan RM19 bilion pada suku tahun pertama iaitu sehingga 31 Mac 2018.

Ini bermaksud daripada RM86.4 bilion yang dipinjam daripada Januari hingga September, kalau kita tolak dengan RM19 bilion bermaksud RM67 bilion telah dipinjam dan diperolehi melalui cara kita meminjam wang daripada sumber lain untuk membiayai keperluan untuk April sehingga ke September. Perlu diingatkan lima bulan, 20 hari di bawah Pakatan Harapan dan di bawah Kerajaan Barisan Nasional, kalau kita tolak dengan 31 Mac iaitu 39 hari. Hakikatnya 39 hari campur dengan 170 hari dengan Pakatan Harapan bermaksud peningkatan RM67 bilion.

Saya boleh bersabar pada 2 November nanti, kita berharap Yang Berhormat boleh memberi jaminan bagaimana kita sama-sama, pihak sana dan pihak sini, kita dapat mengawal keadaan kewangan kita agar lebih mantap, lebih baik. Kita sama-sama untuk mencari kaedah, boleh Yang Berhormat buat satu pengesahan?

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Yang Berhormat Menteri sedikit lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Kuala Nerus, ya.

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Hasrat saya ialah supaya kerajaan PH berbeza dengan kerajaan yang lama, itu satu. Kalau kita *recall* balik jawapan-jawapan Menteri sebelum ini ketika berbincang bab hutang, jawapannya hampir sama dengan Menteri jawab tadi. Pertama, kita perlu berhutang untuk membayar hutang, gali lubang kambus lubang.

Kedua, kita boleh berhutang untuk beri peluang kepada syarikat seperti KWSP membeli bon kerajaan, mereka mendapat untung, bererti jawapannya hampir sama dan akhirnya berlaku peningkatan hutang. Jadi jawapan Menteri pun tadi saya ingat tidak jauh beza. Jadi apa komitmen kerajaan baru? Tadi jawapan Menteri menyebut bahawa hari ini kita bermasalah kewangan, kita perlu berhutang juga.

Saya membuat satu cabaran dalam ucapan sebelum ini bahawa kekurangan hasil bukan kerana kurang hasil menyebabkan kerajaan berhutang tetapi ketirisan dalam perbelanjaan hasil. Kalau kita boleh selamatkan ketirisan ini menjangkau hingga RM23 hingga RM40 bilion bererti kita tidak perlu berhutang sebenarnya. Jadi, itu idea yang selalu saya lontarkan dalam ucapan saya. Jadi adakah kerajaan PH boleh mengenal pasti ketirisan sebelum ini untuk kita tangani dan dibentangkan nanti dalam bajet pada 2 November, menggambarkan Kerajaan PH betul-betul berjimat dan berhemah hingga tidak perlu penambahan hutang dalam pengurusan negara. Itu sahaja.

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: Terima kasih Yang Berhormat Ayer Hitam. Terima kasih Yang Berhormat Kuala Nerus. Saya hendak tegaskan sekali lagi bahawa hutang yang kita buat pada tahun semasa sebelum pertukaran *government* hari itu ataupun selepas, pascanya adalah merupakan hutang yang telah pun dirancang berdasarkan Bajet 2018 yang kita telah luluskan pada tahun lepas. Memang itu dan dalam Bajet 2019 yang akan dibentangkan nanti, ini juga adalah antara perkara-perkara yang akan dilihat.

Jadi ia dilaksanakan berdasarkan program pinjaman yang telah dirancang sebelum ini. Untuk menjawab Yang Berhormat Kuala Nerus, pastikan bahawa ketirisan tidak berlaku. Ya, memang itu komitmen kita. Oleh sebab itulah ramai yang *complained* apabila arahan telah dikeluarkan untuk kita *put a stop* dengan izin pada projek-projek yang telah berjalan, yang telah di award, sudah dapat pun surat setuju terima. Sebahagiannya bukan setakat dapat surat setuju terima, sudah pun menjalankan projek tersebut tetapi bawah kepada 15 peratus, kita *put a stop* untuk kita kaji balik, tengok mana tahu ada sebahagian daripada kontrak yang telah diberikan ini adalah yang nilainya tidak *commensurate* dengan izin, kerja yang dibuat ataupun *services* yang *being rendered*, itu yang kita buat.

Kita letak *cut-off date*, minta CTC di setiap kementerian untuk membuat keputusan, beri balik maklumat kepada kita yang mana perlu pihak Kementerian Kewangan bersidang semula dan pastikan bahawa ia kalau boleh diteruskan, berapa harganya dan sebagainya. Ini semua kita buat Yang Berhormat Kuala Nerus bagi memastikan apa Yang Berhormat Kuala Nerus berhajat dan berhasrat tadi. Saya ingat bukan Yang Berhormat Kuala Nerus sahaja, semua kita berada dalam Dewan ini, kita hendak pastikan bahawa setiap sen yang diberikan, dana yang dapat kepada kerajaan hari ini kita belanjakan supaya kita dapat *value for money*, memang itu hasrat kita.

Jadi seperti yang saya sebutkan tadi, Yang Berhormat Ayer Hitam juga, memang hasrat kita untuk memastikan bahawa sebahagian daripada apa yang telah kita sebutkan tadi, *figures* kita tidak berbeza. *We are very consistent* dengan apa yang kita buat *reporting* dan kita akan pastikan bahawa setiap duit yang didapati dalam dana kita ini akan kita belanjakan untuk perbelanjaan mengurus ataupun *development expenditure* untuk memastikan bahawa ia dibelanjakan, kita mendapat *value for money* daripada setiap apa yang telah kita belanjakan. Ada lagi? Silakan Yang Berhormat Pasir Salak.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Ada, berkaitan dengan hutang.

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: Silakan.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Saya dapat kefahaman daripada kenyataan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri iaitu kos pinjaman hutang kita ini tinggi, *interest rate* tinggi, *cost of fund is high*. Jadi dia telah pergi ke Jepun, hendak pinjam duit daripada Jepun katanya kemungkinan kalau dapat daripada Jepun ini dia punya *cost of fund is cheaper* dan begitu juga dengan khabarnya hari itu pergi ke

negara China pun begitu. Tidak dapat daripada Jepun, pergi pinjam daripada negara China juga. So, saya hendak tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, apa cerita ini? Apa perkembangannya, berjaya kah atau tidak berjaya? Terima kasih.

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: Terima kasih Yang Berhormat Pasir Salak. Untuk makluman Dewan yang mulia ini bahawa hutang-hutang kerajaan ini 97 peratus adalah hutang yang kita dapat daripada dalam negara. Sebanyak 97 peratus, tiga peratus sahaja yang kita pinjam daripada luar. Sebab apa? Sebab dalam negara kita ini, kita lebih yakin dan terkawal dari segi maknanya kalau berlaku ringgit diserang ataupun dan sebagainya, ia tidak memberikan kesan langsung kepada kemampuan kita untuk membayar balik hutang sebab semuanya kita pinjam daripada dalam negara.

Akan tetapi kalau kita pinjam daripada luar, memang kita tahu bahawa dana yang di *offer*, ditawarkan oleh pihak negara Jepun, apa yang berlaku di India, mereka memberikan pinjaman yang kadarnya hampir-hampir, menghampiri '0' peratus, *zero point something percent* sahaja dan memberi *grace period* yang cukup panjang untuk dibayar balik. Memang kita pun *tempted* dengan *offer* yang sedemikian tetapi kita kena ingat bahawa Yen adalah merupakan antara mata wang yang cukup *volatile*. Ia mungkin rendah dari segi kadar faedahnya tetapi apabila berlaku peningkatan nilai Yen. Sekarang ini kalau untuk makluman Ahli-ahli Dewan semua, sementara semua mata wang dunia di *depreciate against US Dollar*, Yen tidak, *depreciate*.

Jadi kita boleh *imagine* kalau sekiranya ini berlaku walaupun kadar faedahnya itu adalah rendah tetapi apabila berlaku *volatile* dalam *rate* ini akan menyebabkan kita terkena. Jadi Yang Berhormat Pasir Salak, mungkin orang tawar kepada kita, kita boleh dengar dan sebagainya...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Bukan tawar, kita hendak memohon untuk itu gitu...

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: *Dak, dak, dak.*

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Dak apa? Kita baca dalam paper...

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: Kita tahulah...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *Come on man*, Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: Kita tahu, di mana yang boleh kita— dan kita tidak ada masalah langsung.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Janganlah pusing cakap...

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: Untuk kita mendapatkan pinjaman...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Kita pun sekolah juga...

Tuan Yang di-Pertua: Bagi kesempatan untuk Yang Berhormat Menteri menjawab dahulu.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana memberi peluang kepada saya. Saya cukup setuju bab Yang Berhormat kata Yen ini kalau kita hendak pinjam kita kena berhati-hati.

■1840

Kenyataan Tun Dr. Mahathir, Yang Berhormat Langkawi pada tahun 1994, beliau pernah berkata— sebelum itu beliau meminjam daripada *Japan* dan akhirnya kenyataan beliau sampai hari ini saya ingat. Dia kata walaupun saya pergi ke Jepun untuk kita kurangkan kadar *interest* tetapi disebabkan oleh terlalu *volatile*, maka akhirnya kita terpaksa bayar lebih tinggi faedahnya. Ini satu iktibar yang patut diambil.

Adakah Yang Berhormat mencadangkan kepada Perdana Menteri— kerana pada 10 Jun hingga 12 Jun tahun ini, beliau pergi ke Tokyo ada menyebut tentang pinjaman ini. Adakah ianya telah dibatalkan berdasarkan justifikasi Yang Berhormat beri tadi? Terima kasih.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Sambung sedikit, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Pendang.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih...

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, hendak habis 40 minit, satu tajuk pun tidak lepas lagi ini. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Itulah ya.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Kewangan ini penting.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Ingat senang jadi Timbalan Menteri.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Ya, betul. Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Tidak apa, tidak apa. Lebih masa akan diberikan sendiri.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Kewangan ini penting. Ia yang mencorakkan ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, silakan.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Saya perbetul balik Yang Berhormat bangkitkan hari itu berkenaan dengan ekonomi *rotation*. Itu *economy cycle*. Dia kalau salah sebut boleh senang perbetulkan. Kalau salah buat keputusan, teruk rakyat.

Jadi saya amat setujulah, merasa puas hati dengan penerangan ataupun penjelasan yang diberikan oleh Timbalan Menteri berkenaan dengan hutang negara sebab disebut 97 peratus *domestic loan*, aktiviti yang kita terlibat dan hanya tiga persen sahaja yang melibatkan hutang luar. Ini saya sangat bersetuju kita boleh mengawal.

Akan tetapi, seperti mana ada sedikit jawapan baru-baru ini, adakah kenaikan *interest* yang diputuskan oleh Kerajaan US menyebabkan juga kita terlibat? Oleh sebab hari itu disebut juga sedikit sebanyak kenaikan *interest rate*, kadar bunga yang dinaikkan oleh Amerika di seluruh dunia ini menyebabkan Malaysia juga tersangkut atau terlibat dalam proses hutang ini juga dan menyebabkan kita terpaksa kena bayar lebih walaupun hutang yang sama. Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sekian.

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: Baik Yang Berhormat Pendang hari ini pasal bila dia tahu kata Hospital Pendang diluluskan atau apa, tidak tahulah.

Tuan Yang di-Pertua, macam saya sebutkan tadi bahawa hutang yang kita buat ini majoritinya 97 peratus adalah dalam negara. Jadi apa yang dikhuatiri oleh Yang Berhormat Pendang tadi sebenarnya tidak berlaku. Betul, US naikkan dia punya *interest rate*. Apakah kesannya? Kesannya ialah pelabur-pelabur luar yang melabur dalam negara kita dalam pasaran saham kita dan sebagainya, mereka keluar daripada *emerging markets* macam Malaysia ini. Bukan setakat kita sahaja, negara-negara yang lain, *emerging markets* pun, mereka tarik duit mereka dan bawa pergi ke US kerana mereka akan dapat *better yield* di sana.

Jadi untuk menjawab soalan daripada Yang Berhormat Pendang, ianya tidak berlaku kerana walaupun *interest rate* dinaikkan di sana, yang keluaranya itu bukan— tidak ada kena mengena dengan kita. Mereka melabur dalam pasaran saham kita dan sebagainya, mereka *exit*, keluar, ambil, bawa pergi simpan di US sebab mereka boleh dapat *better yield* di sana. Jadi daripada segi hutangnya tidak terkesan dengan kita.

Boleh saya *proceed*, Tuan Yang di-Pertua? Bagaimana kerajaan...

Tuan Yang di-Pertua: Okey. Yang Berhormat Timbalan Menteri memerlukan berapa banyak masa lagi?

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: Baru satu tajuk Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Itulah. Hampir sejam satu tajuk, 15 minit?

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: Ya, okeylah saya cuba, *insya-Allah*. Jangan kacau banyak-banyak sudahlah.

Tuan Yang di-Pertua, kalau tidak ini pun okey. Pada dua hari bulan nanti, akan dibentangkan bajet yang baharu. Kita akan punya masa untuk berbahas pula dengan belanjawan yang baharu.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Kita hendak bahas dengan Timbalan Menteri.

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: Selepas itu kita akan jawab pula. Jadi kalau tidak sempat...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Bukan Timbalan Menteri punya... [Ketawa]

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: Kalau tidak sempat jawab di sini pun, kita masih punya ruang dan peluang yang masih banyak untuk kita berbahas demi kebaikan negara. Boleh cara itu?

Okey, sedikit sahaja saya hendak sebutkan. Ini Yang Berhormat Pekan tanya. Saya jawab juga kerana sebahagian telah bangkitkan perkara yang sama. Bagaimana untuk kita memastikan bahawa hutang kerajaan ini dapat kita kawal? Yang Berhormat Kuala Nerus juga bertanya perkara yang sama.

Bagi memastikan paras hutang Kerajaan Persekutuan adalah terkawal dan terurus, beberapa langkah kawalan berikut perlu kita patuhi.

Pertama, memastikan perbelanjaan mengurus sentiasa dibiayai melalui hasil negara serta memastikan sebahagian daripada hasil negara tersebut dapat menampung sebahagian perbelanjaan pembangunan. Maknanya untuk *operating expenditure*, kita tidak boleh. Kalau kita berhutang untuk OPEX, *then* itu sudah jadi masalah besar. Itu satu. Kedua, sebahagian daripada *development expenditure* (DE), kita juga perlu didana daripada hasil daripada negara kita dan sebahagian sahaja yang kita berhutang untuk pembangunan.

Kedua, mengawal perbelanjaan dan memastikan peruntukan dibelanjakan dengan berhemat, cekap dan berkesan serta memberi penekanan kepada *outcome* bagi mengelakkan pembaziran. *We do not spend for the sake of spending* tetapi kita belanja dengan kita tahu apa *outcomenya*, apa kesan kepada ekonomi, apa kesan kepada rakyat di kampung, apa kesan yang boleh diberikan untuk memastikan bahawa ekonomi kita akan terus berkembang dan tumbuh dengan baik dan kita akan mengelakkan pembaziran.

Ketiga, pinjaman kerajaan adalah semata-mata untuk membiayai perbelanjaan pembangunan. Pinjaman ditumpukan kepada perbelanjaan pembangunan bagi projek berimpak tinggi yang akan memberi pulangan kepada negara dan rakyat dalam tempoh jangka masa panjang.

Keempat, meneruskan dasar semasa kerajaan dalam mengutamakan pinjaman dalam negeri yang tidak menyebabkan inflasi— Yang Berhormat Ayer Hitam, seperti yang kita bincang tadi— dengan mengambil kira mudah tunai yang tinggi dan kos pinjaman yang lebih murah.

Jadi atas sebab itulah kita telah mengambil, bagi mengurangkan hutang entiti kerajaan ini, langkah kawalan hutang telah kita laksanakan. Saya sebut tadi, mengkaji semula projek yang melibatkan kos yang tinggi berdasarkan kepada keperluan bagi mendapatkan kos yang lebih rendah. Contohnya, LRT3 yang telah kita *commit* sebelum ini sebanyak RM31 bilion, yang kemudiannya kita bincang semula dan kita bawa turun nilainya kepada RM16 bilion tanpa menjejaskan *point to point* yang hendak kita bina dan juga daripada segi spesifikasi dan sebagainya. Cuma mungkin sebahagian daripada stesen yang sepatutnya dibina kita kurangkan dulu, kita *deferkan* sehingga pada masa yang kita lebih mampu untuk melaksanakannya.

Kedua, bagi projek yang sedang dilaksanakan, keseluruhan kos projek akan dikaji semula untuk mengelakkan kerajaan dicaj kos yang tidak berpatutan.

Ketiga, menyediakan peruntukan tahunan di bawah perbelanjaan mengurus bagi memastikan bayaran pokok dan faedah dapat dibuat mengikut tempoh masa yang ditetapkan.

Seterusnya yang keempat, membiayai semula pinjaman pada kadar yang lebih rendah. Yang Berhormat Kuala Nerus, ini juga kita lihat untuk memastikan bahawa akhirnya

bila kita buat *rollover* dan sebagainya itu, kita mencari peluang untuk kita membiayai semula hutang tersebut tetapi pada kadar yang lebih rendah daripada sebelum ini. Habis satu. Baru satu.

Kemudian, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sentuh sedikit tetapi Yang Berhormat Jerlun tidak ada.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Jawapan bertulis sahajalah.

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: Pandai. Kalau *time* orang, dia suruh jawapan bertulis. [Ketawa] Yang Berhormat Jerlun bertanya tentang *capitation grant*. Saya akan jawab secara bertulis. Kami pun *dok* jumpa selalu di Kedah.

Kemudian seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, ialah tentang prosedur perolehan. Mungkin saya *landing* di sini lah agaknya, kalau 15 minit sahaja yang diberi.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Isu royalti kena jawab, Yang Berhormat.

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: Ya?

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Isu royalti kena jawab.

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: Isu royalti? Okey, okey. Kalau jawab pun, dia jawab kita tidak jawab juga, bukan?

■1850

Tuan Yang di-Pertua, tentang prosedur perolehan Kementerian Kewangan di bawah tender terbuka. Untuk makluman Yang Berhormat, tatacara perolehan yang diamalkan oleh kerajaan adalah berdasarkan amalan terbaik perolehan di peringkat antarabangsa di mana semua proses perolehan perlu dilaksanakan secara terbuka. Selain itu, semua urusan perolehan kerajaan adalah selaras dengan lima prinsip perolehan yang telah diamalkan iaitu:

- (i) akauntabiliti awam;
- (ii) diuruskan secara telus;
- (iii) nilai faedah yang terbaik;
- (iv) saingan terbuka; dan
- (v) ia adalah adil dan saksama. Maknanya semua pihak berpeluang untuk mengambil bahagian di dalam proses tender terbuka ini.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Tuan Yang di-Pertua, saya ada tanya tentang *request for proposal* (RFP). Adakah ia dianggap sebagai sistem tender terbuka? Oleh sebab apa yang dilakukan di Pulau Pinang, ia dianggap itu sebagai satu sistem tender terbuka tetapi sebaliknya kalau ikut *World Bank* ianya bukan. Seperti yang telah diutarakan oleh saudara Koon Yew Yin, pengasas Gamuda. Jadi, apa pandangan? Saya boleh tunjukkan artikel itu dan garis panduan daripada Bank Dunia. Apakah kerajaan akan terap RFP sebagai tender terbuka? Kalau tidak, maka ia memang mematuhi standard antarabangsa. Kalau ikut sudah lain ia punya justifikasi ataupun ia punya piawaian sudah berlainan dengan praktis antarabangsa. Terima kasih.

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: Terima kasih Yang Berhormat Ayer Hitam. *You just jump the gun*. Sekejap ya, sabar sekejap. *I will come to RFP* sekejap lagi. Untuk makluman Yang Berhormat Ayer Hitam, soalan akan dijawab secara bertulis. Baru masuk.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Yang Berhormat...

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: Nanti sekejap.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tender. Ini bab...

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: Bagi jawab ini dahulu ya. Bagi jawab ini dahulu.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tidak, tadi Yang Berhormat ada sebut—Tuan Yang di-Pertua dahulu, *I address you* dahulu. Tuan Yang di-

Pertua, saya hendak bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri atas tajuk yang dia sekarang sedang bercakap iaitu tender, perolehan.

Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, apa jaminan kerajaan kalau dia buat perolehan ini semuanya melalui tender terbuka ia akan menguntungkan kerajaan? Apa jaminan sebab saya hendak beritahu di sini apabila banyak tender terbuka, pada masa-masa yang lalu pun banyak tender terbuka. Kontraktor-kontraktor, pembekal-pembekal hendak dapatkan projek dia sanggup *go below cost, beat below cost*. Apa jadi? Selepas itu buat dia dapat *certain advanced payment 10 percent, 20 percent, 30 percent* selepas itu cabut. *What can you do? You have to retender and then you have to provide more provisions*. Akhirnya, kerajaan rugi juga. Projek tidak dapat dijalankan dalam tempoh yang sepatutnya. Rakyat juga rugi.

So, saya hendak ambil peluang ini Tuan Yang di-Pertua sambil bertanya. Saya hendak beritahu kepada Kerajaan Pakatan Harapan, berhati-hati. Tender terbuka *is not the best policy all the time, maybe sometime*. Terima kasih.

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: Terima kasih. Saya sambung sikit sini dan sambil-sambil itu mungkin menyinggung apa yang disentuh oleh Yang Berhormat Pasir Salak. Dia jawab telefon pula sudah, kita *duk* jawab pada dia. Secara dasarnya, setiap perolehan...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Orang rumah telefon. [Ketawa]

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: Orang lain pun ada orang rumah juga. Secara dasarnya, setiap perolehan kerajaan yang bernilai melebihi RM500,000 hendaklah dilaksanakan secara tender terbuka selaras dengan Peraturan Perolehan Kerajaan di bawah Pekeliling Perbendaharaan 1PPK 2.1 iaitu kaedah perolehan kerajaan. Pelaksanaan perolehan kerajaan secara tender terbuka adalah selari dengan amalan peringkat antarabangsa.

Peraturan perolehan kerajaan dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan juga telah memastikan kementerian ataupun agensi mempunyai garis panduan yang jelas dalam melaksanakan urusan perolehan termasuk peringkat pembuat keputusan bagi satu-satu perolehan berdasarkan prinsip pelaksanaan perolehan kerajaan secara tidak berpusat ataupun *decentralized*. Maknanya, sebahagiannya kementerian dan agensi boleh *do on their own* dengan izin, mengikut garis panduan yang saya sebutkan Pekeliling Perbendaharaan Kaedah Perolehan Kerajaan tersebut.

Oleh yang demikian, kementerian dan agensi boleh melaksanakan terus proses perolehan tender terbuka sehingga membuat keputusan ke atas perolehan yang dilaksanakan berdasarkan peraturan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan. Urusan perolehan kerajaan dapat dilaksanakan dengan cekap serta mengurangkan elemen birokrasi di samping kementerian dan agensi dapat menyampaikan program atau projek kepada rakyat berdasarkan objektif perolehan yang telah ditetapkan.

Bagi memastikan persekitaran ekonomi dapat berkembang dan kerajaan mendapat nilai perolehan yang kompetitif berkuat kuasa 29 Jun 2018, kerajaan telah memutuskan untuk memansuhkan pelaksanaan perolehan secara tender terhad dan memperkenalkan kaedah perolehan secara tender terbuka pra kelayakan. Kaedah ini dapat memastikan projek ataupun program yang memerlukan bidang kepakaran tertentu dapat di bida dengan lebih kompetitif supaya dapat memberikan nilai faedah terbaik kepada rakyat dan juga kepada kerajaan.

Bagi menjawab apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Pasir Salak tadi, betul mungkin ada satu, dua cases, tiga, empat cases, geleng lagi?

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Banyak kes...

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: Yang mungkin disebutkan...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Banyak kes lagi.

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: Ya, ya, okey yang berlaku sebelum ini. Kita tidak nafikan mungkin ada *isolated cases* yang berlaku sedemikian. Akan tetapi prinsip umumnya kita harus melaksanakan kaedah tender terbuka dan kalau perlu dengan pra kelayakan ini untuk memastikan bahawa kita mendapat *value for money*. Kita perlu beri

keyakinan yang penuh kepada pengurus dan pentadbir kita yang telah melalui proses ini sekian lama untuk memastikan bahawa akhirnya kerajaan dan rakyat mendapat tender yang paling baik, yang dapat kita lakukan dan kita berikan perkara tersebut kepada rakyat.

Saya hendak sentuh perkara Yang Berhormat Ayer Hitam tentang RFP tadi. *Request for proposal* (RFP) merupakan *supplier sourcing method* ataupun kaedah pemilihan pembekal yang boleh diguna pakai melalui pelaksanaan perolehan secara tender terbuka. Tender terbuka secara RFP dilaksanakan dalam keadaan Kementerian dan Agensi tidak jelas berkenaan mekanisme atau terlalu banyak pilihan mekanisme yang boleh digunakan bagi memastikan suatu program atau projek dapat disempurnakan.

Sebagai contoh, dalam perolehan kerja. Kerajaan telah menggunakan konsep RFP dalam tender terbuka reka dan bina, *design and build* di mana pembida boleh mengemukakan cadangan penyiapan projek termasuk reka bentuk untuk dinilai oleh Kementerian ataupun Agensi yang melaksanakan projek.

Walau bagaimanapun, kerajaan masih di peringkat kajian berhubung pelaksanaan kaedah RFP secara tender terbuka bagi perolehan kerajaan memandangkan menurut amalan semasa RFP hanya digunakan bagi perolehan ICT serta pemakaian konsep RFP bagi perolehan kerja secara reka dan bina dan perkhidmatan perunding. Kajian ini penting bagi memastikan kaedah perolehan yang ditetapkan selaras dengan prinsip perolehan kerajaan iaitu akauntabiliti awam, urus secara telus, nilai faedah terbaik, saingan terbuka dan adil dan saksama.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat. Memang benar kalau untuk suatu yang terlalu spesifik barulah kita gunakan RFP tetapi ia telah berleluasa. Saya bagi contoh, kerja bina jalan pun dibuat RFP. Ini tidak boleh. Oleh sebab ia tidak dinilai berlandaskan kepada *spec* yang sama. Maka saya merayu, kalau itulah pendirian kerajaan bahawa RFP tidak boleh bermaksud apa yang dipraktikkan sebelum ini kalau di Pulau Pinang jambatan bawah terowong itu adalah salah satu RFP. Kalau kerja pembinaan jalan tidak sepatutnya. Kalau betul untuk kelengkapan yang canggih, itu mungkin disebabkan pertahanan negara boleh kita lihat kesesuaiannya.

■1900

Saya setuju jikalau itu Yang Berhormat, disemak kerana yang saya tahu RFP bukan sebahagian daripada dalam garis panduan yang telah diterap oleh Bank Dunia, terima kasih.

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: Yang Berhormat Ayer Hitam, *I think we do not differ with one another*. Kita akan pastikan bahawa kalau RFP ini dibuat dalam keadaan dan kes-kes tertentu yang macam saya sebutkan tadi, *variables* ia tu terlalu besar menyebabkan kalau kita tidak panggil RFP ini, maknanya *we will be getting* benda-benda yang mungkin kita tidak menilainya berdasarkan kepada benda yang sama. Saya ingin terangkan akhirnya di sini, kerajaan juga sedang mengkaji kriteria perolehan secara rundingan terus, maknanya kita tidaklah rule out langsung tender rundingan terus ini.

Akan tetapi ia dibuat di atas lima perkara yang melibatkan pertamanya, keperluan mendesak, hendak sangat-sangat sudah, tidak boleh tidak, tiga bulan *is too long* sebab keperluan yang mendesak. Kedua, penyeragaman. Kita sudah ada sistem ataupun benda yang seumpama itu sebelum ini untuk kita teruskan supaya adanya *uniformity*, supaya penyelenggaraannya lebih senang dan sebagainya, *we may consider*, dengan izin.

Satu punca bekalan dan perkhidmatan seperti saya sebutkan tadi, kita juga mungkin boleh *consider*. Keselamatan dan strategik Yang Berhormat Kota Raja, dalam sistem pertahanannya yang— ini bukan boleh kita hendak *free for all*, apa benda yang kita hendak dan sebagainya. Benda yang keselamatan dan strategik yang mungkin boleh kita *consider* dan kontrak dengan syarikat pembuat bumiputera seperti mana yang dinyatakan dalam Pekeliling Perbendaharaan PK7.13 iaitu Garis Panduan Permohonan Perolehan Secara Rundingan Terus.

Jadi, sementara kita kata secara umumnya, perolehan adalah melalui tender terbuka kemudian kita zero in kepada kemungkinan RFP. Kita juga sebut supaya kita tidak mahu nanti kata, 'dahulu kata semua tender terbuka' tetapi apabila kita berhadapan dengan keadaan yang memerlukan keadaan yang mendesak, memerlukan penyeragaman, memerlukan keselamatan dan strategik, *if the need arises*, dengan izin, kita juga akan pergi kepada ini tanpa— kemudian akhirnya, kita kompromi dalam perkara-perkara yang lain.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Yang Berhormat Menteri, saya cuma hendak tahu mekanisme untuk mengawal yang lima perkara itu supaya tidak disalahgunakan. Mesti ada. Jikalau tidak, sebarang perkhidmatan boleh di klasifikasikan sebagai— saya boleh buat *direct negotiation*. Itu akan jadi perkara yang dahulu juga dan sepatutnya mesti ada anjakan paradigma dalam soal ini. Lima pengecualian mesti ada satu kawalan atau mekanisme untuk— supaya kita tidak buat sewenang-wenangnya. Jikalau tidak, ia akan terbuka kepada penyelewengan. Terima kasih.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tuan Yang di-Pertua, sikit sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri sudah hendak menggulung saya ingat. Ya, silakan.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Saya minta dengan Tuan Yang di-Pertua dahulu, kemudian baru hendak minta dengan Yang Berhormat Menteri. Boleh? Saya hendak tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, cara ini sama dengan cara dahulu, semasa Kerajaan Barisan Nasional. Tender terbuka ada kes-kes, runding terus, ada RFP, *it is the same* Tuan Yang di-Pertua, *but we have been bombarded* sebelum ini. Kata tidak betul kita punya cara. So, sekarang kita dengar cara sama sahaja, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh menggulung.

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: Saya hendak habis sudah ini.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Yang Berhormat Menteri janji penjelasan isu royalti Kelantan, kami menunggu. Ramai daripada kalangan kami membangkitkan isu ini. Tidak adil jika tidak diberi hak kepada kami untuk jawapan.

Tuan Yang di-Pertua: Selepas royalti Yang Berhormat Menteri, boleh?

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: Okey, saya hendak sentuh sedikit sahaja tentang yang tadi. Ia ada berbeza dengan *provisions* yang kita buat dan kemudiannya *strictly adhering to*, dengan izin, kepada kriteria ataupun prosedur yang telah kita letakkan. Apabila kita sebut bahawa rundingan terus dibenarkan atas lima kriteria ini, ia bukan *open check* untuk situ runding terus, sini runding terus, tidak. Macam Yang Berhormat Ayer Hitam sebut tadi, hanya kementerian dan agensi boleh mencadangkan untuk perkara ini dibuat tetapi kelulusan Kementerian Kewangan mesti diperoleh untuk memastikan bahawa kita yang menjaga dana dan Perbendaharaan negara ini akan memastikan bahawa ia akan kita *control* untuk pastikan bahawa lima kriteria ini dipenuhi dan selepas itu barulah ia dibenarkan.

Jadi, yang menjadi bualan orang dan sebagainya Yang Berhormat Pasir Salak, sebelum ini ialah tender terhad ini menjadi lebih kurang *order of the day*. Jadi, daripada ia menjadi satu *exception*, ia menjadi macam *rule* pula. *Exception* nya itu adalah perkara yang ini— Jadi, saya hendak beri jaminan di sini bahawa *insya-Allah* oleh sebab ini adalah komitmen kita untuk memastikan bahawa setiap Ringgit dan dana daripada kerajaan itu dibelanjakan untuk mendapat *value for money*, ini akan kita beri keutamaan yang paling tinggi. Akhirnya, untuk tidak mengecewakan Yang Berhormat Rantau Panjang, ingin saya sebutkan...

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Bukan Yang Berhormat Rantau Panjang sahaja, semua rakyat Kelantan.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Nga Kor Ming) **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: Semua, Kelantan, Terengganu, semua negerilah. Sekarang tidak ada lagi minyak, mana tahu ke hadapan nanti ada minyak.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]: Sarawak pun sama.

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: Untuk tidak mengecewakan, saya hendak sebut sedikit sahaja. Isu royalti tidak berada di bawah bidang kuasa Kementerian Kewangan. Ia berada di bawah bidang kuasa Kementerian Hal Ehwal Ekonomi. Oleh yang demikian, saya harap semua yang sedang menunggu jawapan ini akan terus bersabar dan memastikan bahawa apabila sampai masa dan ketikanya, jawapan itu akan diberikan. Tuan Yang di-Pertua—

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Minta penjelasan. Yang Berhormat sedikit minta penjelasan.

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: Minta apa kalau bukan bawah bidang saya, saya hendak jawab apa?

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Ya, betul tetapi kami mendapat penghinaan daripada Yang Berhormat Menteri Kewangan di dalam Dewan ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Rantau Panjang, boleh bersabar sedikit.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Menghina kami rakyat Kelantan. Ini adalah satu maruah. Jadi, sepatutnya Kementerian Kewangan bertanggungjawab. Jadi, itu kami meminta hak kami. Jadi, sebab itulah walaupun apa jua pun, Kementerian dan Kerajaan PH bertanggungjawab di atas janji dan mesti dikotakan.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Saya pula Tuan Yang di-Pertua, walaupun Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi kata di bawah Kementerian Hal Ehwal Ekonomi, kita difahamkan bahawa dalam Majlis Kewangan Negara, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah pun memberi jaminan untuk membayar royalti ini kepada negeri-negeri yang terlibat.

Jadi, apabila sudah ada jaminan daripada Perdana Menteri, patutnya menjadi tanggungjawab Yang Berhormat Menteri Kewangan untuk menyalurkan bayaran ini. Jadi, kita hendak minta Yang Berhormat Menteri Kewangan, apakah halangan sehingga ke hari ini, apabila Perdana Menteri telah pun berjanji di dalam Mesyuarat Majlis Kewangan Negara untuk membayar royalti tetapi tidak dibayar oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: *Okay, point's taken.*

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Yang Berhormat Menteri, sama juga isunya yang saya bangkitkan. Pemberian bayaran royalti dibuat oleh Kementerian Kewangan dan jumlah yang diberikan tidak sampai dengan jumlah yang sepatutnya. Oleh sebab itu, soalan saya ditujukan kepada Kementerian Kewangan, bukan kepada Kementerian Hal Ehwal Ekonomi. Saya rasa perlu jawab oleh Yang Berhormat Menteri.

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: Saya mengucapkan terima kasih atas apa yang dibangkitkan oleh rakan-rakan di sebelah sana, khususnya daripada Kelantan dan Terengganu. Saya tidak menafikan apa yang telah disebutkan tadi bahawa disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam Majlis Kewangan Negara, ya benda itu telah disebut. Royalti akan dibayar dan mungkin dalam soalan di dalam Dewan ini juga perkara tersebut telah disebut dan telah pun dijawab. Kita di Kementerian Kewangan akan memastikan bahawa setiap yang telah diputuskan itu akan kita laksanakan dengan kadar ataupun dengan apabila sampai masanya untuk kita membuat pembayaran. Ia akan kita pastikan apabila kita mendapat arahan. Kita hanya melaksanakan, Tuan Yang di-Pertua.

■1910

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Yang Berhormat Menteri, apakah maksud Yang Berhormat Menteri bahawa...

Dato' Seri Haji Mukhriz Tun Dr. Mahathir [Jerlun]: Saya mohon Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Amat Berhormat Jerlun, sila.

Dato' Seri Haji Mukhriz Tun Dr. Mahathir [Jerlun]: Sambil-sambil saya bersimpati dengan apa yang dibangkitkan oleh rakan-rakan kita di Kelantan dan Terengganu. Bagi kami Kedah yang tidak ada minyak, tidak ada gas ini, yang tidak ada hak pun hendak mintak royalti, saya juga mohon sedikit respons daripada Kementerian Kewangan mengenai beberapa perkara yang telah dibangkitkan oleh negeri Kedah yang miskin ini.

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Sedikit sahaja. Adakah maksud jawapan Yang Berhormat Menteri tadi bahawa bahagian pembayaran sebahagian royalti kepada Terengganu dalam dua, tiga minggu yang lalu ialah keputusan Kerajaan Pakatan Harapan dan bukan hanya keputusan Menteri Kewangan semata-mata.

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: Pembayaran yang telah dibuat adalah berdasarkan kepada apa yang telah diputuskan sebelum ini. Kita masih ada sehingga akhir tahun untuk melunasi apa yang perlu dilunaskan. Saya ingat sampai masa dan ketikanya perkara tersebut akan diselesaikan dan saya ingat dua hari bulan nanti ada bajet punya ini dan sebagainya. Saya harap pihak sebelah sana boleh terus membangkitkan ini untuk mendapatkan kepastian yang sahih tentang perkara ini. Kita di Kementerian Kewangan akan melunaskan apa sahaja yang telah disebutkan.

Menjawab sahabat saya daripada Jerlun tadi, saya ingat di dalam secara umumnya di dalam Majlis Kewangan Negara yang pada ketika itu saya hadir bagi pihak negeri Kedah kerana belum duduk di sini lagi. Memang Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menyebutkan bahawa kesenjangan di antara negeri-negeri yang mempunyai hasil yang banyak dengan negeri-negeri yang mempunyai hasil yang sedikit. Tidak miskin Yang Amat Berhormat Jerlun. Cuma sedikit sahaja, hasil sedikit.

Yang Amat Berhormat berjanji untuk melihat semula di dalam Perlembagaan Negara kita itu tentang isu yang juga dibangkitkan oleh Yang Amat Berhormat Jerlun tentang *capitation grant* dan sebagainya untuk memastikan bahawa kesenjangan ini akan dapat kita kurangkan. Negeri-negeri yang mempunyai hasil yang sedikit ini akan dapat terus bergerak dengan mungkin diperuntukkan pemberian-pemberian baharu yang boleh meningkatkan hasil kepada negeri-negeri yang kurang berpendapatan seperti mana negeri-negeri yang telah maju. Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Tuan Yang di-Pertua, saya minta sedikit sahaja.

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: Saya ingat - saya pun tidak boleh hendak jawab kalau Yang Berhormat hendak minta bila hendak tulis *cheque* bagi. Saya pun tidak boleh hendak jawab. Jadi saya ingat...

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Kementerian Kewangan patut boleh jawab. Kementerian Kewangan sudah- keputusan telah dibuat dan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi telah pun sebut bahawa apa sahaja keputusan yang kita buat kalau kita sudah buat keputusan untuk bayar, kita akan bayar. Jadi sedikit sahaja kalau hendak jawab, bila sebenarnya supaya lega lagi rakyat Kelantan. Bila? Pendek sahaja jawab. *Insyallah*.

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: Okey. Kita masih berada pada tahun 2018 dan masih berbaki lagi. *Insyallah* saya ingat kalau komitmen yang telah dibuat untuk pembayaran dibuat bagi tahun 2018, kita masih berbaki lagi dan saya harap ia akan dapat dilangsaikan sebelum tahun ini berakhir. Terima kasih.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Sedikit lagi. Minta sekali lagi, sedikit sahaja.

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: Saya ingat tidak payah lah Yang Berhormat Pendang. Kita sembang di luar lah. [*Dewan ketawa*] Saya ucapkan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Walaupun masih banyak perkara yang perlu dijawab tetapi oleh sebab ia menimbulkan satu *interest* yang cukup baik di kalangan Ahli-ahli Yang Berhormat kita tentang perkara ini. Saya yakin bahawa sebenarnya ia adalah *genuine* yang datang daripada hati nurani setiap Ahli Parlimen kita untuk memastikan bahawa negara kita terus diurus tadbir dengan baik dan setiap hasil yang kita peroleh dapat dibelanjakan untuk memastikan bahawa kesejahteraan rakyat itu dapat kita utamakan. Sekian, *wabillahitaufik walhidayah, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sekarang saya menjemput Kementerian Pertahanan. Masa yang diperuntukkan 45 minit. Sila.

7.15 min.

Menteri Pertahanan [Tuan Mohamad bin Sabu]: Saya rela beri masa kepada kementerian lain sebab jawapan saya tidaklah begitu panjang. Terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Setiawangsa, Pasir Mas, Kuala Terengganu, Tuaran, Rantau Panjang, Padang Serai, Lawas dan Sungai Petani.

Pertama yang ingin saya sentuh ialah aset dan kesiapsiagaan ATM. Isu ini telah dibangkitkan oleh dua Ahli Yang Berhormat iaitu Yang Berhormat Setiawangsa dan Yang Berhormat Pasir Mas di mana telah mencadangkan agar semakan atau kajian ke atas aset-aset ATM dan kuasa tambakan milik ATM yang sedia ada dilaksanakan. Hasil daripada kajian ini perlu dibuat penambahbaikan aset bagi memastikan kesiapsiagaan ATM berada di tahap tertinggi.

Yang Berhormat Setiawangsa juga mencadangkan agar pembelian aset baharu yang moden serta canggih yang boleh digunakan secara menyeluruh bukan sahaja oleh ATM tetapi turut boleh digunakan dalam misi kemanusiaan bencana alam.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertahanan dan ATM memberi jaminan bahawa keupayaan dan tahap kesiapsiagaan aset ketenteraan negara berada di tahap yang baik dan berupaya mempertahankan kedaulatan negara, keutuhan wilayah dan kesejahteraan ekonomi negara daripada sebarang bentuk ancaman. Di samping itu, kementerian juga sedang mengambil beberapa langkah penambah baikkan hala tuju pembangunan ATM termasuk melaksanakan kajian ke atas aset-aset strategik ketenteraan bagi memastikan ia berada dalam keadaan yang terbaik berdasarkan kepada ancaman semasa dan persekitaran keselamatan strategik serantau dan global supaya selari dengan kajian semula Dasar Pertahanan Negara, strategi ketenteraan negara dan Pelan Pembangunan Keupayaan Dimensi Keempat Angkatan Tentera Malaysia yang dilaksanakan.

Kementerian Pertahanan percaya *road map* atau Pelan Pembangunan Keupayaan jangka panjang ATM yang komprehensif dengan kelengkapan yang berteknologi tinggi dan disepadukan dengan pembangunan modal insan yang berkualiti serta turut mengambil kira faktor ancaman luar serta keperluan untuk misi bantuan kemanusiaan dan bencana alam dapat direalisasikan terutama dalam membantu pihak berkuasa awam. Ia juga bertujuan supaya sistem pertahanan negara lebih mampan dan efisien serta dapat memberi sumbangan terhadap misi kemanusiaan di samping menaikkan imej negara.

Namun begitu, rancangan pembangunan dan penambahan kekuatan aset ketenteraan ini juga akan disesuaikan dengan kemampuan kewangan negara. Sebagai makluman Yang Berhormat juga pihak kementerian sedang dalam proses semakan semula Dasar Pertahanan Negara dan bercadang untuk menyediakan satu kertas putih pertahanan yang akan menggariskan prinsip dan strategi pertahanan serta Pelan Pembangunan Keupayaan ATM yang terkini. Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]: Yang Berhormat Menteri, minta pencilahan sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Pasir Mas.

Tuan Mohamad bin Sabu: Jangan banyak sangat. Maghrib.

Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya hendak tanya tentang isu peralatan dan kesiapsiagaan ini. Kita sering mendengar ketika Pakatan Harapan dan masih berada di luar kerajaan dahulu dan juga dibangkitkan di dalam Parlimen ini beberapa kali tentang skandal-skandal yang berlaku di Kementerian Pertahanan. Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri setakat manakah komitmen kerajaan hari ini menyiasat skandal lalu dan setakat manakah tindakan diambil. Terima kasih.

Tuan Mohamad bin Sabu: Akan ada jawapan itu kemudiannya. Isu kedua yang saya ingin sentuh ialah berkaitan dengan ancaman siber. Isu ini juga telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Setiawangsa sebab Setiawangsa ini kawasan dia banyak penghuni tentera. Maka dia banyak bercakap hal ketenteraan. Sebagai makluman Yang Berhormat, pihak kementerian melalui insentif pertahanan siber di peringkat Kementerian Pertahanan dan ATM telah menubuhkan *Cyber Defence Operations Centre* atau dikenali dengan CDOC. Semua ditubuhkan oleh kerajaan dahulu yang bertujuan melaksanakan operasi mengesan, menangkis dan melindungi sistem dan rangkaian ICT Kementerian Pertahanan sejak 2016.

■1920

Pusat operasi ini juga merupakan *one stop centre* bagi mengendalikan mitigasi terhadap kes-kes insiden keselamatan siber yang dikesan serta memastikan objektif sistem maklumat iaitu kerahsiaan, integriti dan ketersediaan dapat dicapai. *Sea dock* ATM telah beroperasi sepenuhnya pada 2017. Ia berkemampuan untuk membantu secara berterusan

terhadap ancaman siber ke atas rangkaian Kementerian Pertahanan dan ATM. Sistem pemantauan ini mampu memberi amaran awal terhadap kemungkinan serangan dan seterusnya tindakan pencegahan awal dapat dilaksanakan.

Bagi isu pembelian aset berteknologi tinggi pula, pihak kementerian sentiasa merancang pembelian peralatan baharu yang sesuai dengan keperluan semasa melalui RMK sedia ada. Dari aspek latihan pula kementerian sentiasa melaksanakan siri latihan sama ada di peringkat taktikal dan strategik seperti latihan dalaman dan bagi meningkatkan kompetensi anggota menghantar berkursus di dalam dan luar negara. Kesemua perkara ini dilihat penting bagi memastikan keselamatan dan kedaulatan siber negara dapat dipertahankan serta memastikan kesan serangan dapat diminimumkan.

Tuan Yang di-Pertua, isu ketiga ialah berkaitan meluaskan peluang khidmat pembaikan dan selenggaraan kapal-kapal milik TLDM kepada syarikat-syarikat maritim tempatan. Isu ini telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kuala Terengganu. Ada Yang Berhormat Kuala Terengganu?

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Tidak ada.

Tuan Mohamad bin Sabu: Kalau tidak ada, saya jawab bertulislah yang itu. Isu keempat ialah berkaitan mengukuhkan diplomasi pertahanan di kalangan negara-negara ASEAN. Ini yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Setiawangsa dan Yang Berhormat-Yang Berhormat yang lain. Bagi cadangan Yang Berhormat ini sememangnya dasar kerajaan pada masa ini ialah untuk berbaik-baik dan menjalinkan kerjasama erat di kalangan negara ASEAN. Ini diutamakan dahulu, langkah yang dibuat oleh kerajaan-kerajaan yang dahulu terus dilaksanakan.

Cuma kita tingkatkan lagi hubungan sekarang di bawah kerajaan sekarang iaitu dengan China dan Vietnam. Di China saya minggu lepas berada di Beijing bertemu dengan pihak Kementerian Pertahanan di sana kita berbincang untuk mewujudkan *high-level committee* (HLC) di peringkat luar negara dan kerjasama pertahanan sebab China adalah sebuah negara yang muncul sekarang ini kekuatan di sudut ekonomi dan juga ketenteraan. Kita Malaysia akan membuat *engagement* dengan mereka seperti negara-negara lain supaya kita dapat berunding terus, berbincang dengan mereka di peringkat *high-level committee* dan juga di peringkat kerjasama ketenteraan.

Begitu juga dengan Vietnam, ada hubungan baik tetapi kita akan sampai ke peringkat *high-level committee* kerana rantau Asia Tenggara khususnya Laut China Selatan perlu berada dalam keadaan aman dan tenteram kerana Malaysia, Singapura, Filipina, Indonesia amat bergantung kepada keamanan di Laut China Selatan. Oleh itu, *engagement* dengan negara-negara yang berada di ASEAN dan negara-negara kuasa besar kita teruskan dari semasa ke semasa.

Cadangan memindahkan Kem Lok Kawi ke kawasan Pantai Timur Sabah bagi mengukuhkan keselamatan dan meningkatkan ekonomi di kawasan berkenaan, Yang Berhormat Tuaran menimbulkan isu ini. Sebagai maklumat Yang Berhormat, pihak kementerian sentiasa peka akan aspek keselamatan yang mesti dipandang serius dalam memastikan keamanan di seluruh negeri Sabah. Demi keselamatan tersebut, Markas Task Force 450 akan dkekalkan berada di Kem Lok Kawi untuk memerintah semua briged-briged di bawah naungannya. Manakala Markas Briged Kelima Infantri yang sekarang berada di Kem Lok Kawi dirancang ditempatkan di Kota Belud untuk menjaga keselamatan Pantai Barat dan pedalaman Sabah.

Bagi keselamatan di Pantai Timur Sabah pula, ia telah diperkukuhkan dengan penubuhan Briged Ke-13 ESSCOM. Saya sendiri melawat di kawasan ini dan bermalam di pulau yang berdekatan dengan Filipina, bertemu bual dengan tentera kita yang bertugas di sana. Memang keadaan Laut Sulu sudah menjadi aman sekarang cuma sekali-sekala ada pencerobohan tetapi secara umumnya ia berada dalam keadaan aman dan banyak pelancong-pelancong luar tiba semula ke pulau-pulau yang indah di perairan timur Sabah sekarang ini. Ini adalah tindakan pegawai-pegawai keselamatan kita sama ada di pihak polis ataupun angkatan tentera di bawah ESSCOM memainkan peranan memberi dan membawa keamanan di kawasan tersebut.

Seterusnya ditimbulkan isu mewujudkan ekosistem yang baik bagi perkembangan industri pertahanan tempatan. Isu ini dibangkitkan oleh lagi Yang Berhormat Setiawangsa. Sebagai mana maklumat Yang Berhormat, industri aeroangkasa berserta industri pertahanan yang lain akan turut disokong oleh kerajaan dalam aspek menyediakan peluang eksport,

mewujudkan usaha sama tempatan dan antarabangsa, peningkatan kemahiran tempatan serta peluang latihan dan sektor berteknologi tinggi.

Sehubungan dengan itu, Majlis Industri Pertahanan Malaysia atau *Malaysia Industry Council for Defence Enforcement and Security* (MIDES) yang telah ditubuhkan pada tahun 2010 sentiasa berusaha untuk membangunkan syarikat industri pertahanan tempatan. MIDES merupakan platform antara kementerian dan syarikat tempatan bagi membincangkan isu-isu berkaitan industri serta memberikan panduan dan hala tuju yang terbaik ke arah pembangunan industri serta mengekalkan pertumbuhan mampan. Buat masa sekarang MIDES sedang dalam tindakan membangunkan *Defence Enforcement and Security Industry Blueprint*. *Blueprint* ini akan berfungsi sebagai garis panduan pembangunan industri tempatan dalam memastikan pertumbuhan industri pertahanan.

Penguatkuasaan dan keselamatan negara turut berkembang seiring dengan kemajuan teknologi negara-negara yang lebih maju. DESIB dijangka akan menjadi platform dalam pemacu industri tempatan. Secara keseluruhan kerajaan sentiasa memberi penekanan dan menyokong usaha-usaha pembangunan syarikat yang terbabit dalam industri pertahanan negara. Syarikat-syarikat yang dulu yang di bawah kerajaan dulu yang mana prestasinya baik kita akan teruskan, yang mana ada prestasi yang kurang baik kita akan menilai semula.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Ya, Yang Berhormat. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, Yang Berhormat Pasir Salak.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, contoh syarikat-syarikat yang bergiat dalam industri pertahanan ini yang ada potensi untuk kita melihat ia dibangunkan, satu.

Keduanya, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri wawasan Yang Berhormat Menteri dan kerajaan untuk membangunkan industri ini adakah ia untuk domestik market, pasaran dalam negara sahaja kah atau jauh lebih daripada itu untuk kita meneroka pasaran di luar.

Tuan Mohamad bin Sabu: Syarikat-syarikat tempatan banyakkah, di antaranya Airod yang terus beroperasi begitu juga syarikat-syarikat yang sedia ada yang lain yang saya akan jawab dalam bentuk bertulis banyak nanti. Kalau sebut satu, dua nanti yang lain tentu akan kata kenapa sebut syarikat itu sahaja. Kita industri ini kita utamakan untuk tempatan dan kalau ada upaya untuk dieksport. Akan tetapi lebih utamakan tempatan kerana dalam industri juga kita nak ke arah mewujudkan pekerjaan itu yang paling penting.

Kadangkala kita import satu barang itu dengan buat di Malaysia mungkin harganya hampir sama, lebih mudah kita import.

■1930

Akan tetapi ia tidak mewujudkan pekerjaan. Oleh itu, kalau ada keupayaan syarikat kita boleh buat di Malaysia, kita utamakan buat di Malaysia. Walaupun kadangkala ia mahal sedikit kerana kita hendak utamakan *create* atau pun melahirkan pekerja-pekerja di Malaysia ini. Itulah tujuan yang kita galakkan industri-industri tempatan yang saya akan berikanlah senarai nanti yang panjang dan yang terlibat dalam industri tempatan ini. Secara keseluruhan, kerajaan akan memberi sokongan kepada industri tempatan ini.

Soalan seterusnya yang dibangkitkan ialah melaksanakan audit khas ke atas perbelanjaan pentadbiran dan perolehan Kementerian Pertahanan. Ini Yang Berhormat Pasir Mas. Isu sebagai maklumat Yang Berhormat, Kementerian Pertahanan sentiasa melaksanakan pengauditan dalaman. Perkara berkaitan tadbir urus, perolehan dan kewangan kementerian yang dilaksanakan sama ada secara dalaman atau Bahagian Audit Dalam kementerian atau luaran dengan kerjasama Jabatan Audit Negara. Kriteria utama dalam pengauditan ini ialah untuk pematuhan *standard operating procedure*, berintegriti, akauntabiliti dan telus kepada kerja-kerja yang dilaksanakan.

Selain itu, pihak Jabatan Audit Negara dari semasa ke semasa juga turut mengadakan pengauditan khas bagi projek-projek yang bernilai RM100 juta ke atas. Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, pada 30 Mei 2018 yang lalu Jemaah Menteri telah menubuhkan jawatankuasa khas iaitu Jawatankuasa Tadbir Urus, Perolehan dan

Kewangan Kerajaan yang akan melakukan siasatan terhadap tadbir urus, perolehan dan kewangan dalam pentadbiran kerajaan lepas.

Saya memohon jawatankuasa ini siasat Kementerian Pertahanan dahulu sebab saya tidak mahu tuduhan-tuduhan yang berlegar yang menyebabkan moral, moral pasukan keselamatan, moral kementerian akan terjejas. Biar satu jawatankuasa ini membuat penyiasatan dan laporan awal tiga bulan pertama telah diberi kepada pihak kami di kementerian. Jawatankuasa ini amat berwibawa diketuai oleh Tan Sri Ambrin Buang, jawatankuasanya yang di antaranya terlibat dalam akauntan profesional dan sebagainya, saya berkeyakinan penuh laporan yang mereka beri ini, berwibawa.

Saya akan dedahkan maklumat-maklumat ini selepas laporan yang kedua tiga bulan yang akan datang. Jadi, ada yang spekulasi selama ini hanyalah berbentuk tuduhan, ada yang ada faktanya. Jadi, dengan keadaan yang siasatan begitu, maka pihak kementerian dan semua kakitangannya sekarang begitu berada dalam semangat yang cukup tinggi untuk bekerja, memberi keamanan dan mempertahankan keselamatan Malaysia.

Bagi menangani segala dakwaan rasuah kerugian dan salah laku di Kementerian Pertahanan, saya telah memohon jawatankuasa ini memulakan siasatan dan saya kata laporan tiga bulan awal telah pun diberi dan kita menunggu laporan tiga bulan lagi kemudian akan dihebahkan yang mana boleh di hebah. Itu bergantung kepada *recommendation* daripada jawatankuasa ini sebab Kementerian Pertahanan kita tahu adalah satu kementerian yang penuh dengan sensitif terhadap sesuatu perkara terutama hal-hal keselamatan negara.

Seterusnya, pihak Yang Berhormat minta supaya kajian penambahbaikan pemberian pampasan khidmat kepada anggota ATM yang akan menamatkan perkhidmatan mereka. Isu ini sekali lagi dibangkitkan oleh Yang Berhormat saya sebutkan tadi. Sebagai makluman Yang Berhormat, Peraturan-peraturan Angkatan Tetap (Pencen, Ganjaran dan Faedah-faedah Lain) 1982 telah menetapkan bahawa bagi melayakkan ATM menerima pencen perkhidmatan, mereka mestilah berkhidmat sekurang-kurangnya 21 tahun. Apabila saya melawat kem-kem tentera, saya memberi ucapan kalau boleh saya memohon kepada tentera meminta mereka berkhidmatlah sampai 21 tahun, sampai ke umur bersara kalau mereka berupaya dan mampu.

Walau bagaimanapun ATM tidak menghalang mana-mana anggota yang ingin menamatkan perkhidmatan sebelum 21 tahun, sama ada 12 tahun, 15 tahun atau 18 tahun. Pemberhentian ini adalah atas kehendak serta permohonan anggota itu sendiri dan mengetahui bahawa implikasinya mereka tidak layak menerima pencen perkhidmatan.

Oleh sebab itulah, saya minta selalunya kalau tidak ada masalah besar berkhidmatlah sampai 21 tahun. Masuk tentera umur 20, 21 tahun baru umur 41. Kalau dia sambung lagi sampai lima tahun lagi, enam tahun lagi, dia dapat pencen 60 peratus daripada gaji pokok mereka. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, mereka yang tidak berpencen akan menerima semua caruman ahli dan kerajaan yang terkumpul di Lembaga Tabung Angkatan Tentera dan juga faedah gantian cuti rehat secara sekali gus apabila menamatkan perkhidmatan.

Namun begitu, bagi membantu anggota ATM yang memilih untuk menamatkan khidmat secara tidak berpencen, kementerian ini telah memperkenalkan suatu inisiatif yang dikenali sebagai Skim Anuiti Veteran sejak bulan November 2017. Saya kata tadi apa skim yang baik, saya dan kementerian ini akan teruskan. Melalui skim ini, anggota ATM yang menamatkan perkhidmatan kurang daripada 21 tahun dan memilih *option* SAVE akan menerima bayaran anuiti secara bulanan seumur hidup bagi membantu mereka mengekalkan taraf sosioekonomi selepas menamatkan perkhidmatan.

Selain itu, berkuat kuasa 1 November 2017, kementerian ini juga telah memperkenalkan pelanjutan perkhidmatan melebihi 21 tahun terus ke 26 tahun. Bertujuan untuk memastikan apabila mereka berhenti mereka memperoleh pencen 60 peratus daripada gaji pokok.

Seterusnya, dibangkitkan soal veteran ATM. Isu ini telah dibangkitkan oleh tiga Ahli Yang Berhormat...

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri, sedikit penjelasan berkaitan dengan angkatan yang tidak berpencen. Terima kasih di atas peluang yang diberi. Saya ingin tahu apakah kerajaan mempunyai satu dasar selain daripada usaha-usaha yang telah disebutkan tadi untuk

mbolehkan angkatan tentera yang tidak berpencen ini boleh diserapkan kepada anggota atau pun pasukan beruniform yang lain, makna gabungan dengan kementerian-kementerian yang lain seperti keselamatan, bomba atau pun sebagainya sebab kemahiran yang ada pada mereka. Sebab ramai di kalangan mereka yang apabila mereka berhenti dan mereka berminat semula untuk masuk.

Jadi, apakah dasar ini dibuat untuk membolehkan, memberi keutamaan kepada golongan yang tidak berpencen ini? Minta penjelasan.

Tuan Mohamad bin Sabu: Yang Berhormat Rantau Panjang ini tahu sahaja macam saya hendak jawab. *[Disampuk]* Ha! Kawan lama. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Bukan Yang Berhormat Menteri, soalan bocor. *[Dewan ketawa]*

Tuan Mohamad bin Sabu: Isu ini telah dibangkitkan oleh tiga Ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Setiawangsa, Yang Berhormat Rantau Panjang dan Yang Berhormat Padang Serai. Saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada ketiga-tiga Ahli Yang Berhormat di atas perhatian Ahli Yang Berhormat untuk memastikan kebajikan veteran ATM.

Sebagai makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kementerian sentiasa membela dan menjaga kebajikan veteran ATM dengan menyediakan pelbagai bentuk bantuan kebajikan kepada veteran ATM sama ada veteran berpencen atau tidak berpencen bagi membantu meringankan beban hidup mereka. Bagi tahun ini sahaja RM155 juta telah diperuntukkan untuk bantuan-bantuan kebajikan kepada veteran ATM dan belanja tambahan juga diperoleh.

Saya akan terus memperjuangkan hal kebajikan veteran ini dari semasa ke semasa. Jangan bimbang. Ini macam jadi ceramah pula, tidak eloklah. *[Ketawa]* Saya akan terus memantau dan supaya peruntukan dapat ditambah dari semasa ke semasa.

Tuan Karupaiya Mutusami [Padang Serai]: Minta laluan.

Tuan Mohamad bin Sabu: Ertinya kalau berlaku penambahan pendapatan kerajaan saya akan memohon Kementerian Pertahanan, veteran dan tentera kita menjadi habuan utama untuk diberi.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya lah, Yang Berhormat Menteri Kewangan pun duduk tepi sahaja. Jiran, senang hendak minta peruntukan.

Tuan Karupaiya Mutusami [Padang Serai]: Minta laluan.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Mencelah, minta laluan.

Tuan Mohamad bin Sabu: Susah Menteri Kewangan ini.

Tuan Karupaiya Mutusami [Padang Serai]: Yang Berhormat, minta laluan.

■1940

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Pasir Salak. Boleh? Baik, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri menyebutkan RM155 juta, besar peruntukan itu. Tahniahlah kepada Yang Berhormat dapat peruntukan jumlah yang begitu besar untuk veteran ini. Boleh saya tahu apa yang dibuat dengan RM155 juta ini? Sebelum Yang Berhormat jawab, saya hendak menarik perhatian Yang Berhormat kepada satu kebajikan yang mungkin pihak kerajaan, Yang Berhormat sendiri boleh perhebatkan iaitu perumahan veteran.

Ini kerana kalau harapkan duit pencen sahaja, *value, purchasing power* makin lama makin menurun dengan peningkatan kos sara hidup *and so all that*. Duit RM500,000, RM700,000 itu dalam tempoh empat tahun atau lima tahun sudah jadi mungkin nilainya tinggal separuh ataupun kurang daripada separuh. So, kalau kita beri aset rumah umpamanya, dia akan *appreciate*, ada harta untuk dia. Boleh Yang Berhormat perhebatkan?

Tuan Mohamad bin Sabu: ...Dengan pelbagai program...

Tuan Karupaiya Mutusami [Padang Serai]: Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Padang Serai.

Tuan Mohamad bin Sabu: Ya, Yang Berhormat Padang Serai.

Tuan Karupaiya Mutusami [Padang Serai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, saya minta jasa baik terhadap anggota-anggota yang tidak pencen dan juga sudah pencen, ambil perhatian yang serius memandangkan jasa mereka tidak ternilai. Ini sebab semasa bersama dengan pegganas komunis, ramai berkorban tinggalkan anak bini dan juga sentiasa berjauhan daripada keluarga dan sebagainya.

Akan tetapi apabila mereka sudah mula pencen, pencen masih lagi ikut kadar yang lama. Pada masa ini terdapat banyak perbelanjaan, anak sudah besar hendak hantar sekolah, hendak pergi ke universiti dan sebagainya. Mereka rasa tidak begitu puas hati terhadap kerajaan yang lepas yang tidak memberi apa-apa, hanya naik dua persen sahaja setiap tahun. Itu tidak memadai.

Di samping itu juga, bagi saya nasihat daripada tentera-tentera yang sedang berkhidmat, janganlah berhenti 12 tahun, 15 tahun atau 18 tahun. Kalau boleh berhenti 21 tahun ataupun lebih daripada itu. Kalau sudah ada pencen, senang hendak hidup. Sekarang orang yang dekat luar pun tidak ada kerja. Lagi *you* keluar daripada tentera, lagi susah pada kerajaan balik. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Mohamad bin Sabu: Saya sudah sebut tadi. Terima kasihlah penegasan tambahan daripada Yang Berhormat Padang Serai. Wang itu digunakan untuk bantuan sara hidup, bantuan persekolahan, bantuan kemasukan ke institut pengajian awam, bantuan perubatan, bantuan peralatan pesakit, bantuan bencana alam, bantuan pengurusan jenazah. Pihak kementerian akan terus membuat cadangan bagi menambah baik Skim Kebajikan Veteran ATM dari semasa ke semasa. Saya kata tadi kita akan terus bercakap, berjuang, memohon dan juga yang paling penting ialah kemampuan kewangan kerajaan. Ini yang perlu kita lihat, apa yang kita tuntutan itu boleh dicapai sepenuhnya atau tidak.

Yang Berhormat Padang Serai membangkitkan kajian kepada kadar pencen ATM, naik dua peratus sahaja. Kerajaan turut menaikkan kadar pencen dengan menetapkan pencen minimum pada kadar RM1,000 mulai 1 Januari 2018. Pemberian ini adalah suatu usaha kerajaan untuk menentukan pencen yang diterima boleh mengimbangi kos sara hidup semasa. Itu yang paling minimum. Akan tetapi kalau khidmat sampai 21 tahun, mereka memperoleh pencen jauh lebih daripada itu.

Bagi cadangan Yang Berhormat Padang Serai berkenaan pemberian imbuhan khas kepada veteran ATM tidak berpencen sekurang-kurangnya setahun sekali, ia merupakan satu cadangan baik tetapi perkara ini akan melibatkan peruntukan yang tinggi memandangkan jumlah veteran ATM tidak berpencen 180,044 orang. Pihak kementerian akan meneliti cadangan ini secara mendalam serta ia perlu mendapat kelulusan agensi pusat.

Yang Berhormat Rantau Panjang mencadangkan veteran ATM terutamanya yang tidak berpencen diserapkan ke dalam perkhidmatan beruniform agensi-agensi kerajaan yang lain seperti polis. Saya juga jelaskan, pihak kementerian melalui Jabatan Hal Ehwal Veteran telah bekerjasama dengan PDRM dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dalam urusan pengambilan veteran ATM yang tidak berpencen ke dalam perkhidmatan PDRM. Kami mempergiatkan lagi usaha ini.

Pelantikan veteran ATM dalam perkhidmatan PDRM telah diadakan sejak tahun 2011. Sehingga kini, 246 orang veteran ATM telah berjaya dilantik dalam perkhidmatan PDRM. Manakala seramai 19 orang veteran ATM telah dilantik dalam perkhidmatan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Sebagai maklumat Dewan yang mulia ini, pengambilan seperti ini adalah berdasarkan kekosongan dan keperluan semasa. Kami akan terus berjumpa dengan kementerian lain seperti pihak bomba dan sebagainya kalau ada ruang untuk diisi oleh bekas-bekas veteran tentera ini.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Penjelasan sedikit. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya sangat berterima kasih di atas kenyataan Yang Berhormat Menteri untuk memberi ruang kepada pasukan veteran kita terutamanya tidak berpencen. Cuma masalah aduan yang kita terima, ada di kalangan mereka yang tidak mempunyai kelulusan akademik SPM dan ada sesetengah jabatan yang mensyaratkan mesti ada sijil SPM. Walaupun mereka tidak ada SPM, hanya ada PMR tetapi mereka mempunyai pengalaman yang lama. Jadi, apakah perkara ini akan menjadi pertimbangan untuk memberi laluan kepada veteran kita supaya tidak menjadi satu masalah untuk mereka terus memberi perkhidmatan?

Tuan Mohamad bin Sabu: Cadangan itu baik dan kita akan terus mengutarakan perkara ini dalam rundingan-rundingan kita dengan jabatan-jabatan seterusnya. Memang

pengalaman ini kadangkalanya dia masuk SRP tetapi dia sudah sampai ke peringkat sarjan. Pengalaman pentadbiran dan sebagainya ada kepada mereka mengatasi kelulusan SPM itu dari sudut keupayaan mereka dan pengalaman mereka. Kita ambil perhatian khas saranan Yang Berhormat Rantau Panjang itu.

Kajian untuk menaikkan kadar insentif...

Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]: Yang Berhormat, minta laluan Puncak Borneo.

Tuan Mohamad bin Sabu: Ya.

Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]: Yang Berhormat, saya juga baru-baru ini ada mendengar desas desus bahawa kes pembelian kenderaan dan senjata untuk anggota angkatan tentera tidak mengikut spesifikasi asal yang diketengahkan dalam dokumen pembelian. Apabila perkara ini *dideliver*, spesifikasi tidak mengikut *specification* asal. Saya rasa dalam negara kita mempunyai kekangan kewangan yang meleset dan ditambah lagi dengan perkara ini yang didakwa berlaku, maka saya meminta pihak Yang Berhormat untuk melakukan siasatan sama ada perkara ini benar-benar berlaku supaya kita tidak mempunyai situasi yang sama dengan kerajaan terdahulu di mana kita membeli kapal selam tidak boleh menyelam. Ini supaya kita tidak melakukan kesilapan yang pernah dilakukan oleh kerajaan-kerajaan terdahulu.

Saya juga ingin mengimbas kembali bahawa dalam peruntukan Perintah Majlis Angkatan Tentera 1973, para tentera kita sepatutnya boleh menuntut kerajaan memenuhi janji tentang pemberian tanah dan tanah lot tapak rumah kepada veteran tentera sebagai termaktub dalam PM1973. Jadi, adakah perkara ini masih diamalkan sebab ramai di antara golongan veteran tentera kita yang telah berjuang bersungguh-sungguh untuk mempertahankan negara, tetapi pemerintah ini tidak langsung melihat kepada kebajikan mereka. Adakah pemerintah ini masih relevan? Sekian, terima kasih.

Tuan Mohamad bin Sabu: Terima kasih kepada yang bertanya. Saya kata tadi ada penyelewengan pembelian dan sebagainya, jawatankuasa sedang menyasat. Pihak jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Tan Sri Dato' Setia Ambrin Buang juga telah pun ke kapal selam dan sebagainya. Kita tunggu lah laporan daripada mereka. Masa akan datang, kita memastikan supaya orang yang betul-betul pakar dan *the end user* yang akan lebih menentukan apa jenis peralatan yang diperlukan dan bukan sangat campur tangan orang-orang politik supaya mereka yang mengetahui jenis-jenis persenjataan yang diperlukan oleh Angkatan Tentera Malaysia.

■1950

Tentang pemberian tanah itu adalah soalan spesifik, saya minta notis untuk melihat keputusan Majlis Angkatan Tentera yang disebutkan tadi dan saya akan semak dan akan memberi jawapan kepada Yang Berhormat.

Kajian seterusnya untuk menaikkan taraf. Permintaan supaya menaikkan taraf insentif pemusnah bom. Isu ini dibangkitkan oleh Yang Berhormat Padang Serai kerana dia seorang tentera. Meminta Kementerian Pertahanan mengkaji semula kadar bayaran insentif pemusnah bom yang diterima oleh Angkatan Tentera Malaysia yang terlibat dalam misi pemusnahan bom kerana dianggap terlalu rendah berbanding dengan risiko yang ditanggung oleh mereka.

Untuk makluman Yang Berhormat, pembayaran insentif pemusnah bom ini telah mula dibayar kepada kumpulan pemusnah bom ATM pada tahun 1979 dengan kadar RM50 kepada setiap anggota kumpulan pemusnah bom yang terlibat dalam operasi berkenaan. Pada tahun 2006, kadar pembayaran insentif ini telah dinaikkan kepada RM100. Pihak Kementerian mengambil maklum dan mengucapkan terima kasih atas perhatian Yang Berhormat atas cadangan tersebut dan akan meneliti perkara ini selanjutnya. Daripada RM50, naik kepada RM100. Akan naik lagi atau tidak, kita akan bincang secara teliti untuk melihat perkara ini.

Projek Jiwa Murni ditimbulkan oleh Yang Berhormat Sungai Petani. Tidak ada, ya? Walau bagaimanapun, perkara ini penting. Kita akan teruskan iaitu tentera bersama dengan masyarakat termasuklah sebagai pertanyaan daripada Yang Berhormat Lawas. Yang Berhormat Sungai Petani dan Yang Berhormat Lawas, sememangnya pihak kementerian dan ATM sentiasa bersedia dan melaksanakan berbagai-bagai projek bersifat rakyat yang

memberi keutamaan dan membantu pihak berkuasa awam semasa menghadapi bencana seperti banjir, tanah runtuh dan sebagainya.

Penglibatan Angkatan Tentera semasa banjir besar di Kelantan, banjir di Pulau Pinang dan banyak tempat yang lain lagi dan baru-baru ini kita telah menghantar kapal terbang kita, A400M, kapal terbang penumpang dan pengangkut tentera untuk membantu mangsa-mangsa gempa bumi dan juga taufan yang berlaku di Sulawesi.

Selain daripada itu, ATM juga terlibat dalam membantu rakyat di bawah Projek Jiwa Murni seperti projek pembinaan jalan perhubungan dan peningkatan bekalan air luar bandar serta membina rumah baru dan membaik pulih rumah awam dan veteran ATM yang daif di seluruh Malaysia. Di samping itu, ATM akan melaksanakan program-program berbentuk *corporate social responsibility* seperti penerbangan ihsan membawa pesakit yang tenat oleh TUDM.

Seperti pertanyaan Yang Berhormat Lawas, pada masa ini pembinaan jalan fasa dua dari Ba'kelalan ke Bario sejauh 21 kilometer di bawah Projek Jiwa Murni sedang dalam pembinaan dan dijangka siap pada tahun 2019. Berkenaan status pembinaan jalan fasa tiga Ba'kelalan ke Bario pula, kementerian akan melaksanakan projek pembinaan jalan tersebut tertakluk kepada peruntukan dan kelulusan. Itulah jawapan-jawapan yang telah disampaikan.

Terima kasih kepada mereka yang amat prihatin kepada Angkatan Tentera Malaysia dan Kementerian Pertahanan. Saya akhiri dengan petikan lagu patriotik negara. "*Andai kata kami lalai dan lewa, harap gerakkan kami semula. Kami mohon doa. Malaysia berjaya*". Terima kasih. [Tepuk]

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Jangan marah ya.

Seorang Ahli: Hebat ya.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tunjuk perasaan, Yang Berhormat?

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Sekarang saya menjemput Kementerian Pendidikan. Masa diperuntukkan selama 45 minit. Sila, Yang Berhormat Menteri.

7.54 m.m.

Menteri Pendidikan [Dr. Maszlee bin Malik]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahir Rahmanir Rahim. [Membaca sepotong doa]* Kementerian Pendidikan Malaysia merakamkan jutaan terima kasih kepada 52 orang Ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan, saranan dan teguran yang cukup membina demi membantu penambahbaikan berterusan sektor pendidikan negara. Tuan Yang di-Pertua, Raja Ali Haji ada berkata dalam gurindam fasal yang kelima.

Jika hendak mengenal orang berbangsa, lihat kepada budi dan bahasa,

Jikalau hendak mengenal orang yang berbahagia, sangat memelihara orang yang sia-sia.

Jika hendak mengenal orang yang mulia, lihatlah kepada kelakuan dia,

Jikalau hendak mengenal orang yang berilmu, bertanya dan belajar tiadalah jemu.

Jika hendak mengenal orang yang berakal, di dalam dunia mengambil bekal, jikalau hendak mengenal orang yang baik perangai, lihat pada ketika bercampur dengan orang ramai.

Kementerian Pendidikan Malaysia percaya bahawa pendidikan adalah milik semua. Pendidikan tidak harus disempitkan kepada ruang dinding bilik darjah semata-mata malah perlu membina masyarakat sama. Pendidikan adalah milik masyarakat dan tidak boleh terhad hanya kepada kementerian semata-mata. Justeru, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) ke arah merakyatkan pendidikan supaya ilmu dapat sampai kepada semua.

Izinkan saya memulakan penggulungan dengan hala tuju pendidikan negara. Hala tuju pendidikan. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Tampin, Yang Berhormat Lenggong dan Yang Berhormat Marang yang bertanya tentang hala tuju dan perancangan pendidikan. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bersetuju bahawa semua perubahan perlu dikaji dengan teliti berdasarkan pendekatan *bottom-up* dan bukan lagi *top-down*.

Proses ini telah membawa Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) kepada siri-siri pertemuan dengan pemegang taruh dengan izin, *stakeholders* yang pelbagai seperti NGO, awam, kumpulan penulis dan sasterawan, kumpulan OKU, NUTP, IPPN, Kumpulan Kakitangan Akademik, gerakan mahasiswa, Kumpulan Pembela Hak Kanak-kanak serta Gabungan Majlis Guru Besar. Hal ini selaras dengan cadangan daripada Al-Quran yang menyifatkan sikap orang mukmin, "*Wa amruhum syura bainahum*", dengan izin iaitu mereka saling bermesyuarat dalam urusan mereka.

Walau bagaimanapun, semua reformasi pendidikan tidak boleh berlaku semalaman. Oleh yang demikian, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengenal pasti teras asas agenda reformasi pendidikan di Malaysia untuk dilaksanakan dalam jangka masa pendek dan juga untuk jangka masa panjang dalam tiga bentuk.

Pertamanya, menekankan pendidikan yang berteraskan nilai dan kemanusiaan. Untuk itu, semua sekolah dan institusi pendidikan sama ada di peringkat politeknik ataupun universiti akan menerapkan budaya berteraskan nilai kasih sayang, dengan izin *love*, kegembiraan dengan izin *happiness* dan hormat-menghormati dengan izin *mutual respect* serta menghidupkan kembali nilai sivik, budaya membaca serta penghayatan nilai-nilai Islam yang universal. Ini selari dengan apa yang telah disentuh oleh Yang Berhormat Tampin dan juga Yang Berhormat Marang. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) akan memastikan anak-anak belajar dengan seronok.

Pendidik yang mendidik kerana cintakan ilmu serta sekolah sebagai kawasan yang selamat untuk anak-anak kita dan masyarakat yang saling hormat-menghormati di antara satu sama lain. Sebagai langkah awal, sebuah manual nilai-nilai murni perhimpunan sekolah sedang dibina untuk memastikan sekolah bukan sahaja menerapkan nilai secara teori tetapi juga secara praktikal. Maka, manual ini yang mengandungi nilai-nilai murni akan dibacakan pada setiap perhimpunan. Setiap dua minggu, satu nilai baru akan diperkenalkan dan manual nilai murni ini akan diperkenalkan bermula tahun hadapan.

Untuk menerapkan dan memperkenalkan nilai-nilai murni, ia akan dilakukan secara komprehensif dengan konsep pendidikan milik semua. Anak-anak bukan sahaja akan menerima input mengenai nilai-nilai murni di perhimpunan-perhimpunan sekolah semata-mata malah kita juga, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mendapatkan kerjasama media yang juga akan menyambut usaha ini. Dengan ini, media akan turut memperkenalkan nilai-nilai yang pelbagai pada setiap dua minggu. Media juga akan turut membantu menerbitkan *public service announcement* (PSA) dengan izin selari dengan nilai-nilai yang diperkenalkan setiap dua minggu tersebut.

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) juga sedang cuba mendapatkan usaha sama dari pihak swasta untuk turut mempromosikan nilai-nilai murni di cawangan-cawangan mereka. Sebagai contoh, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mendapatkan persetujuan awal daripada McDonald's dan juga beberapa rangkaian restoran makanan terkemuka di bawah QSR Quality dan lain-lain lagi untuk turut membantu mempromosikan nilai-nilai tersebut pada setiap dua minggu selaras dengan apa yang diperkenalkan di perhimpunan-perhimpunan di sekolah.

Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin]: Minta laluan. Minta laluan dari Tampin.

■2000

Dr. Maszlee bin Malik: KPM mahukan nilai-nilai murni dan penghayatannya berlaku di segenap kehidupan rakyat seperti yang telah saya sebutkan sebelum ini. Pendidikan adalah tanggungjawab semua dan milik semua.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Tampin hendak bertanya.

Dr. Maszlee bin Malik: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Tampin, sila.

Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Apakah kementerian akan menerapkan kembali Falsafah Pendidikan Negara sebagaimana yang diungkapkan tadi selaras dengan Falsafah Pendidikan Negara yang telah diluluskan ataupun telah dibentangkan.

Dr. Maszlee bin Malik: Falsafah Pendidikan Negara sebagaimana yang saya telah jawab dalam jawapan sebelum ini merupakan tonggak asas terhadap reformasi yang dilakukan oleh Kementerian Pendidikan di era Malaysia baharu ini. Terima kasih, Yang Berhormat Tampin. KPM juga akan memperkenalkan semula subjek pengajian sivistik di semua peringkat sekolah dan dalam usaha untuk menghidupkan kembali TV Pendidikan secara percuma. Di peringkat universiti pula, KPM bercadang memperkenalkan dua subjek iaitu subjek Falsafah dan juga subjek *Ethics* untuk diajarkan kepada semua siswa dan siswi di universiti awam di Malaysia.

Kedua, salah satu aspek yang sedang mendapat perhatian serius KPM kini adalah untuk meningkatkan kualiti. KPM di era baru mahukan lebih banyak hasil terutamanya kualiti para pendidik, kualiti kurikulum, kecekapan mengurus kos serta struktur PPD dan JPN dalam ekosistem yang lebih mampan. KPM mahukan lebih ramai pemimpin yang berkebolehan untuk mengemudi perubahan ini di sekolah, di institusi pendidikan TVET dan juga di universiti-universiti.

KPM meyakini bahawa para pendidik yang berkualiti amat diperlukan untuk membangunkan institusi-institusi pendidikan yang terpinggir. Maka, sebagai langkah awal seramai 41 Pengetua Cemerlang telah ditempatkan di sekolah kurang berprestasi ataupun berprestasi rendah yang kini telah dijenamakan semula sebagai Sekolah Harapan. Selain itu, KPM telah meletakkan keutamaan untuk menyelesaikan semua Projek Sekolah Daif yang selama ini tidak dipedulikan oleh kerajaan terdahulu dan juga KPM sedang meneliti kesemua projek yang menelan duit rakyat tetapi gagal disiapkan sebelum ini.

Ini kerana KPM berpendapat kualiti pendidikan haruslah bermula dengan penyediaan infrastruktur asas yang mencukupi. Dalam masa yang sama juga, sebuah jawatankuasa mengkaji beban guru sedang bermesyuarat dengan pemegang taruh seperti NUTP untuk memastikan menjelang tahun 2019 guru-guru tidak lagi dibebani dengan kerja-kerja perkeranian. KPM percaya kualiti pengajaran boleh ditingkatkan setelah guru-guru tidak lagi terbeban dengan kerja-kerja di luar ruang pembelajaran dan pengajaran.

KPM di era Malaysia baharu ini juga akan menyediakan latihan dalam perkhidmatan kepada guru dan ini akan dilakukan secara intensif. Kita yakin guru-guru yang terlatih akan menjadi lebih berkualiti. Di samping itu, KPM juga sedang giat berkomunikasi dengan IPT terbabit untuk menukarkan jam-jam latihan yang dilalui oleh para guru melalui Latihan Dalam Perkhidmatan (LADAP) untuk diakreditasi dan kemudian menjadi jam kredit di mana akhirnya para guru akan mendapat kelulusan di peringkat diploma lanjutan ataupun di peringkat *master* di dalam bidang pendidikan.

Tuan Yang di-Pertua, KPM menasaskan penghasilan, dengan izin, *scholarly teachers* iaitu guru cendekiawan di mana di dalam tempoh 10 tahun kita bakal menyaksikan majoriti guru-guru kita merupakan pemegang Ijazah Sarjana ataupun Ijazah *Master*. Hal ini akan dilaksanakan tanpa memberikan beban tambahan kepada para guru.

Ketiga, autonomi dan *accountability* harus dikembalikan kepada institusi pendidikan. Kerajaan baharu ini berpendapat kita tidak boleh lagi menganggap bahawa kita tahu yang terbaik untuk sekolah dan universiti semata-mata. Maka kunci untuk mengubah perkara ini dalam jangka masa pendek adalah dengan memberikan kebebasan akademik dan memberikan kuasa kepada guru-guru dan juga pengetua dan juga kepada siswa dan para pensyarah di peringkat universiti. Maka KPM akan meminda AUKU dalam tempoh yang terdekat... [*Tepuk*] Ini akan kita selesaikan sebelum tahun hadapan.

Namun dalam jangka masa yang sama, sebelum autonomi penuh diberikan KPM juga perlu memastikan bahawa pemimpin yang tepat telah diletakkan di tempat yang betul dengan harapan semangat kebebasan akademik itu dihayati dan dirasai oleh semua.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, Yang Berhormat Batu Gajah. Sila.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Menteri ada menyebut bahawa dalam 10 tahun akan datang, sebahagian besar daripada guru-guru kita akan memiliki Ijazah Sarjana. Sekarang pun saya dapati ramai juga guru-guru yang mempunyai Ijazah Sarjana, malah ada juga yang mempunyai PhD tetapi mereka tidak mendapat apa-apa insentif daripada kerajaan.

So, dengan ini saya rasa kita perlu perbetulkan keadaan ini di mana mereka yang mempunyai kelayakan yang lebih besar, lebih tinggi harus diberi ganjaran yang sewajarnya. Apa pandangan Yang Berhormat Menteri berkaitan dengan isu ini. Terima kasih, Yang Berhormat Menteri.

Dr. Maszlee bin Malik: Terima kasih, Yang Berhormat Batu Gajah. Ya, benar di dalam rekod kita terdapat lebih 25,000 di kalangan guru-guru kita merupakan pemegang Ijazah *Master*. Benar juga kita dapati bahawa insentif ada diberikan kepada mereka tetapi tidak begitu lumayan dan ini berdasarkan keadaan ekonomi semasa. Kita akan cuba melihat dan memperbaiki dalam tempoh lima tahun ini insentif akan diberikan kepada guru-guru untuk mereka melanjutkan pelajaran.

Dalam masa yang sama, KPM juga sedang bekerjasama dengan SPRM untuk mengkaji semula semua kontrak kerajaan lama yang bermasalah. Antara contohnya seperti pemberian kontrak *generator solar diesel hybrid* yang dilakukan secara *direct negotiation* di Sarawak yang mana telah menyebabkan ratusan sekolah pedalaman di Sarawak bergelap. Ini terpaksa KPM lakukan untuk memantapkan sistem tadbir urus yang baru agar lebih *transparent* dan tidak terdedah kepada rasuah.

Di peringkat sekolah pula, guru-guru besar dan pengetua-pengetua akan dilatih dari masa ke semasa untuk bersedia untuk menguruskan sekolah mereka dan membuat keputusan-keputusan yang besar. Mereka akan diberikan latihan yang berterusan dan kita yakin bahawa para guru dan juga para pendidik merupakan golongan yang kreatif dan inovatif.

Untuk jangka masa panjang pula, KPM tidak terburu-buru membuat perubahan besar sebelum mengambil kira pendapat semua pemegang taruh. Oleh yang demikian, KPM telah menubuhkan sebuah jawatankuasa yang terdiri dari individu berpengalaman dalam pelbagai bidang untuk meneliti dengan berhati-hati semua aspek perubahan yang akan dijalankan kelak.

Selaras dengan keputusan Jemaah Menteri pada 6 Jun 2018, Jawatankuasa Kajian Semula Dasar Pendidikan Negara telah ditubuhkan. Jawatankuasa yang dianggotai oleh pakar-pakar dari kalangan ahli dan pendidik, badan bukan kerajaan dan pakar agama telah ditubuhkan. Penubuhan Jawatankuasa Kajian Semula Dasar Pendidikan Negara bertujuan untuk mengkaji semula dan mengemukakan laporan perdana untuk menyusun kembali Sistem Pendidikan Negara di peringkat para sekolah sehinggalah ke peringkat universiti.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Tanjong Karang.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tahniah kepada Yang Berhormat Menteri banyak perubahan dibuat, 25,000 guru melanjutkan pelajaran, hendak bagi kebebasan kepada guru-guru di sekolah, satu perubahan yang baru. Adakah guru-guru juga akan diberi kebebasan untuk memilih bidang-bidang mereka sendiri? Macam hendak melanjutkan pelajaran.

Begitu juga, adakah mereka juga boleh juga menggunakan, mengamalkan pantun Yang Berhormat dahululah. Pantun dua kerat Yang Berhormat sebelum menjadi Menteri dahulu. "*Siakap senohong gelama ikan duri, bercakap bohong...*" Yang Berhormat letak titik-titik, saya hendak habiskan. "*Siakap senohong gelama ikan duri, bercakap bohong lama-lama jadi Menteri*". Adakah kalau guru-guru main pantun ini boleh kah, tidak boleh?

Dr. Maszlee bin Malik: Saya tidak pasti sama ada ini ada kaitan dengan perbahasan kita.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, terpulang kepada kebijaksanaan Yang Berhormat Menteri.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Itu Usman Awang punya, pantun Usman Awang.

Dr. Maszlee bin Malik: Ya, itu Usman Awang tetapi pada saya tidak apalah inilah tahap komen daripada Wakil Rakyat Barisan Nasional yang kita raikan di dalam ruang demokrasi.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Tidak, tidak Yang Berhormat. Saya bukan Usman Awang. Ini Yang Berhormat sendiri ada dalam *Facebook* Yang Berhormat tahun 2015 tidak silap saya. Yang Berhormat jangan lupa, Yang Berhormat masuk di dalam *Facebook* Yang Berhormat. Kalau hendak saya boleh buktikan. Yang Berhormat tulis dalam *Facebook*, "*Siakap senohong gelama ikan duri, bercakap bohong lama-lama...*" titik-titik. Yang Berhormat tidak berani hendak habiskan. Saya habiskanlah, "*Siakap senohong gelama ikan duri, bercakap bohong lama-lama menjadi Menteri*", macam Yang Berhormat lah.

■2010

Dr. Maszlee bin Malik: Saya rasa menjadi 'Menteri Udang' yang saya lupa hendak bubuh di situ. Jadi kita teruskan kepada perbincangannya.

Okey, masalah keciciran murid.

Siakap senohong gelama ikan duri,

Bercakap bohong lama-lama jadi 'Menteri Udang'.

Okey, terima kasih. Okey, masalah keciciran murid. KPM memandang serius isu keciciran murid sama ada di peringkat sekolah rendah atau menengah di seluruh negara. Pelbagai inisiatif yang dijalankan oleh KPM untuk meningkatkan kadar penyertaan murid di sekolah dan seterusnya mengurangkan kadar keciciran. KPM akan berusaha untuk memastikan tidak ada seorang murid pun yang akan tercicir dari sekolah. KPM akan terus komited mencari jalan penyelesaian bagi memastikan semua anak-anak Malaysia mendapat peluang dan akses kepada pendidikan yang baik meliputi murid-murid tanpa dokumen dan juga murid berkeperluan khas ataupun OKU.

Maka saya merasa besar hati atas keprihatinan Yang Berhormat Kangar, Yang Berhormat Batu Kawan dan Yang Berhormat Pasir Mas yang telah membangkitkan isu ini sewaktu perbahasan Kajian Separuh Penggal RMKe-11.

Buat pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat, KPM telah pun menjalankan Program Sifar Murid Tercicir dan jawatankuasa peningkatan enrolmen menengah atas JPAM atas program rintis yang dilaksanakan dengan menangani murid cicir dan kanak-kanak tidak bersekolah. Melalui permuafakatan antara Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dengan pelbagai agensi, organisasi dan individu setempat program ini diharapkan dapat memberikan impak yang positif...

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Boleh mencelah sedikit?

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, Yang Berhormat Kangar.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Saya hendak tanya sama ada kementerian juga turut mengadakan kerjasama dengan kementerian-kementerian lain sebab kita ambil contoh sebahagian negara dalam dia beri bantuan dalam bentuk tunai untuk keluarga itu layak diterima tunai, dia kena pastikan anak dia pergi ke sekolah. Jadi kalau dapat kementerian bekerjasama dengan kementerian-kementerian lain itu dapat boleh membantu mempercepatkan mencapai objektif.

Dr. Maszlee bin Malik: Setakat ini kita memang melakukan kerjasama dengan Kementerian Wanita dan Kebajikan Masyarakat contohnya dan juga Kementerian Luar Bandar sebagai contohnya dan terima kasih. Inilah kualiti Yang Berhormat Pakatan Harapan... [*Tepuk*] Celahan dan soalan mereka begitu substantif.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Hasil daripada Dasar Pendidikan Baharu negara.

Dr. Maszlee bin Malik: Okey.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Betul.

Dr. Maszlee bin Malik: Program rintis JPEM dilaksanakan di JPN Perlis, PPD Hulu Langat, PPD Langkawi, PPD Pasir Mas, PPD Kluang dan PPD Kulai. Ke semua JPN dan PPD terlibat telah menubuhkan JPEM yang dianggotai oleh wakil PPD, wakil sekolah, JKKK/JKKKP, Polis Diraja Malaysia, maksudnya bersama dengan Kementerian Dalam Negeri, Jabatan Kebajikan Masyarakat, maksudnya bersama dengan Kementerian Wanita, Majlis Agama Islam di peringkat negeri, Jabatan Bomba dan Penyelamat di bawah KPKT, Agensi Antidadah Kebangsaan dan juga wakil komuniti. Program ini telah bermula pada awal September 2018. Program ini masih sedang berlangsung sehingga Oktober 2018 dan dijangkakan lebih ramai kanak-kanak yang tercicir akan ditempatkan kembali di sekolah.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Sedikit Yang Berhormat Menteri, sebab sebelum ini semasa perbincangan Menteri Tenaga Kerja, kita ada bincang tentang buruh kanak-kanak. Mungkin juga Menteri patut pertimbangkan agensi di bawah kementerian tersebut.

Dr. Maszlee bin Malik: Kita mengambil cakna di atas saranan yang telah diberikan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan di bawah Kerajaan Pakatan Harapan juga bersetuju untuk mempermudah proses kemasukan kanak-kanak tanpa dokumen ke sekolah kerajaan...

Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]: Yang Berhormat Menteri, boleh mencekah sedikit?

Dr. Maszlee bin Malik: ...Di mana mereka hanya perlu mengemukakan sama ada Sijil Lahir, Surat Anak Angkat atau Perintah Mahkamah untuk diterima masuk belajar. Bagi yang tidak memiliki dokumen berkenaan, mereka boleh mendapatkan pengesahan daripada Ketua Masyarakat ataupun Wakil Rakyat masing-masing. Ini merupakan *major breakthrough*, dengan izin, merupakan pencapaian yang pertama oleh Kerajaan Pakatan Harapan yang tidak pernah dilakukan oleh kerajaan sebelum ini... [Tepuk]

Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ini saya hendak tanya juga mengenai kerjasama Kementerian Pendidikan. Sebab kita tahu dalam sistem pendidikan Malaysia ini ada juga bidang kuasa yang dipegang oleh Kementerian Kesihatan khususnya program-program perubatan, Lembaga Perubatan; program jururawat-Lembaga Jururawat; farmasi- Lembaga Farmasi; dan seterusnya kita juga ada program-program yang di bawah Kementerian Tenaga Sumber Manusia dan juga sebagainya. Ini kerana, dalam sistem dulu kita mendapati kalau MCA diberi Menteri Kesihatan, sumber manusia diberi kepada MIC, maka dia ada Kementerian Pendidikan pula diberikan kepada UMNO. Dia ada Melayu, Cina, India. Dia ada UMNO, MIC dan juga ketiga-tiga.

So, terdapat pelbagai konflik kerana contohnya kita mendapati ada kalanya kita mendapati wujudnya perbezaan pendapat dan ianya akhirnya memudaratkan pelajar. Contohnya, kelulusan diberikan oleh MQA dan juga sebagainya tetapi disebabkan kesilapan teknikal dan ada kalanya disebabkan kelewatan berlaku di antara kementerian dan juga jabatan ini menyebabkan pelajar-pelajarnya dia tidak dapat akreditasi dan juga sebagainya. Kadang-kadang *batch* itu *graduate*, tetapi dia masih tidak dapat akreditasi. Maka lepas itu tidak boleh bekerja di kerajaan dan sebagainya sebab JPA tidak *recognize*. Mohon Yang Berhormat Menteri memberikan pandangan.

Dr. Maszlee bin Malik: Terima kasih Yang Berhormat Segamat. Di era Malaysia baharu ini, kita meletakkan kepentingan rakyat sebagai keutamaan. Bukan lagi kepentingan parti, kepentingan bangsa ataupun kepentingan golongan-golongan tertentu. Berkaitan dengan hubungan KKM ataupun Kementerian Kesihatan, perbincangan berterusan telah berlaku dan akan terus berlaku terutamanya dengan hal-hal yang berkaitan dengan Hospital Pengajar Universiti (HPU) dan juga isu-isu lain. Pokoknya, kementerian-kementerian di era Malaysia baharu ini tidak bergerak secara *silo*, dengan izin, tetapi kita ingin memperbanyakkan aktiviti dan program-program, dengan izin, *inter-ministry* iaitu program bersama di antara silang kementerian.

Bagi kanak-kanak yang belum memiliki kerakyatan tetapi salah seorang ibu bapanya Warganegara Malaysia serta memiliki Sijil Lahir pula, mereka boleh mendaftar untuk bersekolah di sekolah kerajaan. Langkah ini diambil kerana kerajaan berhasrat memberi pendidikan formal kepada semua kanak-kanak. Ketetapan ini akan terpakai pada sesi persekolahan Januari depan... [Tepuk]

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Yang Berhormat Menteri.

Dr. Maszlee bin Malik: Tanggungjawab KPM...

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Yang Berhormat Menteri sedikit penjelasan.

Dr. Maszlee bin Malik: Adalah untuk memastikan tiada seorang pun kanak-kanak yang ketinggalan dalam pelajaran. Pendidikan adalah milik rakyat dan hak setiap kanak-kanak di Malaysia.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri di atas jawapan tadi. Ini berkaitan dengan apa yang Menteri katakan tadi.

Tahun lepas ada satu kes seorang budak perempuan yang dilarang masuk sekolah di Negeri Sembilan. Walaupun dia diambil sebagai anak angkat, ibu bapanya rakyat Malaysia, namun ada penglibatan bidang kuasa saya rasa bukan bidang kuasa mereka pun. Akan tetapi, direktif daripada Jabatan Imigresen untuk tidak membenarkan kanak-kanak ini masuk walaupun ada pekeliling daripada Kementerian Pendidikan dahulu untuk membenarkan kanak-kanak itu masuk.

Jadi saya faham inisiatif kementerian, tetapi kita tidak boleh menafikan wujudnya *little Napoleon* di jabatan-jabatan, dan di sekolah-sekolah yang membuat keputusan di luar budi bicara mereka. Contohnya, daripada JPN Jabatan Pendidikan Negeri memberi nasihat kepada ibu bapa sekiranya salah seorang ibu bapa bukan Warganegara Malaysia, minta ambil pasport untuk anak itu. Maka, bila dapat pasport anak itu menjadi warganegara negara lain. *So I think we need to clarify this. The Ministry has its heart in the right place but the little Napoleons are there to stop children from going in.* Terima kasih.

Dr. Maszlee bin Malik: Okey, terima kasih kepada Yang Berhormat yang bertanya. Itu berlaku pada tahun yang lepas. Kita pada tahun ini dan tahun-tahun ke depan akan memastikan kes seperti ini tidak akan berlaku. *We will remove all little Napoleons from all ministries.* Terima kasih... [Tepuk]

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Yang Berhormat Menteri.

Dr. Maszlee bin Malik: Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasar Salak]: *Make sure*, kasut pun tukar-tukar.

Dr. Maszlee bin Malik: Tuan Yang di-Pertua, Kod Amalan Pendidikan Murid Berkeperluan Khas adalah satu tatacara piawai yang diperakukan oleh KPM sebagai panduan melaksanakan pendidikan bagi MBK iaitu Murid Berkeperluan Khas...

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Yang Berhormat Menteri.

Dr. Maszlee bin Malik: Seperti yang terkandung dalam Akta Pendidikan 1996 [Akta 550] Bab 8, Perkara 2.3 dalam buku tersebut menyatakan, ibu bapa atau penjaga perlu mendaftarkan anak-anak mereka secara atas talian dua tahun sebelum umur persekolahan. Sekolah hendaklah menerima semua murid OKU yang mendaftar di sekolah tersebut. Murid Berkeperluan Khas yang telah ditempatkan sama ada di Sekolah Pendidikan Khas (SPK), Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) ataupun Program Pendidikan Inklusif (PPI) perlu menjalani tempoh percubaan tidak melebihi tiga bulan bagi menentukan kesesuaian penempatan Murid Berkeperluan Khas mengikuti Pendidikan Khas...

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Minta penjelasan Yang Berhormat Menteri.

Dr. Maszlee bin Malik: Sebagaimana yang dijelaskan dalam Dewan yang mulia sebelum ini, KPM akan melaksanakan dasar...

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Yang Berhormat Menteri.

Dr. Maszlee bin Malik: *Zero reject policy* kepada...

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Jelebu Menteri.

Dr. Maszlee bin Malik: Murid Berkeperluan Khas secara berperingkat mulai tahun 2019. Ini akan memastikan bahawa anak-anak Murid Berkeperluan Khas tidak akan lagi tercicir persekolahan.

■2020

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Yang Berhormat Menteri, boleh sekejap?

Dr. Maszlee bin Malik: KPM menasaskan pendekatan 75 peratus daripada murid keperluan khas seluruh negara mengikuti PPKI pada tahun 2023. KPM juga giat mengusahakan usaha libat urus...

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Minta penjelasan sekejap, Menteri.

Dr. Maszlee bin Malik: ...Dengan persatuan, NGO dan badan yang terlibat dan cakna dengan pendidikan OKU. KPM juga akan mendapatkan sokongan syarikat swasta, yayasan dan pihak-pihak terbabit untuk menyokong usaha ini. KPM yakin bahawa tanggungjawab untuk memastikan setiap OKU mendapat akses kepada pendidikan berkualiti adalah milik semua kerana pendidikan adalah tanggungjawab rakyat.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Tahniah, Menteri. Boleh sekejap? Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua.

Saya tertarik dengan saranan Menteri tadi bermula daripada tahun depan, kanak-kanak yang tidak mempunyai Sijil Pendaftaran ataupun kanak-kanak yang mempunyai masalah dalam Sijil Pendaftaran sama ada ibu atau bapa bukan warganegara, boleh diterima sebagai pelajar. Ini boleh menyelesaikan masalah pendidikan kepada kanak-kanak di awal umur. Tahniah.

Cumanya, saya mohon penjelasan daripada Menteri, bagaimana kanak-kanak yang sudah tertinggal? Maksud saya, kalau dulu dia tujuh tahun, dia nak masuk tak boleh- seperti Yang Berhormat Batu Kawan sebut tadi kes di Negeri Sembilan berlaku, tetapi sekarang ini dia dah berumur 10 tahun ataupun 11 tahun yang sepatutnya dia berada di peringkat Tahun 4, 5 atau sebagainya. Bagaimana dengan kes yang seumpama ini? Minta Yang Berhormat Menteri jelaskan. Terima kasih.

Dr. Maszlee bin Malik: Dalam kes seumpama itu, kita menyerahkan kepada keputusan PPD ataupun pihak pengetua dan guru besar untuk menilai di mana hendak ditempatkan kanak-kanak seumpama itu. *Insyallah*, jaminan kita, hak untuk mendapat akses kepada pendidikan adalah hak semua rakyat Malaysia.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Yang Berhormat Menteri, boleh tak sekejap? Saya cuma hendak cadang kepada kementerian, kalau kita serah kepada budi bicara PPD dan kementerian, ia tidak ada satu *directive* ataupun tidak ada satu SOP yang mana ada di kalangan guru besar atau pengetua ataupun PPD mengambil jalan mudah bahawa apabila mereka melepasi umur minimum ini, maka mereka akan ditolak secara *total*. Kalau boleh, saya hendak cadang kepada pihak Yang Berhormat Menteri supaya pihak kementerian membuat satu SOP bagi mereka di kalangan ini. Terima kasih.

Dr. Maszlee bin Malik: Terima kasih. Cadangan akan dipertimbangkan. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Rompin kerana membangkitkan isu mengenai pemerkasaaan bahasa Melayu. Dalam usaha untuk memastikan peranan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi, bahasa pengantar pendidikan dan bahasa perpaduan terus dikembangkan dan diperluaskan, Kementerian Pendidikan Malaysia melalui Dewan Bahasa dan Pustaka melaksanakan pelbagai program dengan kerjasama pelbagai pihak seperti mana yang banyak kali telah disebutkan di dalam Dewan yang mulia ini.

Terbaru, beberapa siri perbincangan telah dijalankan dengan *Goethe University* dari Jerman, *Australia National University* (ANU) serta beberapa universiti di China dan Jepun untuk potensi kerjasama dua pihak, terutamanya untuk Kursi Bahasa Melayu dan *Malay studies*. Dalam perkembangan terkini, KPM sedang merangka dua pelan komprehensif bagi menyemarakkan serta memperkasakan bahasa kebangsaan di pelbagai peringkat sosial.

Pertama, Dekad Membaca Kebangsaan yang akan dilancarkan pada tahun ini dan Dekad Bahasa Kebangsaan yang juga akan dilancarkan bermula tahun ini dan ianya akan dibawa sehinggalah ke tahun 2030. DBP telah dipertanggungjawabkan sebagai urus setia selain turut mendapat kerjasama daripada kementerian, syarikat swasta dan badan bukan kerajaan. Ini merupakan usaha terbesar yang mewakili hasrat kerajaan dalam memastikan bukan sahaja Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan terus diperkasakan tetapi juga pemangkin kepada kempen membaca kebangsaan yang akan dilakukan secara besar-besaran di seluruh negara. Ini kerana bangsa yang berjaya adalah bangsa yang membaca.

Selain itu, Kementerian Pendidikan Malaysia juga telah membangunkan Kerangka Standard Bahasa Melayu (KSBM) sebagai satu kerangka dalam menentukan tahap penguasaan Bahasa Melayu dalam kalangan pengguna Bahasa Melayu, pegawai agensi kerajaan dan juga bukan kerajaan. KSBM menjadi rujukan dalam membina instrumen pemerolehan dan penguasaan Bahasa Melayu, kurikulum pendidikan Bahasa Melayu di sekolah, universiti dan pembangunan kurikulum khusus, pembangunan profesionalisme berterusan pelbagai kementerian dan institusi pendidikan.

Dalam masa yang sama juga, sebuah Jawatankuasa Mengkaji Semula Dasar Buku Negara sedang digerakkan oleh DBP dan ITBM untuk memastikan Dasar Buku Negara selari dengan perubahan revolusi maklumat. Dasar Buku Negara yang ada pada hari ini adalah dokumen yang telah diwujudkan pada tahun 1985 dan sehingga kini belum dijalankan kajian semula ke atasnya. Ini adalah langkah awal untuk merintis jalan agar DBP pada masa hadapan menjadi setaraf *Goethe Institute* ataupun *British Council*.

KPM juga melalui DBP menawarkan Kursus Pemantapan Bahasa Melayu di kalangan Wakil Rakyat yang memerlukan.

KPM juga dalam usaha untuk mempopularkan tulisan jawi sebagai tulisan warisan. Peranan munshi jawi akan diaktifkan dan dipugarkan semula untuk tujuan ini.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Menteri.

Dr. Maszlee bin Malik: KPM akan merangka strategi-strategi yang sesuai untuk tujuan tersebut. Ini sekali gus menyahut saranan daripada Yang Berhormat Jerai. Ya.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Lembah Pantai. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri, saya mengikuti jawapan Yang Berhormat Menteri tentang Dewan Bahasa dan Pustaka. Bagi saya inilah satu institusi yang amat penting, amat-amat penting. Saya melihat ada satu keperluan, kalau boleh Yang Berhormat Menteri mohon bincang dengan Dewan Bahasa dan Pustaka, untuk mewujudkan satu aplikasi dalam platform *Android* dan juga *iOS* berkenaan dengan Pusat Rujukan Persuratan Melayu (PRPM).

Bagi saya adalah satu aset Dewan Bahasa dan Pustaka yang boleh membantu kami dalam usaha bukan sahaja memartabatkan Bahasa Melayu tetapi banyak daripada isu-isu berkaitan, contohnya kesihatan mental, kita tidak ada perkataan-perkataan khusus dalam Bahasa Melayu. Sebagai contoh, seperti *bipolar disorder* ataupun *schizophrenia*, apakah perkataan-perkataan yang sesuai?

Jadi, saya harap dengan arahan daripada Yang Berhormat Menteri, mungkin boleh diwujudkan dan akan membantu lebih ramai memahami bahasa Melayu dan mendapatkan perkataan-perkataan ini dalam bahasa Melayu. Terima kasih.

Dr. Maszlee bin Malik: Terima kasih Yang Berhormat Lembah Pantai. Saya begitu kagum dengan idea-idea, saranan diutarakan oleh Wakil Rakyat PH. Mereka benar-benar mempunyai substantif...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Menteri bercakap macam ini?

Dr. Maszlee bin Malik: Cadangan akan dibawa kepada DBP.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Apa Menteri, tak ada *class*.

Dr. Maszlee bin Malik: Itu input daripada Wakil Rakyat BN... [*Dewan riu*]

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Apa?

Dr. Maszlee bin Malik: Para penonton di rumah boleh tengok perbezaan.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Saya nak tanya apa kelulusan Menteri ini ya?

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Saya setuju dengan Menteri sebab Wakil Rakyat lebih baik daripada Menteri.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Menteri ini belajar apa hari itu?

Dr. Maszlee bin Malik: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Cakap banyak.

Dr. Maszlee bin Malik: Terima kasih Yang Berhormat Johor Bahru kerana keprihatinan atas tugas guru.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Belajar apa dulu, Menteri?

Dr. Maszlee bin Malik: Kerajaan Pakatan Harapan sangat mengambil berat mengenai isu ini dan KPM telah menubuhkan satu jawatankuasa mengkaji beban guru yang bertujuan untuk menangani isu beban tugas dan tanggungjawab guru. Salah satu peranan jawatankuasa ini ialah untuk mengkaji isu beban guru yang berpunca daripada pertindihan proses kerja, sistem dan penggunaan borang yang tidak berkaitan dengan tugas guru. Dalam usaha untuk menangani isu ini, peranan Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan Malaysia (NUTP), Majlis Pengetua dan Guru Besar, Jabatan Pendidikan Negeri dan bahagian-bahagian lain di KPM turut dilibatkan agar strategi dan pelan tindakan untuk menangani isu ini dapat dilaksanakan secara bersepadu.

Jawatankuasa ini telah bersidang sebanyak empat kali dan akan mencadangkan perubahan besar, terutamanya pemansuhan semua borang yang tidak perlu diisi oleh guru dalam masa yang terdekat ini. Ini semua selari dengan hala tuju baharu KPM untuk memastikan guru mempunyai lebih banyak masa untuk berinteraksi dan mengajar daripada mengisi borang dan membuat kertas kerja. Ini akan bermula pada tahun 2019... [*Tepuk*]

Kualiti pendidikan awal kanak-kanak. Buat pengetahuan Yang Berhormat Tampin, KPM tidak membezakan pendidikan pra-sekolah dari aspek kualiti sama ada di bandar ataupun di luar bandar. Data menunjukkan terdapat sebanyak 6,140 institusi yang menawarkan pendidikan pra-sekolah iaitu 1,507 buah di bandar dan 4,633 buah di luar bandar. Berdasarkan data tersebut, sebanyak 75.5 peratus institusi daripada keseluruhan institusi menawarkan pendidikan pra-sekolah KPM di luar bandar. Manakala sebanyak 70.2 peratus kelas adalah terletak di kawasan luar bandar.

Tahfiz dan sekolah mubaligh. Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab perbincangan Yang Berhormat Hulu Selangor mengenai bantuan silibus dan model akademik untuk sekolah tahfiz dan sekolah mubaligh, ketika ini silibus dan model akademik yang digunakan oleh sekolah-sekolah tahfiz yang berdaftar dengan KPM adalah mengikut kurikulum yang dibina oleh KPM, manakala kelayakan akademik murid juga adalah selaras dengan mana-mana murid arus perdana. Mereka juga layak untuk melanjutkan pelajaran ke institut pengajian tinggi. Bagi sekolah tahfiz ataupun sekolah agama rakyat yang tidak berdaftar, KPM sangat menggalakkan supaya mereka mendaftar dan menggunakan silibus yang telah disediakan oleh kementerian.

■2030

Ini kerana dengan pelarasan dan pantauan pihak kementerian, kami akan dapat memastikan kualiti guru-guru yang ditempatkan di sekolah-sekolah tersebut. Andai enggan untuk mendaftar sekalipun, KPM mencadangkan kepada pusat-pusat tahfiz swasta untuk menghantar anak-anak tahfiz mereka ke sekolah kebangsaan pada waktu jam persekolahan. Selepas waktu jam persekolahan, mereka bebas untuk kembali ke pusat tahfiz masing-masing untuk meneruskan aktiviti hafalan dan juga aktiviti keagamaan.

Walau bagaimanapun, bagi memantapkan lagi silibus di sekolah tahfiz yang tidak berdaftar dengan KPM, satu perbincangan dengan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah diadakan pada 26 Oktober 2018. Satu jawatankuasa khas telah dicadangkan bagi membincangkan silibus yang sesuai yang mempunyai pelbagai bentuk kurikulum untuk diselaraskan. Draf cadangan silibus yang sesuai akan disediakan dalam masa yang terdekat.

Pihak KPM juga melakukan intervensi dengan menawarkan kursus-kursus kemahiran melalui kolej-kolej komuniti milik KPM. Diharapkan agar para pelajar tahfiz yang mengikut kursus di kolej komuniti akan dilengkapi dengan ilmu kemahiran yang diperlukan untuk kehidupan duniawi mereka. Murid daripada sekolah mubaligh pula sama ada yang berstatus sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan pula sememangnya mengikut silibus dan kurikulum yang sama dengan murid arus perdana. Maka tidak ada masalah

akreditasi standard bagi sekolah-sekolah ini. Apa yang penting bagi Yang Berhormat Hulu Selangor perlu diketahui bagi sekolah-sekolah mubaligh, mereka tidak pernah diabaikan dan dipinggirkan oleh KPM.

Sekolah berasrama penuh dan sistem Finland. Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberikan jawapan kepada Yang Berhormat Kangar tentang sekolah berasrama penuh dan adaptasi sistem Finland secara bersama. Pertama, sekolah berasrama penuh (SBP) diwujudkan bagi menyediakan suasana persekolahan yang terancang, terkawal dan kondusif bagi mengembangkan potensi murid yang cemerlang ke arah melahirkan modal insan berkualiti. Sehingga kini terdapat 70 buah SBP di seluruh Malaysia. Secara dasarnya pengambilan murid ke SBP sepatutnya memberikan keutamaan kepada murid dari sekolah luar bandar dan murid dari keluarga isi rumah B40 dari seluruh negara seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Kangar.

Namun begitu, akibat kelompongan pentadbiran lama, perkara ini tidak terkawal. Terdapat SBP-SBP yang dimonopoli oleh anak-anak daripada keluarga elit dan juga daripada keluarga yang berada. Maka di era baru ini KPM akan...

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Yang Berhormat Menteri, boleh saya celah sekejap lagi.

Dr. Maszlee bin Malik: ...Mengembalikan semula semangat SBP...

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Yang Berhormat Menteri.

Dr. Maszlee bin Malik: ...Agar mereka yang layak dari kalangan keluarga miskin B40 terutamanya mereka daripada miskin kota, anak-anak pegawai rendah pasukan beruniform dan juga mereka daripada luar bandar dan pedalaman akan mengisi ruang-ruang di SBP.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Yang Berhormat Menteri.

Dr. Maszlee bin Malik: Peranan SBP untuk golongan B40 akan menjadi tema dan konsep baharu di dalam era baru Kementerian Pendidikan ini. KPM dalam usaha merangka dan menyediakan konsep baharu...

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Yang Berhormat Menteri.

Dr. Maszlee bin Malik: ...Dalam urusan kemasukan murid ke sekolah berasrama penuh...

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Minta saya sekejap.

Dr. Maszlee bin Malik: ...Selari dengan dasar sekolah berasrama penuh yang mengutamakan...

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohd Rashid Hasnon) **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Minta penjelasan sahaja Yang Berhormat Menteri.

Dr. Maszlee bin Malik: ...Murid miskin dan murid bandar. Selain daripada itu, sejajar dengan Manifesto Pakatan Harapan, KPM juga sedang meneliti beberapa strategi...

Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Yang Berhormat Menteri boleh sikit, SBP.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Boleh? Tuan Yang di-Pertua...

Dr. Maszlee bin Malik: ...Bagi menggalakkan masyarakat India untuk menghantar anak-anak mereka ke SBP.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Yang Berhormat Menteri, sekejap Yang Berhormat Menteri. Saya...

Dr. Maszlee bin Malik: Kedua, menjawab daripada Yang Berhormat Kangar juga...

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Satu tajuk lain Yang Berhormat Menteri. Saya minta penjelasan sedikit sahaja.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: SBP.

Dr. Maszlee bin Malik: Adaptasi sistem pendidikan Finland ke dalam sistem pendidikan Malaysia. Buat pengetahuan Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia sudah pun bekerjasama dengan Kerajaan Finland bagi memantapkan sistem pendidikan negara. Kerajaan Finland telah bersetuju untuk menghantar pakar dari negara mereka ke Malaysia bagi membantu melatih dan berkongsi kepakaran dengan tenaga pengajar kita. KPM sangat berbesar hati...

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Yang Berhormat Menteri.

Dr. Maszlee bin Malik: ...Serta meraikan bantuan ini. Walau bagaimanapun, kita tidak berhasrat melakukan adaptasi bulat-bulat sistem Finland. Apa juga yang ingin dijalankan perlu melihat kepada keadaan setempat,...

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Okey, sikit fasal SBP.

Dr. Maszlee bin Malik: ...Ekonomi, budaya, konteks dan keperluan sosial masyarakat Malaysia.

Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Sikit Yang Berhormat Menteri. SBP.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Dr. Maszlee bin Malik: Ya, Yang Berhormat Kangar.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Yang Berhormat Menteri, saya hendak sebut- Yang Berhormat Menteri tadi Yang Berhormat...

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Saya rasa Yang Berhormat Menteri bagi dekat saya *kot*.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Mana satu ini?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri memberikan kepada Yang Berhormat Kangar dulu. Tunggu *turn* selepas ini. Sila.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya sedikit fasal SBP. Tadi Yang Berhormat Menteri cakap kita memang hendak galakkan golongan B40 ataupun keluarga yang kurang berkemampuan. Akan tetapi dalam era persaingan semasa, mungkin mereka ini dalam suasana persekolahan sebelum layak masuk ke SBP, kalau ikut pengambilan SPB ini biasanya *straight A's* lah. Jadi adakah Kementerian bercadang untuk melonggarkan sedikit syarat supaya golongan yang daripada keluarga yang sekarang berada dalam persekitaran kurang mampu ini mendapat peluang tersebut.

Dr. Maszlee bin Malik: Terima kasih. Seperti mana yang telah- Yang Berhormat Kangar, seperti mana yang telah...

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Saya tajuk yang sama... [Pembesar suara dimatikan]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat, minta laluan.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Jelebu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila Yang Berhormat Jelebu.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tajuk yang sama Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Tajuk yang sama saja.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Saya dengar tadi Yang Berhormat Menteri buat satu *statement*, kenyataan bahawa kemasukan pelajar ke sekolah asrama penuh. Dulu *diconquer* atau dimonopoli oleh anak golongan elit. Ini tidak adil Yang Berhormat Menteri.

Saya dulu dalam sistem pendidikan, yang kita bagi keutamaan adalah anak-anak B40 yang cemerlang di luar bandar dan juga kita ada satu skim. Maknanya Kementerian Pendidikan dulu salah pilihlah. Saya hendak minta penjelasan daripada kerajaan terutama Yang Berhormat Menteri beri statistik berapa jumlah anak golongan elit yang berada di SBP.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: *[Menyampuk]*

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Sebelum ini saya hendak tengok.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Yang Berhormat Menteri.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Dia mewakili majoriti ataupun golongan yang Yang Berhormat Menteri maksudkan. Tidak adil kalau Yang Berhormat sebagai Menteri buat kenyataan yang sedemikian rupa. *It's not fair*, dengan izin. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik Yang Berhormat Jelebu terima kasih. Sekarang saya minta Yang Berhormat Kepala Batas, bekalan yang sama.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas]: Tambah sedikit Yang Berhormat Menteri, saya sebenarnya hendak menyokong sebab saya adalah YDP kepada sekolah SBP dan saya ada boleh buat pengesahan ada kebenaran juga. Dan ini, *distortion* ini berlaku ada dua sebab. Kadang-kadang mungkin disebabkan oleh kuota yang diberi kepada Pengetua yang menyebabkan pemilihan-pemilihan itu dilihat akhirnya berlaku di kalangan bukan B40.

Keduanya, kena ada *different weightage*, contohnya kalau 5A daripada Kinabatangan, *must not be equated with 6A's in* Kuala Lumpur. So, kalau ada a *different index of*-barangkali boleh membolehkan kuota itu dapat ditingkatkan dan saya hendak tanya apakah kementerian hendak sasarkan kuota tertentu, setiap tahun 180 orang. Berapakah B40 yang disasarkan untuk pengambilan Tingkatan 1? Terima kasih.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Tuan Yang di-Pertua, minta. Bagan Serai.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ahli Yang Berhormat, kita minta Yang Berhormat Menteri bagi penjelasan kepada ketiga-tiga pertanyaan ini. Tanya selepas ini.

Dr. Maszlee bin Malik: Okey, saya rasa apa yang diutarakan oleh Yang Berhormat Kangar agak serupa dengan apa yang dengan apa diutarakan oleh Yang Berhormat Kepala Batas iaitu kita sedang- seperti mana saya sebutkan tadi sedang merangka strategi dan juga kaedah pengambilan itu dan kita mengambil input-input yang daripada Yang Berhormat Kepala Batas kalau dapat diberikan juga daripada Yang Berhormat Kangar dan menjawab kepada Yang Berhormat Jelebu, kita akan jawab dengan yang bertulis ya. Terima kasih.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: *[Bangun]*

Dr. Maszlee bin Malik: Pembelajaran Abad Ke-21.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Tuan Yang di-Pertua, SBP. Sikit.

Dr. Maszlee bin Malik: Ya.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Saya mohon pencilahan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Bagan Serai, tadi Yang Berhormat Kuala Kangsar berdiri lebih awal. Saya bagi Yang Berhormat Kuala Kangsar dulu. Selepas ini.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Saya tertarik dengan SBP sedikit sebab SBP ini dengan B40. Bagan Serai ini adalah daerah- saya dulu kah Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Tidak, Yang Berhormat Kuala Kangsar dulu.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Yang Berhormat Kuala Kangsar dulu?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya beri pada Yang Berhormat Kuala Kangsar dulu. Selepas ini Yang Berhormat Bagan Serai.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih.

Datin Mastura binti Tan Sri Dato' Mohd Yazid [Kuala Kangsar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri, terima kasih Yang Berhormat Bagan Serai. Saya mendengar tadi semua sahabat-sahabat kita menyatakan pandangan masing-masing mengenai B40 dan *elite group*. Saya ada satu pandangan yang berbeza Yang Berhormat Menteri.

Saya sebenarnya juga pernah menjadi sebahagian daripada PIBG di SBP. Saya berterus terang, sama sekolah, Sekolah Sultan Alam Shah. Sebenarnya Yang Berhormat Menteri, kita ada tiga *stakeholders* di dalam setiap SBP iaitu pelajar, PIBG dan juga guru-guru. Jadi kalau kita lihat banyak aktiviti-aktiviti kokurikulum memerlukan wang ringgit yang besar sebenarnya dan ketika itu fasal mesyuarat PIBG, ya, *I think* ramai juga *parents* yang datang untuk mesyuarat PIBG tetapi masa untuk mendapatkan dana sangat rumit, sangat susah. Sebenarnya daripada derma-derma yang kita terima, sebahagian besar *70 percent to 80 percent* datang daripada kumpulan ibu bapa yang mampu ini. Mereka sebenarnya membantu.

Mungkin kita boleh meletakkan syarat 10 peratus yang ada di kalangan ibu bapa itu yang mampu itu mesti dikenakan *a certain amount of* peruntukan untuk diberi kepada PIBG. *It's not a-* dia mesti *voluntary*. Saya rasa kalau itu dibuat, saya rasa ada justifikasi ke arah pengambilan pelajar-pelajar daripada golongan yang mampu.

■2040

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Kangsar, beri Yang Berhormat Bagan Serai.

Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya cakap ini tentang SBP dan di Parlimen Bagan Serai. Di Parlimen Bagan Serai ini, Parlimen luar bandar dan kita bercakap tentang keperluan-keperluan mereka. Anak-anak pelajar di Daerah Kerian ini bijak-bijak- PT3, SPM kita memang hebat di negeri Perak tetapi anak-anak ini dihantar keluar. Keluar daripada Parlimen Bagan Serai, keluar daripada Daerah Kerian. Selama ini dah lama jadi jeritan minta SBP ada di Daerah Kerian ataupun khususnya di Parlimen Bagan Serai.

Saya nak tanya Yang Berhormat Menteri, sebenarnya apa kriteria dan adakah peluang diwujudkan SBP di Parlimen Bagan Serai, Daerah Kerian. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Bagan Serai. Minta ...

Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu]: Satu lagi Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Bagan Serai.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Tunggu dulu. Bagi Yang Berhormat Menteri bagi jawapan dulu.

Dr. Maszlee bin Malik: Okey. Yang Berhormat Bagan Serai...

Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu]: Ini berkaitan dengan SBP.

Dr. Maszlee bin Malik: Untuk RMKe-11, kita belum ada lagi tetapi mungkin untuk RMKe-12 kita akan cuba lihat keperluan SBP di Bagan Serai dan terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Kuala Kangsar. Ini cadangan yang menarik, kita akan ambil cakna. Seperti mana yang saya sebutkan tadi kepada Yang Berhormat Kuala Kangsar, Yang Berhormat Kepala Batas dan juga Yang Berhormat Kangar, kita sentiasa terbuka untuk menerima sebarang cadangan di dalam proses kita untuk pengambilan pelajar-pelajar ke

SBP. Walau bagaimanapun, seperti mana yang saya sebutkan tadi keutamaan adalah untuk golongan B40.

Tuan Yang di-Pertua,...

Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu]: Yang Berhormat, minta laluan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Menteri, nak bagi kepada Yang Berhormat Hulu Terengganu kah?

Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu]: Berkaitan dengan SBP sebelum masuk kepada tajuk...

Dr. Maszlee bin Malik: Saya rasa saya perlu teruskan, kalau tidak nanti tak habis.

Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu]: Sebelum masuk tajuk Abad Ke-21, satu sahaja SBP, boleh?

Dr. Maszlee bin Malik: Bila kita nak habis?... [Ketawa]

Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu]: Tak apalah, esok pun tak apa. Kita tunggu.

Dr. Maszlee bin Malik: Okey, okey.

Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu]: Okey, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Terima kasih banyak-banyak.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ringkas.

Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Cuma saya bercanggah sedikit dengan apa yang dikatakan oleh rakan-rakan berkenaan dengan SBP ini. Sebenarnya SBP ini ditubuhkan dahulu adalah untuk nak mengatasi masalah kemiskinan iaitu keluarga-keluarga miskin diberi ruang dan tempat untuk anak-anak miskin ini belajar di tempat yang lebih selesa dan saya juga adalah hasil daripada SBP. Cuma oleh kerana banyak sangat SBP menyebabkan ibu bapa cenderung untuk kepada *exam-oriented*. Mereka berlumba-lumba untuk mendapat keputusan yang cemerlang untuk nak masuk SBP.

Jadi apa pandangan Yang Berhormat Menteri kalau saya cadangkan supaya jangan lagi dibina SBP ini kerana semua kemudahan dah ada sama ada di desa ataupun di bandar. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Hulu Terengganu. Sila Yang Berhormat Menteri.

Dr. Maszlee bin Malik: Okey, terima kasih Yang Berhormat Hulu Terengganu. Setakat ini kita belum bercadang untuk membuat langkah seperti itu lagi tetapi segala cadangan itu akan dipertimbangkan. Tuan Yang di-Pertua, saya berterima kasih kepada Yang Berhormat Kangar dan Yang Berhormat Bukit Bendera kerana membangkitkan isu penting berkaitan Pembelajaran Abad Ke-21. KPM komited mempersiapkan anak-anak Malaysia bagi menghadapi cabaran abad ke-21.

Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Kangar juga kerana telah membangkitkan isu persiapan guru-guru dan pelajar untuk bermentaliti abad ke-21. Merujuk kepada Pembelajaran Abad Ke-21, kami melihat kepada 4K dan 1N iaitu Kolaborasi, Kreativiti, Komunikasi, Pemikiran Kritis dan Nilai. Untuk mencapai mentaliti abad ke-21, KPM melihat kepada aspek penting dalam penyampaian pendidikan abad ke-21 itu sendiri iaitu pedagogi, kurikulum, pentaksiran dan pemerksaan modal insan.

Pertama, pedagogi mestilah berubah daripada pembelajaran yang berpusatkan guru kepada pembelajaran yang berpusatkan murid. Perkara ini secara tidak langsung melibatkan pemantapan latihan guru di peringkat pra dan dalam perkhidmatan untuk lebih mahir dalam membudayakan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT). Di samping itu, latihan dalam perkhidmatan yang berterusan kepada guru juga menjadi fokus KPM. Untuk tujuan ini, KPM sedang melihat kepada kerjasama di antara fakulti-fakulti pendidikan di universiti-universiti awam untuk membantu guru daripada segi pedagogi.

Kedua, KPM melaksanakan perubahan kurikulum daripada kurikulum berasaskan standard iaitu *standards-based curriculum*, dengan izin, kepada kurikulum berdasarkan

kompetensi, dengan izin, *competency-based curriculum* dengan mengambil kira pengetahuan, kemahiran, sikap dan tingkah laku serta nilai yang relevan bagi menyediakan murid menghadapi cabaran abad ke-21.

Ketiga, pentaksiran akan berubah. Iaitu KPM akan menggantikan peperiksaan untuk murid tahap satu iaitu tahun satu, tahun dua dan tahun tiga dengan pentaksiran alternatif yang lebih objektif dan melihat kepada perkembangan pembelajaran murid itu sendiri. Maksudnya di peringkat awal ini- Tahun 1, Tahun 2, dan Tahun 3, murid-murid tidak akan lagi dibebankan dengan peperiksaan. Perkara ini seiring dengan hasrat menggantikan budaya peperiksaan iaitu *mentality exam-oriented* di sekolah kepada pentaksiran alternatif yang lebih menumpukan kepada *learning-centered*.

Keempat, Pembelajaran Abad Ke-21 juga melihat kepada pembinaan karakter, sifat manusiawi dan modal insan. Daripada aspek ini, KPM akan memperkasakan nilai sivik. Anak-anak di peringkat ini juga akan diperengkap dengan pembinaan karakter, kemahiran dan juga nilai-nilai murni. Di atas dasar inilah hala tuju pendidikan KPM di era baru ini adalah untuk memastikan kemenjadian murid berteraskan bukan lagi 3M iaitu, "Membaca", "Menulis" dan "Mengira", tetapi perlu adanya 'M' yang keempat. Kita akan berteraskan kepada 4M iaitu "Membaca", "Menulis", "Mengira" dan juga "Manusiawi"... [Tepuk]

Melalui inisiatif pembestarian sekolah juga, proses pengajaran dan pembelajaran yang memanfaatkan teknologi diperkukuhkan untuk mengoptimumkan potensi murid menguasai kemahiran abad ke-21 bagi melahirkan murid yang dinamik, fleksibel dan adaptif dalam menghadapi apa juga situasi serta berjaya menepati cabaran kehidupan di era Revolusi Industri 4.0. Akhir sekali, saya mengalu-alukan sokongan padu daripada komuniti dan pihak swasta dalam menjayakan pendidikan abad ke-21.

Revolusi Industri 4.0 dan TVET. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Permatang Pauh dan Yang Berhormat Bera kerana membangkitkan isu mengenai pengiktirafan Sijil TVET. Isu pengiktirafan Sijil TVET adalah di antara kemelut yang diwarisi daripada pentadbiran lama yang bakal diselesaikan oleh Kerajaan Pakatan Harapan... [Tepuk] Sijil Vokasional Malaysia (SVM) telah disetarakan dengan tiga kredit SPM dan layak digunakan mengikut keperluan seperti pendidikan, latihan atau pekerjaan. Daripada aspek akreditasi MQA untuk Diploma Vokasional Malaysia pula ataupun DVM, pihak Kementerian Pendidikan telah mengambil langkah proaktif untuk menjalankan bengkel bimbingan khas untuk menyelesaikan isu akreditasi MQA bagi program-program yang belum lagi menerima akreditasi penuh daripada MQA.

KPM juga sedang membangunkan program bersama dengan *Malaysian Technical University Network* ataupun MTUN yang mana di Malaysia ini terdapat empat MTUN.

- (i) UTHM;
- (ii) UTeM;
- (iii) UMP; dan
- (iv) UniMAP.

MTUN ini telah bekerjasama dengan KPM untuk memperkasakan laluan bagi pelajar TVET melanjutkan pendidikan ke peringkat sarjana muda ke atas melalui tiga kaedah laluan iaitu laluan khas ataupun *bridging*, dengan izin, untuk program selain bidang teknologi.

Keduanya, kemasukan terus melalui program khusus teknologi, serta yang ketiga, program kemasukan melalui *Accreditation of Prior Experiential Learning* (APEL) iaitu berteraskan pengalaman mereka di industri.

Untuk makluman Yang Berhormat Johor Bahru, Yang Berhormat Ledang dan Yang Berhormat Bera pula, MQA bersama Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) sedang membangunkan sistem akreditasi tunggal supaya terdapat kesetaraan kelayakan oleh kedua-dua pihak.

Penyelarasan program-program TVET yang merentasi enam kementerian juga akan dilihat oleh Jawatankuasa Pemerkasaan TVET untuk menyelaraskan program TVET mengikut permintaan industri. Bagi menangani aspek kebolehpasaran, peningkatan kemahiran dan penambahbaikan kurikulum seperti yang dibangkitkan Yang Berhormat Johor Baru, Yang Berhormat Bukit Bendera, Yang Berhormat Kubang Kerian, Yang Berhormat Bera, Yang Berhormat Tampin, Yang Berhormat Pasir Salak dan Yang Berhormat Rembau

pula, KPM akan memastikan persijilan dan piawaian industri dipatuhi dan dijadikan rujukan utama.

Di samping itu, KPM bersama-sama industri dan agensi kerajaan akan melaksanakan pemetaan supaya program TVET dan latihan TVET akan mengikut pensijilan industri oleh badan akreditasi profesional ataupun mengikut standard industri. Ini secara tidak langsung akan membantu daripada aspek kebolehpasaran, profesionalisme graduan TVET dan memberikan pendapatan yang lebih tinggi untuk graduan-graduan TVET. KPM juga telah memastikan tenaga pengajar bersedia untuk mengendalikan kuliah selari dengan IR 4.0 dengan melatih dan mentauliahkan 766 orang pensyarah sebagai pendidik IR 4.0.

Pada masa yang sama, *Malaysia Board of Technologists* (MBOT), dengan izin, akan diperkasakan sebagai satu-satunya badan profesional pengiktirafan teknologi supaya terdapat laluan karier yang jelas bagi *technologists* di Malaysia.

■2050

MBOT akan menerajui 23 bidang utama teknologi dan ia memberi pengiktirafan kepada lebih daripada 10,000 ahli yang terdiri daripada *technologists* profesional, *technologist* berijazah, juruteknik berkelayakan dan juruteknik bertauliah.

Dari aspek keusahawanan pula seperti yang disoal oleh Yang Berhormat Tampin dan Yang Berhormat Johor Bahru, KPM telah menambah baik model kursus asas keusahawanan di Institusi Pendidikan TVET dan di IPT.

Untuk makluman Yang Berhormat Tasek Gelugor, Yang Berhormat Paya Besar dan Yang Berhormat Tampin, KPM juga akan melaksanakan *smart partnerships*, dengan izin, dan *public-private partnership*, dengan izin, bersama lebih daripada 16,000 syarikat dan yang terkini adalah *SANY Construction* bertujuan supaya graduan TVET dapat mempelajari sistem IBS menggunakan teknologi IBS baharu termasuk *Building Information Modeling* (BIM), dengan izin. KPM juga turut menjalankan *smart partnerships* bersama beberapa syarikat dari luar dan dalam negara serta yang terkini bersama *ZTE Corporation* dari aspek *smart manufacturing*, dengan izin di mana teknologi industri semasa akan digunakan.

Sekolah daif. Tuan Yang di-Pertua, Seterusnya isu-isu berkaitan dengan pembangunan. Izinkan saya bermula dengan isu pertama yang menjadi keutamaan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia iaitu berkaitan pembangunan sekolah-sekolah daif. Terima kasih kepada Yang Berhormat Papar, Yang Berhormat Hulu Rajang dan Yang Berhormat Sibuti yang bertanya mengenai perkara ini. Buat pengetahuan Yang Berhormat sekalian, saya sendiri telah turun ke beberapa buah sekolah di seluruh negara, melakukan lawatan kasih sayang dan lawatan mengejut untuk memantau keadaan di sekolah-sekolah di Malaysia. Melalui lawatan-lawatan ini, saya sendiri telah dapat melihat keadaan di lapangan dan hakikat sesetengah sekolah-sekolah daif di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, bagi Sarawak, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebanyak 116 projek pembangunan sekolah daif yang dilaksanakan di Sarawak menggunakan kaedah IBS pada tahun 2018, sebanyak 67 projek daripadanya telah siap, manakala baki 49 projek lagi sedang dalam pelaksanaan dan sedang diusahakan untuk disiapkan pada tahun ini juga. Kementerian Pendidikan Malaysia juga menyalurkan peruntukan penyelenggaraan, baik pulih dan naik taraf sekolah dan institut pendidikan kerajaan di negeri Sarawak.

Pada tahun 2016, sebanyak RM7.6 juta telah disalurkan, manakala pada tahun 2017 sebanyak RM9.6 juta juga telah disalurkan. Pada tahun 2018, KPM telah menambah peruntukan sebanyak RM18.05 juta bagi kerja-kerja tersebut di Sarawak. Bagi Sabah pula, jumlah projek sekolah daif pada tahun 2018 adalah sebanyak 120.

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]: Yang Berhormat Menteri.

Dr. Maszlee bin Malik: Daripada jumlah ini, 37 projek telah siap sepenuhnya manakala 83 projek sedang dalam pelaksanaan dan kebanyakannya berada pada tahap terakhir. Di Semenanjung pula, sebanyak 158 projek sekolah daif telah dimulakan pada tahun 2018. Setakat ini 136 telah siap sepenuhnya dan 22 lagi dalam pelaksanaan.

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]: Yang Berhormat Menteri, mohon mencelah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Silakan, Yang Berhormat Sibuti.

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]: Terima kasih atas apa yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri dan atas lawatan kasih sayang yang dijalankan di negeri Sarawak.

Saya ingin membangkitkan sedikit isu ataupun pesanan daripada Kerajaan Negeri Sarawak berkenaan tentang tawaran kerajaan negeri yang telah diluluskan oleh Kabinet untuk menyelesaikan masalah bekalan elektrik di mana kerajaan negeri menawarkan peruntukan sebanyak RM50 juta untuk menyelesaikan 113 buah sekolah yang mempunyai jarak yang sangat dekat dengan grid elektrik yang sedia ada.

Saya juga ingin mengetahui apakah respons yang pernah kami bawa kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berkenaan tawaran kerjasama daripada Kerajaan Negeri Sarawak berkenaan tawaran RM1 bilion untuk menyelesaikan masalah sekolah daif. Adakah kementerian akan memberi keizinan?

Satu lagi tambahan, adakah pihak kementerian membenarkan kami wakil-wakil rakyat Parlimen Negeri Sarawak untuk menjalankan ataupun membuat projek fizikal di dalam sekolah-sekolah? Ini kerana kami di Sarawak telah diberikan peruntukan khas untuk membantu rakyat kami di negeri Sarawak.

Dr. Maszlee bin Malik: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mengulas lanjut tentang isu bekalan elektrik di sekolah Sarawak yang telah diutarakan oleh Yang Berhormat Sibuti. Perbincangan KPM dengan agensi-agensi Kerajaan Negeri Sarawak iaitu Jabatan Kerja Raya (JKR) Sarawak, Kementerian Pendidikan, Sains dan Penyelidikan Teknologi Sarawak (MESTR), Kementerian Utiliti Sarawak serta Sarawak Energy Berhad telah diadakan pada 18 September 2018 untuk memperhalus tawaran tersebut.

Susulan daripada perbincangan itu, KPM telah kemukakan surat kepada MESTR untuk mendapatkan perincian tentang beberapa perkara sebelum tindakan lanjut dijalankan. Antara perkara yang perlu diperhalusi dengan lebih lanjut adalah kaedah pelaksanaan projek dan pelan perancangan oleh agensi pelaksana yang dilantik sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri Sarawak. Itu antara syarat yang diberikan. Sebarang obligasi yang perlu dipatuhi oleh KPM sekiranya bersetuju dengan projek ini juga perlu diperhalusi.

Berkaitan dengan penyelenggaraan di sekolah dengan menggunakan peruntukan daripada Ahli Parlimen ataupun ADUN di Sarawak, di pihak sekolah kita mengalu-alukan. Akan tetapi ia hendaklah melalui JPN Sarawak. Akan tetapi kita mengucapkan terima kasih kerana keprihatinan Yang Berhormat Sibuti, kebanyakan persoalan berkaitan dengan pembangunan sekolah daif di Sarawak adalah daripada Yang Berhormat Sibuti. Terima kasih saya ucapkan.

Internet. KPM komited untuk meningkatkan capaian internet...

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Yang Berhormat Menteri, isu penyelenggaraan tadi dengan pembangunan tadi. Yang Berhormat bagi maklum tentang Sabah dan Sarawak tetapi di Semenanjung juga banyak perkara. Saya sudah timbulkan dua perkara Yang Berhormat Menteri, sangat serius. Pertama tentang penyelenggaraan asrama Sekolah Menengah Kebangsaan Lui Barat yang terbakar sejak hampir setahun yang lalu sehinggakan asrama kini tidak boleh digunakan Yang Berhormat dan ramai anak-anak FELDA, anak-anak peneroka yang terpaksa berulang-alik ke sekolah yang begitu jauh. Saya minta supaya dapat Yang Berhormat Menteri beri penjelasan tentang status tentang asrama ini.

Kedua ialah Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil) Simpang Pertang yang telah siap 80 peratus tetapi dihentikan pembinaannya. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ahli-ahli Yang Berhormat, pertanyaan ini waktu sesi Menteri menjawab, perkara yang telah dibangkitkan semasa perbahasan sebelum ini. Kalau perkara baharu tidak...

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Tidak, tidak. Yang ini saya- Tuan Yang di-Pertua, saya sudah timbulkan dalam perbahasan saya- KSP. Cuma saya hendakkan *details* dua sekolah ini kerana masih belum lagi mendapat penjelasan secara *detailed*.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Silakan Yang Berhormat Menteri.

Dr. Maszlee bin Malik: Kita akan memberikan jawapan secara bertulis kepada Yang Berhormat Jelebu.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Yang Berhormat Menteri, terima kasih. Dua kes ini. *Thank you.*

Dr. Maszlee bin Malik: Ya. Kita akan memberikan jawapan secara bertulis kepada Yang Berhormat Jelebu. Mungkin Yang Berhormat Jelebu tidak perasan tadi berkaitan Semenanjung, saya telah sebutkan tadi sebanyak 158 projek sekolah daif telah dimulakan pada tahun 2018. Setakat ini, 136 telah siap sepenuhnya dan 22 lagi dalam pelaksanaan. Terima kasih.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Terima kasih.

Dr. Maszlee bin Malik: Okey, internet. KPM komited untuk meningkatkan capaian internet di sekolah-sekolah dengan menaikkan taraf jalur lebar berdasarkan kemampuan kewangan semasa kerajaan. Buat makluman Yang Berhormat Papar, Yang Berhormat Bukit Bendera dan Yang Berhormat Sibuti, KPM melalui kerjasama strategik antara MIMOS Berhad telah melaksanakan satu kajian rintis yang bermula pada bulan Jun hingga bulan September 2018 ke atas 10 sekolah KPM terpilih untuk mengkaji keberkesanan perkhidmatan 1BestariNet Fasa 2.

Hasil kajian 1BestariNet ini akan digunakan sebagai asas kepada hala tuju internet sekolah bagi fasa seterusnya.

KPM komited untuk meningkatkan capaian internet sekolah dengan menaik taraf jalur lebar berdasarkan ketersediaan infrastruktur liputan jalur lebar yang ada. Kesemua 6,636 sekolah yang telah menerima capaian internet dengan jalur lebar 4Mbps semasa perkhidmatan 1BestariNet Fasa 1 telah dinaiktarafkan kepada 6Mbps, 10Mbps dan 15Mbps berdasarkan bilangan makmal komputer di sekolah. Sehingga 30 September 2018, sebanyak 8,204 sekolah telah dibekalkan dengan capaian internet 4G jalur lebar 6Mbps, 10Mbps, 15Mbps dan 30Mbps.

Tadbir urus universiti awam. Tuan Yang di-Pertua, dalam era Malaysia Baharu ini, Kementerian Pendidikan serius dalam membawa agenda reformasi dalam pengurusan tadbir urus universiti awam. Usaha KPM dalam memastikan reformasi ini berlaku di universiti adalah secara menyeluruh. Mahasiswa diberikan kebebasan dan suara yang lebih di dalam kampus. Justeru, KPM komited ke arah menubuhkan *student unions* di seluruh universiti-universiti di Malaysia bagi memperkasakan mahasiswa.

Begitu juga *Speakers' Corner* pada hari ini melata di semua universiti-universiti awam yang sebelum ini menjadi sesuatu yang *taboo* dan dilarang. Tidak lupa juga di beberapa kampus, wakil mahasiswa juga sedang direncanakan untuk ditempatkan di dalam Senat Universiti di dalam isu yang berkaitan dengan mereka.

■2100

Pasca PRU-14 ini, universiti juga mengamalkan konsep *open intellectual space* dengan membuka forum-forum dan debat-debat tanpa sekatan kepada semua berbanding sebelum ini. Jadi, kita mengundang kepada wakil-wakil rakyat pembangkang untuk sudi hadir ke universiti jikalau mereka diundang dan tidak akan dilarang seperti mana kami dahulu...
[Tepuk]

Students' Union Debate ala *Oxford debate* telah dianjurkan di UIAM. Ini merupakan bukti Pakatan Harapan komited dengan janji yang diberikan. Pilihan Raya Kampus di semua universiti awam kini juga telah dikembalikan kepada mahasiswa, di mana mahasiswa sendiri yang mengendalikannya tanpa urus campur pihak politik luar dan tanpa arahan daripada golongan berkepentingan...

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Sikit masuk.

Dr. Maszlee bin Malik: Kita kembalikan kuasa mahasiswa di era ini dan sekarang adalah zaman *students' power*.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Saya suka bila Yang Berhormat Menteri menyentuh berkenaan Pilihan Raya Kampus. Cuma hendak tanya Yang Berhormat Menteri,

kalau zaman saya dahulu saya sempat merasai dua suasana. Bila saya masuk kampus dahulu, kita di kampus ada parti-parti pelajarlah. Kemudian diharamkan parti-parti, pelajar terpaksa bertanding secara individu. Adakah Yang Berhormat Menteri selepas ini hendak membenarkan parti politik mewujudkan cawangannya di kampus?

Dr. Maszlee bin Malik: Setelah AUKU digantikan dengan akta yang baharu, perkara tersebut akan berlaku... [*Tepuk*] Namun, itu hanya terpakai kepada universiti-universiti awam di bawah AUKU. Ada dua buah universiti di Malaysia yang tidak tertakluk di bawah AUKU, UiTM dan juga UIA. Bagi UIA, hanya sedikit perubahan kepada *regulations* ataupun peraturan UIA jikalau dilakukan akan membawa kebebasan tersebut. Perkara tersebut akan berlaku dalam waktu yang terdekat... [*Tepuk*]

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Yang Berhormat Menteri, boleh tanya?

Dr. Maszlee bin Malik: Ya.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Yang Berhormat Menteri, sebelum ini Pilihan Raya Kampus, bukankah pelajar sudah pun bertanding sesama sendiri, ada parti seperti Kumpulan Aspirasi dan sebagainya? Saya rasa ini bukan perkara baharu Yang Berhormat Menteri. Jadi kalau Yang Berhormat Menteri kata ini perkara baharu, Menteri sahaja baharu. Dari segi pemilihan kampus. Sudah lama...

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Kena rujuk peraturan.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Di Universiti Malaya pun, kita tidak pernah menang pun. Menang daripada parti pembangkang pun, dululah parti pembangkang dahulu. Jadi, tidak ada isu sebenarnya.

Dr. Maszlee bin Malik: Saya rasa mungkin Yang Berhormat Bera sudah terlalu jauh daripada universiti. Saya baharu sahaja meninggalkan universiti dan kita telah menyaksikan bahawa- memang betul pilihan raya di antara pelajar dengan pelajar, bukan di antara pelajar dengan pensyarah. Kalau macam itu, tidak dipanggil Pilihan Raya Kampus dan itu memang tidak pernah berlaku.

Apa yang berlaku ialah pilihan raya di kampus dikawal dan di*control* oleh HEP-HEP di bawah kuasa Barisan Nasional. Bagaimana pelajar-pelajar yang tidak sehaluan dengan Barisan Nasional dikenakan sekatan dan pelbagai, malah para pensyarah juga. Sebagai contoh, Yang Berhormat Tuan Syed Saddiq sendiri pernah dihalang daripada masuk ke universiti-universiti. Bukan sekadar itu sahaja, sebelum ini memang ada Aspirasi dan Wawasan, tetapi itu namanya.

Sekarang ini dengan perubahan pada AUKU yang akan kita lakukan, kita akan ada mahasiswa Kelab BN di universiti-universiti awam. Kita akan ada Kelab Pakatan Harapan di universiti awam dan Kelab PBB, kelab lain-lain yang ingin ditubuhkan seperti mana yang berlaku di negara-negara maju. Ini kerana jikalau kita lihat di negara-negara maju, di peringkat kampus memang terdapat cawangan-cawangan parti politik. Ini selaras dengan penurunan umur mengundi yang akan kita cadangkan nanti. Jikalau diturunkan umur kepada 18 tahun, maka pelajar bebas berpolitik, boleh mencalonkan diri mereka dan boleh mengundi. Maka, apakah pula alasannya untuk mereka dihalang berpolitik di dalam kampus? Maka, perlunya berlaku perubahan di situ untuk mereka boleh berpolitik di dalam kampus.

Saya masih ingat lagi Yang Berhormat Bera, ketika saya mengajar di Durham University, bagaimana ada di antara anak murid saya yang menjadi Presiden kepada *Durham University Conservative Association* dan ada di antara mereka yang menjadi *Durham University Labour Club*. Ini yang berlaku di universiti-universiti negara maju dan ini juga yang akan berlaku di Malaysia nanti... [*Tepuk*]

Tuan Yang di-Pertua, universiti-universiti awam era Malaysia baharu ini juga sedang melalui perubahan yang pelbagai, kuasa autonomi dan kebebasan akademik. Alumni universiti awam akan diperkasa bagi membantu universiti bagi menjana dana dan membina imej universiti awam di persada dunia serta menghubungkan industri dengan universiti awam dan meningkatkan daya pekerjaan. Universiti juga akan melalui fasa *rebranding*, dengan izin, dengan menumpukan kepada bidang tujahan, dengan izin, *niche* setiap universiti dan usaha pengantarabangsaan universiti awam dengan meningkatkan *grant matching* serta mobiliti. Ilmuan-ilmuan Malaysia juga akan dibawa ke persada antarabangsa melalui ruang kerjasama pintar di antara universiti awam dengan universiti luar terutamanya dari negara-negara maju.

Sejurus perubahan kerajaan di Malaysia, banyak pihak dari luar telah datang menunjukkan minat mereka untuk melakukan kerjasama dengan universiti-universiti awam di Malaysia, terutamanya daripada negara-negara maju. Sistem *endowment* di universiti awam juga akan diperkasakan. Pemeraksanaan ini memerlukan pindaan beberapa peraturan berkaitannya. Buat masa ini, rundingan dengan Kementerian Kewangan dan agensi-agensi terbabit telah dilakukan agar sistem *endowment* waqaf di universiti awam dapat bergerak maju.

Usaha ini adalah penting untuk universiti awam mempunyai autonomi untuk menjana pendapatan mereka melalui alumni dan melalui derma-derma daripada luar dan juga daripada dalam. Usaha ini mencontohi sistem *endowment* universiti terkemuka dunia seperti yang terdapat di universiti-universiti- Ivy League, Oxford dan juga Cambridge.

Bagi penambahbaikan sektor penyelidikan negara pula, KPM akan menubuhkan lebih banyak kerusi-kerusi kajian di universiti awam dengan mendapatkan pembiayaan dari dalam dan luar negara. Ini dapat mengatasi persoalan-persoalan yang diajukan oleh Yang Berhormat Tampin dan juga Yang Berhormat Setiawangsa. KPM juga ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada pihak MAIPs dan juga Seri Paduka Baginda Tuanku Raja Perlis dengan pengurniaan Kursi Jamalullail kepada Universiti Islam Antarabangsa. Segala perubahan dan langkah reformasi yang dinyatakan ini akan membina satu ekosistem yang lebih baik dan efektif untuk meningkatkan kualiti pendidikan tinggi kita.

Ekosistem yang mapan akan disusuli kejayaan dan ini sekali gus akan meningkatkan *ranking*. KPM juga ingin melihat UA ataupun universiti awam kembali kepada roh penubuhan universiti yang sebenar iaitu sebagai pusat penghasilan ilmu dan juga pusat penghasilan cendekiawan.

Malah universiti awam juga sepatutnya melahirkan bukan sekadar cendekiawan, tetapi 'cendekiawam', iaitu cendekiawan yang berkhidmat kepada masyarakat awam yang berperanan menyelesaikan kemelut dan juga masalah awam, masalah rakyat dan juga masalah negara. Hal ini selaras dengan saranan para sarjana terkemuka seperti Edward Said, Syed Hussein Alatas, Ali Shariati, Humboldt, Ralph Waldo Emerson dan lain-lain lagi. Ini juga menjawab persoalan Yang Berhormat Tangga Batu yang bertanyakan berkaitan dengan *ranking*.

Tuan Yang di-Pertua, saya baru mendapat laporan berkaitan dengan soalan daripada Yang Berhormat Jelebu berkaitan dengan Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Lui Barat. Rupanya sudah ada tindakan yang diambil iaitu kos pembaikan bangunan berjumlah RM600,000 merupakan anggaran awal yang disediakan oleh pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) sebelum pelaksanaan ujian bahan terhadap struktur bangunan yang terbakar. Ujian selesai dijalankan pada tahun 2018 oleh JKR dengan anggaran kos pembaikan berjumlah RM700,000. Pembaikan bangunan asrama tersebut akan dilaksanakan pada tahun 2019 mengguna pakai peruntukan tahun 2019...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri, sekiranya Yang Berhormat Jelebu contohnya tidak ada, boleh beri jawapan bertulis.

Dr. Maszlee bin Malik: Okey, kita bagi jawapan bertulis.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ada celahan daripada Yang Berhormat Segamat.

Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, sebab saya mendapati Yang Berhormat Menteri sudah ke muka surat akhir, saya boleh tengok daripada sini. Akan tetapi saya dapati dua persoalan saya naikkan UEC dan juga matrikulasi, harap juga dijawab. Kesian saya semalam saya terpaksa duduk, hanya Yang Berhormat Kuala Kangsar sahaja ada tengok kita buat. Kalau boleh, saya juga hendak dijawab pada hari ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Segamat.

Dr. Maszlee bin Malik: Okey, bagi Yang Berhormat Segamat, itu akan dijawab dalam jawapan bertulis. Sebenarnya telah dibuat jawapan bertulis pun dan akan diberikan kepada Yang Berhormat Segamat.

Bagi PPUM Tuan Yang di-Pertua, ulasan ini adalah untuk Yang Berhormat Permatang Pauh dan Yang Berhormat Lembah Pantai berkaitan PPUM.

■2110

Pihak KPM mengambil cakna atas cadangan dan permohonan Yang Berhormat berdua tentang perkara ini. PPUM merupakan sebuah hospital pengajar seperti hospital-hospital pengajar lain yang telah ditubuhkan khusus untuk tujuan pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan dalam bidang perubatan, peningkatan latihan kepakaran serta fungsi sebagai pusat penyelidikan komprehensif. Operasi PPUM disokong melalui dana oleh kerajaan. Namun begitu, sebarang keputusan penambahan dana kepada PPUM adalah tertakluk kepada keadaan semasa negara.

Ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa membentangkan usul mengenai Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas di Dewan Rakyat pada 18 Oktober 2018 yang lalu ada menyebut untuk meneruskan projek pembangunan di PPUM dan HPU dan jelas menunjukkan komitmen kerajaan terhadap perkhidmatan kesihatan di hospital pengajar. Bagi memastikan khidmat terbaik dan latihan kepada staf perubatannya...

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Soalan.

Dr. Maszlee bin Malik: ...PPUM menyediakan platform untuk staf menghadiri latihan khususnya berkaitan sub kepakaran bagi meningkatkan kemahiran mereka dalam bidang kepakaran masing-masing.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Lembah Pantai, sila.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Ini berkait, dengan izin, *inter-ministerial efforts* yang mana seperti Yang Berhormat Menteri telah saya jelaskan di luar, tentang keperluan mengiktiraf hospital pengajar seperti Pusat Perubatan Universiti Malaya sebagai hospital awam. Mereka tidak mahu sebenarnya diiktiraf sebagai hospital kerajaan tetapi sebagai hospital awam kerana terdapat ubat-ubatan yang hanya diberikan ubat-ubatan generik contohnya, yang hanya diberikan akses kepada hospital awam.

Saya harap Yang Berhormat Menteri mungkin boleh berbincang dengan Yang Berhormat Menteri Kesihatan tentang isu ini dalam masa terdekat memandangkan ramai warga B40 yang memerlukan perkhidmatan perubatan seperti ini. Terima kasih.

Dr. Maszlee bin Malik: Untuk pengetahuan Yang Berhormat Lembah Pantai, sejurus saya menjawab persoalan di Parlimen tempoh hari, saya terus bertemu dengan Menteri Kesihatan dan juga saya terus melakukan lawatan ke PPUM. Pada hujung minggunya telah berlaku pertemuan antara saya dan beberapa pegawai saya dengan pegawai-pegawai daripada Menteri Kesihatan.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Terima kasih, Yang Berhormat Menteri dan saya amat berterima kasih tentang ini.

Dr. Maszlee bin Malik: Cuma, persoalan tersebut mengandungi beberapa perkara-perkara teknikal yang perlu diselesaikan bukan dalam waktu yang terdekat tetapi kedua-dua kementerian masih lagi meneruskan perbincangan untuk mencari jalan penyelesaian. Terima kasih Yang Berhormat Lembah Pantai.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi kementerian mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih di atas keprihatinan, perhatian, teguran dan sokongan yang berterusan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat khasnya terhadap usaha-usaha yang dijalankan oleh KPM. Perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat yang tidak dapat saya sentuh kerana kesuntukan masa akan diambil perhatian dan tindakan sewajarnya.

Jawapan bertulis akan diberikan, sebagai contohnya kepada Yang Berhormat Segamat, kepada Yang Berhormat Jelebu dan beberapa Yang Berhormat yang lain yang meminta angka-angka yang tidak dapat kita sediakan.

Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, sebenarnya kesian saya sebab saya tanya soalan, saya pun duduk tapi ramai juga soalan dijawab secara lisan di mana Yang Berhormat tidak ada tapi di sini Yang Berhormatnya ada tapi soalan pula diberikan secara bertulis. Saya faham mungkin *naturenya* ataupun, dengan izin, bersifat sensitif dan juga sebagainya. Akan tetapi, saya dengan-saya tidak hendak tersilap sebut ayat, mungkin yang terbaik adalah kalau boleh saya mohon

jasa baik daripada Yang Berhormat Menteri dan juga pegawai-pegawai khususnya daripada Kementerian Pendidikan.

Oleh sebab isu mengenai UEC ini adalah isu yang hangat. Saya telah pun berikan isu dan cadangan. Begitu juga dengan matrikulasi, saya telah berikan isu dan cadangan. Saya harap bahawa pada masa yang akan datang ini kalau boleh diperbahaskan. Kesian saya duduk sini. Kalau saya hendak bertulis, saya sudah boleh balik ke rumah sudah. Saya boleh beristirahat dengan isteri tapi kesian saya di sini, tetapi isteri saya di New Zealand lah. Terima kasih.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya dapat maklum? Minta maaf, Yang Berhormat Menteri, saya keluar sekejap tadi. Tentang sekolah tadi.

Dr. Maszlee bin Malik: Nampak gayanya memang dia orang tidak mahu saya balik ini... [Ketawa] Okey, kembali kepada Yang Berhormat Segamat. Saya minta maaf di atas apa yang berlaku. Akan tetapi, kita akan berikan dan bukanlah langsung tidak dijawab. Kalau kita masih ingat, semalam saya telah menjawab persoalan berkaitan UEC yang ada kaitan dengan apa yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Segamat dan kita mengambil cakna dan mengambil peduli terhadap segala saranan dan juga cadangan yang diberikan. Yang Berhormat Segamat ini dia merupakan rakan baik saya. Banyak input-input yang dia berikan kita bawa ke kementerian. Terima kasih, Yang Berhormat Segamat.

Berkaitan Yang Berhormat Jelebu- kembali pula. Seperti mana disebut tadi, pembaikan bangunan asrama Sekolah Menengah Kebangsaan Lui Barat akan dilaksanakan pada tahun 2019 mengguna pakai peruntukan tahun 2019. Itu berita baik.

Keduanya, projek SJKT yang dimaksudkan berkemungkinan adalah projek-projek pembinaan SJKT Ladang Pertang di tapak baharu di bawah Pakej Rangsangan Khas (PRK) 2012 yang dilaksanakan oleh kontraktor TRT Engineering Sdn. Bhd. Selepas semakan dibuat, keseluruhan tuntutan interim kontraktor telah pun dibuat bayaran. Ini yang kita dapat daripada pihak perolehan.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri, yang SMK Lui Barat itu saya ucapkan terima kasihlah. Kalau dapat, kita buat di awal tahun 2019 fasal pelajar-pelajar itu memerlukan sangat tentang asrama. SJK Tamil Ladang Pertang ini, Yang Berhormat Menteri, saya harap dapat pertimbangkan daripada pihak kementerian supaya dilihat balik kerana kalau bayaran itu sudah dilunaskan sepenuhnya tetapi kerja-kerja ini tidak siap. Ini saya minta perhatian daripada pihak kementerian. Terima kasih, Yang Berhormat Menteri.

Dr. Maszlee bin Malik: Terima kasih, Yang Berhormat Jelebu. Kita akan melihat serius terhadap isu tersebut. Sebelum saya berundur, Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya akhiri dengan sebuah sajak.

Wahai anak-anak sekolah,

Hitam atau putih bukan isu utama,

Sekolah bukannya penjara,

Pesan pujangga,

Bila dewasa jadi Pak Menteri dan penguasa,

Jangan salah guna kuasa,

Jangan samun dan curi rakyat punya harta,

Banyakkan membaca, menghiasi diri dengan budi dan elakkan boros berbelanja,

Kelak harta rakyat akan dihamburkan untuk Bijan, Hermes dan berlian permata,

Nanti kau akan dilangsir, ditangkap oleh SPRM dan akan dibicara,

Pakaian mu pula nanti berwarna jingga.

Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Pendidikan. Saya ingin meneruskan giliran menjawab, seterusnya daripada Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

9.17 mlm.

Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar [Tuan Sivarasa Rasiah]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada 11 orang Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah berbahas dan membangkitkan perkara-perkara yang berkaitan dengan Kementerian Pembangunan Luar Bandar sepanjang lima hari perbahasan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas ini.

Izinkan saya, Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat semasa perbahasan tersebut. Saya ingin mula dengan pandangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Setiu dan juga Yang Berhormat Sibu.

Pertama ialah daripada Yang Berhormat Setiu yang meminta Kementerian Pembangunan Luar Bandar memberi perhatian yang serius kepada pembangunan luar bandar. Manakala Yang Berhormat Sibu pula membangkitkan mengenai langkah yang akan diambil oleh kerajaan untuk membantu pembangunan luar bandar terutamanya di kawasan *central Sarawak*, dengan izin.

Untuk makluman Yang Berhormat Setiu dan Yang Berhormat Sibu, Kementerian Pembangunan Luar Bandar sentiasa dan akan mengambil pendekatan pembangunan luar bandar yang holistik meliputi pembangunan infrastruktur, ekonomi dan modal insan terutamanya di negeri Sabah dan Sarawak serta negeri-negeri di Semenanjung yang masih ketinggalan seperti Kelantan dan Terengganu.

Sehubungan dengan ini, kementerian baru-baru ini telah melancarkan Pelan Harapan Pembangunan Luar Bandar pada 29 Oktober 2018 yang bertemakan, '*Luar Bandar Sejahtera*'. Pelan ini merupakan perancangan dan hala tuju pembangunan luar bandar bagi lima tahun yang akan datang iaitu bermula tahun 2018 hingga 2023 berdasarkan aspirasi rakyat seperti mana yang terkandung dalam manifesto Pakatan Harapan.

■2120

Pelan ini Tuan Yang di-Pertua meliputi enam teras iaitu:

- (i) prasarana yang lengkap dan berkualiti;
- (ii) ekonomi luar bandar yang berdaya saing;
- (iii) keusahawanan yang melibatkan pemerksaan usahawan luar bandar dan mewujudkan sumber pendapatan alternatif;
- (iv) model insan bagi melahirkan masyarakat luar bandar yang berilmu, mahir dan cemerlang;
- (v) memperkasakan wanita luar bandar; dan
- (vi) sistem penyampaian yang mengutamakan keperluan rakyat.

Enam teras ini merangkumi 29 strategi dan 94 program yang akan dilaksanakan bagi memenuhi hasrat dan aspirasi tema Luar Bandar Sejahtera tersebut. Di bawah Pelan Harapan Pembangunan Luar Bandar ini juga, kementerian akan memberi tumpuan untuk membangunkan 28 daerah di Malaysia yang mempunyai purata pendapatan bulanan terendah termasuk 13 daerah di Sarawak, lima di Sabah, tujuh di Kelantan, dua di Kedah dan satu di Pahang. Ini adalah selaras dengan hasrat kementerian untuk pembangunan wilayah yang lebih seimbang dan *inclusive* serta dapat mengurangkan migrasi penduduk di luar bandar ke bandar.

Tuan Yang di-Pertua selain itu, kementerian juga dalam proses- sebab pelan itu adalah untuk tempoh lima tahun. Selain daripada itu, kementerian juga dalam proses menyediakan dasar pembangunan luar bandar yang akan menjadi dasar utama

pembangunan luar bandar dalam jangka masa yang panjang yang menyokong dasar dan program pembangunan nasional.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Sedikit mencelah. Tadi saya tidak dengar bunyi Perlis dalam daerah-daerah hendak dibangunkan ini, luar bandar.

Tuan Sivarasa Rasiah: Hendak senarai daerah itu? Okey.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Ya.

Tuan Sivarasa Rasiah: Saya *just* secara ringkas saya sebut. Kita sudah kenal pasti 28 daerah.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Perlis?

Tuan Sivarasa Rasiah: *Sorry*, Perlis tidak ada. Kita kenal pastikan ini yang dengan purata pendapatan bulanan yang terendah di Malaysia.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Saya risau purata bulanan terendah ini juga mengambil kira macam Perlis dia *mixed area*. Jadi kalau ambil sekali dengan orang *urban*, jadi *you* sudah orang kata terlepas pandangan golongan yang orang yang duduk betul-betul *rural*.

Tuan Sivarasa Rasiah: Baik kita ambil maklum Yang Berhormat Kangar tetapi yang saya difahamkan memang senarai yang saya ada ini memang banyak, hampir semua kawasan luar bandar, tidak ada kawasan bandar.

Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Sivarasa Rasiah: Biar saya habiskan ayat tadi sebelum saya beri ruang. Tadi saya sebut tentang dasar pembangunan luar bandar yang jangka masa panjang. Penyediaan dasar pembangunan luar bandar tersebut telah dibantu ataupun sekarang ini dibantu oleh perunding-perunding daripada Universiti Kuala Lumpur, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Universiti Teknologi Malaysia. Silakan Yang Berhormat Kapit.

Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menyatakan kementerian ini akan meneruskan dasar untuk membantu, memperkasakan ataupun hendak secara- untuk menjaga tahap sosioekonomi masyarakat duduk di luar bandar dalam keusahawanan. Apa yang saya difahamkan RISDA dan FELCRA tiada lagi dalam *purview* kementerian ini.

Jadi, tanpa kedua-dua RISDA dan FELCRA ini bagi saya agak sukar bagi kementerian ini untuk agak berkesan membantu masyarakat duduk luar bandar dalam erti kata hendak membantu mereka dari segi meningkatkan tahap sosioekonomi mereka dalam pendapatan mereka sebab terdahulu nampaknya dari segi FELCRA, penglibatan FELCRA dan program-program FELCRA dan juga RISDA membantu adalah amat berkesan.

Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri beri maklumat sekarang bagaimana strategi yang lain tanpa melibatkan RISDA dan FELCRA ini sebab kedua-dua ini tidak lagi dalam kementerian. Apa sebenarnya strategi yang lain yang agak boleh berkesan?

Tuan Sivarasa Rasiah: Tuan Yang di-Pertua, memang betul dua-dua agensi ini RISDA dan FELCRA telah dialihkan kepada kementerian lain iaitu Kementerian Hal Ehwal Ekonomi. Pada masa yang sama, Yang Berhormat Kapit pun tahu strategi yang digunakan oleh FELCRA dan RISDA adalah melalui pembukaan tanah dan penubuhan ladang-ladang kelapa sawit dan juga ada terlibat getah. Memang itu satu cara untuk mempertingkatkan ekonomi di luar bandar.

Akan tetapi, itu buka secara- itu sahaja yang berkesan. Kita masih ada agensi-agensi lain di dalam kementerian dan yang boleh tumpu kepada pembangunan keusahawanan. Ini bukan kita hanya bukan buat ini melalui pembukaan tanah sahaja. Jadi program sosial ataupun sosioekonomi yang tumpu kepada wanita, tumpu pada belia, tumpu kepada pembangunan keusahawanan semua boleh dijalankan. Dulu telah dijalankan melalui agensi MARA yang masih di bawah kementerian melalui KEMAS yang masih di bawah kementerian dan di bawah kementerian secara umum.

Jadi bagi pandangan kementerian sekarang, tidak ada halangan yang besar dengan pengalihan kedua-dua agensi ini sebab itu kedua-dua agensi itu menggunakan pendekatan pembukaan tanah sahaja. Akan tetapi kita akan tumpu pada strategi-strategi yang lain juga akan membawa manfaat peningkatan ekonomi untuk masyarakat luar bandar.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Sivarasa Rasiah: Sila.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Yang Berhormat, pertamanya saya hendak ucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada pihak Kementerian kerana telah melancarkan Pelan Harapan Pembangunan Luar Bandar yang saya kira merupakan perancangan yang telah pun di siapkan oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar dulu. Kita buat secara *detailed* ada seperti kongres dan sebagainya telah pun dibuat dan akhirnya kita *come out* dengan pelan yang tersusun di bawah perancangan luar bandar untuk jangka panjang. Jadi terima kasih di atas usaha Yang Berhormat untuk menyambung apa yang telah pun kita rancang dahulu.

Saya hendak tanya dari segi pembangunan fizikal. Tadi Yang Berhormat sebut untuk membangunkan luar bandar bukan setakat keusahawanan tetapi dari segi fizikal iaitu lebih penting. Akan tetapi saya sudah sebutkan dalam ucapan saya, untuk pembangunan luar bandar dari segi jalan kampung dipotong sebanyak RM200 juta. Jadi, bagaimana kita hendak melaksanakan pembangunan luar bandar yang dahulu pun tidak mencukupi dari segi jumlah yang diluluskan itu pun tidak cukup. Ini yang adapun dipotong sehingga RM200 juta.

Dahulu Yang Berhormat sendiri salah seorang banyak bercakap tentang membangunkan masyarakat Orang Asli kerana masyarakat Orang Asli ini agak ketinggalan dari segi pembangunannya. Saya lihat peruntukan Orang Asli untuk JAKOA dari RM798.926 juta di turunkan dan dikurangkan sehingga menjadi RM165 juta sahaja iaitu RM633 juta jadi RM633.9 juta dipotong. Saya sudah kata tadi yang dahulu pun masih tidak mencukupi untuk membangunkan kawasan-kawasan Orang Asli, yang adapun dipotong. Bukan separuh daripada RM700 hingga RM600 lebih. RM100 juta lebih. RM165 juta telah pun dipotong.

Begitu juga dengan Sarawak ini daripada Yang Berhormat Kapit. Untuk bekalan air luar bandar yang merupakan *necessity* keperluan asas untuk masyarakat di Sarawak. Untuk bekalan air luar bandar di potong sebanyak RM3 bilion daripada RM5.5 bilion sekarang ini jadi RM2.5 bilion. Maknanya RM3 bilion dipotong. Kita bercakap soal hendak merapatkan jurang antara luar bandar dengan bandar. Akan tetapi peruntukan luar bandar sudahlah sekarang ini tidak berapa mencukupi tetapi dipotong lebih banyak. Orang Asli lagi saya simpati kepada mereka tinggal dipotong sebanyak RM633 juta seperti yang saya sebutkan tadi.

■2130

Untuk merapatkan jurang antara Sarawak dengan Semenanjung pun, kalau RM3 bilion dipotong macam mana kita hendak merapatkan hubungan?

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Boleh saya tambah sedikit, boleh? Sebelum Timbalan Menteri jawab.

Tuan Sivarasa Rasiah: Tajuk yang sama kah...

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Ada kena mengena, ada kena mengena...

Tuan Sivarasa Rasiah: Okey.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Pasal dekat kawasan...

Tuan Sivarasa Rasiah: Secara ringkas ya.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Kawasan Jelebu ini kawasan luar bandar memang perlukan...

Tuan Sivarasa Rasiah: Memang...

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Sangat perhatian kementerian.

Tuan Sivarasa Rasiah: Okey, silakan secara ringkas.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Kita anggap Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh jawab, saya tahu tetapi Yang Berhormat Menteri menjawab lebih bagus pasal dia akan memberikan satu keputusan yang tepat. Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya setuju dengan Yang Berhormat sebut tadi bahawa RISDA dan FELCRA bukan sahaja antara agensi yang sudah terkeluar daripada kementerian sekarang yang boleh memperjuangkan

dan juga boleh menambah aktiviti pendapatan kepada masyarakat B40 terutamanya masyarakat luar bandar.

Cumanya Yang Berhormat, saya hendak sebut bawah MARA pun. Tadi Yang Berhormat Bera sudah sebut peruntukan yang ini sudah potong, yang ini sudah potong, yang ini sudah potong. Bagaimana mungkin pihak MARA ini, agensi MARA ini boleh menterjemahkan segala bentuk bantuan bagi membantu golongan miskin di luar bandar terutamanya masyarakat Orang Asli dan masyarakat golongan berpendapatan rendah yang berada di kawasan luar bandar. Ditambah Yang Berhormat Timbalan Menteri, ditambah dengan banyak premis MARA yang sepatutnya boleh dijadikan sebagai satu premis dan tempat yang boleh menjana pendapatan bagi mereka yang berada di luar bandar tidak boleh digunakan. Premis MARA yang berada di kawasan luar bandar terutamanya kawasan saya.

Untuk makluman Yang Berhormat Timbalan Menteri, kebanyakan premis-premis perniagaan MARA yang tentunya boleh digunakan oleh masyarakat luar bandar yang miskin ini untuk menjana pendapatan mereka tidak boleh guna kerana penyelenggaraan tidak dibuat, ditinggalkan kosong dan pelbagai faktor-faktor yang menyekat perkembangan aktiviti ekonomi ini. Saya hendak minta penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah perancangan MARA untuk memastikan aset utama yang berada di luar bandar ini dapat membantu masyarakat luar bandar. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Jelebu.

Tuan Sivarasa Rasiah: Tadi Yang Berhormat Jelebu, saya sudah tanya ada soalan lain berkaitan dengan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bera. Yang Berhormat Jelebu kata ya tetapi selepas mendengar, nampaknya jauh berbeza daripada yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bera.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: ...*itu part of the family* Yang Berhormat Timbalan Menteri, okey.

Tuan Sivarasa Rasiah: Biar saya dahulu. Nanti dahulu biar saya habis. Jadi saya akan jawab pada apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bera dahulu ya. Sebab *point* ini saya tidak nampak dalam perbahasan oleh Yang Berhormat Jelebu, baik. Yang Berhormat Bera tahu, isu pemotongan bajet JAKOA telah dijawab oleh Menteri Jabatan Perdana Menteri tadi. Sudah dijawab sebab Yang Berhormat Bera tahu agensi telah dialihkan bukan lagi di bawah kementerian luar bandar, sekarang di bawah JPM, so sudah diterangkan tadi.

Berbalik kepada isu pemotongan ataupun pengurangan peruntukan. Memang dalam perbahasan Yang Berhormat Bera telah membangkitkan mengenai pemotongan peruntukan projek-projek pembangunan fizikal yang dilakukan oleh kerajaan tetapi dakwaan yang dibuat oleh Yang Berhormat Bera yang ini akan melebarkan jurang antara bandar dan luar bandar terutamanya di Sabah dan Sarawak, itu kurang tepat.

Untuk makluman Yang Berhormat Bera, pemotongan-pemotongan projek pembangunan di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar tidak akan menjejaskan agenda pembangunan masyarakat luar bandar. Selepas Pilihanraya Umum Ke-14 pada bulan Mei yang lalu, kerajaan telah membuat penilaian semula pelaksanaan projek dan program pembangunan termasuk di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Maksudnya kajian semula atas semua.

Ia bertujuan untuk memastikan semua projek dan program yang dirancang akan dilaksanakan dengan kos yang sewajarnya berdasarkan konsep *value for money*, dengan izin. Sesi libat urus yang dijalankan dengan penglibatan pelbagai pihak termasuklah daripada agensi-agensi pusat seperti Kementerian Kewangan, Unit Perancang Ekonomi (EPU), Kementerian Hal Ehwal Ekonomi, Unit Penyelarasan Pemantauan (ICU) dan JPM telah meneliti senarai projek dan program tahun 2018 di bawah kementerian ini.

Berdasarkan penilaian yang dilaksanakan terdapat penjimatan kos yang boleh dilaksanakan berdasarkan prestasi semasa projek atau program serta kaedah pelaksanaan secara tender terbuka yang dijangka memberi penjimatan kepada kos keseluruhan projek dan program ini. Jadi Yang Berhormat Bera, kita memang kurangkan peruntukan tetapi ini tidak akan menjejaskan sebab apa yang kita dapat ialah melalui proses tender terbuka, kita akan dapat menyampaikan yang sama *value* dia dengan peruntukan yang kurang daripada itu.

Di samping itu juga, pelan harapan pembangunan luar bandar seperti yang saya telah sebut tadi akan dijadikan sebagai strategi utama kementerian dalam memastikan pembangunan di luar bandar ini dilaksanakan dengan adil dan saksama agar kemakmuran negara turut dinikmati oleh masyarakat luar bandar seterusnya mengurangkan jurang perbezaan antara bandar dan luar bandar.

Yang Berhormat Bera, izinkan saya bagi contoh sedikit. Ini dalam projek-projek yang telah diluluskan di bawah kerajaan lama contohnya macam projek solar. Ya memang perlu di kawasan yang jauh daripada grid elektrik tetapi kita ada contoh projek-projek solar di Sabah di mana kos untuk sampaikan bekalan elektrik secara solar kepada setiap rumah sudah sampai ke tahap RM290,000 serumah dan ini memang adalah angka-angka yang jauh tidak munasabah dengan RM290,000 boleh membina sebuah banglo tetapi kos itu dibelanjakan oleh kerajaan lama untuk pasang elektrik kepada sebuah rumah. Inilah kos yang dibelanjakan.

Jadi atas nama pembangunan luar bandar kerajaan lama, Kerajaan Barisan Nasional telah membelanjakan berbilion-bilion tetapi akhirnya apa yang sampai ke bawah bernilai jauh lebih rendah. Inilah *point* saya. Jadi maksudnya secara ringkas pengurangan peruntukan ini tidak bermaksud kita akan kompromi pada apa yang kita sampaikan kepada rakyat luar bandar. Itu kita tidak akan kompromi.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Okey Yang Berhormat, saya tanya sedikit.

Tuan Sivarasa Rasiah: Sila.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Untuk penjelasan. Dari segi menaik taraf jalan luar bandar kalau boleh Yang Berhormat secara bertulis pun tidak apa beri secara detil apakah projek ini Yang Berhormat kata tadi walaupun ada tender semula tetapi jaminan yang patut diberikan oleh Yang Berhormat bahawa projek itu akan diteruskan, tidak diberhentikan. Katakan RM200 juta pemotongan, jadi Yang Berhormat boleh bagi dekat saya senarai apakah nama projek tersebut dan projek itu diteruskan.

Seperti juga di Sarawak tadi, RM3 bilion potong. Okey, kita setuju kalau dari segi penjimatan tidak ada halangan dari segi itu. Cuma yang perlu diberikan jaminan bahawa projek tersebut akan diteruskan dengan kos yang baru. Kalau boleh mohon senarai projek yang akan diteruskan dengan kos yang baru tersebut, bertulis, *no problem* tidak perlu jawab malam ini.

Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Boleh saya sambung sedikit Tuan Yang di-Pertua? Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya ingin juga senarai seperti mana yang diminta oleh Yang Berhormat Bera untuk Sarawak ya sebab kesemuanya projek-projek yang kita senaraikan dahulu kita luluskan dahulu memang keperluan penduduk di luar bandar. Penjimatan itu *I have no argument*, kalau boleh buatlah penjimatan tetapi projek itu jangan di tangguh terlalu lama atau jangan sekali-sekali dibatalkan. Saya mohon juga senarai. Terima kasih.

Tuan Sivarasa Rasiah: Ya, dalam jawapan-jawapan saya akan sampaikan selepas ini ada sebahagian maklumatlah yang diminta iaitu jumlah projek, status projek dan sebagainya. Akan tetapi saya boleh sebut ini Yang Berhormat Bera, semua projek sekarang dikaji semula. Keputusan muktamad tentang semua projek belum dibuat, itulah dibuat secara berperingkat. Keputusan tentang separuh sudah dibuat, projek-projek lain dikaji semula dan inilah satu proses yang berterusan. Jadi kita tidak boleh bekalkan satu senarai muktamad untuk semua projek sebab itu satu proses yang berterusan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin teruskan dengan soalan daripada Yang Berhormat Bera juga berkaitan dengan cadangan supaya pelajar-pelajar GIATMARA yang menyambung pelajaran ke IKM dapat menggunakan sijil yang mereka peroleh untuk memasuki universiti TVET seperti UniKL dan sebagainya.

■2140

Di samping itu, Yang Berhormat Bera juga membangkitkan mengenai masa depan pelajar-pelajar yang mengikuti kursus yang melibatkan industri rel di GIATMARA dan UniKL selepas pembatalan Projek ECRL dan HSR. Sebenarnya, istilah pembatalan ini pun kurang tepat. HSR itu ditangguhkan, bukan dibatalkan.

Untuk makluman Yang Berhormat, GIATMARA sememangnya telah merangka beberapa program bagi membolehkan pelajar GIATMARA meneruskan pengajian di peringkat lebih tinggi dengan kerjasama beberapa Institusi Pendidikan MARA (IPM) yang terpilih. GIATMARA bersama Bahagian Kemahiran Teknikal MARA telah membuat penyesuaian silibus secara *mapping*. Beberapa kursus telah membuat penyesuaian silibus seperti teknologi kimpalan, teknologi automotif, *electrical*, *air conditioning* dan sebagainya untuk membolehkan pelatih lepasan GIATMARA menyambung pelajaran ke IKM atau KKTM untuk memperoleh sama ada diploma kompetensi atau diploma industri.

Bagi tahun 2018, seramai 2,008 orang lepasan pelatih GIATMARA sedang menuntut di lima buah IKM seluruh negara. Pada masa akan datang, GIATMARA akan berusaha menambah lebih banyak program dan meningkatkan bilangan lepasan pelatih GIATMARA yang menyambung pelajaran ke peringkat lebih tinggi.

Jadi Yang Berhormat Bera, pendekatan yang kita pakai sekarang, kita perlu pergi *step-by-step*, dengan izin. Kita tidak boleh terus ke peringkat ke tahap UniKL. Jadi, itulah pendekatan kita.

Untuk makluman Yang Berhormat Bera juga, GIATMARA masih meneruskan program latihan kemahiran seperti kursus teknologi kimpalan dan fabrikasi logam dan pendawaian elektrik yang menyokong keperluan tenaga kerja mahir dalam industri teknologi rel. Pada masa sekarang, seramai 36 orang pelatih sedang mengikuti program ini dan dijangka akan menamatkan latihan pada akhir bulan Disember 2018.

Begitu juga dengan UniKL yang tetap akan meneruskan program rel sedia ada di peringkat ijazah, kursus profesional dan program jangka pendek bagi memenuhi keperluan tenaga kerja industri rel di dalam negara dan Asia. Di samping itu, MARA juga telah menubuhkan *UniKL Asia Rail Centre* pada 23 Mac 2016 yang berpusat di *Universiti Kuala Lumpur Malaysia Italy Design Institute* (UniKL MDI) di Taman Shamelin Perkasa, Kuala Lumpur.

Jadi sehubungan dengan itu, penangguhan projek rel seperti HSR dan ECRL tidak memberi kesan yang besar kepada program yang ditawarkan oleh UniKL. Sehingga kini, seramai 272 peserta pelajar atau pelajar telah mengikut pelbagai kursus pendek dan seminar berkaitan teknologi rel. Bagi program akademik pula, terdapat seramai 240 orang pelajar sedang mengikuti pengajian peringkat ijazah berkaitan rel...

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Yang Berhormat.

Tuan Sivarasa Rasiah: Sila.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Macam mana Yang Berhormat kata tidak akan terjejas? Oleh kerana latihan itu diperkenalkan untuk penyediaan kepada Projek ECRL dan ECRL masih lagi ditangguhkan walaupun bukan dibatalkan. Jadi, kalau mereka sudah tamat latihan, boleh Yang Berhormat beritahu saya ke mana hendak dihalakan mereka itu? Hendak bekerja di- di mana tempat mereka bekerja kerana projek-projek yang besar seperti ECRL, HSR telah pun ditangguhkan?

Tuan Sivarasa Rasiah: Saya rasa Yang Berhormat Bera tahu ECRL bukan sahaja projek rel yang tunggal di negara kita. Kita ada banyak projek rel di Malaysia yang sekarang masih diteruskan. Kita ada beberapa jenis. Bagi saya, projek-projek yang lain ini selain daripada HSR dan ECRL yang ditangguhkan sementara ini boleh menampung pelajar-pelajar yang sekarang melalui latihan.

Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa soalan oleh beberapa Yang Berhormat yang bertumpu kepada projek-projek spesifik dalam kawasan. Jadi, saya ingin cadangkan kalau Yang Berhormat itu ada, saya akan terus bagi jawapan sebab mereka ada tetapi kalau mereka tidak ada, kita akan sampaikan dengan cara bertulis. Jadi, Yang Berhormat Setiu ada tanya tentang projek bekalan air tetapi saya...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Setiu tidak ada.

Tuan Sivarasa Rasiah: Tidak ada. So, saya boleh- kita akan beri jawapan ini tentang projek bekalan air bersih di Setiu yang bernilai RM4.76 juta, kita akan beri secara bertulis. Saya terus kepada soalan daripada Yang Berhormat Limbang.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]: Ada, ada.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Limbang ada.

Tuan Sivarasa Rasiah: Yang Berhormat Limbang tanya tentang status pembinaan GIATMARA di Limbang.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Limbang ada.

Tuan Sivarasa Rasiah: Okey, ada, baik terima kasih. Untuk makluman Yang Berhormat Limbang, GIATMARA telah memohon cadangan pembinaan GIATMARA Limbang dengan peruntukan sebanyak RM10 juta. Permohonan ini telah dibentangkan ke peringkat akhir permohonan RMKe-11, *Rolling Plan Ke-4* dalam Mesyuarat Pemeriksaan Bajet Teras Tiga Berkaitan Pembangunan Modal Insan pada 22 Mei 2018 di Unit Perancang Ekonomi (EPU).

Walau bagaimanapun, pelaksanaan projek tersebut tertakluk kepada kelulusan oleh pihak Unit Perancang Ekonomi (EPU) dan kedudukan semasa kewangan kerajaan. Yang Berhormat Limbang juga bertanya mengenai status fasa 2 Projek Jalan Meritam ke Telahak, Bong Abai, Pengkalan Rejap, Sungai Poyan.

Untuk makluman Yang Berhormat, projek ini yang dinamakan Projek Jalan Meritam, Telahak, Bong Abai, Bahagian Limbang, Sarawak fasa 2 telah diluluskan pelaksanaannya di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh. Kontrak projek ini telah ditamatkan kerana kelemahan kontraktor selaras dengan keputusan Mesyuarat *Contract Coordination Panel* (CCP), dengan izin, yang telah diadakan pada 23 Oktober 2018. Sehubungan dengan itu, pihak kementerian dan Jabatan Kerja Raya Sarawak sedang dalam proses untuk mengeluarkan Notis Penamatan Pengambilan Pekerja Kontraktor kepada kontraktor yang terlibat dan akan menender semula projek ini. Jadi, projek ini akan diteruskan tetapi dengan kontraktor baharu...

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Yang Berhormat, saya hendak tumpang Yang Berhormat Limbang punya soalan.

Tuan Sivarasa Rasiah: Sila.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Saya tidak bangkitkan. Yang Berhormat tidak perlu jawab, boleh cuma maklumkan kepada pegawai. Projek GIATMARA di Bera, saya difahamkan telah pun dibatalkan walaupun telah pun diluluskan. Kerajaan negeri telah pun bersetuju untuk menyediakan tanah sebanyak 10 ekar untuk GIATMARA di Bera. Kalau sudah dibatalkan, saya pohon supaya boleh dikaji semula pembatalan tersebut dan kalau boleh diluluskanlah.

Tuan Sivarasa Rasiah: Berkaitan dengan status GIATMARA di Bera, saya diberitahu statusnya memang ia sudah beroperasi sejak tahun 2002.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Ini yang baharu, *is it?*

Tuan Sivarasa Rasiah: Oh! Ini yang baharu.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Itu yang lama, yang baharu.

Tuan Sivarasa Rasiah: Baik. Akan tetapi okey. Itu saya akan dapatkan maklumat sama ada status yang baharu yang dicadangkan sama ada dibatalkan atau tidak. Kita akan beri pengesahan secara bertulis.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]: Tuan Yang di-Pertua, sedikit Menteri.

Tuan Sivarasa Rasiah: Sila.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]: Balik cerita GIATMARA. Mungkin *just to remind*, dengan izin, Menteri iaitu MARA ini sekarang ini dalam proses untuk difahamkan GIATMARA di Limbang iaitu proses membayar premium tanah yang disediakan oleh kerajaan negeri.

Untuk pengetahuan Menteri, *just to remind*, tanah ini yang diluluskan oleh kerajaan negeri itu ia ada umurnya. Jadi, saya rasa sekiranya sementara menunggu pembinaan fizikal kompleks ini, mungkin yang bab tanah ini harus diselesaikan supaya ia tidak terlepas dan kena mohon semula lagi. Itu permohonan- *just to remind the Ministry on that part*. Satu lagi

ialah kita tidak tahu bila lagi sebagai mana apa yang dikatakan oleh Menteri tadi iaitu menunggu memandangkan kewangan dan sebagainya, *but maybe it is advisable* yang sekarang GIATMARA yang menumpang di Pejabat Residen lama di Limbang ini begitu daif, khususnya asramanya memang *very* kasihanlah.

■2150

Jadi dahulu pun saya pernah menyuarakan supaya di- sekurang-kurangnya sementara menunggu pembinaan – *make the living condition* asramanya itu kondusiflah *for the students*. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Sivarasa Rasiah: Terima kasih kepada Yang Berhormat Limbang atas cadangan itu yang kita akan ambil maklum dan akan pertimbangkan.

Yang Berhormat Bera tentang isu GIATMARA yang baharu ini, sementara kita bagi dalam bertulis, saya *just* boleh sebut ini. Saya diberitahu memang ini adalah peringkat dikaji semula. Oleh sebab apa yang saya diberitahu kedudukan kewangan sebab berdasarkan kedudukan kewangan kerajaan sekarang, pembinaan GIATMARA Bera yang baharu ini sekarang dikaji semula. Kita akan mempertimbangkan berdasarkan keutamaan kepada beberapa lokasi-lokasi yang lain. Akhirnya keputusan akan mengambil kira mana lokasi yang lebih strategik daripada- So, itulah antara faktor yang akan mengambil kira tetapi keputusan ini belum dibuat lagi.

Baik, saya teruskan dengan soalan daripada Yang Berhormat Jelebu. Yang Berhormat Jelebu hadir? Yang Berhormat Jelebu ada tanya tentang status jalan pintas Gagu ke Broga yang telah diluluskan. Untuk makluman Yang Berhormat, bagi projek jalan luar bandar membina jalan baharu daripada Kampung Gagu ke Ulu Beranang, Negeri Sembilan ini telah diluluskan oleh EPU dengan kos keseluruhan berjumlah RM180 juta yang melibatkan jalan sejauh 14 kilometer. Walau bagaimanapun, projek ini ditangguhkan pelaksanaannya ke Rolling Plan Keempat dalam RMKe-11 berikutan kekangan kewangan negara berdasarkan kepada surat daripada EPU yang diterima. Jadi projek ini diluluskan tetapi ditangguhkan kepada Rolling Plan Keempat.

Yang Berhormat Tenom ada tanya tentang projek- dia memohon untuk mempercepatkan pembaikan dan naik taraf jalan raya daripada Jalan Ulu Tomani ke Bakuku, Jalan Kemabong-Rundum, Jalan Bisulu-Tumantalik. Yang Berhormat Tenom ada atau tidak?

Seorang Ahli: Ada, ada. Sini, sini.

Tuan Sivarasa Rasiah: Oh! *Sorry*. Ya, terima kasih. Yang Berhormat Tenom ada, saya teruskan. Untuk makluman Yang Berhormat, projek membina Jalan Ulu Tomani, Tenom, Sabah telah diluluskan oleh EPU di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas 2018 dengan kos peruntukan sebanyak RM189 juta. Walau bagaimanapun, projek ini juga telah ditangguhkan pelaksanaannya sehingga *rolling plan* akan datang dan kelulusan pelaksanaan semula adalah tertakluk kepada kedudukan kewangan negara. Manakala bagi permohonan dua cadangan projek iaitu Projek Naik Taraf Jalan Kemabong-Rundum Tenom fasa 2 dan Projek Naik Taraf Jalan Tumantalik, Tenom telah diangkat kepada EPU bagi pelaksanaan di bawah Rolling Plan Keempat tahun 2019. Walau bagaimanapun, pelaksanaan projek-projek tersebut tertakluk kepada kelulusan oleh pihak EPU dan juga Kementerian Hal Ehwal Ekonomi dan kedudukan semasa kewangan kerajaan.

Saya teruskan dengan soalan daripada Yang Berhormat Lubok Antu, yang bertanya tentang status Projek Jalan Ulu Skrang serta Projek Jalan Ulu Engkari dan Ulu Lemana.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Lubok Antu tiada.

Tuan Sivarasa Rasiah: Tidak ada? Jadi saya pohon untuk menjawab secara bertulis ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Silakan.

Tuan Sivarasa Rasiah: Saya teruskan kepada soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Hulu Rajang yang tanya tentang status beberapa projek jalan luar bandar (JLB) di kawasan Hulu Rajang.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Hulu Rajang tiada.

Tuan Sivarasa Rasiah: Yang Berhormat Hulu Rajang pun tiada. Saya akan hantar jawapan ini secara bertulis kepada Yang Berhormat...

Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Hulu Rajang sebelah Kapit. Boleh tumpang?

Tuan Sivarasa Rasiah: Jadi hendak dengar jawapan?

Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Ya?

Tuan Sivarasa Rasiah: Yang Berhormat Kapit hendak dengar jawapan untuk Yang Berhormat Hulu Rajang.

Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Bukan, saya hendak bertanya yang Kapit, Sabah.

Tuan Sivarasa Rasiah: Boleh, boleh. Saya tidak ada masalah.

Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Boleh ya? Ya, ini...

Tuan Sivarasa Rasiah: Tidak ada isu, saya jawab. Saya akan bagi jawapan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab dahulu.

Tuan Sivarasa Rasiah: Okey. Jadi Tuan Yang di-Pertua, yang pertama mengenai status Projek Jalan Kanowit, Song dan Kapit yang ditanya oleh Yang Berhormat Hulu Rajang. Projek ini telah diluluskan secara berperingkat sejak daripada Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10). Ia melibatkan peruntukan keseluruhan berjumlah RM813.4 juta dengan panjang keseluruhan jalan ialah 101.9 kilometer. Saya rasa Yang Berhormat Kapit pun mesti tahu semua ini sebab terlibat masa itu.

Projek ini telah dipecahkan kepada 11 pakej di mana lapan pakej telah pun siap dilaksanakan secara berperingkat. Satu pakej iaitu Projek Jalan Song Kapit Seksyen B Ngemah Temala atau Pakej 1 sedang dalam pembinaan yang dijangka akan siap sepenuhnya pada tahun 2021. Baki dua pakej projek yang belum bermula ialah Jambatan Kedua Sungai Yong Kapit, Sarawak dan Projek Jalan Song Kapit Seksyen B Ngemah Temala (Pakej 2).

Walau bagaimanapun, berdasarkan arahan Kementerian Kewangan bertarikh 27 Ogos 2018, kedua-dua projek ini iaitu projek Jalan Song Kapit Seksyen B Ngemah Temala (Pakej 2) hanya dibenarkan pelaksanaannya dari segi kerja-kerja awalan sahaja seperti lantikan khidmat perunding dan juruukur sehingga ke peringkat reka bentuk. Pembinaan projek-projek ini akan dilaksanakan di dalam Rancangan Malaysia yang akan datang. Jadi hanya kerja awalan sahaja yang diluluskan dan lain semua akan ditangguhkan ke RMK yang akan datang.

Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Tuan Yang di-Pertua, Rancangan Malaysia yang akan datang maksudnya bila bermula itu?

Tuan Sivarasa Rasiah: Selepas RMKe-11.

Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Selepas tahun 2021?

Tuan Sivarasa Rasiah: Ya, betul. Itulah keputusan buat masa sekarang.

Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Kalau boleh Tuan Yang di-Pertua, yang bakinya hanya 5.1 kilometer termasuk jambatan baru di Sungai Ngemah yang dikatakan *bypass* dekat perkampungan Nanga Ngungun. Takkan kos itu terlalu tinggi? Saya ingat dalam lingkungan RM70 juta sahaja. Kalau kita laksanakan 5.1 kilometer ini dan sebuah jambatan yang batu terlalu lama lagilah untuk kita menyiapkan sebatang jalan yang begitu penting siap dengan sepenuhnya. Jadi, saya merayulah untuk penduduk-penduduk di Kapit dan yang memerlukan sebatang jalan yang begitu berguna sekali. Jadi tidak perlulah hendak tunggu Rancangan Malaysia yang akan datang kalau boleh ya. Jambatan Sungai Yong itu pun juga perlu kita bina secepat mungkin sebab sudah diluluskan.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya sudah bangun ini satu lagi sebatang jalan di seberang Sungai Batang Rajang yang besar itu. Saya ingat Yang Berhormat ini belum sampai ke Sarawak lagi sejak lantikan. Belum atau sudah?

Tuan Sivarasa Rasiah: Belum.

Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Datanglah. Sila sebab dalam pepatah Melayu, “*Tidak kenal maka tidak cinta*” bagaimana hendak mengetahui keadaan dan kawasan-kawasan sebagainya kalau Yang Berhormat belum sampai ke sana lagi ya. Saya jemputlah.

Jadi, yang saya tahu sudah diluluskan untuk pelaksanaan juga, sebatang jalan dari Nanga Tada ke SK Nanga Beguang asalnya 11 kilometer dan selepas itu ia dipanjangkan beberapa kilometer lagi sehingga 17 kilometer keseluruhannya. Bagaimana dengan status projek ini? Ya, terima kasih.

Tuan Sivarasa Rasiyah: Ya, terima kasih Yang Berhormat Kapit atas jemputan. Ya, memang saya belum ke Sarawak lagi sebab untuk sembilan tahun saya dilarang oleh Kerajaan Negeri Sarawak untuk masuk.

Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Kalau datang pun *you* tidak boleh buat apa-apa. Sekarang Yang Berhormat Timbalan Menteri banyak kuasa.

Tuan Sivarasa Rasiyah: Akan tetapi sekarang mungkin kemasukan saya ke Sarawak tidak akan dihalang lagilah ya. [Ketawa] Baik, tetapi saya ambil maklum hujah-hujah yang disebut tadi oleh Yang Berhormat Kapit berdasarkan angka yang disebut iaitu hanya lebih kurang 50 kilometer lagi sahaja.

■2200

Kos dari perspektif Yang Berhormat Kapit, kos ini adalah lebih kurang RM70 juta ya. Jadi saya akan ambil maklum dan kita akan bawa hujah ini kepada Kementerian Hal Ehwal Ekonomi dan juga EPU untuk dipertimbangkan. okey.

Seterusnya saya beralih ke soalan daripada Yang Berhormat Julau yang bertanya tentang masalah bekalan kualiti dan tekanan air di Julau, Mas Gading, Kapit dan kawasan Parlimen pedalaman yang lain di Sarawak. Ini secara umum tetapi saya akan jawab ini, sebab ini terpakai kepada kawasan-kawasan lain juga.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Julau, penyediaan bekalan air adalah di bawah tanggungjawab pihak berkuasa air negeri termasuklah penyediaan sumber air, pembinaan loji rawatan air, pembinaan paip utama serta penyelenggaraan dan pengoperasian. Peranan Kementerian Luar Bandar adalah membuat sambungan paip retikulasi daripada paip utama ke rumah-rumah penduduk di luar bandar.

Saya jawab ini sebab inilah satu kekeliruan yang biasa diulang iaitu Kementerian Luar Bandar dianggap bertanggungjawab untuk kualiti, tekanan air dan sebagainya. Itulah di bawah tanggungjawab pihak berkuasa air negeri.

Walau bagaimanapun, kementerian juga turut melaksanakan projek naik taraf atau membina baharu loji rawatan air secara *case-by-case basis* di kawasan luar bandar bagi memastikan sistem retikulasi yang dipasang dapat berfungsi dengan baik. Sistem retikulasi yang dilaksanakan oleh kementerian ini adalah mengambil kira permintaan air semasa dan masa hadapan iaitu sehingga 25 tahun serta bentuk muka bumi kawasan berkenaan. Oleh itu, sistem yang dibangunkan sewajarnya cukup untuk menampung permintaan air di kawasan projek bagi 25 tahun akan datang.

Untuk makluman Dewan ini, bagi bekalan air luar bandar sepanjang tempoh RMKe-11 tahun 2016 hingga tahun 2018, sebanyak RM405.74 juta telah diperuntukkan bagi pelaksanaan 38 projek bekalan air luar bandar di negeri Sarawak. Nilai kos keseluruhan bagi 38 projek tersebut adalah sebanyak RM1.8 bilion dengan anggaran sasaran 15,000 buah rumah. Daripada 38 projek tersebut, lima projek adalah dalam peringkat pelaksanaan, tujuh projek dalam proses untuk ditender, 15 projek dalam peringkat reka bentuk dan 11 projek perlu dibuat pelantikan semula perunding.

Saya beralih sekarang, Tuan Yang di-Pertua, kepada soalan daripada Yang Berhormat Tuaran yang bertanya tentang status bekalan air di Parlimen Tuaran yang telah diluluskan peruntukan RM30 juta.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Tuaran tidak ada.

Tuan Sivarasa Rasiyah: Kalau Yang Berhormat tidak ada, saya jawab secara bertulislah untuk kawasan dia. Sekarang saya jawab kepada soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kalabakan yang bertanya tentang beberapa projek pembangunan luar bandar di kawasan beliau.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Kalabakan ada.

Tuan Sivarasa Rasiah: Yang Berhormat Kalabakan ada, baik. Pertama yang ditanyakan adalah mengenai projek pembinaan jana kuasa elektrik di Kalabakan dengan kapasiti bekalan yang sesuai. Untuk makluman Yang Berhormat, pada masa ini, kawasan Kalabakan telah dibekalkan elektrik melalui stesen solar, *solar hybrid* yang membekalkan elektrik kepada 612 buah rumah yang melibatkan enam buah kampung yang telah mula beroperasi pada Mei 2009 dengan kos sebanyak RM29 juta.

Mengenai projek bekalan elektrik luar bandar di kawasan tersebut, ia hendaklah dikemukakan kepada Kerajaan Negeri Sabah terlebih dahulu untuk dimasukkan ke dalam senarai keutamaan negeri. Walau bagaimanapun, pelaksanaan projek ini adalah tertakluk kepada kelulusan oleh pihak EPU, MEA dan kedudukan semasa kewangan kerajaan. So, itu adalah berkaitan cadangan untuk projek pembinaan jana kuasa elektrik yang baharu di kawasan itu.

Kedua pula adalah mengenai pemasangan kabel dasar laut dari tanah besar Tawau ke Pulau Sebatik yang melibatkan kira-kira 13.8 kilometer yang bernilai lebih kurang RM142 juta di bawah projek bekalan elektrik luar bandar. Untuk makluman Yang Berhormat, projek pemasangan kabel dasar laut dari tanah besar Tawau ke Pulau Sebatik telah mula dilaksanakan pada 22 Mei 2017 dan dijangka selesai pada November 2018 iaitu sebulan daripada sekarang. Sehingga kini, peratus pelaksanaan projek adalah 95 peratus yang mana kerja-kerja yang melibatkan *cabling* telah selesai dan hanya berbaki kerja-kerja menaik taraf stesen pencawang sahaja.

San yang terakhir adalah mengenai pembinaan loji-loji air baharu untuk menampung keperluan semasa di kawasan Kalabakan. Untuk makluman Yang Berhormat, pada prinsipnya penyediaan bekalan air adalah di bawah tanggungjawab pihak berkuasa air negeri termasuk penyediaan sumber air, pembinaan loji dan sebagainya. Peranan kementerian hanyalah untuk membuat sambungan paip retikulasi daripada paip utama ke rumah-rumah penduduk di luar bandar.

Walaupun bagaimanapun, kementerian juga ada melaksanakan projek naik taraf atau membina baharu loji rawatan secara *case-by-case basis* seperti saya sebut dahulu. Akan tetapi, *point* utama yang saya ingin sampaikan ialah cadangan ini mesti dibawa kepada Kerajaan Negeri Sabah dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, itulah jawapan-jawapan yang spesifik kepada...

Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, satu lagi boleh?

Tuan Sivarasa Rasiah: Ya, silakan.

Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Okey. Tuan Yang di-Pertua izinkan saya. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ada dua perkara yang saya hendak bertanya. Ini mungkin Yang Berhormat Menteri tidak dapat jawab sekarang dan saya mohon penjelasan secara bertulis.

Dahulu telah diluluskan satu yang dikatakan MARA Edu Biz Park untuk dibangunkan di Kapit untuk negeri Sarawak sebab sebuah negeri ada satu MARA Edu Biz Park. Jadi, Kapit telah dipilih untuk dibangunkan projek ini. Saya mohon apa statusnya pelaksanaan ataupun perancangan untuk melaksanakan projek ini?

Kedua, yang ada kaitan juga dengan MARA Edu Biz Park ini, telah dipohon untuk diadakan di Kapit juga sebuah Kolej Profesional Mara pada peringkat awal dahululah. Jadi kalau boleh, dibangunkan Kolej Profesional Mara ini untuk Kapit. Alangkah baik, bagus untuk anak-anak kita yang jauh di pedalaman. Jadi saya mohon penjelasan secara bertulis kepada kedua-dua perkara ini. Sebab saya akan bangkit lagi perkara ini di masa akan datang, perbincangan bajet nanti. Sekian, terima kasih.

Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasis Mas]: Yang Berhormat Menteri, soalan saya sudah disentuh dalam ucapan saya dan disentuh lagi oleh Yang Berhormat Pengkalan Chepa berkenaan dengan MPKK lantikan kerajaan negeri. Saya mahu komitmen daripada kerajaan sekali lagi bahawa MPKK akan dilantik sepenuhnya oleh kerajaan negeri sebagaimana yang ditegaskan oleh Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

Tuan Sivarasa Rasiah: Saya ambil maklum apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kapit. Soalan telah direkodkan dan kita akan bagi jawapan bertulis secepat mungkin supaya Yang Berhormat boleh ambil maklumat-maklumat ini dan menggunakan dalam perbahasan yang akan datang.

Yang Berhormat Pasir Mas baru membangkitkan isu MPKK. MPKK ini memang kita tahu akan dilantik dari segi keanggotaan seramai 13 orang itu oleh kerajaan negeri. Walau bagaimanapun, ada keputusan sekarang di peringkat Kabinet bahawa kita akan buat penambahan lima anggota lagi yang akan dilantik di peringkat pusat dan akan diberikan tanggungjawab saya masing-masing di dalam Jawatankuasa MPKK. Itu lah kedudukan sekarang.

■2210

Tuan Ahmad Fadhi bin Shaari [Pasir Mas]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah dilaksanakan di semua negeri atau di negeri tertentu sahaja?

Tuan Sivarasa Rasiah: Ini dilaksanakan di negeri-negeri yang di mana kerajaan negeri bukanlah Kerajaan Pakatan Harapan. Ini adalah untuk memastikan kita Kerajaan Pusat pun ada wakil untuk memastikan hasrat dan matlamat pembangunan di peringkat Kerajaan Pusat pun boleh disampaikan ke peringkat akar umbi. Itulah kedudukan sekarang.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, sebagai penutup, saya ingin sebut di sini Kementerian Pembangunan Luar Bandar amat peka dengan keperluan rakyat di luar bandar dan akan sentiasa berusaha untuk menaik taraf dan meningkatkan kualiti hidup bagi memenuhi keperluan sosioekonomi fizikal, rohani dan sahsiah masyarakat luar bandar selaras dengan pelan harapan pembangunan luar bandar yang bertemakan luar bandar sejahtera.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya sekali lagi ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua ahli-ahli Yang Berhormat atas teguran, pandangan dan soalan mereka yang telah bangun untuk membahaskan isu-isu yang berkaitan dengan Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima dan membenarkan permohonan daripada Kementerian Luar Negeri nombor sembilan untuk bertukar giliran menjawab menggantikan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan di nombor lapan seperti yang dijadualkan dalam susunan giliran Yang Berhormat Menteri-menteri menjawab ke atas perbahasan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas. Ada usul?

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

10.12 mlm.

Timbalan Menteri Tenaga Manusia [Dato' Mahfuz bin Haji Omar]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

"Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), tanpa menghiraukan usul yang terdahulu, saya mohon mencadangkan bahawa mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai Yang Berhormat Menteri Luar Negeri menjawab usul Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan di tangguh sehingga jam 10 pagi, hari Rabu, 31 Oktober 2018."

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ada sokongan?

Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia [Tuan Eddin Syazlee Shith]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah di persetujukan.

[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Maka dengan ini saya menjemput Yang Berhormat Kementerian Luar Negeri untuk memberikan jawapan-jawapan. Dipersilakan.

10.13 mlm.

Menteri Luar Negeri [Dato' Saifuddin Abdullah]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Saya difahamkan waktu sepatutnya kita tamat jam 10.30 malam, jadi saya tengok jam yang itu, bukan jam yang hijau. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan berbilang-bersang terima kasih kepada tiga orang Ahli Yang Berhormat yakni Yang Berhormat Arau, Yang Berhormat Kuala Kangsar dan Yang Berhormat Kuala Batas yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas yang menyentuh isu di bawah bidang kuasa Kementerian Luar Negeri.

Yang Berhormat Arau tidak berada di dalam Dewan. Beliau telah membangkitkan isu kehadiran kapal asing di kawasan perairan Laut China Selatan terutama isu kehadiran kapal *coast guard* China yang berlabuh di kawasan Beting Patinggi Ali. Yang Berhormat Arau ini telah tanya soalan ini banyak kali di dalam Dewan yang mulia ini, saya pun sudah jawab dua kali.

Tuan Yang di-Pertua, saya sekadar dengan ringkas sahaja mengatakan bahawa kita akan terus berbincang dengan kesemua sepuluh anggota ASEAN dan termasuk dengan negara China. Yang Berhormat Kepala Batas bertanya tentang mencadangkan penubuhan *Caucus* yang berasingan dalam ASEAN yang terdiri daripada lima negara penuntut iaitu Malaysia, China, Vietnam, Filipina dan Brunei. Saya hendak nyatakan bahawa dalam semangat ASEAN kita memang ada perbincangan tidak rasmi antara Menteri-menteri Luar tetapi kita tidak berhasrat untuk menubuhkan fokus yang khusus...

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Saifuddin Abdullah: Yang berasingan untuk menyelesaikan masalah keselamatan dan keamanan di Laut China Selatan.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Tuan Yang di-Pertua, minta maaf. Saya minta *ruling*, Tuan Yang di-Pertua. Perkara 13 minta cek kuorum, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ahli Yang Berhormat Jelebu, saya telah cek kuorum. Kuorum kalau ikut Peraturan Mesyuarat 13(1), "*Cukup bilang bagi Majlis Mesyuarat dan Jawatankuasa sesebuah Majlis Mesyuarat hendaklah mengandungi 26 orang ahli dengan tidak termasuk Pengerusi.*" Jumlah keseluruhan ada 29. Tidak ada masalah. *[Tepuk]* Sila teruskan Menteri.

Dato' Saifuddin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jadi Yang Berhormat Kepala Batas juga bertanya tentang perkembangan status penglibatan Malaysia dalam menangani isu penindasan etnik Rohingya susulan daripada usaha-usaha kerajaan terdahulu. Ya lah, dia dulu Timbalan Menteri Luar, ya. Contohnya tentang *field hospital* di Cox's Bazar. Saya hendak sebut dengan ringkas. Ada tiga perkara yang sedang kita laksanakan. Pertama ialah kita menyertai komuniti antarabangsa yang mencadangkan supaya penjenayah-penjenayah dalam kes yang menghalau dan membunuh dan menekan orang-orang Rohingya ini dikenal pasti dan dibawa ke pengadilan antarabangsa.

Keduanya ialah kita ingin membantu supaya repatriasi yakni proses membenarkan orang-orang Rohingya ini pulang secara sukarela, selamat dan *dignified* dengan izin, dilaksanakan. Menteri-menteri Luar ASEAN memutuskan untuk menghantar sebuah pasukan

yang dianggotai oleh Menteri Luar Singapura kerana Singapura adalah Pengerusi ASEAN, Menteri Luar Thailand kerana Thailand adalah Pengerusi ASEAN tahun hadapan dan Setiausaha Agong ASEAN untuk mencari jalan bagaimana proses itu boleh dimulakan.

Oleh sebab kalau mereka tidak pulang maka itulah yang dikehendaki oleh sesetengah pihak, berlaku dengan izin, *ethnic cleansing* dan sebagainya.

Ketiga, kita meneruskan malah meningkatkan lagi bantuan kemanusiaan dalam dua keadaan, satu ialah di luar yakni di luar negara. Di Bangladesh, khususnya di hospital medan Malaysia di Cox's Bazar. Kita telah pun buat keputusan bahawa kita bercadang untuk melanjutkan perkhidmatan hospital medan di Malaysia ini. Di samping itu kita ingin meningkatkan bantuan kemanusiaan yang sedang dijalankan di dalam negara. Yang Berhormat Kuala Kangsar menyeru agar Kerajaan Malaysia memulihkan hubungan dua hala bersama Kerajaan Arab Saudi berikutan pembatalan penubuhan *King Salman Centre*.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya tidak timbul soal memulihkan hubungan kerana hubungan dua hala antara Kerajaan Arab Saudi dan Kerajaan Malaysia berjalan dengan baik seperti biasa. Malahan kita sedang berusaha untuk meningkatkannya lagi. Sebagai contohnya saya telah bertemu dua kali dengan saudara Adel Al-Jubeir, Menteri Luar Arab Saudi. Sekali semasa di sela-sela Perhimpunan Agong PBB di New York pada 24 September yang lalu dan kali kedua ialah pada Jumaat yang lalu. Menteri Luar yang sama, Menteri Luar Saudi yang sama juga bertemu dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada hari Jumaat yang lalu.

Terbaru pada 29 Oktober, Putera Turki Mohamed bin Fahd Al Saud yang ini saya kena sebut penuh sebab dia bukan putera Turki yang seorang lagi itu. Kenapa pandang saya macam itu? Yakni utusan khas kepada Raja Arab Saudi telah melawat Malaysia dan bertemu dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Beliau menyampaikan surat jemputan daripada Raja Arab Saudi kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk melawat Arab Saudi. Dalam perbincangan itu kedua-dua pihak sekali lagi memberikan komitmen untuk kita meningkatkan kerjasama antara kedua-dua negara sebagai dua buah negara yang bersaudara.

■2220

Jadi, saya yakin hubungan antara kedua-dua pihak...

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Tuan Yang di-Pertua, saya ungkit balik *ruling* ini. Saya minta *ruling* sebab Tuan Yang di-Pertua. Saya masalahnya fasal kita *must be respectful of our Parliament system*. Cuba kita *check* balik kuorum Tuan Yang di-Pertua, saya kira tidak cukup. Tuan Yang di-Pertua kata 29, saya kira tidak cukup. Saya mohon *ruling* Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ahli Yang Berhormat, semasa kita membacakan usul tadi memang 29.

Menteri Industri Utama [Puan Teresa Kok Suh Sim]: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Yang Berhormat Menteri, saya bercakap dengan Tuan Yang di-Pertua. Kalau Tuan Yang di-Pertua kata *okay, then fine with us. I'm okay*. Kita ada empat orang di sini, *should be no problem*. Cuma saya hendakkan *clarify. I'm not asking you* Yang Berhormat Menteri. Saya tanya kepada Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Tidak apa, Tuan Yang di-Pertua menjawab Yang Berhormat.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Okey. *You* tidak payah jawablah Yang Berhormat Menteri, tunggu *you* punya *time*.

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Kenapa *you* marah-marah sangat? *Slow* sikitlah, sudah malam. *[Dewan ketawa]* *Slow* sikit, *slow* sikit. Jangan marah sangat. Boleh, saya tahu tetapi *slow* sikit, jangan marah.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Yang Berhormat Menteri sudah cakap nak habiskan sebelum 10.30 malam, kita bagi peluang.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila Yang Berhormat Menteri, teruskan menjawab.

Dato' Saifuddin Abdullah: Hai sahabat saya. [Ketawa] Yang Berhormat Kepala Batas mencadangkan supaya kerangka- ini soal konvensyen-konvensyen antarabangsa, hak asasi manusia. Yang Berhormat Kepala Batas mencadangkan supaya kerangka yang dicadangkan dilihat semula agar tidak membebankan dan tidak memberi kesulitan kepada negara. Saya ingin sebutkan di sini Tuan Yang di-Pertua, ada tiga perkara. Pertama, soal-soal *fundamental* dalam Perlembagaan, Perkara 3, Perkara 152, Perkara 153 dan kedudukan Raja Berperlembagaan dan Majlis Raja-raja tidak akan diusik sama sekali.

Kedua, proses untuk kita *ratify* dengan izin, konvensyen-konvensyen antarabangsa hak asasi manusia ini kita jalankan dengan cara yang lebih serius. Saya sendiri telah mempengerusikan beberapa mesyuarat dengan agensi-agensi peneraju konvensyen-konvensyen tersebut dan pada esok hari *insya-Allah*, Rabu 31 Oktober, saya dan beberapa orang yang termasuk satu dua Menteri yang lain akan mengadakan pertemuan dengan Peguam Negara untuk melihat proses bagaimana kita boleh *ratify* konvensyen-konvensyen antarabangsa ini.

Jadi pada saya, kita tidak akan mengetepikan apa-apa hak, apa-apa kedudukan, apa-apa institusi yang sudah termaktub dalam Perlembagaan. Ingin saya ulangkan misalnya, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ketika berucap di Persidangan Agung PBB baru-baru ini, pada suatu ketika beliau mengatakan bahawa kita memang komited untuk menandatangani enam lagi konvensyen antarabangsa hak asasi manusia tetapi pada waktu yang sama, kita akan menjalankannya dengan proses yang terbuka dengan menghormati sepenuhnya Perlembagaan, kepelbagaian agama, kaum dan suara rakyat mengenai isu-isu yang berkaitan. Saya memang simpan yang ini khas untuk Yang Berhormat Kuala Kangsar dan ini yang terakhir.

Yang Berhormat ingin bertanya, apakah rasional penubuhan *Consultative Council on Foreign Policy* atau Majlis Perundingan Dasar Luar di Kementerian Luar Negeri untuk membuat kerja Menteri serta persoalan tidak-kah kerajaan mempunyai cukup pegawai terlatih untuk melakukan tugas-tugas yang telah ternyata cemerlang sebelum Kerajaan Pakatan Harapan mentadbir. Pertama sekali, majlis ini bukan untuk buat kerja Menteri. Keduanya, pegawai-pegawai sentiasa terlibat dalam proses ini.

Malahan daripada 15 orang ahli majlis itu, selain saya dan Timbalan Menteri, tiga lagi adalah pegawai-pegawai kanan daripada kementerian. Saya tak nak berdebat sama ada sebelum ini cemerlang atau tidak, tetapi sekurang-kurangnya ini adalah suatu pendekatan baharu yang kita gunakan bahawa dalam dunia hari ini perbincangan atau syura adalah pendekatan yang sangat penting dalam proses membuat keputusan, dalam proses kita melaksanakan dasar dan program, dalam proses kita menilai dasar-dasar dan program-program yang dilaksanakan.

Perundingan ini harus dibuat secara *partnership* dengan izin, antara tiga sektor utama dalam sistem negara hari ini yakni sektor kerajaan, sektor perniagaan dan masyarakat sivil. Inilah yang digabungkan dalam majlis perundingan ini. Namun, bukan hanya dalam bentuk majlis perundingan ini, kita juga mengadakan *engagement* dengan pihak-pihak yang lain secara lebih meluas. Misalnya semalam, kita mengadakan konsultasi dengan ahli-ahli akademik dari universiti-universiti tempatan.

Kita bercadang untuk mengadakan majlis ataupun *town hall* dengan golongan korporat, dengan wanita, belia dan sebagainya. Ini semua adalah satu daripada pendekatan yang dikemukakan oleh Pakatan Harapan yakni meraikan pendapat daripada semua pemegang taruh dan cuba sedaya upaya untuk menegakkan apa yang sekarang ini disebut sebagai *participatory democracy*, apa yang sekarang ini disebut sebagai *deliberative democracy* kerana memang tuntutan hari ini begitu.

Tuntutan hari ini ialah untuk kita sentiasa *engage* dengan izin, kita sentiasa berunding dengan semua pemegang taruh, malahan Yang Berhormat Kuala Kangsar juga mungkin ingin nantinya terlibat sama ada dalam *caucus* Ahli Parlimen berkaitan dengan Dasar Luar Negeri ataupun apabila Dewan yang mulia ini menubuhkan Jawatankuasa Pemilih tentang Dasar Luar Negeri. Semua itu adalah pendekatan-pendekatan yang merujuk kepada apa yang saya sebutkan sebagai syura ataupun perundingan.

Tuan Yang di-Pertua, saya bagi bonus masa. Sebelum 10.30 malam saya tamatkan penggulungan ini. [Dewan tepuk] Terima kasih kepada semua yang melibatkan dalam perbincangan. *Assalamualaikum*.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 10.00 pagi pada hari Rabu, 31 Oktober 2018.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 10.27 malam]